Rukun Negara

Bahawasanya, Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak;

mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;

memelihara satu cara hidup demokratik;

mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dinikmati bersama secara adil dan saksama;

menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan

membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

ISBN 978-967-5842-12-2

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Setiausaha
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
Blok B5 & B6
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

Laman web: http://www.epu.gov.my
Emel: epu@epu.gov.my

Tel.: 603–8000 8000
Faks: 603–8888 3755

Dikeluarkan pada 18 Oktober 2018

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Malaysia.

Dicetak Oleh

PNMB

Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kuala Lumpur, 2018
Website: www.printnasional.com.my
Emel: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 603–9236 6895
Faks: 603–9222 4773

kajian separuh penggal
RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020

keutamaan dan penekanan baharu

"Reformasi ini perlu sekiranya Malaysia berhasrat untuk pulih, membangun semula dan muncul kembali sebagai sebuah negara yang bangga dengan pencapaian dan kemampuan untuk bersaing pada peringkat yang paling tinggi."

PRAKATA

Kegembiraan yang dirasai berikutan kejayaan kita mengambil alih Kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 yang bersejarah pada 9 Mei 2018 adalah bersyarat – reformasi dan akauntabiliti menjadi tunggak pentadbiran.

Prasyarat ini menentukan bentuk Kerajaan baharu dan rakyat yang diperintah, yang pastinya akan membuka ruang kepada dasar baharu dan reformasi institusi. Pada dasarnya, peralihan politik yang berlaku mencerminkan harapan rakyat ke arah ketelusan, akauntabiliti fiskal dan reformasi sosioekonomi yang lebih meluas.

Reformasi ini perlu sekiranya Malaysia berhasrat untuk pulih, membangun semula dan muncul kembali sebagai sebuah negara yang bangga dengan pencapaian dan kemampuan untuk bersaing pada peringkat yang paling tinggi. Harus di ingat, bahawa suatu ketika dahulu kita pernah digelar sebagai Harimau Asia. Untuk bangkit semula, kita perlu menjajar semula tumpuan dan menyesuaikan semula strategi kita.

Sehubungan itu, langkah reformasi ini termasuk menambah baik tadbir urus, mempercepat inovasi, melonjak produktiviti dan meningkatkan industri dalam rantaian nilai yang lebih tinggi. Di samping itu, usaha ini juga meliputi langkah mempertingkat kesejahteraan hidup rakyat, terutama dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) dan mencapai pertumbuhan inklusif.

Oleh itu, reformasi berani yang menyahut kehendak rakyat adalah penting untuk mencapai visi menjadi negara maju dan inklusif.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas dengan **Keutamaan dan Penekanan Baharu**, bertujuan untuk mereformasi dasar sedia ada dan menggariskan sasaran sosioekonomi yang disemak semula bagi tempoh 2018-2020. Kajian Separuh Penggal ini telah mengambil kira aspirasi Kerajaan baharu, cabaran ekonomi dan trend global semasa. Usaha akan ditumpu bagi merangsang pertumbuhan ekonomi di samping memastikan manfaat yang lebih besar kepada semua lapisan masyarakat.

Dalam hubungan ini, prinsip tadbir urus yang baik, institusi yang mantap serta integriti dan akauntabiliti yang lebih tinggi akan diperkukuh untuk meliputi seluruh pentadbiran Kerajaan baharu bagi mencegah rasuah, ketirisan, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Malaysia Baharu perlu mempamerkan kekuatan, keyakinan dan harapan. Dengan mandat yang diberikan oleh rakyat, negara ini akan maju ke hadapan dengan langkah yang yakin dan berani. Menyedari kejayaan yang telah dicapai pada masa lalu, kita pasti akan lebih cemerlang pada masa hadapan.

Dengan ini, kita mampu membina sebuah negara yang makmur, harmoni dan inklusif.

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Perdana Menteri Malaysia
Putrajaya
18 Oktober 2018

KATA ALUAN

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020: Keutamaan dan Penekanan Baharu menandakan satu detik penting dalam sejarah pembangunan negara. Bahagian pertama Kajian Separuh Penggal menilai prestasi dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2017 yang dilaksanakan di bawah Kerajaan pimpinan Barisan Nasional. Lebih penting lagi, bahagian kedua menggariskan keutamaan dan penekanan baharu untuk membina negara bagi memenuhi harapan rakyat dalam tempoh akhir Rancangan, 2018-2020 di bawah Kerajaan Pakatan Harapan. Bidang keutamaan dan strategi dalam Kajian Separuh Penggal yang berasaskan prinsip tadbir urus yang baik, institusi yang kukuh dan integriti yang lebih tinggi adalah mencerminkan aspirasi Kerajaan baharu. Usaha ini menegaskan matlamat untuk menjadi sebuah negara maju dan inklusif serta merangka hala tuju ke arah masa hadapan yang lebih baik.

Kerajaan akan mengimbangi objektif pertumbuhan ekonomi dan inisiatif pengukuhan fiskal bagi memastikan pembangunan yang berterusan dan inklusif tanpa merencatkan prospek pertumbuhan. Justeru, projek pembangunan sosioekonomi berimpak tinggi akan diteruskan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Selain itu, jurang pembangunan yang masih wujud antara negeri akan dikurangkan dengan memberi penekanan yang lebih besar kepada negeri yang kurang membangun, terutamanya Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis, bagi memastikan pertumbuhan wilayah yang lebih seimbang. Lebih banyak langkah juga akan dilaksana untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat, khususnya isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40).

Melangkah ke hadapan, kita perlu sentiasa peka terhadap risiko dalam menghadapi kemungkinan berlakunya kejutan dan ketidaktentuan ekonomi global seperti peningkatan kerentanan kewangan, perlindungan perdagangan dan ketegangan geopolitik. Risiko dan cabaran ini menekankan kepentingan mempunyai dasar ekonomi yang anjal, pengurusan kewangan awam yang kukuh dan kedudukan fiskal yang mampan. Dasar ekonomi makro perlu disesuaikan supaya mampu bertindak balas terhadap kejutan serta dapat meningkatkan daya tahan ekonomi. Namun, beberapa pengorbanan sementara diperlukan dengan pencapaian pertumbuhan ekonomi yang lebih sederhana dalam jangka pendek demi memastikan asas yang lebih kukuh ke arah pertumbuhan yang lebih mampan dan inklusif dalam jangka panjang.

Kajian Separuh Penggal ini menggariskan enam tonggak bagi menyokong pertumbuhan yang inklusif dan pembangunan yang mampan. Tonggak pertama bertujuan mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam, diikuti tonggak kedua bagi memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat. Tonggak ketiga bertujuan untuk mewujudkan pembangunan wilayah yang seimbang, sementara tonggak keempat adalah untuk memperkasa modal insan. Tonggak kelima memberi tumpuan untuk meningkatkan kemampanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau. Tonggak terakhir meletakkan asas untuk memperkukuh pertumbuhan ekonomi meliputi semua sektor ekonomi.

Marilah kita bersama-sama, Kerajaan, sektor swasta dan rakyat membingkai muafakat untuk memastikan kejayaan pelaksanaan keutamaan dan penekanan baharu ini dalam tempoh akhir Rancangan. Kerajaan baharu ini akan memastikan bahawa manfaat pembangunan akan dapat dinikmati oleh semua. Kita hendaklah terus berusaha bersungguh-sungguh dan berkhidmat dengan penuh integriti untuk menunaikan amanah yang diberi kepada kita bagi memacu negara tercinta ini ke tahap yang lebih tinggi.

MOHAMED AZMIN ALI
Menteri Hal Ehwal Ekonomi
Putrajaya
18 Oktober 2018

" Kerajaan baharu ini akan memastikan bahawa manfaat pembangunan akan dapat dinikmati oleh semua. Kita hendaklah terus berusaha bersungguh-sungguh dan berkhidmat dengan penuh integriti untuk menunaikan amanah yang diberi kepada kita bagi memacu negara tercinta ini ke tahap yang lebih tinggi. "

Isi Kandungan
Bahagian I: Prestasi, 2016-2017

BAB 1
Memperkukuh Daya Tahan Ekonomi Makro untuk Pertumbuhan Mampan

BAB 2
Teras 1: Memperkukuh Inklusiviti ke arah Masyarakat yang Saksama

BAB 3
Teras 2: Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

BAB 4
Teras 3: Meningkatkan Pembangunan Modal Insan untuk Negara Maju

BAB 5
Teras 4: Menuju ke arah Pertumbuhan Hijau bagi Meningkatkan Kemampanan dan Daya Tahan

BAB 6
Teras 5: Memperkukuh Infrastruktur bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi

BAB 7
Teras 6: Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi untuk Peningkatan Kemakmuran

BAB 8
Mentransformasi Perkhidmatan Awam untuk Produktiviti

Enam Teras Stategik

Isi Kandungan
Bahagian II: Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020

BAB 9
Memastikan Pertumbuhan Ekonomi Lebih Bermakna

BAB 10
Tonggak I: Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

BAB 11
Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

BAB 12
Tonggak III: Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang

BAB 13
Tonggak IV: Memperkasa Modal Insan

BAB 14
Tonggak V: Mempertingkat Kemampanan Alam Sekitar melalui Pertumbuhan Hijau

BAB 15
Tonggak VI: Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi

Enam Tonggak Dasar

Isi Kandungan

PERSPEKTIF MENYELURUH

Pendahuluan **O-2**

Bahagian I: Prestasi, 2016-2017 **O-4**

- Pencapaian Ekonomi
- Teras Strategik dan Pemacu Perubahan
- Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan

Bahagian II: Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020 **O-12**

- Tonggak 1
  Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam
- Tonggak 2
  Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat
- Tonggak 3
  Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang
- Tonggak 4
  Memperkasa Modal Insan
- Tonggak 5
  Mempertingkat Kemampanan Alam Sekitar melalui Pertumbuhan Hijau
- Tonggak 6
  Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi

Kesimpulan **O-27**

Bahagian I
Prestasi, 2016-2017

BAB 1
Memperkukuh Daya Tahan Ekonomi Makro untuk Pertumbuhan Mampan

Pendahuluan **1-2**

Prestasi, 2016-2017 **1-3**

- Persekitaran Ekonomi Luaran
- Ekonomi Dalam Negeri
- Sorotan
  Rancangan Malaysia Kesebelas: Outcome dan Prestasi Terpilih
- Prestasi Pemacu Perubahan: Meningkatkan Potensi Produktiviti

Isu dan Cabaran **1-14**

- Produktiviti
- Pelaburan
- Keluaran mengikut Sektor
- Ruang Fiskal

Kesimpulan **1-17**

BAB 2
Memperkukuh Inklusiviti ke arah Masyarakat yang Saksama

Pendahuluan **2-2**
Prestasi, 2016-2017 **2-3**
Prestasi Outcome Terpilih 2-3
- Sorotan
  Rancangan Malaysia Kesebelas: Outcome Terpilih dan Prestasi

Prestasi Bidang Fokus dan Pemacu Perubahan 2-6
- Bidang Fokus A
  Meningkatkan Taraf Isi Rumah B40 ke arah Masyarakat Kelas Menengah
- Bidang Fokus B
  Memperkasa Komuniti untuk Membina Masyarakat yang Produktif dan Sejahtera
- Bidang Fokus C
  Mentransformasi Luar Bandar untuk Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat
- Bidang Fokus D
  Mempercepat Pertumbuhan Wilayah ke arah Keseimbangan Geografi yang Lebih Baik
- Bidang Fokus E
  Memperkukuh Peluang Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) untuk Meningkatkan Pemilikan Kekayaan

Isu dan Cabaran **2-17**
Kesimpulan **2-19**

BAB 3
Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

Pendahuluan **3-2**
Prestasi, 2016-2017 **3-3**
Prestasi Outcome Terpilih 3-4
- Sorotan
  Rancangan Malaysia Kesebelas: Outcome Terpilih dan Prestasi

Prestasi Bidang Fokus 3-7
- Bidang Fokus A
  Mencapai Akses Sejagat kepada Penjagaan Kesihatan Berkualiti
- Bidang Fokus B
  Menyediakan Perumahan Mampu Milik yang Mencukupi dan Berkualiti kepada Isi Rumah Miskin, Berpendapatan Rendah dan Sederhana
- Bidang Fokus C
  Mewujudkan Persekitaran Hidup Lebih Selamat untuk Masyarakat yang Berdaya Maju dan Sejahtera
- Bidang Fokus D
  Meningkatkan Keselamatan Jalan Raya dan Perkhidmatan Kecemasan untuk Mengurangkan Fataliti
- Bidang Fokus E
  Membudayakan Semangat 1Malaysia bagi Memupuk Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Nasional
- Bidang Fokus F
  Menggiatkan Sukan untuk Kehidupan yang Sihat dan Memupuk Perpaduan

Isu dan Cabaran **3-14**
Kesimpulan **3-15**

BAB 4
Meningkatkan Pembangunan Modal Insan untuk Negara Maju

Pendahuluan **4-2**
Prestasi, 2016-2017 **4-3**
Prestasi Outcome Terpilih 4-3
- Sorotan
  Rancangan Malaysia Kesebelas: Outcome Terpilih dan Prestasi

Prestasi Bidang Fokus dan Pemacu Perubahan 4-5
- Bidang Fokus A
  Menambah Baik Kecekapan Pasaran Buruh untuk Meningkatkan Pertumbuhan Ekonomi
- Bidang Fokus B
  Mentransformasi TVET untuk Memenuhi Permintaan Industri
- Bidang Fokus C
  Memperkukuh Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Peningkatan Kemahiran
- Bidang Fokus D
  Meningkatkan Kualiti Pendidikan untuk Outcome Pelajar yang lebih baik dan Kecemerlangan Institusi

Isu dan Cabaran **4-10**
Kesimpulan **4-13**

BAB 5
Menuju ke arah Pertumbuhan Hijau bagi Meningkatkan Kemampanan dan Daya Tahan

Pendahuluan **5-2**
Prestasi, 2016-2017 **5-3**
Prestasi Outcome Terpilih 5-3
- Sorotan
  Rancangan Malaysia Kesebelas: Outcome Terpilih dan Prestasi

Prestasi Bidang Fokus dan Pemacu Perubahan 5-6
- Bidang Fokus A
  Memperkukuh Persekitaran yang Menyokong Pertumbuhan Hijau
- Bidang Fokus B
  Menerima Guna Konsep Penggunaan dan Pengeluaran Mampan
- Bidang Fokus C
  Memulihara Sumber Asli untuk Generasi Masa Kini dan Masa Hadapan
- Bidang Fokus D
  Memperkukuh Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim dan Bencana Alam

Isu dan Cabaran **5-14**
Kesimpulan **5-17**

BAB 6
Memperkukuh Infrastruktur bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi

Pendahuluan **6-2**
Prestasi, 2016-2017 **6-3**
Prestasi Outcome Terpilih 6-3
- Sorotan
  Rancangan Malaysia Kesebelas: Outcome Terpilih dan Prestasi

Prestasi Bidang Fokus 6-6
- Bidang Fokus A
  Membangunkan Sistem Pengangkutan Bersepadu Berdasarkan Keperluan
- Bidang Fokus B
  Meningkatkan Pertumbuhan Logistik dan Fasilitasi Perdagangan
- Bidang Fokus C
  Menambah Baik Liputan, Kualiti dan Kemampuan Langganan Infrastruktur Digital

- Bidang Fokus D
  Meneruskan Peralihan kepada Rangka Kerja Baharu Industri Perkhidmatan Air
- Bidang Fokus E
  Menggalakkan Penggunaan Tenaga Secara Mampan bagi Menyokong Pertumbuhan

Isu dan Cabaran **6-12**

Kesimpulan **6-15**

BAB 7
Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi untuk Peningkatan Kemakmuran

Pendahuluan **7-2**

Prestasi, 2016-2017 **7-3**

Prestasi Outcome Terpilih 7-3

- Sorotan
  Rancangan Malaysia Kesebelas: Outcome Terpilih dan Prestasi

Prestasi Bidang Fokus dan Pemacu Perubahan 7-6

- Bidang Fokus A
  Mentransformasikan Sektor Perkhidmatan
- Bidang Fokus B
  Memperkukuh Sektor Pembuatan
- Bidang Fokus C
  Memodenkan Sektor Pertanian
- Bidang Fokus D
  Mentransformasikan Sektor Pembinaan
- Bidang Fokus E
  Membangunkan PKS yang Dinamik
- Bidang Fokus F
  Menjana Kekayaan melalui Inovasi
- Bidang Fokus G
  Meningkatkan Daya Saing Bandar dan Pembangunan Koridor Ekonomi Wilayah

Isu dan Cabaran **7-14**

Kesimpulan **7-15**

BAB 8
Mentransformasi Perkhidmatan Awam untuk Produktiviti

Pendahuluan **8-2**

Prestasi, 2016-2017 **8-3**

Prestasi Outcome Terpilih 8-4

- Sorotan
  Rancangan Malaysia Kesebelas: Outcome Terpilih dan Prestasi

Prestasi Bidang Fokus 8-6

- Bidang Fokus A
  Mempertingkat Penyampaian Perkhidmatan dengan Mengutamakan Rakyat
- Bidang Fokus B
  Merasionalisasikan Institusi Sektor Awam untuk Meningkatkan Produktiviti dan Prestasi
- Bidang Fokus C
  Memperkukuh Pengurusan Bakat untuk Perkhidmatan Awam Masa Hadapan
- Bidang Fokus D
  Mempertingkat Pengurusan Projek untuk Mencapai Outcome yang Lebih Baik dan Cepat
- Bidang Fokus E
  Memanfaatkan Pihak Berkuasa Tempatan bagi Menyediakan Perkhidmatan Berkualiti pada Peringkat Tempatan

Isu dan Cabaran **8-12**

Kesimpulan **8-13**

Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan, 2016-2017 **F-1**

Bahagian II
Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020

BAB 9
Memastikan Pertumbuhan Ekonomi Lebih Bermakna

Pendahuluan **9-2**
Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020 **9-4**
- Persekitaran Ekonomi Luaran
- Strategi Ekonomi Makro
- Ekonomi Dalam Negeri

Kesimpulan **9-17**

BAB 10
Tonggak I: Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

Pendahuluan **10-2**
Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020 **10-4**
- Sasaran Terpilih, 2020

Bidang Keutamaan A: 10-6
Menambah Baik Tadbir Urus pada Semua Peringkat
- Strategi A1:
  Memperkukuh Mekanisme Semak dan Imbang
- Strategi A2:
  Menambah Baik Hubungan antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan
- Strategi A3:
  Mereformasi Sistem Politik

Bidang Keutamaan B: 10-8
Meningkatkan Integriti dan Akauntabiliti
- Strategi B1:
  Memperkukuh Agenda Pencegahan Rasuah
- Strategi B2:
  Meningkatkan Ketelusan
- Strategi B3:
  Memupuk Nilai Murni dan Amalan Kerja Beretika

Bidang Keutamaan C: 10-11
Menguatkuasakan Pelaksanaan Pengurusan Kewangan Awam Secara Berhemat
- Strategi C1:
  Mempertingkat Sistem Belanjawan
- Strategi C2:
  Menambah Baik Pengurusan Perolehan
- Strategi C3:
  Memperkukuh Rangka Kerja Pengurusan Prestasi, Pemantauan dan Penilaian

Bidang Keutamaan D: 10-15
Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Awam
- Strategi D1:
  Mereformasi Institusi Sektor Awam
- Strategi D2:
  Memperkemas Semula Perkhidmatan yang Disediakan
- Strategi D3:
  Memperkasa Pihak Berkuasa Tempatan

Kesimpulan **10-21**

BAB 11
Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

Pendahuluan **11-2**
Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020 **11-4**
- Sasaran Terpilih, 2020

Bidang Keutamaan A: 11-7
Memperkukuh Inklusiviti ke arah Masyarakat yang Saksama
- Strategi A1:
  Meningkatkan Pendapatan dan Kuasa Beli Isi Rumah B40
- Strategi A2:
  Memperkukuh Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC)
- Strategi A3:
  Memperkasa Kumpulan Minoriti
- Strategi A4:
  Menangani Keperluan Kumpulan Sasar Khusus

Bidang Keutamaan B: 11-18
Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat
- Strategi B1:
  Meningkatkan Kuasa Beli Rakyat
- Strategi B2:
  Menyediakan Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti
- Strategi B3:
  Memperkukuh Sistem Penyampaian Penjagaan Kesihatan
- Strategi B4:
  Menjadikan Negara Lebih Selamat dan Terjamin
- Strategi B5:
  Menggalakkan Nilai Murni dan Gaya Hidup Aktif

Kesimpulan **11-27**

BAB 12
Tonggak III: Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang

Pendahuluan **12-2**
Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020 **12-3**
- Sasaran Terpilih, 2020

Bidang Keutamaan A: 12-6
Memperkukuh Pembangunan Ekonomi Wilayah
- Strategi A1:
  Memperkukuh dan Memperkemas Perancangan Pembangunan Negeri dan Wilayah
- Strategi A2:
  Memoden dan Mempelbagai Asas Ekonomi
- Strategi A3:
  Menggalakkan Bandar yang Berdaya Saing
- Strategi A4:
  Memperkukuh Kerjasama Serantau ASEAN

Bidang Keutamaan B: 12-16
Merapatkan Jurang Pembangunan antara Bandar dan Luar Bandar
- Strategi B1:
  Mempertingkat Infrastruktur Luar Bandar
- Strategi B2:
  Menambah Baik Hubung Kait antara Bandar dan Luar Bandar
- Strategi B3:
  Mewujudkan Aktiviti Ekonomi Setempat di Luar Bandar

Bidang Keutamaan C: 12-20
Mempercepat Pembangunan di Sabah dan Sarawak
- Strategi C1:
  Mempergiat Pertumbuhan Ekonomi dan Perancangan Pembangunan
- Strategi C2:
  Mempertingkat Infrastruktur untuk Menambah Baik Ketersambungan
- Strategi C3:
  Memperluas Akses kepada Infrastruktur, Ameniti dan Perkhidmatan Asas
- Strategi C4:
  Menambah Peluang Pekerjaan
- Strategi C5:
  Meningkatkan Pembangunan Tanah Adat

Kesimpulan **12-25**

BAB 13
Tonggak IV: Memperkasa Modal Insan

Pendahuluan **13-2**

Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020 **13-3**

- Sasaran Terpilih, 2020

Bidang Keutamaan A: 13-5
Mereformasi Pasaran Buruh

- Strategi A1:
  Menjana Pekerjaan Berkemahiran
- Strategi A2:
  Meningkatkan Gaji dan Upah
- Strategi A3:
  Menambah Baik Pengurusan Pekerja Asing
- Strategi A4:
  Menambah Baik Keadaan Pasaran Buruh

Bidang Keutamaan B: 13-7
Menambah Baik Kecekapan dan Produktiviti Buruh

- Strategi B1:
  Memperkukuh Hak Pekerja
- Strategi B2:
  Meningkatkan Penyertaan Wanita dalam Tenaga Buruh

Bidang Keutamaan C: 13-9
Meningkatkan Akses kepada Pendidikan dan Latihan yang Berkualiti

- Strategi C1:
  Meningkatkan Kualiti Pendidikan
- Strategi C2:
  Mengutamakan Kualiti Berbanding Kuantiti dalam TVET
- Strategi C3:
  Menambah Baik Pendidikan untuk Semua Rakyat

Bidang Keutamaan D: 13-14
Memupuk Jalinan Industri-Akademia yang Lebih Kukuh

- Strategi D1:
  Membangunkan Kemahiran yang Relevan dengan Industri
- Strategi D2:
  Menggalakkan Sumbangan Masyarakat dan Industri

Kesimpulan **13-17**

BAB 14
Tonggak V: Mempertingkat Kemampanan Alam Sekitar melalui Pertumbuhan Hijau

Pendahuluan **14-2**

Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020 **14-4**

- Sasaran Terpilih, 2020

Bidang Keutamaan A: 14-7
Memperkukuh Tadbir Urus

- Strategi A1:
  Memperkukuh Rangka Kerja Dasar, Perundangan dan Institusi
- Strategi A2:
  Menambah Baik Kapasiti dan Keupayaan, Penguatkuasaan dan Pemantauan
- Strategi A3:
  Meningkatkan Kesedaran dan Memupuk Rasa Tanggungjawab Bersama

Bidang Keutamaan B: 14-10
Memulihara Sumber Asli

- Strategi B1:
  Memulihara Kawasan Terestrial dan Air Daratan
- Strategi B2:
  Memulihara Ekosistem Pesisir Pantai dan Marin
- Strategi B3:
  Meningkatkan Punca Pendapatan dan Kapasiti Orang Asli dan Masyarakat Setempat

Bidang Keutamaan C: 14-14
Menangani Perubahan Iklim dan Mengurangkan Risiko Bencana

- Strategi C1:
  Mempergiat Tindakan Mitigasi Perubahan Iklim
- Strategi C2:
  Mempertingkat Tindakan Adaptasi Perubahan Iklim
- Strategi C3:
  Memperkukuh Pengurusan Risiko Bencana

Kesimpulan **14-19**

BAB 15
Tonggak VI: Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi

Pendahuluan **15-2**

Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020 **15-4**

- Sasaran Terpilih, 2020

Bidang Keutamaan A: 15-7
Memperkukuh Pertumbuhan Sektoral dan Mereformasi Struktur

- Strategi A1:
  Mempertingkat Pertumbuhan Sektoral melalui Peningkatan Produktiviti
- Strategi A2:
  Meningkatkan Keupayaan Eksport
- Strategi A3:
  Menambah Baik Kecekapan Pasaran
- Strategi A4:
  Memudah Cara Urusan Menjalankan Perniagaan

Bidang Keutamaan B: 15-15
Mempercepat Inovasi dan Penerimagunaan Teknologi

- Strategi B1:
  Memanfaatkan Revolusi Perindustrian Keempat
- Strategi B2:
  Meningkatkan Penerimagunaan Teknologi
- Strategi B3:
  Menjajarkan Penyelidikan dan Inovasi
- Strategi B4:
  Meningkatkan Pembangunan Kapasiti

Bidang Keutamaan C: 15-22
Menyediakan Infrastruktur Berkualiti

- Strategi C1:
  Membangunkan Sistem Pengangkutan Bersepadu
- Strategi C2:
  Memperkukuh Logistik dan Fasilitasi Perdagangan
- Strategi C3:
  Menambah Baik Infrastruktur Digital
- Strategi C4:
  Menambah Baik Perkhidmatan Air
- Strategi C5:
  Memampankan Bekalan Tenaga

Kesimpulan **15-29**

LAMPIRAN

Jadual dan Carta A-2
Glosari A-25
Indeks A-36
Carta Organisasi Kementerian Hal Ehwal Ekonomi A-57

Perspektif Menyeluruh

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Keutamaan dan Penekanan Baharu

Pendahuluan

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, merupakan fasa terakhir ke arah mencapai negara maju dan inklusif selaras dengan Wawasan 2020. RMKe-11 yang bertemakan 'Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat' memberi tumpuan kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-11 ini melaporkan prestasi yang telah dicapai dalam tempoh 2016-2017 dan menggariskan dasar serta strategi sosioekonomi yang dijajar semula untuk tempoh 2018-2020 dengan mengambil kira keutamaan Kerajaan baharu berikutan Pilihanraya Umum ke-14. Kerajaan komited untuk menambah baik tadbir urus dan ketelusan dalam memastikan kesejahteraan rakyat yang lebih baik.

Dokumen KSP RMKe-11 terbahagi kepada dua bahagian dengan Bahagian I melaporkan prestasi outcome terpilih, sasaran, strategi dan inisiatif sepanjang tempoh kajian semula, 2016-2017. Sementara itu, Bahagian II melakarkan hala tuju ke arah Malaysia yang lebih baik dalam tempoh akhir Rancangan, 2018-2020. Dalam hal ini, keutamaan dan penekanan baharu berasaskan enam tonggak akan tertumpu kepada mereformasi tadbir urus dan menambah baik penyampaian perkhidmatan awam, meningkatkan pembangunan inklusif dan kesejahteraan, menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang, memperkasa modal insan, memastikan kemampanan alam sekitar dan memperkukuh pertumbuhan ekonomi.

Enam Tonggak Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas
TONGGAK I
Mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam
TONGGAK II
Memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat
TONGGAK III
Menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang
TONGGAK IV
Memperkasa modal insan
TONGGAK V
Mempertingkat kemampanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau
TONGGAK VI
Memperkukuh pertumbuhan ekonomi

Bahagian I: Prestasi, 2016-2017

Dalam tempoh kajian semula, ekonomi negara mencatat pertumbuhan sederhana dengan sokongan permintaan dalam negeri yang kukuh walaupun persekitaran global adalah mencabar. Pertumbuhan ekonomi dan pelbagai program berpaksikan rakyat telah memberi manfaat dan meningkatkan kesejahteraan rakyat dari segi pendapatan yang lebih tinggi, peluang pekerjaan yang lebih baik, penjagaan kesihatan yang lebih berkualiti, perumahan mampu milik yang lebih banyak dan persekitaran hidup yang lebih selamat. Walau bagaimanapun, ketidaksamaan sosioekonomi merentas negeri, kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan belia dan kos sara hidup yang meningkat merupakan antara beberapa isu yang menyebabkan pertumbuhan kurang dirasai oleh rakyat. Keadaan ini mengakibatkan objektif ke arah menjadi negara maju dan inklusif kurang bermakna.

Pencapaian Ekonomi

Dalam tempoh kajian semula, ekonomi negara mencatat pertumbuhan purata sebanyak 5.1% setahun, berada dalam sasaran asal antara 5% hingga 6%. Walaupun berhadapan dengan persekitaran luar yang mencabar berikutan permintaan global yang sederhana dan harga komoditi yang rendah, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada tahun 2016 mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 4.2% yang disokong oleh asas ekonomi yang kukuh. Pertumbuhan terus mengukuh pada kadar 5.9% pada tahun 2017 berikutan pemulihan ekonomi global serta didorong terutama oleh permintaan dalam negeri dan pertumbuhan secara menyeluruh dalam semua sektor ekonomi. Sektor luar turut menyumbang secara positif kepada ekonomi melalui perdagangan global yang mengembang lebih kukuh dan pemulihan harga komoditi. Inflasi kekal terkawal pada kadar purata sebanyak 2.9% setahun sementara ekonomi terus berada dalam guna tenaga penuh. Akaun semasa imbangan pembayaran terus mencatat lebihan meskipun semakin mengecil.

Isu struktur ekonomi, termasuk kebergantungan kepada faktor pengeluaran tradisional dan kurangnya tumpuan terhadap produktiviti bagi memacu pertumbuhan terus memberi kesan kepada pengembangan ekonomi. Pelaburan lebih tertumpu kepada struktur fizikal berbanding jentera dan peralatan yang diperlukan untuk melonjakkan keupayaan produktif ekonomi. Selain itu, industri masih berada pada tahap rantaian nilai pengeluaran yang rendah dan oleh itu tidak dapat mewujudkan lebih banyak pekerjaan dalam kategori mahir. Di samping itu, ruang fiskal yang kecil mengekang Kerajaan untuk membiayai program dan projek pembangunan.

Teras Strategik dan Pemacu Perubahan

RMKe-11 mengandungi enam teras strategik dan enam pemacu perubahan bagi meneraju peralihan ke arah mencapai negara maju dan inklusif. Teras strategik ini bertujuan untuk menangani cabaran dalam pembangunan sosial, ekonomi dan alam sekitar serta mempercepat pertumbuhan ekonomi bagi memenuhi keperluan rakyat. Teras strategik dan pemacu perubahan adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan I*.

Paparan I

Teras Strategik dan Pemacu Perubahan

1

Memperkukuh **inklusiviti** ke arah masyarakat yang saksama

Pemacu Perubahan

- Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah

2

Meningkatkan **kesejahteraan** rakyat

3

Meningkatkan **pembangunan modal insan** untuk negara maju

Pemacu Perubahan

- Mengupayakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang diterajui industri

4

Menuju **pertumbuhan hijau** bagi meningkatkan kemampanan dan daya tahan

Pemacu Perubahan

- Melaksana pertumbuhan hijau

5

Memperkukuh **infrastruktur** bagi menyokong pertumbuhan ekonomi

6

Merekayasa **pertumbuhan ekonomi** untuk peningkatan kemakmuran

Pemacu Perubahan

- Meningkatkan potensi produktiviti
- Menjana kekayaan melalui inovasi
- Melabur dalam bandar berdaya saing

Kajian Semula Teras Strategik

Teras 1

Teras 1, **memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama,** bertujuan untuk memastikan semua kumpulan masyarakat mengambil bahagian dalam ekonomi dan memperoleh manfaat daripada kemakmuran ekonomi tanpa mengira jantina, etnik, status sosioekonomi dan lokasi geografi. Di bawah pendekatan pembangunan inklusif, teras ini memberi penekanan kepada penyediaan peluang yang saksama kepada isi rumah untuk meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan di samping menangani ketidaksamarataan pendapatan. Secara khusus, teras ini memberi tumpuan untuk meningkatkan pendapatan kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40), memperkasa masyarakat, mentransformasi kawasan luar bandar, mempercepat pertumbuhan wilayah dan memperkukuh Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC). Dalam tempoh kajian semula, ketidaksamarataan pendapatan secara keseluruhan terus berkurang berikutan peningkatan pendapatan bulanan isi rumah B40. Indeks Kesejahteraan Keluarga 2016 yang mengukur kesejahteraan keluarga bertambah baik, namun pada kadar yang sederhana.

Kualiti hidup masyarakat luar bandar telah dipertingkat melalui penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan asas serta peluang ekonomi yang bertambah baik. Usaha untuk mengurangkan ketidaksamaan antara wilayah telah menghasilkan kemasukan pelaburan yang lebih tinggi dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di lima koridor ekonomi wilayah. Inisiatif dan program bagi memperkukuh BEC telah meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam keusahawanan dan pekerjaan mahir. Di sebalik kemajuan yang dicapai, masih wujud isu dan cabaran dalam memperkukuh inklusiviti untuk rakyat. Isu dan cabaran ini termasuk penyertaan ekonomi yang rendah dalam kalangan isi rumah B40, pemilikan aset kewangan dan bukan kewangan Bumiputera yang terhad, pertambahan populasi yang semakin menua dan ketidaksamaan antara negeri dan wilayah serta kawasan bandar dan luar bandar.

Teras 2

Teras 2, **meningkatkan kesejahteraan rakyat**, menetapkan sasaran untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat tanpa mengira latar belakang sosioekonomi dan lokasi geografi. Dalam hal ini, tumpuan diberi untuk meningkatkan penjagaan kesihatan yang berkualiti, menyediakan perumahan mampu milik, melaksana pelbagai program pencegahan jenayah dan keselamatan jalan raya, memupuk kesepaduan sosial dan perpaduan nasional serta menggalakkan gaya hidup aktif. Penyediaan penjagaan kesihatan yang berkualiti dengan kos berpatutan telah meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Program perumahan mampu milik, terutama perumahan awam, telah menyumbang kepada peningkatan pemilikan rumah dalam kalangan isi rumah miskin serta berpendapatan rendah dan sederhana. Sementara itu, langkah pencegahan jenayah telah mengurangkan jenayah indeks dan meningkatkan persepsi rasa selamat. Inisiatif dan program untuk meningkatkan keselamatan jalan raya telah mengurangkan kadar kemalangan.

Pelbagai program telah dilaksana bagi memupuk kesepaduan sosial dan perpaduan nasional yang lebih baik dalam kalangan rakyat. Dalam hal ini, Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Kuala Lumpur 2017 telah menarik penyertaan lebih daripada 10,000 sukarelawan dan menyatukan rakyat daripada semua lapisan masyarakat. Di samping itu, penyertaan masyarakat yang lebih meluas dalam pelbagai aktiviti sukan dan pencapaian yang membanggakan oleh atlet kebangsaan pada peringkat antarabangsa telah mendorong lebih ramai rakyat terlibat dalam sukan. Sementara itu, masih wujud kebimbangan dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat terutama kenaikan harga rumah, peningkatan beban penyakit, pertambahan penagih dadah baharu dan ancaman jenayah siber.

Teras 3

Teras 3, **meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju**, bertujuan untuk menghasilkan modal insan yang memiliki pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian untuk berjaya dalam ekonomi global. Malaysia terus mencatat guna tenaga penuh dengan produktiviti buruh yang meningkat. Di samping itu, pengambilan pelajar dalam program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) telah meningkat berikutan usaha berterusan dalam mempromosi TVET menerusi pelbagai program dan inisiatif. Sistem akreditasi yang diharmoni telah dibangun dan disepadukan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia yang disemak semula. Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 telah dipinda untuk memperluas liputan kepada lebih banyak subsektor perkhidmatan, justeru meningkatkan jumlah pekerja yang layak untuk menjalani latihan di bawah Tabung Pembangunan Sumber Manusia. Sementara itu, enrolmen dalam pendidikan rendah, menengah dan semua peringkat pengajian di institusi pendidikan tinggi (IPT) telah meningkat manakala lebih banyak universiti awam telah diberi status autonomi, iaitu sebanyak 17 daripada 20 universiti awam.

Beberapa isu dan cabaran terus mengekang pembangunan modal insan termasuk pewujudan pekerjaan yang tidak mencukupi dalam kategori mahir, kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah dan guna tenaga tidak penuh dalam kalangan siswazah. Sementara itu, lanskap TVET adalah tidak bersepadu kerana program TVET ditawarkan oleh pelbagai institusi termasuk agensi di bawah kementerian yang berbeza, pusat pembangunan kemahiran negeri dan institusi swasta. Program TVET yang ditawarkan pada kebiasaannya adalah hampir sama, namun mempunyai dua standard akreditasi yang berbeza serta kurang bidang pengkhususan. Pada masa yang sama, prestasi murid dalam dua penilaian pada peringkat antarabangsa, iaitu *Trend in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Students Assessment* (PISA) yang masih di bawah paras purata telah mencetuskan kebimbangan terhadap kualiti pendidikan asas. Selain itu, aktiviti untuk penyelidikan, pembangunan dan inovasi adalah tidak terselaras dan berasingan akibat kurangnya kerjasama antara IPT awam dan institusi penyelidikan serta industri.

Teras 4

Teras 4, **menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi mempertingkat kemampanan dan daya tahan**, memberi tumpuan kepada kepentingan sumber asli dan kemampanan alam sekitar dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan daya tahan negara terhadap perubahan iklim dan bencana. Beberapa perundangan, dasar dan pelan tindakan baharu telah diperkenal manakala mekanisme pembiayaan sedia ada diperkukuh untuk menyokong pelaksanaan inisiatif hijau. Di samping itu, usaha telah diambil untuk menggalakkan penerimagunaan konsep penggunaan dan pengeluaran mampan (SCP) merentas sektor ekonomi termasuk pelaksanaan inisiatif perolehan hijau Kerajaan (GGP) bagi merangsang pertumbuhan pasaran hijau.

Langkah mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim serta mengurangkan risiko bencana turut dilaksana. Jumlah kapasiti terpasang tenaga boleh baharu telah meningkat dalam tempoh kajian semula. Sementara itu, *Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool* telah diterima guna untuk menggalakkan pembinaan bangunan mesra alam. Penubuhan Agensi Pengurusan Bencana Negara pula telah memperkukuh pengurusan risiko bencana. Di samping itu, Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan, 2016-2025, telah dirangka untuk memastikan pemuliharaan dan penggunaan sumber secara mampan. Lebih banyak kawasan terestrial dan air daratan serta pesisir pantai dan marin telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan. Walau bagaimanapun, beberapa isu dan cabaran masih perlu ditangani untuk terus mempercepat pertumbuhan hijau. Isu dan cabaran ini termasuk berkaitan tadbir urus, teknologi dan produk hijau yang terhad, kemerosotan sumber asli serta isu berkaitan alam sekitar seperti pencemaran, perubahan iklim dan risiko bencana.

Teras 5

Teras 5, **memperkukuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi**, menyediakan asas untuk memperkukuh pengembangan ekonomi dan menyediakan persekitaran yang boleh menyokong pertumbuhan. Pelaburan yang besar dalam infrastruktur bertujuan untuk memastikan akses yang lebih baik kepada perkhidmatan, utiliti dan kemudahan asas. Pelaburan ini telah menyediakan sistem pengangkutan yang lebih bersepadu, meningkatkan kecekapan sektor logistik, menambah baik liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar serta memperluas akses kepada bekalan air bersih dan elektrik. Dua projek infrastruktur utama telah siap dalam tempoh kajian semula, iaitu Transit Aliran Massa 1 (MRT 1) dan Transit Aliran Ringan 2 (LRT 2).

Fasiliti terapung gas asli cecair milik PETRONAS yang terletak di luar pesisir pantai Bintulu, Sarawak telah beroperasi pada tahun 2016 dan pembinaan Terminal Regasifikasi 2 di Pengerang, Johor yang siap pada tahun 2017 telah memperkukuh jaminan bekalan tenaga. Walau bagaimanapun, pembangunan infrastruktur terus terjejas disebabkan oleh isu dan cabaran, seperti kekurangan penyelarasan dalam sektor pengangkutan dan tenaga serta kemampanan kewangan dalam perkhidmatan air dan syarat kawal selia berkaitan infrastruktur jalur lebar. Perkongsian mod pengangkutan awam masih rendah meskipun rangkaian pengangkutan awam telah bertambah baik. Keadaan ini disebabkan, antara lain, oleh ketidakcukupan ketersambungan batuan pertama dan terakhir serta sikap masyarakat yang keberatan untuk beralih kepada mod pengangkutan awam.

Teras 6

Teras 6, **merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran**, merangka strategi untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi yang dipacu oleh aktiviti bernilai tinggi dan berintensifkan pengetahuan. Sebahagian besar sektor mencatat pertumbuhan dengan sektor pembuatan mencapai kadar pertumbuhan melebihi sasaran. Pertumbuhan ini disumbang terutama oleh subsektor elektrikal dan elektronik, kimia dan produk kimia serta kelengkapan pengangkutan. Sementara itu, pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan didorong terutama oleh subsektor perdagangan borong dan runcit berikutan sentimen pengguna dan keadaan pasaran yang lebih baik. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan dipacu oleh pelaksanaan projek besar berkaitan petrokimia, pengangkutan dan utiliti. Peningkatan produktiviti telah dicatat dalam sebilangan besar sektor, sebahagiannya disumbang oleh penggunaan jentera baharu dan teknologi yang inovatif. Walau bagaimanapun, ketidakstabilan harga komoditi global serta keadaan cuaca yang tidak menentu telah menyebabkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam sektor pertanian.

Dalam tempoh kajian semula, pertumbuhan nilai ditambah bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebanyak 6.2% adalah melebihi KDNK nasional sebanyak 5.1%. Pertumbuhan ini sebahagian besar dipacu oleh subsektor perdagangan borong dan runcit serta makanan dan minuman. PKS juga menyumbang secara positif kepada pertumbuhan guna tenaga dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan. Walau bagaimanapun, sumbangan PKS kepada KDNK dan eksport kekal rendah. Cabaran yang berterusan dalam sektor ekonomi seperti rangka kerja kawal selia yang rumit, produktiviti yang rendah, kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah dan penerimagunaan teknologi yang rendah masih menjadi kebimbangan. Di samping itu, masih terdapat jurang dalam kemahiran khusus yang diperlukan oleh tenaga kerja untuk memanfaatkan kemajuan teknologi. Usaha pengantarabangsaan turut dikekang oleh kekurangan kefahaman mengenai pasaran luar negara, jaringan kerjasama yang terhad dan ketidakupayaan untuk bersaing.

Mentransformasi Perkhidmatan Awam untuk Produktiviti

Selain daripada enam teras strategik, pelbagai program dan inisiatif telah dilaksana bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan awam melalui peluasan jangkauan perkhidmatan kepada rakyat. Penekanan yang lebih diberi kepada usaha mentransformasi sektor awam supaya lebih berpaksikan rakyat menerusi pendekatan keseluruhan kerajaan. Objektif penekanan ini adalah untuk menjadikan perkhidmatan awam mempunyai struktur yang kejat dan dinamik, bakat yang kompeten, sistem pengurusan projek yang berkesan dan pihak berkuasa tempatan yang cekap. Dalam hal ini, perkhidmatan awam telah mengambil pendekatan yang kreatif dan inovatif bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan sistem penyampaian pada semua peringkat.

Kemajuan telah dicatat dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan awam. Sorotan pencapaian utama termasuk penggabungan 508 perkhidmatan pihak berkuasa pelesenan melalui gerbang tunggal portal MalaysiaBiz serta ketersediaan 174 aplikasi mudah alih bagi perkhidmatan kerajaan. Sementara itu, 252 skim perkhidmatan telah dirasionalisasi kepada 240 skim bagi tujuan mewajarkan saiz perkhidmatan awam. Selain itu, ekspektasi komuniti juga dijadikan sebagai satu daripada indikator dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) bagi menunjukkan usaha pihak berkuasa tempatan dalam memenuhi keperluan rakyat. Walaupun terdapat kemajuan, masih wujud beberapa isu yang perlu ditangani berkaitan dengan ketelusan, integriti dan akauntabiliti serta harapan rakyat yang lebih tinggi terhadap kualiti perkhidmatan awam.

Kajian Semula Pemacu Perubahan

Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah. Pendapatan purata bulanan isi rumah B40 telah meningkat daripada RM2,537 pada tahun 2014 kepada RM2,848 pada tahun 2016 manakala pendapatan penengah isi rumah meningkat daripada RM2,629 kepada RM3,000. Dari segi strata, pendapatan purata bulanan isi rumah B40 di luar bandar meningkat daripada RM1,760 kepada RM1,969 sementara pendapatan bulanan penengah meningkat daripada RM1,797 kepada RM2,012 dalam tempoh yang sama. Pendapatan purata bulanan isi rumah B40 di bandar pula meningkat daripada RM2,928 kepada RM3,262 sementara pendapatan bulanan penengah meningkat daripada RM3,095 kepada RM3,367. Pendapatan yang bertambah baik ini mencerminkan kejayaan keseluruhan bagi inisiatif yang diambil untuk meningkatkan pendapatan isi rumah B40.

Mengupayakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional yang diterajui industri. Institusi TVET daripada pelbagai kementerian telah bekerjasama dengan industri untuk memacu lebih banyak usaha sama dalam memastikan kualiti lepasan TVET. Sistem Latihan Dual Nasional yang menyediakan tempat latihan berorientasikan industri telah memberi manfaat kepada 20,975 pelatih pada tahun 2017. Sistem akreditasi yang diharmoni telah dibangunkan sebagai panduan yang jelas mengenai laluan pendidikan dalam akademik dan TVET serta mewujudkan definisi seragam untuk TVET. Di samping itu, TVET Malaysia telah dilancarkan untuk memperkemas pengurusan dan pelaksanaan program TVET oleh pelbagai kementerian.

Melaksana pertumbuhan hijau. Inisiatif GGP telah dilaksana oleh semua kementerian dan agensi pada tahun 2017 melibatkan 20 produk dan perkhidmatan. Nilai GGP meningkat daripada RM137.7 juta pada tahun 2016 kepada RM286.3 juta pada tahun 2017. Di samping itu, sukuk hijau pertama dengan nilai terbitan permulaan sebanyak RM250 juta telah dilancarkan pada tahun 2017 dan diikuti dengan terbitan tambahan sebanyak RM1 bilion. Sementara itu, kadar kitar semula sisa isi rumah meningkat daripada 15.7% pada tahun 2015 kepada 24.6% pada tahun 2017. *Roadmap for System of Environmental-Economic Accounting*, 2016-2020 juga telah dirangka untuk mengukur keberkesanan dasar pembangunan terutama daripada segi penggunaan sumber asli. Kajian Awal Pengurusan Permintaan Tenaga telah siap pada tahun 2017 dan dijadikan sebagai panduan bagi penyediaan pelan induk pengurusan permintaan tenaga yang menyeluruh. Pelan induk ini akan merangkumi keseluruhan spektrum sektor tenaga termasuk tenaga elektrik dan termal serta penggunaan tenaga dalam sektor pengangkutan.

Meningkatkan potensi produktiviti. Blueprint Produktiviti Malaysia telah dilancarkan pada tahun 2017 untuk melonjakkan produktiviti nasional. Blueprint tersebut mengandungi strategi yang menyeluruh dan pelan tindakan terperinci dengan sasaran dan garis masa yang spesifik bagi pelaksanaan inisiatif produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan. Dalam tempoh kajian semula, produktiviti pelbagai faktor menyumbang sebanyak 37.8% kepada pertumbuhan ekonomi, lebih rendah daripada sasaran 40% tetapi lebih baik berbanding 23.7% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh. Produktiviti buruh negara telah meningkat daripada RM75,634 bagi setiap pekerja pada tahun 2015 kepada RM81,268 pada tahun 2017, menunjukkan pertumbuhan purata sebanyak 3.7% setahun. Peningkatan tersebut dipacu oleh intensiti modal yang lebih tinggi dalam ekonomi, menyebabkan pertumbuhan guna tenaga yang lebih rendah khususnya dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.

Menjana kekayaan melalui inovasi. Pelbagai inisiatif telah dilaksana untuk menggalakkan inovasi pada peringkat perusahaan dan masyarakat. Inovasi pada peringkat perusahaan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan penyelidikan berasaskan permintaan terutama melalui kerjasama industri dengan akademia serta penyediaan insentif dalam bentuk geran separa untuk membantu syarikat tempatan meningkatkan inovasi dan daya saing. Dalam tempoh kajian semula, kerjasama melalui pelbagai perantara memberi manfaat kepada 1,196 syarikat manakala penyediaan Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan dan Dana Perolehan Teknologi memberi manfaat kepada 74 syarikat. Sementara itu, inovasi pada peringkat masyarakat telah dipertingkat melalui pendekatan keseluruhan masyarakat dengan pelaksanaan 164 projek inovasi sosial dan pengenalan model pembiayaan sosial.

Melabur dalam bandar berdaya saing. Kajian Pelan Induk Daya Saing Bandar yang dilaksana bagi empat bandar utama iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu berada pada pelbagai peringkat pelaksanaan. Pada masa yang sama, beberapa inisiatif telah dilaksana untuk meningkatkan daya saing bandar utama termasuk penyediaan pengangkutan awam yang lebih baik, pembinaan lebih banyak perumahan mampu milik, peluasan inisiatif pendigitalan dan penambahbaikan pengurusan sisa. Inisiatif ini akan meningkatkan lagi daya huni dan merangsang pertumbuhan ekonomi di bandar tersebut.

Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan

Malaysia sentiasa menerima pakai pembangunan mampan dalam agenda nasional. Dalam hal ini, komitmen kepada Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan (Agenda 2030) telah dijajarkan dengan strategi dan inisiatif RMKe-11 bagi menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Fasa pertama pelan hala tuju sedang dibangunkan untuk menyediakan panduan bagi kelancaran pelaksanaan 17 SDG. Pelan hala tuju tersebut mengambil kira kapasiti dan keupayaan negara dalam mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan dalam Agenda 2030. Penjajaran SDG kepada teras RMKe-11 adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Kotak I*.

Kotak I

Penjajaran SDG kepada Teras Strategik Rancangan Malaysia Kesebelas

Bahagian II: Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020

Prestasi ekonomi pada peringkat makro adalah baik dalam tempoh kajian semula. Namun, ketidaksamaan merentas negeri dan tahap pendapatan yang rendah dalam kalangan isi rumah B40 serta isu struktur dalam ekonomi yang berpanjangan masih berterusan. Walaupun kadar inflasi secara relatif adalah rendah, kos sara hidup semakin meningkat dan terus membebankan isi rumah B40. Kadar pengangguran dalam kalangan belia adalah tinggi secara relatif walaupun negara mencapai guna tenaga penuh. Dari segi struktur, kebanyakan industri masih berada pada tahap yang rendah dalam rantaian nilai pengeluaran walaupun pelbagai insentif telah disediakan, seterusnya mengehadkan pewujudan pekerjaan dalam kategori mahir. Keadaan ini bertambah teruk berikutan akses yang mudah kepada pekerja asing berkemahiran rendah yang menghalang industri beralih kepada intensif modal dan seterusnya menjejaskan pertumbuhan upah.

Cabaran ini, antara lain telah memberi kesan kepada kuasa beli dan kesejahteraan rakyat serta menjejaskan usaha ke arah mencapai negara maju dan inklusif. Keadaan ini bertambah serius dengan pendedahan amalan fiskal yang tidak teratur, tuduhan rasuah dan isu lain mengenai tadbir urus yang berlaku dalam Kerajaan terdahulu. Di samping itu, data rasmi terdahulu mengenai hutang awam yang tidak mengambil kira liabiliti luar jangka dan komitmen daripada pajakan kewangan, tidak menggambarkan tanggungan kewangan Kerajaan Persekutuan secara menyeluruh. Keadaan ini telah mengakibatkan defisit kepercayaan terhadap Kerajaan terdahulu.

Prospek Ekonomi Makro

Dalam melangkah ke hadapan, keutamaan dasar akan mengimbangi objektif pengukuhan fiskal dan memastikan pertumbuhan inklusif. KDNK disasarkan berkembang antara 4.5% hingga 5.5% setahun dalam tempoh akhir Rancangan, 2018-2020. Pertumbuhan ini akan dipacu oleh peningkatan produktiviti dan permintaan dalam negeri yang mampan seperti ditunjukkan dalam matlamat pelbagai dimensi peringkat makro yang disemak semula. Matlamat tersebut akan diteruskan serentak dengan aspek kualitatif melalui pelbagai tonggak dasar yang berkaitan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang inklusif.

Berdasarkan sasaran pertumbuhan ekonomi tersebut, pendapatan per kapita dijangka mencecah RM47,720 atau AS$11,700 pada tahun 2020, iaitu di bawah anggaran paras pendapatan minimum negara berpendapatan tinggi. Malaysia dijangka akan melepasi paras ini menjelang tahun 2024. Namun begitu, matlamat untuk menjadi negara maju dan inklusif bukan sekadar mencapai status berpendapatan tinggi kerana pencapaian ini perlu diiringi dengan kuasa beli rakyat yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, aspirasi untuk menjadi negara maju memerlukan Malaysia turut maju dalam pelbagai dimensi lain, seperti ekonomi, politik, budaya, psikologi, rohani dan sosial.

Reformasi fiskal dan tadbir urus serta merta adalah penting untuk mengukuhkan lagi kedudukan fiskal Kerajaan dan menguntukkan lebih banyak sumber bagi meningkatkan pembangunan sosioekonomi negara. Pelaksanaan segera reformasi ini adalah perlu untuk memastikan kemampanan ekonomi. Walau bagaimanapun, langkah dasar berstruktur serta program dan projek pembangunan berimpak tinggi akan terus dilaksana melalui kaedah yang lebih telus dan mampan.

Tonggak Dasar

Dalam mengorak langkah ke hadapan dan mengambil kira keperluan untuk bertindak balas dengan berkesan kepada cabaran global serta memenuhi aspirasi Kerajaan baharu, enam tonggak telah dikenal pasti bagi meletakkan negara pada landasan yang betul ke arah matlamat tersebut. Enam tonggak ini akan menyediakan tumpuan pembangunan yang baharu dengan 19 bidang keutamaan dan 66 strategi sejajar dengan hala tuju baharu Kerajaan untuk terus melonjakkan pertumbuhan ekonomi. Enam tonggak tersebut adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan II*.

Paparan II

Enam Tonggak Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas

Tonggak I

Mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam

4 Bidang Keutamaan
12 Strategi

Tonggak II

Memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat

2 Bidang Keutamaan
9 Strategi

Tonggak III

Menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang

3 Bidang Keutamaan
12 Strategi

Tonggak IV

Memperkasa modal insan

4 Bidang Keutamaan
11 Strategi

Tonggak V

Mempertingkat kemampanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau

3 Bidang Keutamaan
9 Strategi

Tonggak VI

Memperkukuh pertumbuhan ekonomi

3 Bidang Keutamaan
13 Strategi

Matlamat Pelbagai Dimensi, 2018-2020 : Sasaran Dipinda dengan Keutamaan dan Penekanan Baharu

Matlamat diperkukuhkan dengan aspek kualitatif melalui tonggak berkaitan



Ringkasan Strategi Ekonomi Makro, Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Strategi utama ekonomi makro disesuaikan untuk mengambil kira perkembangan baharu

Memacu produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif	Mengukuhkan kerjasama antara kerajaan, industri dan akademia bagi memastikan penawaran bakat yang sedia untuk industri adalah mencukupi Menggalakkan pendigitalan operasi perniagaan dan penerimagunaan teknologi secara lebih meluas untuk mengambil manfaat daripada 4IR Mempercepat pelaksanaan reformasi kawal selia bagi memudah cara urusan menjalankan perniagaan Melaksana inisiatif produktiviti pada peringkat sektor dengan penubuhan sembilan Nexus Produktiviti Merangka intervensi yang sistematik dan berstruktur pada peringkat perusahaan melalui program produktiviti perusahaan serta perantara R&D sedia ada
Menggalakkan pelaburan berkualiti bagi meneraju pertumbuhan ekonomi	Menjalankan kajian semula yang menyeluruh ke atas dasar pelaburan meliputi insentif dan struktur cukai Manambah baik pengurusan semua insentif pelaburan sedia ada bagi mengoptimum sumber Menggalakkan pelaburan dalam teknologi berkaitan Industri 4.0 bagi mengurangkan jurang dalam sektor pembuatan
Melaksana inisiatif untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi	Menggalakkan pendigitalan dan inovasi bagi merangsang pertumbuhan Memberi tumpuan kepada perkhidmatan berintensif pengetahuan untuk mengembangkan sektor perkhidmatan moden Mencergaskan sektor pembuatan ke arah menghasilkan produk yang lebih kompleks dan pelbagai Memodenkan pertanian dengan mempercepat penerimagunaan teknologi pertanian dan menggalakkan pendekatan berasaskan kluster melalui integrasi menegak rantaian bekalan bagi tanaman terpilih Memupuk amalan mampan dan meningkatkan kandungan pengetahuan untuk mentransformasi sektor pembinaan
Mengukuhkan eksport dan mengurus import untuk menambah baik imbangan pembayaran	Menambah baik ekosistem eksport Meningkatkan rantaian nilai produk eksport Mempergiat pengantarabangsaan dalam sektor perkhidmatan Menggalakkan lebih banyak penggunaan input tempatan dalam projek infrastruktur utama Menjadualkan import barang modal yang bernilai tinggi *(lumpy)* untuk tempoh yang lebih panjang
Memberi penekanan kepada langkah pengukuhan fiskal untuk memastikan kemampanan dalam jangka sederhana	Meningkatkan hasil daripada cukai tidak langsung dan hasil bukan cukai Memaksimum pemulihan kos aset Kerajaan Mengoptimum dan merasionalisasi perbelanjaan untuk mengimbangkan pertumbuhan ekonomi dan pengukuhan fiskal Menambah baik sistem pengurusan hutang awam

Tonggak I: Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

Satu daripada bidang tumpuan utama KSP adalah untuk menambah baik tadbir urus serta mendukung akauntabiliti dan ketelusan dalam pentadbiran Kerajaan. Langkah yang tegas dan berkesan akan dilaksana untuk memacu agenda reformasi ke arah memperkukuh mekanisme semak dan imbang pada semua peringkat bagi mengembalikan semula kepercayaan dan keyakinan rakyat. Dalam hal ini, inisiatif yang berkaitan dengan empat bidang keutamaan akan dilaksana iaitu menambah baik tadbir urus pada semua peringkat, meningkatkan integriti dan akauntabiliti, menguat kuasa pengurusan kewangan awam yang berhemat dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam.

Bidang Keutamaan dan Strategi

Tadbir urus pada semua peringkat akan ditambah baik melalui penguatkuasaan tegas doktrin pengasingan kuasa antara eksekutif, perundangan dan kehakiman seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Penambahbaikan ini akan dapat dicapai melalui pelaksanaan tiga strategi utama, iaitu memperkukuh mekanisme semak dan imbang, menambah baik hubungan antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan serta mereformasi sistem politik. Sementara itu, integriti dan akauntabiliti akan ditingkatkan pada semua peringkat bagi mengembalikan keyakinan terhadap ekonomi dan pentadbiran. Dalam hal ini, usaha akan diambil untuk memperkukuh agenda pencegahan rasuah, meningkatkan ketelusan serta memupuk nilai murni dan amalan kerja beretika.

Kewangan awam akan terus diperkukuh dengan menguatkuasakan pelaksanaan pengurusan secara berhemat. Bidang keutamaan ini akan dilaksana dengan mempertingkat sistem belanjawan, menambah baik pengurusan perolehan serta memperkukuh rangka kerja pengurusan prestasi, pemantauan dan penilaian. Di samping itu, usaha ke arah mentransformasi perkhidmatan awam yang lebih berpaksikan rakyat akan dipergiat. Strategi utama yang telah dikenal pasti bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan awam pada semua peringkat adalah mereformasi institusi sektor awam, memperkemas semula perkhidmatan yang disediakan dan memperkasa pihak berkuasa tempatan. Kerajaan akan mewujudkan sistem tadbir urus yang bersih, cekap dan amanah yang diterapkan dengan integriti dan keterbukaan serta dilengkapi dengan keupayaan tertinggi dalam menyampaikan perkhidmatan awam yang terbaik untuk negara.

Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

Pelaksanaan pembangunan inklusif akan diperkukuh bagi meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Berasaskan penekanan kepada pertumbuhan dengan ekuiti, pelaksanaan ini akan menyediakan peluang yang saksama bagi membolehkan rakyat turut serta dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan inklusif. Sementara itu, usaha akan dipergiat untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui pelbagai langkah. Matlamat ini akan dicapai melalui dua bidang keutamaan, iaitu memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama dan meningkatkan kesejahteraan untuk semua.

Bidang Keutamaan dan Strategi

Peningkatan pendapatan dan kuasa beli isi rumah B40 adalah penting bagi menambah baik kualiti hidup dan daya tahan serta mengurangkan ketidaksamarataan pendapatan secara keseluruhan. Dalam hal ini, program peningkatan pendapatan serta penyediaan keperluan asas akan terus diberikan kepada kumpulan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah. Usaha juga akan dipergiat bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan isi rumah B40 untuk menambah baik kebolehpasaran dan produktiviti serta menggalakkan keusahawanan. Inisiatif utama termasuk meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti pada semua peringkat, menyediakan program pembangunan keusahawanan yang menyeluruh dan bersepadu serta menggalakkan penerimagunaan teknologi moden dan amalan terbaik.

Tonggak I: Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

Bidang Keutamaan A
Menambah baik tadbir urus pada semua peringkat

Strategi A1
Memperkukuh mekanisme semak dan imbang
Strategi A2
Menambah baik hubungan antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan
Strategi A3
Mereformasi sistem politik

Bidang Keutamaan B
Meningkatkan integriti dan akauntabiliti

Strategi B1
Memperkukuh agenda pencegahan rasuah
Strategi B2
Meningkatkan ketelusan
Strategi B3
Memupuk nilai murni dan amalan kerja beretika



Bidang Keutamaan C
Menguatkuasakan pelaksanaan pengurusan kewangan awam secara berhemat

Strategi C1
Mempertingkat sistem belanjawan
Strategi C2
Menambah baik pengurusan perolehan
Strategi C3
Memperkukuh rangka kerja pengurusan prestasi, pemantauan dan penilaian

Bidang Keutamaan D
Memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam

Strategi D1
Mereformasi institusi sektor awam
Strategi D2
Memperkemas semula perkhidmatan yang disediakan
Strategi D3
Memperkasa pihak berkuasa tempatan

Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

Strategi untuk membangunkan BEC yang berdaya tahan dan mampan akan diteruskan bagi meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam ekonomi. Langkah utama termasuk meningkatkan kebolehpasaran Bumiputera dalam pekerjaan berpendapatan tinggi, meningkatkan kawalan efektif dan kemampanan pemilikan korporat Bumiputera serta membangunkan PKS yang berdaya tahan dan mampu menembusi pasaran global. Sementara itu, program khas akan dilaksana bagi Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak di kawasan luar bandar dan pedalaman serta kumpulan tertentu dalam kalangan masyarakat India dan Cina untuk membangunkan potensi ekonomi dan membasmi kemiskinan.

Kesejahteraan komuniti akan dipertingkat dengan menangani keperluan golongan sasar khusus, iaitu kanak-kanak, belia, wanita, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan keluarga. Tumpuan yang lebih mendalam akan diberi bagi menyokong keperluan dan kepentingan serta memupuk potensi kanak-kanak. Di samping itu, kebolehcapaian kepada latihan kepimpinan dan kemahiran serta peluang pekerjaan dan keusahawanan bagi golongan belia akan dipertingkat. Sementara itu, penyediaan sistem sokongan bersepadu dan pembangunan persekitaran yang kondusif akan ditambah baik bagi meningkatkan penyertaan wanita, warga emas dan OKU dalam aktiviti ekonomi dan kemasyarakatan serta memastikan kesejahteraan dan daya tahan keluarga.

Kesejahteraan rakyat kekal sebagai keutamaan tertinggi dalam merealisasi pendekatan pembangunan seimbang. Ke arah ini, usaha akan ditumpu bagi meningkatkan kuasa beli, menyediakan perumahan mampu milik dan berkualiti, memperkukuh sistem penyampaian penjagaan kesihatan, menjadikan negara lebih selamat dan terjamin serta menggalakkan nilai murni dan gaya hidup aktif. Penguatkuasaan bagi membendung manipulasi bekalan dan harga akan dipergiat manakala lebih banyak ruang yang menawarkan barangan dan perkhidmatan pada harga patut akan disediakan bagi menangani peningkatan kos sara hidup. Program perumahan akan diteruskan melalui penyediaan perumahan mampu milik dan berkualiti kepada isi rumah miskin serta berpendapatan rendah dan sederhana.

Sistem penyampaian penjagaan kesihatan akan dipertingkat dengan mewujudkan sistem kesihatan yang mampan, mengoptimum sumber kewangan, memperkukuh kesihatan penduduk dan mempererat kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan. Usaha juga akan ditumpu dalam mewujudkan negara yang lebih selamat dan terjamin dengan memperkukuh agensi penguatkuasaan dan keselamatan serta mempergiat usaha pencegahan jenayah. Sementara itu, inisiatif akan diteruskan untuk memupuk nilai murni bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang progresif dan bersatu. Dalam membentuk identiti Malaysia, usaha dan inisiatif akan terus diperkukuh untuk mengekalkan kepelbagaian budaya masyarakat. Tambahan lagi, keutamaan akan diberi dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni dan makmur dengan mengukuh integrasi sosial dan menggalak perpaduan nasional. Pada masa yang sama, sukan akan terus menjadi salah satu platform dalam menggalakkan gaya hidup aktif serta menyatupadukan rakyat bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Sementara itu, pendekatan baharu keseluruhan sukan akan diterima pakai dalam merangka pelan hala tuju sukan nasional bagi menggalakkan kecemerlangan bersukan.

Tonggak III: Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang

Usaha akan dipergiat untuk menangani ketidakseimbangan pembangunan dalam kalangan enam wilayah iaitu Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah dan Sarawak bagi menggalakkan pertumbuhan yang saksama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Tumpuan akan diberi bagi meningkatkan aktiviti ekonomi terutama di kawasan kurang membangun dalam negeri dan wilayah serta mengurangkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar. Di samping itu, bandar utama dan kawasan pertumbuhan yang dikenal pasti akan dimanfaatkan untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi. Kerjasama antara negeri akan terus dipertingkat bagi memastikan pembangunan wilayah yang seimbang. Pada masa yang sama, kerjasama serantau ASEAN akan dipergiat bagi mempercepat dan memudah cara aktiviti ekonomi di kawasan sempadan. Justeru, tiga bidang keutamaan telah dikenal pasti untuk mencapai pembangunan wilayah yang seimbang, iaitu memperkukuh pembangunan ekonomi wilayah, merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar serta mempercepat pembangunan di Sabah dan Sarawak.

Bidang Keutamaan dan Strategi

Langkah akan dilaksana untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi serta menangani ketidakseimbangan antara dan dalam wilayah bagi menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang. Langkah ini termasuk memperkukuh dan memperkemas perancangan pembangunan negeri dan wilayah untuk merangsang pembangunan ekonomi dalam menggalakkan pertumbuhan seimbang. Usaha juga akan dipergiat untuk memoden dan mempelbagai asas ekonomi bagi pertumbuhan ekonomi yang rancak dan dinamik. Di samping itu, bandar utama akan dimanfaatkan sebagai pemangkin bagi menarik pelaburan dan perdagangan serta meningkatkan ketersambungan dengan kawasan luar bandar dan pinggir bandar. Sementara itu, kerjasama serantau ASEAN akan dipergiat untuk mempercepat dan memudah cara pembangunan ekonomi di zon ekonomi khas serta meningkatkan ketersambungan bagi menggalakkan aktiviti pelancongan dan perdagangan.

Infrastruktur luar bandar akan dipertingkat untuk memacu aktiviti sosioekonomi dalam usaha merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar. Hubung kait antara bandar dan luar bandar juga akan ditambah baik untuk menggalakkan integrasi ekonomi yang lebih baik dan memperluas perkhidmatan ke kawasan luar bandar. Di samping itu, aktiviti ekonomi setempat di luar bandar akan diwujudkan untuk menjana pendapatan serta meningkatkan peluang pekerjaan dan perniagaan bagi masyarakat luar bandar. Dalam hal ini, pembangunan mampan dan bersepadu di kawasan luar bandar akan merapatkan jurang pembangunan antara negeri dan wilayah.

Pembangunan di wilayah Sabah dan Sarawak akan terus menjadi keutamaan dengan tumpuan diberi kepada pengukuhan pembangunan inklusif dan saksama untuk memberi manfaat kepada rakyat. Usaha berterusan untuk mengembangkan aktiviti ekonomi di Sabah dan Sarawak akan dilaksana dengan memanfaatkan sumber kekayaan dan bidang terpilih melalui pelaksanaan pelbagai strategi. Pertumbuhan ekonomi dan perancangan pembangunan akan dipergiat untuk mempercepat pembangunan di kawasan kurang membangun. Usaha akan diteruskan untuk menambah baik ketersambungan dan akses kepada infrastruktur, ameniti dan perkhidmatan asas. Tumpuan juga akan diberi kepada peningkatan peluang pekerjaan untuk menambah baik taraf hidup manakala pembangunan tanah adat di Sabah dan Sarawak akan dipertingkat untuk menjana pendapatan isi rumah B40 dan membasmi kemiskinan.

Tonggak IV: Memperkasa Modal Insan

Pembangunan modal insan akan terus menjadi keutamaan untuk memperkasa tenaga kerja dalam menyokong pertumbuhan ekonomi. Tumpuan akan diberi untuk mewujudkan modal insan yang berkemahiran, berpengetahuan dan inovatif bagi memenuhi keperluan industri. Inisiatif pembangunan modal insan akan menyediakan peluang untuk pekerjaan yang berkualiti serta memastikan akses kepada pendidikan dan latihan berkualiti ke arah membina negara yang lebih inklusif, saksama dan makmur. Inisiatif ini akan dilaksana melalui empat bidang keutamaan, iaitu mereformasi pasaran buruh, menambah baik kecekapan dan produktiviti buruh, meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan yang berkualiti serta memupuk jalinan industri-akademia yang lebih kukuh.

Bidang Keutamaan dan Strategi

Kerajaan akan mempergiat usaha dalam menangani isu pewujudan pekerjaan mahir yang tidak mencukupi, pertumbuhan gaji yang rendah, kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan belia dan guna tenaga tidak penuh dalam kalangan siswazah serta ketidakpadanan kemahiran. Beberapa inisiatif akan dilaksana untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan mahir, mengenal pasti kemahiran kritikal dan menangani kekurangan tenaga kerja mahir serta meningkatkan gaji dan upah supaya setimpal dengan tahap produktiviti. Usaha juga akan diambil untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dengan menggalakkan lebih banyak automasi dan mengawal selia bilangan pekerja asing dengan ketat melalui pengenalan kepada sistem levi berperingkat. Di samping itu, kecekapan dan produktiviti buruh akan ditambah baik dengan memperkukuh hak pekerja untuk memperbaiki keadaan kerja serta meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh bagi memperluas kumpulan bakat.

Usaha yang berterusan akan dilaksana dalam memastikan akses kepada pendidikan dan latihan berkualiti yang saksama dan inklusif. Pelajar akan dilengkapkan dengan pengetahuan dan pelbagai kemahiran pada setiap peringkat pendidikan untuk meningkatkan kebolehpasaran. Keutamaan akan diberi untuk meningkatkan kualiti pendidikan bagi menambah baik outcome murid dalam pendidikan prasekolah, rendah dan menengah. Sementara itu, usaha bersepadu akan dilaksana ke arah meningkatkan kualiti siswazah serta program akademik dan mengukuhkan keupayaan penyelidikan. Di samping itu, status autonomi yang dimiliki oleh universiti awam akan dimanfaatkan bagi memastikan kewangan yang mampan.

Usaha juga akan dipergiat untuk menambah baik kualiti TVET dalam meningkatkan kebolehpasaran lepasan TVET. Penekanan akan diberi untuk mengkaji semula program TVET yang ditawarkan, melaksana sistem akreditasi yang diharmoni dan mengukuhkan TVET sebagai laluan pendidikan pilihan. Pelaksanaan inisiatif ini akan memastikan penyampaian program TVET yang berkualiti dan kebolehpasaran lepasan TVET. Di samping itu, kerjasama industri yang lebih luas akan dipergiat untuk meningkatkan tahap pendidikan dan latihan bagi menghasilkan bakat berkualiti.

Tonggak V: Mempertingkat Kemampanan Alam Sekitar melalui Pertumbuhan Hijau

Inisiatif pertumbuhan hijau akan dipertingkat bagi memastikan kemampanan sumber asli dan meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana di samping mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Usaha ke arah pertumbuhan hijau akan terus dipergiat untuk mencapai pembangunan mampan bagi melindungi khazanah semula jadi untuk generasi masa kini dan masa hadapan. Matlamat ini akan dicapai melalui tiga bidang keutamaan, iaitu memperkukuh tadbir urus, memulihara sumber asli serta menangani perubahan iklim dan mengurangkan risiko bencana.

Bidang Keutamaan dan Strategi

Struktur tadbir urus yang dipertingkat akan memudah cara peralihan ke arah pertumbuhan hijau dan membolehkan pengurusan sumber yang lebih baik. Oleh itu, usaha untuk memperkukuh tadbir urus alam sekitar melalui strategi utama akan dilaksana dalam tempoh akhir Rancangan. Strategi ini termasuk pengukuhan rangka kerja dasar, perundangan dan institusi, peningkatan kapasiti dan keupayaan dalam penguatkuasaan dan pemantauan serta meningkatkan kesedaran dan memupuk tanggungjawab bersama dalam kalangan pihak berkepentingan.

Kerajaan akan terus memastikan pemuliharaan dan pengurusan sumber asli yang lebih baik. Pengurusan yang cekap dan penggunaan sumber asli secara mampan akan diberi penekanan dalam memastikan kemampanan alam sekitar dan akses secara berterusan kepada sumber asli oleh generasi masa kini dan masa hadapan. Dalam hal ini, strategi utama akan dilaksana melalui pemuliharaan kawasan terestrial dan air daratan serta pesisir pantai dan marin. Di samping itu, punca pendapatan dan keupayaan orang asli dan masyarakat setempat akan dipertingkat untuk menyokong pemuliharaan sumber asli.

Usaha untuk menangani perubahan iklim akan dipergiat melalui pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) daripada sektor utama pelepasan GHG, terutama tenaga, pengangkutan dan sisa. Di samping itu, usaha untuk memanfaatkan nilai ekonomi melalui amalan kecekapan sumber akan dipergiat dengan memperluas pelaksanaan amalan SCP. Sementara itu, dalam meningkatkan daya tahan negara terhadap impak perubahan iklim dan bencana alam, langkah mitigasi dan adaptasi serta pengurangan risiko akan terus dilaksana dalam sektor mudah terjejas seperti air, tenaga, pertanian, kesihatan awam, bandar dan penempatan.

Tonggak III: Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang

BIDANG KEUTAMAAN A
Memperkukuh pembangunan ekonomi wilayah

- **Strategi A1** — Memperkukuh dan memperkemas perancangan pembangunan negeri dan wilayah
- **Strategi A2** — Memoden dan mempelbagai asas ekonomi
- **Strategi A3** — Menggalakkan bandar yang berdaya saing
- **Strategi A4** — Memperkukuh kerjasama serantau ASEAN

BIDANG KEUTAMAAN B
Merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar

- **Strategi B1** — Mempertingkat infrastruktur luar bandar
- **Strategi B2** — Menambah baik hubung kait antara bandar dan luar bandar
- **Strategi B3** — Mewujudkan aktiviti ekonomi setempat di luar bandar

BIDANG KEUTAMAAN C
Mempercepat pembangunan di Sabah dan Sarawak

- **Strategi C1** — Mempergiat pertumbuhan ekonomi dan perancangan pembangunan
- **Strategi C2** — Mempertingkat infrastruktur untuk menambah baik ketersambungan
- **Strategi C3** — Memperluas akses kepada infrastruktur, ameniti dan perkhidmatan asas
- **Strategi C4** — Menambah peluang pekerjaan
- **Strategi C5** — Meningkatkan pembangunan tanah adat

Tonggak IV: Memperkasa Modal Insan



Tonggak V: Mempertingkat Kemampanan Alam Sekitar melalui Pertumbuhan Hijau



Tonggak VI: Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi

Usaha akan dilaksana untuk memperkukuh pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan produktiviti dan daya saing industri. Pada masa yang sama, langkah akan dipergiat untuk meningkatkan pembangunan sektor dan membangunkan aktiviti nilai ditambah yang tinggi dengan kandungan yang berintensifkan pengetahuan. Langkah ini disokong oleh tenaga kerja mahir dalam sektor perkhidmatan, pembuatan, pertanian dan pembinaan. Sementara itu, penyediaan infrastruktur dan utiliti akan terus diperkukuh untuk menyokong serta memudah cara aktiviti ekonomi. Justeru, tiga bidang keutamaan telah dikenal pasti, iaitu memperkukuh pertumbuhan sektoral dan mereformasi struktur, meningkatkan inovasi dan penerimagunaan teknologi serta menyediakan infrastruktur berkualiti.

Bidang Keutamaan dan Strategi

Strategi untuk memperkukuh pertumbuhan sektor dan melaksana reformasi struktur termasuk meningkatkan pertumbuhan sektoral, meningkatkan keupayaan eksport dan menambah baik kecekapan pasaran serta memudah cara urusan menjalankan perniagaan. Dalam hal ini, langkah akan diambil untuk mempercepat pemodenan sektor ekonomi, meningkatkan kesediaan eksport dan pengantarabangsaan, menggalakkan persaingan yang adil serta menambah baik kawal selia dan amalan perdagangan. Di samping itu, PKS akan digalak untuk mempertingkat aktiviti dalam rantaian nilai ke arah menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Sementara itu, dalam sektor pertanian, strategi akan dilaksana bagi memastikan jaminan bekalan dan keselamatan makanan.

Keutamaan juga akan diberi untuk mempercepat inovasi dan penerimagunaan teknologi dalam kalangan firma tempatan, terutama PKS bagi melonjakkan produktiviti dan bersaing pada peringkat global. Langkah yang akan diambil termasuk memanfaatkan potensi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) yang dapat menyediakan peluang perniagaan dan penjanaan kekayaan baharu. Oleh itu, bagi memanfaatkan 4IR, pengeluar perlu memangkin penerimagunaan teknologi berkaitan Industri 4.0 untuk terus kekal berdaya saing dalam rantaian nilai global. Selain itu, penyelidikan dan inovasi akan dijajar mengikut bidang keutamaan bagi mempercepat pertumbuhan yang didorong oleh inovasi. Di samping itu, PKS khususnya akan digalakkan untuk terus memperkukuh pembangunan kapasiti serta mempercepat penerimagunaan teknologi bagi meningkatkan pertumbuhan pada kadar yang lebih cepat dan memperluas jangkauan pasaran.

Penyediaan infrastruktur yang berkualiti dan utiliti yang cekap akan diperkukuh untuk melonjakkan pembangunan ekonomi serta memastikan kemampanan bagi memenuhi permintaan masa kini dan masa hadapan. Penekanan yang lebih akan diberi untuk terus mengintegrasi mod pengangkutan yang berbeza bagi menyediakan ketersambungan yang lancar untuk penumpang dan barangan. Logistik dan fasilitasi perdagangan akan diperkukuh untuk menambah baik kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan di sepanjang rantaian nilai bagi meningkatkan daya saing. Infrastruktur digital akan ditambah baik melalui peluasan rangkaian gentian optik bersama dengan pembangunan komersial bagi infrastruktur komunikasi yang menyediakan ketersambungan kepada lebih banyak isi rumah. Dalam sektor air dan pembetungan, pelaburan dalam rangkaian dan kapasiti loji rawatan yang baharu akan diteruskan. Di samping itu, inisiatif akan dilaksana untuk terus memperkukuh jaminan tenaga dan meningkatkan kecekapan bekalan tenaga bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Tonggak VI: Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi

BIDANG KEUTAMAAN A

Memperkukuh pertumbuhan sektoral dan mereformasi struktur

Strategi A1
Mempertingkat pertumbuhan sektoral melalui peningkatan produktiviti

Strategi A2
Meningkatkan kapasiti eksport

Strategi A3
Menambah baik kecekapan pasaran

Strategi A4
Memudah cara urusan menjalankan perniagaan

BIDANG KEUTAMAAN B

Memecut inovasi dan penerimagunaan teknologi

Strategi B1
Memanfaatkan Revolusi Perindustrian Keempat

Strategi B2
Meningkatkan penerimagunaan teknologi

Strategi B3
Menjajarkan penyelidikan dan inovasi

Strategi B4
Meningkatkan pembangunan kapasiti

BIDANG KEUTAMAAN C

Menyediakan infrastruktur berkualiti

Strategi C1
Membangunkan sistem pengangkutan bersepadu

Strategi C2
Memperkukuh logistik dan fasilitasi perdagangan

Strategi C3
Menambah baik infrastruktur digital

Strategi C4
Menambah baik perkhidmatan air

Strategi C5
Memampankan bekalan tenaga

Kesimpulan

KSP RMKe-11 melaporkan prestasi, sasaran dan cabaran utama bagi tempoh 2016-2017 serta memperkenalkan keutamaan dan penekanan baharu bagi tempoh 2018-2020 untuk memastikan sasaran pembangunan negara dapat dicapai. Dalam tempoh kajian semula, ekonomi negara mencatat prestasi yang baik walaupun berhadapan dengan persekitaran global yang tidak menentu. Namun, beberapa ketidaksamaan dan isu struktur ekonomi didapati terus wujud. Dalam melangkah ke hadapan, pelaksanaan semua inisiatif pembangunan perlu diperkukuh untuk bertindak balas secara berkesan terhadap cabaran dalam negeri dan global. Keutamaan dan penekanan baharu yang telah diselaras dengan aspirasi Kerajaan baharu bertujuan untuk membina Malaysia baharu yang berpaksikan kepercayaan, ketelusan dan akauntabiliti. Keutamaan dan penekanan ini akan meletakkan negara pada landasan yang betul ke arah menjadi negara maju dan inklusif.

bahagian I

PRESTASI 2016-2017

Bahagian I mengkaji semula prestasi dan melaporkan kemajuan setiap teras strategik dan pemacu perubahan untuk tempoh 2016-2017

Memperkukuh Daya Tahan Ekonomi Makro untuk Pertumbuhan Mampan

Pendahuluan

Prestasi, 2016-2017

Persekitaran Ekonomi Luaran

Ekonomi Dalam Negeri

Prestasi Pemacu Perubahan: Meningkatkan Potensi Produktiviti

Isu dan Cabaran

Kesimpulan

1

Pendahuluan

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sederhana pada tahun 2016 meskipun berhadapan dengan persekitaran luar yang mencabar sebelum kembali mengukuh pada tahun 2017 selaras dengan pemulihan ekonomi global. Dalam tempoh kajian semula, 2016-2017, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) telah berkembang dalam lingkungan sasaran asal, iaitu 5% hingga 6% setahun. Inflasi kekal rendah dan stabil sementara ekonomi terus berada dalam keadaan guna tenaga penuh[1]. Akaun semasa imbangan pembayaran mencatat lebihan sungguhpun semakin mengecil. Di samping itu, peratusan defisit fiskal Kerajaan Persekutuan kepada KDNK terus berkurangan seperti yang disasarkan pada akhir tahun 2017. Selaras dengan kemajuan ekonomi, kesejahteraan rakyat juga bertambah baik seperti yang diukur oleh Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI)[2]. Walaupun sosioekonomi menggambarkan prestasi yang baik pada peringkat makro, masih wujud ketidaksamaan yang berterusan dan beberapa isu struktur.

[1] Berdasarkan definisi oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), kadar pengangguran di bawah 4% daripada jumlah tenaga buruh dianggap sebagai guna tenaga penuh.

[2] MyWI ialah indeks komposit yang mengukur kesejahteraan rakyat Malaysia dan terdiri daripada 68 indikator merentasi 14 komponen ekonomi dan kesejahteraan sosial.

Prestasi, 2016-2017

Persekitaran Ekonomi Luaran

Ekonomi dunia menyederhana pada tahun 2016, terutama kesan daripada perkembangan perdagangan dunia yang perlahan, kelembapan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang ketara, penyederhanaan ekonomi Republik Rakyat China (PRC) yang berterusan dan harga komoditi yang lemah. Penyederhanaan ekonomi global ini telah menjejaskan pencapaian keseluruhan ekonomi bagi tempoh kajian semula walaupun ekonomi dan perdagangan dunia kembali pulih pada tahun 2017. Ekonomi global berkembang pada kadar purata 3.5% setahun dalam tempoh kajian semula, disumbang oleh pertumbuhan permintaan domestik negara maju yang lebih kukuh serta peningkatan prestasi pasaran baru muncul dan sedang membangun pada tahun 2017. Pada masa yang sama, perdagangan dunia menyederhana pada kadar 3.7% setahun dan trend inflasi global kekal sederhana pada kadar purata 2.9% setahun ekoran harga minyak yang lebih rendah dan pertumbuhan gaji yang perlahan.

Ekonomi Dalam Negeri

Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia terus berhadapan dengan cabaran berkaitan risiko ekonomi luaran. Cabaran ini termasuk penyederhanaan harga komoditi, peralihan dasar monetari dan dasar perlindungan perdagangan oleh AS, pengimbangan semula ekonomi PRC dan ketidaktentuan geopolitik. Malaysia telah terjejas dengan ketara akibat kelembapan perdagangan dunia dan harga komoditi pada tahun 2016, tetapi kembali pulih pada tahun 2017 berikutan pemulihan ekonomi global. Ketahanan ekonomi domestik dan asas ekonomi yang kukuh membolehkan negara mengharungi ketidaktentuan ekonomi dan mencatat pertumbuhan sederhana, seperti sasaran asal KDNK antara 5% hingga 6% setahun. Ketahanan dan asas yang kukuh ini disokong oleh dasar kepelbagaian sumber pertumbuhan dan perubahan struktur ekonomi serta sektor kewangan dan perbankan yang teguh.

Permintaan Agregat

KDNK benar berkembang pada kadar purata sebanyak 5.1% setahun dalam tempoh kajian semula, iaitu berada dalam lingkungan kadar pertumbuhan yang disasarkan sejajar dengan prestasi ekonomi global. Pendapatan negara kasar (PNK) per kapita pada harga semasa meningkat pada kadar purata sebanyak 6.7%, daripada RM36,119 (AS$9,248) pada tahun 2015 kepada RM41,093 (AS$9,556) pada tahun 2017, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-1*. Dari segi pariti kuasa beli, PNK per kapita Malaysia telah mencecah AS$28,650 seperti yang dianggarkan oleh Bank Dunia. Pencapaian ini menempatkan Malaysia dalam kumpulan 25 persentil teratas daripada 217 negara. Berdasarkan paras minimum negara berpendapatan tinggi yang ditetapkan oleh Bank Dunia sebanyak AS$12,056 bagi tahun 2017, terdapat jurang pendapatan sebanyak 21% yang perlu diatasi sebelum Malaysia berjaya melepasi status negara berpendapatan menengah tinggi. Berasaskan parameter pertumbuhan semasa, sasaran Malaysia untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dijangka boleh dicapai selepas tahun 2020.

Pelaburan swasta terus menjadi pemacu ekonomi dengan menyumbang sebanyak 67.7% daripada keseluruhan pelaburan berjumlah RM659 bilion pada harga semasa. Pelaburan swasta benar telah meningkat dengan kadar purata sebanyak 6.8% setahun dalam tempoh kajian semula, disokong oleh prestasi sektor perkhidmatan yang lebih baik serta momentum pertumbuhan yang berterusan bagi sektor pembuatan dan pembinaan. Namun begitu, **pelaburan awam** yang menguncup pada kadar purata sebanyak 0.2% menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan pembentukan modal tetap kasar (PMTK) yang lebih perlahan sebanyak 4.4%. Penguncupan ini berikutan penyusunan semula keutamaan projek berskala besar oleh kerajaan am[3] dan pelaburan yang lebih perlahan oleh syarikat awam bukan kewangan (SABK) kesan daripada kejatuhan harga minyak yang bermula pada tahun 2014 dan berakhir pada awal tahun 2017.

[3] Kerajaan am merujuk kepada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan badan berkanun.

Paparan 1-1

Sorotan
Rancangan Malaysia Kesebelas: Outcome dan Prestasi Terpilih

Pertumbuhan KDNK benar



Purata pertumbuhan KDNK benar berbanding KDNK dunia pada kadar 3.5%

Pendapatan per kapita



Pendapatan per kapita nasional pada harga semasa

Purata pendapatan isi rumah



Purata pendapatan bulanan isi rumah berbanding RM6,141 pada tahun 2014

Penggunaan swasta



Purata pertumbuhan penggunaan swasta benar

Pelaburan swasta



Purata pelaburan swasta pada harga semasa


Akaun semasa imbangan pembayaran
2.6%
3.1%
2020
2017
Peratusan akaun semasa imbangan pembayaran kepada PNK
Defisit fiskal
0.6%
3.0%
2020
2017
Peratusan defisit fiskal kepada KDNK
Produktiviti pelbagai faktor (MFP)
40.0%
37.8%
2016-2020
2016-2017
Sumbangan MFP kepada pertumbuhan KDNK benar dengan purata pertumbuhan MFP sebanyak 1.9%
Inflasi
2.5-3.0%
2.9%
2016-2020
2016-2017
Kadar purata inflasi tahunan
Pengangguran
2.8%
3.4%
2020
2017
Guna tenaga penuh
Sasaran Asal
Prestasi

Paparan 1-2

KDNK dan PNK per kapita, 2010-2017





Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan swasta kekal menjadi teras ekonomi dalam negeri dengan pertumbuhan purata sebanyak 6.5% dan sumbangannya kepada KDNK meningkat kepada 53.7% pada tahun 2017. Pertumbuhan ini didorong oleh keadaan pasaran buruh dan pertumbuhan kadar upah yang menggalakkan serta langkah lain bagi meningkatkan pendapatan termasuk pindahan tunai yang lebih besar, pergerakan dua kali gaji tahunan penjawat awam dan pengurangan cukai pendapatan individu. Di samping itu, semakan semula gaji minimum bulanan kepada RM1,000 di Semenanjung Malaysia dan RM920 di Sabah dan Sarawak turut menyumbang kepada pertumbuhan penggunaan swasta yang kukuh. **Penggunaan awam** pula meningkat lebih perlahan sebanyak 3.2% setahun, terutama berikutan langkah mengoptimumkan perbelanjaan sektor awam. Langkah ini menyebabkan perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan yang lebih rendah.

Keluaran mengikut Sektor

Dalam tempoh kajian semula, ekonomi mencatat pertumbuhan dalam semua sektor dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai penyumbang utama. **Sektor perkhidmatan** berkembang pada kadar purata sebanyak 5.9% setahun, disokong oleh subsektor perkhidmatan berkaitan penggunaan seperti perdagangan borong dan runcit, penginapan serta makanan dan minuman, yang meningkat sebanyak 6.8% setahun sejajar dengan pemulihan yang ketara dalam aktiviti berkaitan pelancongan. Subsektor pengangkutan, penyimpanan, maklumat dan komunikasi juga berkembang, iaitu sebanyak 7.4% setahun didorong oleh aktiviti e-dagang seiring dengan pelancaran Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ).

Sektor pembuatan juga mencatat pertumbuhan, iaitu sebanyak 5.2% setahun, disumbang terutama oleh industri berorientasikan eksport yang meningkat sebanyak 5.8% setahun. Peningkatan ini didorong oleh subsektor elektrikal dan elektronik (E&E) yang berada pada kitaran menaik bermula dalam tempoh separuh kedua tahun 2016. Walaupun harga minyak mentah adalah lebih rendah, industri berasaskan sumber telah meningkat sebanyak 4.9% setahun berikutan industri petrokimia yang terus berkembang dalam aktiviti hiliran seperti di Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang, Sabah. Subsektor berintensif pengetahuan[4] pula berkembang sebanyak 5.1% setahun dengan peluasan aktiviti pengeluaran E&E, petrokimia dan automotif.

Pertumbuhan sektor huluan mencatat pertumbuhan yang lemah terutamanya **sektor pertanian** yang berkembang pada kadar purata 0.8% setahun. Pertumbuhan yang perlahan ini disebabkan pengeluaran yang lebih rendah dalam subsektor komoditi industri, terutama komoditi kelapa sawit dan getah yang terjejas teruk akibat kejatuhan harga komoditi dan kesan El-Nino pada tahun 2016. Namun begitu, subsektor agromakanan mencatat pertumbuhan sebanyak 2.7% setahun, meningkatkan sumbangannya kepada sektor pertanian daripada 37.4% pada tahun 2015 kepada 38.8% pada tahun 2017. Sementara itu, pertumbuhan **sektor perlombongan** adalah perlahan pada kadar 1.5% setahun berikutan komitmen Malaysia kepada Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan negara bukan OPEC untuk mengurangkan pengeluaran minyak mentah bagi menstabilkan harga minyak global. Walau bagaimanapun, subsektor gas asli berkembang sebanyak 3.5%, antaranya disokong oleh pengoperasian fasiliti terapung gas asli cecair pertama di dunia milik PETRONAS yang terletak di luar pesisir pantai Bintulu, Sarawak.

Bagi **pembinaan**, sektor ini mencatat pertumbuhan purata sebanyak 7.1% setahun, disumbangkan terutamanya oleh pelbagai projek kejuruteraan awam yang besar, seperti Transit Aliran Ringan 2, Transit Aliran Massa 1 dan 2, Lebuhraya Damansara-Shah Alam, Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang, Lebuhraya Pan Borneo, Lebuhraya *Central Spine Road* dan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang. Pertumbuhan sektor ini juga dipacu oleh subsektor kediaman berikutan pembinaan rumah mampu milik yang lebih banyak. Sementara itu, pembangunan Tun Razak Exchange antara lain menyokong aktiviti bukan kediaman.

KDNK mengikut Pendapatan

Dalam tempoh kajian semula, KDNK pada harga semasa terus berkembang sebanyak 8.1% setahun dengan mencatat RM1.35 trilion pada tahun 2017 berbanding RM1.16 trilion pada tahun 2015, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-2*. **Pampasan pekerja** (CE) terus meningkat sebanyak 8.6% setahun, lebih tinggi berbanding pertumbuhan KDNK pada harga semasa. Walau bagaimanapun, bahagian CE kepada KDNK meningkat sedikit kepada 35.2% pada tahun 2017 berbanding 34.8% pada tahun 2015. Peningkatan yang perlahan ini akan menjadi cabaran dalam mencapai sasaran CE sebanyak 40% kepada KDNK pada tahun 2020. Pewujudan pekerjaan bergaji tinggi masih belum mencukupi walaupun terdapat peningkatan dalam jumlah pekerjaan. Keadaan ini telah mengakibatkan bahagian CE yang lebih rendah berbanding sasaran. Di samping itu, peralihan kepada ekonomi berorientasikan perkhidmatan menyebabkan pekerja berpindah ke sektor perkhidmatan, terutama dalam kategori pekerjaan tradisional dan bergaji rendah.

Lebihan kendalian kasar (GOS) yang merangkumi pendapatan pemilik modal dan pendapatan campuran, meningkat sebanyak 7.8% setahun dalam tempoh kajian semula, selepas kembali pulih daripada pertumbuhan perlahan sebanyak 0.8% pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, bahagian GOS kepada KDNK masih tidak banyak berubah iaitu 60% pada tahun 2017 berbanding 60.4% pada tahun 2015. Pendapatan pemilik modal meningkat sebanyak 7.7% setahun dengan pertumbuhan dua digit sebanyak 13.6% pada tahun 2017. Sementara itu, pendapatan campuran yang mewakili pendapatan daripada bekerja sendiri, perniagaan yang tidak didaftarkan dan lain-lain berkembang lebih perlahan sebanyak 7.9% setahun walaupun terdapat kadar peningkatan yang tinggi bagi bilangan orang yang bekerja sendiri. Justeru, bahagian pendapatan campuran kepada KDNK berkurang sedikit kepada 22.3% pada tahun 2017 berbanding 22.4% pada tahun 2015.

[4] Berdasarkan *Malaysia Knowledge Economy III Study 2017* oleh Unit Perancang Ekonomi, subsektor berintensif pengetahuan antara lain termasuk produk E&E, peranti perubatan, kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan, produk petroleum bertapis serta bahan kimia dan produk kimia.

Paparan 1-3

KDNK mengikut Pendapatan, 2010-2017



Nota: [1] Pendapatan daripada bekerja sendiri, perniagaan yang tidak didaftarkan dan lain-lain.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

KDNK mengikut Negeri

Selaras dengan pertumbuhan ekonomi pada peringkat nasional dalam tempoh kajian semula, semua negeri mencatat pertumbuhan positif. Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur[5], Sarawak dan Johor merupakan penyumbang utama pertumbuhan ekonomi yang merangkumi 57.5% daripada KDNK nasional. Tiga wilayah persekutuan dan lima negeri iaitu WP Kuala Lumpur, WP Labuan, Sabah, Melaka, Selangor, Johor dan Pulau Pinang, mencatat kadar pertumbuhan KDNK yang lebih tinggi daripada purata nasional sebanyak 5.1% setahun. Pertumbuhan ekonomi di negeri tersebut dipacu terutamanya oleh sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan bagi negeri yang lebih bergantung kepada industri komoditi telah terjejas akibat fenomena El-Nino.

Ketidaksamaan ekonomi antara negeri semakin melebar meskipun terdapat trend peningkatan KDNK per kapita di semua negeri. Ketidaksamaan ini disebabkan oleh perbezaan aktiviti ekonomi antara negeri. Dalam hal ini, negeri Kelantan, Kedah, Perlis dan Sabah yang didominasi oleh sektor tradisional, mencatat jurang KDNK per kapita yang besar berbanding purata nasional sebanyak RM42,228 pada tahun 2017. Kelantan mencatat KDNK per kapita yang paling rendah dengan perbezaan sebanyak 67.8% di bawah purata nasional. Ketidaksamaan KDNK per kapita antara Kelantan dengan WP Kuala Lumpur yang memiliki KDNK per kapita tertinggi, melebar kepada 8.2 kali pada tahun 2017 berbanding 7.9 kali pada tahun 2015.

Perdagangan Antarabangsa dan Imbangan Pembayaran

Dalam tempoh kajian semula, jumlah **perdagangan barangan dan perkhidmatan** meningkat daripada RM1.55 trilion atau bersamaan dengan 133.5% kepada KDNK pada tahun 2015 kepada RM1.84 trilion atau bersamaan dengan 135.8% kepada KDNK pada tahun 2017. Imbangan perdagangan pula kekal dalam lebihan sebanyak RM186.7 bilion. Permintaan global yang menyederhana dan harga komoditi yang rendah pada tahun 2016 telah kembali pulih pada tahun 2017. Pemulihan ini melonjakkan pertumbuhan eksport kasar pada kadar 9.7% setahun. Peningkatan eksport ini disokong oleh eksport pembuatan. Eksport kepada negara rakan dagang utama seperti PRC dan Jepun masing-masing berkurang sebanyak 2.9% dan 12.3% pada tahun 2016, terutama disebabkan oleh pengurangan eksport produk petroleum, LNG dan E&E. Kedua-dua negara tersebut menyumbang sebanyak 20.6% kepada jumlah eksport kasar negara. Walau bagaimanapun, eksport ke negara tersebut kembali pulih pada tahun 2017 dengan peningkatan sebanyak 27.8% ke PRC dan 18.6% ke Jepun. Dalam tempoh kajian semula, pasaran eksport telah dipelbagaikan dengan akses yang lebih besar kepada pasaran bukan tradisional seperti Belgium, Nigeria dan Turki. Seiring dengan aktiviti pelaburan domestik yang kukuh, import kasar telah meningkat sebanyak 10.4% setahun berikutan peningkatan permintaan barangan modal dan pengantara yang merangkumi 71.1% daripada jumlah import kasar pada tahun 2017.

[5] Termasuk WP Putrajaya.

Akaun semasa **imbangan pembayaran** terus mencatat lebihan sebanyak RM40.3 bilion atau 3.1% kepada PNK pada tahun 2017, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-3*. Kedudukan ini didorong oleh lebihan berterusan dalam akaun barangan yang menampung defisit berpanjangan dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan. Walaupun terimaan bagi perkhidmatan tradisional adalah lebih tinggi dan perkhidmatan moden bertambah baik, bahagian eksport perkhidmatan daripada jumlah eksport barangan dan perkhidmatan adalah lebih rendah iaitu sebanyak 16.5% pada tahun 2017 berbanding 16.7% pada tahun 2015. Sementara itu, defisit akaun pendapatan melebar disebabkan oleh aliran keluar bersih yang lebih tinggi bagi pendapatan pelaburan, disumbangkan oleh penghantaran balik keuntungan dan dividen yang lebih tinggi oleh pelabur asing di Malaysia.

Paparan 1-4

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran, 2010-2017



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kedudukan **rizab antarabangsa** Malaysia kekal kukuh berjumlah RM414.6 bilion atau bersamaan dengan AS$102.4 bilion pada akhir tahun 2017. Rizab ini mencukupi untuk membiayai 7.2 bulan import tertangguh, iaitu melebihi keperluan minimum yang ditetapkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek. IMF mencadangkan supaya rizab antarabangsa perlu mencukupi untuk membiayai sekurang-kurangnya tiga bulan import tertangguh dan sekali ganda hutang luar negeri jangka pendek[6].

Kedudukan Fiskal Kerajaan Persekutuan

Kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan kekal berada dalam landasan pengukuhan bagi mengurangkan defisit. Defisit fiskal berkurang daripada 3.2% kepada KDNK pada tahun 2015 kepada 3% pada akhir tahun 2017, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-4.* Pengukuhan fiskal ini telah dicapai meskipun terimaan hasil adalah lebih rendah disebabkan pasaran harga minyak yang tidak menentu. Kebergantungan kepada hasil minyak terus berkurang berikutan pengenalan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada April 2015, dengan sumbangan hasil minyak kepada jumlah hasil menyusut daripada 20.9% pada tahun 2015 kepada 16.1% pada tahun 2017.

Sejumlah RM427.9 bilion telah dibelanjakan bagi membiayai operasi Kerajaan dalam tempoh kajian semula. Jumlah ini adalah kurang daripada jumlah peruntukan asal sebanyak RM430 bilion disebabkan penurunan terimaan hasil berkaitan minyak. Perbelanjaan mengurus mencakupi 98.9% daripada jumlah hasil, yang mengecilkan ruang untuk mengekalkan lebihan dalam akaun semasa dan membiayai perbelanjaan pembangunan. Sebahagian besar perbelanjaan mengurus telah digunakan untuk membiayai emolumen sebanyak 35.1%, bayaran khidmat hutang sebanyak 12.7%, dan bayaran persaraan sebanyak 10.2%. Justeru, penyesuaian dalam perbelanjaan mengurus telah dibuat terutama berkaitan pengurangan dalam subsidi, pemberian kepada badan berkanun serta bekalan dan perkhidmatan. Di samping itu, langkah penyusunan keutamaan telah diambil bagi membolehkan lebih banyak pelaksanaan program pembangunan kapasiti dan penyediaan bantuan sosial kepada kumpulan sasar.

Dalam tempoh kajian semula, sebanyak RM92 bilion telah diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan, kurang daripada sasaran asal dalam nilai semasa dan benar. Selain itu, perbelanjaan merekodkan kurangan, dengan 94.4% daripada jumlah peruntukan atau RM86.9 bilion telah dibelanjakan. Kurangan ini adalah

[6] Berdasarkan *Guidance Note on the Assessment of Reserve Adequacy and Related Considerations*, Laporan Staf IMF, Jun 2016.

disebabkan terutama oleh kelewatan dalam pengambilan tanah dan memuktamadkan reka bentuk projek walaupun terdapat inisiatif untuk menambah baik lagi proses pengurusan projek. Inisiatif ini termasuk pengenalan kepada indeks bagi menilai kos dan faedah dalam pemilihan projek dan penerusan keperluan melaksana proses pengurusan nilai bagi projek bernilai RM50 juta dan ke atas. Perbelanjaan pembangunan terus dibiayai terutama melalui pinjaman berikutan baki akaun semasa yang tidak mencukupi. Walaupun paras hutang Kerajaan Persekutuan meningkat dengan defisit fiskal yang berterusan, peratusan hutang kepada KDNK pada harga semasa berkurang daripada 54.5% pada tahun 2015 kepada 50.8% pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, paras hutang tersebut tidak mengambil kira liabiliti luar jangka serta komitmen pembayaran pada masa hadapan bagi projek yang dilaksana melalui perkongsian awam swasta.

Kerajaan mempunyai garis panduan kemampanan fiskal untuk mengurus akaun fiskal yang terdiri daripada perundangan dan peraturan dalaman. Antara lain, Akta Pinjaman Tempatan (Pindaan) 2005 mengehadkan pinjaman dalam negeri oleh Kerajaan tidak melebihi 55% kepada KDNK pada harga semasa dan Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 mengehadkan pinjaman luar negeri oleh Kerajaan kepada hanya RM35 bilion pada satu-satu masa. Di samping itu, Kerajaan mempunyai peraturan fiskal dalaman yang mengehadkan bayaran khidmat hutang sebanyak 15% kepada jumlah hasil. Walaupun terdapat peningkatan beban hutang, Kerajaan masih berupaya mematuhi pembayaran tanggungan hutang. Pinjaman luar negeri Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM21.3 bilion manakala bayaran khidmat hutang adalah sebanyak 12.6% kepada jumlah hasil pada akhir tahun 2017. Walau bagaimanapun, bayaran ini menunjukkan peningkatan berbanding 9.8% kepada jumlah hasil pada tahun 2010. Meskipun terdapat kebimbangan mengenai peningkatan hutang, Malaysia masih diberi penarafan yang menggalakkan dengan prospek stabil oleh agensi penarafan antarabangsa yang utama berdasarkan asas ekonomi negara yang kukuh.

Paparan 1-5

Kedudukan Fiskal dan Hutang Kerajaan Persekutuan, 2010-2017

RM bilion

Perkara	2010	2015	2016	2017
Hasil	159.7	219.1	212.4	220.4
Perbelanjaan Mengurus	151.6	217.0	210.2	217.7
Akaun Semasa	8.0	2.1	2.2	2.7
Perbelanjaan Pembangunan	52.8	40.8	42.0	44.9
Imbangan Keseluruhan				
• RM bilion	**-43.3**	**-37.2**	**-38.4**	**-40.3**
• % kepada KDNK	*-5.4*	*-3.2*	*-3.1*	*-3.0*
Jumlah Hutang Kerajaan Persekutuan[7]				
• RM bilion	407.1	630.5	648.5	686.8
• % kepada KDNK	*49.6*	*54.5*	*52.7*	*50.8*

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia



[7] Terhad kepada pinjaman dan terbitan sekuriti hutang oleh Kerajaan Persekutuan.

Inflasi dan Pasaran Buruh

Tekanan harga dalam ekonomi kekal sederhana dengan purata **inflasi** pada kadar 2.9% (2016: 2.1%, 2017: 3.7%) di sebalik harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi, harga komoditi global yang semakin pulih dan kadar tukaran asing yang lebih lemah. Kadar inflasi masih terkawal berikutan tindak balas dasar monetari yang menyokong dan pelaksanaan langkah pentadbiran oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, kenaikan harga item tertentu seperti makanan dan pengangkutan masih menjadi kebimbangan. Malaysia mengekalkan tahap guna tenaga penuh dengan **kadar pengangguran** kekal stabil pada 3.4% daripada keseluruhan tenaga buruh pada tahun 2017.

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia

Sejajar dengan kemajuan ekonomi, kesejahteraan rakyat turut bertambah baik. MyWI menunjukkan peningkatan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan, dengan peningkatan indeks tersebut daripada 121.8 mata pada tahun 2015 kepada 122.8 mata pada tahun 2016. Berdasarkan indeks subkomposit kesejahteraan ekonomi di bawah MyWI, rakyat Malaysia memperoleh pendapatan yang lebih tinggi serta menikmati persekitaran kerja yang lebih kondusif dan infrastruktur pengangkutan yang lebih baik. Indeks subkomposit kesejahteraan sosial menunjukkan kesejahteraan rakyat Malaysia telah meningkat melalui perumahan, kemudahan dan keselamatan awam yang lebih baik serta lebih banyak aktiviti untuk berlibur. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang menjadi kebimbangan dan perlu ditangani, termasuk kehidupan keluarga, alam sekitar dan kesihatan. Kebimbangan ini adalah berdasarkan trend yang meningkat bagi beberapa indikator seperti jenayah juvana, penyakit tidak berjangkit, hutang isi rumah dan keganasan rumah tangga.

Prestasi Pemacu Perubahan: Meningkatkan Potensi Produktiviti

Peningkatan potensi produktiviti telah dikenal pasti sebagai salah satu pemacu perubahan dalam RMKe-11. Oleh itu, Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB) telah dilancarkan pada tahun 2017 untuk meningkatkan produktiviti buruh. Dalam tempoh kajian semula, pertumbuhan ekonomi dipacu terutamanya oleh faktor pengeluaran tradisional iaitu buruh dan modal yang menyumbang secara purata sebanyak 62.2% kepada pertumbuhan ekonomi, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-5*. Sehubungan itu, sumbangan produktiviti pelbagai faktor (MFP) kepada pertumbuhan KDNK adalah sebanyak 37.8%, lebih rendah daripada sasaran sebanyak 40%. Sumbangan yang rendah ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan MFP yang lebih perlahan pada kadar purata 1.9% setahun. Walau bagaimanapun, sumbangan MFP kepada pertumbuhan KDNK bertambah baik berbanding 23.7% dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Paparan 1-6

Faktor Pengeluaran, 2011-2020

Pertumbuhan, pada harga malar 2010, % setahun
Bahagian kepada pertumbuhan ditunjukkan dalam kurungan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Produktiviti buruh Malaysia meningkat daripada RM75,634 bagi setiap pekerja pada tahun 2015 kepada RM81,268 pada tahun 2017, dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 3.7% setahun dan mencapai sasaran RMKe-11, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-6*. Peningkatan produktiviti telah dipacu oleh intensiti modal yang lebih tinggi dalam ekonomi, membawa kepada peningkatan guna tenaga yang lebih rendah, khususnya bagi kategori separa mahir dan berkemahiran rendah.

Pada peringkat sektor, produktiviti buruh bagi hampir kesemua sektor mencatat pertumbuhan positif, diterajui oleh sektor perlombongan yang meningkat secara purata sebanyak 10.9% setahun. Kenaikan ini disokong oleh peningkatan pengeluaran gas asli ditambah dengan penguncupan guna tenaga yang ketara dalam sektor tersebut berikutan harga minyak mentah yang rendah secara berpanjangan. Pertumbuhan positif ini diikuti oleh sektor pembinaan sebanyak 6.1%, perkhidmatan sebanyak 4.6% dan pembuatan sebanyak 3.9%. Walau bagaimanapun, produktiviti buruh bagi sektor pertanian menguncup sebanyak 1.8% berikutan pengeluaran yang lebih rendah akibat keadaan cuaca yang buruk.

MPB bertujuan untuk memacu inisiatif dalam meningkatkan produktiviti buruh secara menyeluruh pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-7*. Pada peringkat sektor, inisiatif tersebut akan diterajui terutamanya oleh jaguh produktiviti yang dilantik daripada industri dengan sokongan Kerajaan.

Paparan 1-7

Produktiviti Buruh mengikut Sektor Ekonomi, 2010-2020

Sektor	**RM '000 nilai ditambah setiap pekerja,** pada harga malar 2010				**Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %**		
	Sebenar				**RMKe-10**	**RMKe-11**	
					Sebenar	**Sasaran Asal**	**Prestasi**
	2010	**2015**	**2016**	**2017**	**2011-2015**	**2016-2020**	**2016-2017**
Pertanian	52.9	53.9	51.3	52.0	*0.4*	*3.6*	*-1.8*
Perlombongan dan Pengkuarian	2,752.3	984.9	1,133.4	1,210.8	*-18.6*	*1.1*	*10.9*
Pembuatan	87.6	102.6	106.3	110.9	*3.2*	*2.6*	*3.9*
Pembinaan	27.5	35.7	39.3	40.2	*5.4*	*9.6*	*6.1*
Perkhidmatan	59.4	66.8	69.5	73.0	*2.4*	*4.1*	*4.6*
Keseluruhan	**69.0**	**75.6**	**78.3**	**81.3**	***1.8***	***3.7***	***3.7***

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Paparan 1-8

Pemacu Perubahan: Meningkatkan Potensi Produktiviti

Komponen	Isu	Prestasi, 2016-2017	Sasaran Outcome
Pendekatan	Inisiatif produktiviti tidak bersepadu, biasanya pada peringkat nasional	Di bawah Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB), strategi telah dirangka bagi melonjakkan produktiviti pada semua peringkat: • 10 inisiatif peringkat nasional dengan 16 aktiviti utama (28 petunjuk prestasi utama (KPI) dengan jadual pelaksanaan yang khusus telah ditetapkan untuk dilaksana) • 42 inisiatif peringkat sektor bagi 9 subsektor terpilih • Rangka kerja *Enterprise Productivity Diagnostic* (EPD) pada peringkat perusahaan	Strategi yang berfokus dan menyeluruh pada semua peringkat - nasional, sektor dan perusahaan
Peneraju	Diterajui oleh Kerajaan	Pelaksanaan MPB diterajui oleh jaguh industri melalui Nexus Produktiviti dengan sokongan padu oleh Kerajaan: • 9 Nexus Produktiviti telah ditubuhkan pada tahun 2017 bagi memacu pelaksanaan inisiatif pada peringkat sektor	Diterajui oleh jaguh industri dan persatuan industri serta disokong oleh Kerajaan melalui Majlis Produktiviti Negara (MPN)
Tumpuan industri	Fokus kepada sektor pembuatan dan beberapa subsektor perkhidmatan terpilih	• MPB merangkumi 3 sektor utama: pertanian, pembuatan dan perkhidmatan • 9 subsektor telah dikenal pasti sebagai subsektor keutamaan, iaitu runcit dan makanan & minuman; elektrikal dan elektronik; bahan kimia dan produk kimia; agromakanan; perkhidmatan profesional; pelancongan; perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi; jentera dan peralatan; dan penjagaan kesihatan swasta	Semua sektor termasuk pertanian, pembinaan dan sektor awam diliputi
Reka bentuk program	Program bersifat generik tanpa sasaran yang jelas	MPB telah dibangunkan menerusi libat urus yang menyeluruh bersama pihak berkepentingan daripada sektor awam dan swasta: • 15 bengkel, 3 sesi meja bulat, 6 kumpulan fokus, kaji selidik dalam talian pada peringkat industri (1,107 responden)	Program dijajarkan dengan keperluan industri berdasarkan pelan induk industri berkaitan
	Insentif tidak dihubung kait dengan prestasi	Pelbagai inisiatif telah dikenal pasti bagi menjajar semula geran utama, insentif, pinjaman mudah dan mekanisme pembiayaan yang lain kepada metrik dan outcome produktiviti	Insentif dihubungkaitkan dengan outcome
Peraturan	Tiada atau kurang hubung kait antara dasar atau peraturan dengan produktiviti	• Pendekatan *Guillotine* telah diterima pakai bagi menghapuskan langkah bukan tarif (NTM) yang menghalang pertumbuhan perniagaan • 668 daripada 713 NTM telah disemak semula	Hubung kait antara dasar atau peraturan Kerajaan dengan produktiviti diwujudkan
Pemantauan	Pemantauan pada peringkat nasional sahaja	Model tadbir urus yang lebih mantap telah diwujud untuk memperkukuh pemantauan pada semua peringkat dengan peranan dan tanggungjawab yang jelas: • MPN, dipengerusikan oleh Perdana Menteri untuk memantau secara strategik pada peringkat nasional • Pejabat Pengurusan Penyampaian, untuk menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan strategi produktiviti pada peringkat sektor dan perusahaan melalui kerjasama erat dengan Nexus Produktiviti yang berkaitan	Pemantauan merentas peringkat nasional, sektor dan perusahaan dipertingkat

Isu dan Cabaran

Pelbagai isu struktur ekonomi yang berlarutan masih belum diselesaikan dan ini telah menjejaskan kelancaran pembaharuan ekonomi ke arah menjadi sebuah negara maju dan inklusif. Antara isu tersebut ialah ekonomi yang lebih bergantung kepada faktor pengeluaran tradisional berbanding produktiviti untuk memacu pertumbuhan. Pelaburan pula lebih tertumpu kepada struktur fizikal berbanding jentera dan peralatan yang amat penting bagi melonjak kapasiti ekonomi yang produktif. Sementara itu, kebanyakan industri masih berada pada tahap rendah hingga pertengahan dalam rantaian nilai produk dan perkhidmatan. Keadaan ini telah mengakibatkan pewujudan bilangan pekerjaan berpendapatan tinggi yang terhad. Ruang fiskal yang kecil terus mengekang pembiayaan sektor awam untuk program dan projek pembangunan.

Produktiviti

Produktiviti negara telah mencatat peningkatan ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, masih terdapat cabaran yang sama merentas semua sektor yang menghalang usaha meningkatkan lagi produktiviti, iaitu cabaran berkaitan bakat, teknologi, akauntabiliti dan struktur industri, persekitaran perniagaan serta *mindset*. Antara semua cabaran ini, bakat merupakan faktor paling penting yang diperlukan untuk melonjak produktiviti. Pemain industri berhadapan dengan jurang kemahiran dalam kalangan siswazah tempatan, sebahagiannya disebabkan oleh ketidakpadanan antara permintaan industri dan penawaran daripada institusi pendidikan tinggi serta institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional. Di samping itu, pihak industri terlalu bergantung kepada pekerja separa mahir dan berkemahiran rendah serta pekerja asing[8]. Pekerja separa mahir dan berkemahiran rendah merangkumi 72.5% daripada jumlah guna tenaga, dengan 15.5% daripada jumlah ini merupakan pekerja asing pada tahun 2017. Kebergantungan yang tinggi terhadap buruh asing telah menyebabkan ekonomi masih berintensif buruh, menekan kadar upah dan menyekat penggunaan automasi, seterusnya menghalang usaha untuk meningkatkan produktiviti.

Pelaburan dalam penggunaan teknologi dan pendigitalan secara relatifnya masih terhad dalam kalangan perusahaan walaupun terdapat inisiatif untuk melonjakkan penerimagunaan inovasi digital. Justeru, Malaysia berisiko untuk kehilangan potensi manfaat produktiviti berbanding negara serantau yang setara. Keadaan ini menjadi lebih berisiko dengan perkembangan pesat teknologi digital yang dipacu oleh Revolusi Perindustrian Keempat. Walaupun terdapat penambahbaikan yang ketara dalam memudah cara perniagaan, langkah kawal selia yang membebankan terus wujud merentas sektor termasuk pentafsiran dan pemakaian peraturan yang tidak konsisten telah menjejaskan produktiviti perusahaan. Di samping itu, proses permohonan lesen yang rumit dan panjang telah mengakibatkan kos yang tinggi dan kelewatan, seterusnya mengehadkan peningkatan produktiviti.

Pelaburan

Pelaburan seperti yang ditunjukkan oleh PMTK terus meningkat sejak lebih sedekad yang lalu untuk mencapai 25.3% kepada KDNK pada tahun 2017 dalam menyokong pembangunan pesat sosioekonomi negara. Walau bagaimanapun, bahagian PMTK mengikut jenis aset menunjukkan bahawa pelaburan adalah lebih tertumpu kepada struktur fizikal, meningkat daripada 48.2% pada tahun 2010 kepada 57.7% pada tahun 2017, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1-8*. Sementara itu, pelaburan dalam peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta jentera dan peralatan lain berkurang daripada 26% kepada 22.2% dalam tempoh yang sama. Bahagian pelaburan yang rendah dalam peralatan ICT serta jentera dan peralatan lain di Malaysia telah menghalang penerimagunaan lebih meluas teknologi termaju dan automasi oleh industri. Pelaburan yang rendah ini telah mengehadkan penambahbaikan dalam proses pembuatan dan peningkatan produktiviti. Sebaliknya, negara maju seperti AS dan Korea Selatan telah melabur lebih daripada 20% dalam jentera dan peralatan secara berterusan untuk tempoh melebihi satu dekad semasa puncak fasa perindustrian negara tersebut.

[8] Merujuk kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, 2017, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Paparan 1-9

Pembentukan Modal Tetap Kasar mengikut Jenis Aset, 2010-2017



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keluaran mengikut Sektor

Walaupun negara mencatat pertumbuhan menyeluruh dalam semua sektor dan menghampiri struktur ekonomi sebuah negara maju, sektor perkhidmatan dan pembuatan masih mendominasi ekonomi. Namun begitu, terdapat keperluan untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi daripada yang bercirikan tradisional dalam setiap sektor. Sektor perkhidmatan masih didominasi oleh subsektor perkhidmatan tradisional manakala komposisi subsektor perkhidmatan moden yang dipacu oleh teknologi tidak berubah dalam tempoh kajian semula. Sementara itu, sektor pembuatan sering berhadapan dengan kekurangan pelaburan dalam jentera dan peralatan serta ketidakupayaan inovatif. Sektor ini masih memberi tumpuan kepada pemasangan produk berbanding memulakan pembangunan reka bentuk dan produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Bagi sektor pertanian, subsektor komoditi industri terus menjadi penyumbang utama walaupun penekanan yang lebih besar diberi kepada peningkatan pengeluaran agromakanan untuk mengurangkan nilai import makanan dan meningkatkan tahap sara diri.

Ruang Fiskal

Hasil Kerajaan tidak selari dengan pertumbuhan ekonomi seperti yang ditunjukkan oleh trend keapungan hasil cukai yang semakin mengecil sejak tahun 2012, menyusut daripada 2.2 pada tahun 2011 kepada 0.5 pada tahun 2017. Oleh itu, hasil berasaskan cukai yang merupakan penyumbang utama kepada jumlah hasil berkurang daripada 13.8% kepada KDNK pada tahun 2016 kepada 13.1% pada tahun 2017. Peratusan ini adalah lebih rendah berbanding purata OECD sebanyak 20.6%. Cukai langsung yang menyumbang sebanyak 51.6% daripada jumlah hasil pada tahun 2016 kekal menjadi sumber utama hasil Kerajaan, lebih tinggi berbanding Thailand sebanyak 33.9% dan Korea Selatan sebanyak 20.5%. Sementara itu, sumbangan cukai tidak langsung sebanyak 28.1% adalah lebih rendah daripada Korea Selatan dan Thailand, dengan sumbangan masing-masing sebanyak 57.6% dan 49.8%, menekankan keperluan untuk melaksana reformasi cukai. Kekurangan hasil mengekang keupayaan untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat.

Usaha pengukuhan fiskal dilaksana terutamanya melalui peningkatan kecekapan perbelanjaan, walaupun prestasi hasil adalah kurang menggalakkan. Meskipun langkah kecekapan perbelanjaan telah diambil seperti penyusunan semula keutamaan program dan projek, pengurangan perbelanjaan berdasarkan budi bicara dan pelaksanaan rasionalisasi pentadbiran sektor awam, namun kos projek mega telah mengurangkan impak langkah tersebut. Keadaan ini diburukkan lagi apabila kebanyakan projek mega dibiayai secara *off-budget*, dijamin oleh Kerajaan Persekutuan dan ditunjukkan melalui liabiliti luar jangka yang meningkat. Kaedah pembiayaan tersebut meningkatkan lagi pendedahan risiko fiskal Kerajaan. Di samping itu, komitmen kewangan daripada projek perkongsian awam swasta dalam bentuk bayaran kos pembangunan dan bayaran pajakan telah meningkatkan tekanan ke atas kewangan Kerajaan. Peningkatan hutang akibat defisit yang berterusan ditambah dengan peningkatan liabiliti daripada jaminan dan pajakan memerlukan reformasi kewangan sektor awam yang menyeluruh.

Kesimpulan

Dalam tempoh kajian semula, ekonomi Malaysia terus berkembang walaupun pada kadar sederhana kesan daripada pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan dan perkembangan perdagangan global yang sederhana pada tahun 2016. Meskipun ekonomi kembali pulih sepenuhnya pada tahun 2017, kelembapan pada tahun sebelumnya telah menjejaskan trajektori pertumbuhan jangka sederhana dan memberi cabaran tambahan kepada Malaysia untuk mencapai matlamat negara maju dan inklusif selaras dengan Wawasan 2020. Di sebalik pencapaian pertumbuhan yang menggalakkan dalam tempoh kajian semula, terdapat beberapa isu ketidaksamaan dan struktur ekonomi yang berlarutan masih belum diselesaikan dan menjejaskan kelancaran reformasi ekonomi.

Memperkukuh Inklusiviti ke arah Masyarakat yang Saksama

Pendahuluan

Prestasi 2016-2017

Prestasi Outcome Terpilih

Prestasi Bidang Fokus dan Pemacu Perubahan

Isu dan Cabaran

Kesimpulan

2

Pendahuluan

Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020, memberi tumpuan kepada pengukuhan pembangunan inklusif dengan menyediakan peluang saksama untuk semua rakyat Malaysia bagi mengambil bahagian dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Peluang ini disediakan tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan lokasi geografi. Pendekatan pembangunan inklusif ini juga adalah sejajar dengan hasrat tidak meminggirkan sesiapa di bawah Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Dalam tempoh kajian semula, 2016-2017, pelbagai inisiatif pembangunan inklusif yang dilaksanakan telah menyumbang kepada peningkatan kemakmuran dan kualiti hidup secara menyeluruh. Pencapaian ini terbukti melalui peningkatan pendapatan penengah isi rumah dan penambahbaikan dalam agihan pendapatan. Peluang dan penglibatan rakyat dalam aktiviti ekonomi merentasi pelbagai etnik dan wilayah telah meningkat dengan penambahbaikan sistem sokongan kepada kumpulan sasar serta peluasan akses kepada infrastruktur dan perkhidmatan luar bandar. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu dan cabaran yang perlu ditangani termasuk kapasiti dan keupayaan yang terhad dalam kalangan kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) serta tahap pemilikan kekayaan yang rendah dalam kalangan Bumiputera. Di samping itu, peningkatan kos sara hidup dan keperluan untuk memperkasa kumpulan sasar khusus dalam masyarakat masih menjadi cabaran. Walaupun kelima-lima koridor ekonomi telah menyumbang kepada pembangunan wilayah, ketidaksamaan dalam kalangan negeri dan wilayah serta jurang antara bandar dan luar bandar dalam sesuatu wilayah masih menjadi isu dan memerlukan tindakan lanjut.

Prestasi, 2016-2017

Dalam tempoh kajian semula, pelbagai inisiatif telah dilaksana ke arah meningkatkan pendapatan dan menambah baik taraf hidup rakyat. Berlandaskan keadaan ekonomi yang kukuh, inisiatif ini telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan purata bulanan isi rumah daripada RM6,141 pada tahun 2014 kepada RM6,958 pada tahun 2016. Pendapatan penengah bulanan isi rumah juga meningkat daripada RM4,585 kepada RM5,228 dalam tempoh yang sama. Selain itu, ketidaksamarataan pendapatan berkurangan secara marginal sebagaimana ditunjukkan oleh pekali Gini yang lebih rendah, daripada 0.401 pada tahun 2014 kepada 0.399 pada tahun 2016. Usaha untuk memperkukuh pembangunan inklusif ke arah masyarakat yang lebih saksama telah dilaksana melalui lima bidang fokus seperti berikut:

BIDANG FOKUS A
Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah

BIDANG FOKUS B
Memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera

BIDANG FOKUS C
Mentransformasi luar bandar untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat

BIDANG FOKUS D
Mempercepat pertumbuhan wilayah ke arah keseimbangan geografi yang lebih baik

BIDANG FOKUS E
Memperkukuh peluang Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) untuk meningkatkan pemilikan kekayaan

Prestasi Outcome Terpilih

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 14 outcome telah dikenal pasti, dengan satu outcome iaitu penyertaan golongan Bumiputera dalam kategori pekerjaan mahir telah melepasi sasaran Rancangan. Tujuh sasaran dijangka dapat dicapai, manakala baki enam sasaran mencatatkan prestasi yang perlahan. Pencapaian outcome terpilih adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 2-1*.

Paparan 2-1

Sorotan
Rancangan Malaysia Kesebelas: Outcome Terpilih dan Prestasi

Menambah baik ketidakseimbangan pendapatan secara keseluruhan



Pekali Gini

Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah



Pendapatan purata bulanan isi rumah

Pendapatan penengah bulanan isi rumah

Memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera



Kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja



Skor purata Indeks Kesejahteraan Keluarga



Skor purata Indeks Belia Malaysia

Mentransformasi luar bandar untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat

SDG 6

90,000 — 16,838

2016-2020 — 2016-2017

Tambahan unit rumah menerima bekalan air

SDG 7

36,800 — 18,190

2016-2020 — 2016-2017

Tambahan unit rumah menerima bekalan elektrik

3,000 km — 1,542 km

2016-2020 — 2016-2017

Jalan berturap dibina

Mempercepat pertumbuhan wilayah ke arah keseimbangan geografi yang lebih baik

SDG 10

RM 236 bilion — RM 107.2 bilion

2016-2020 — 2016-2017

Pelaburan direalisasi

SDG 10

470,000 — 147,627

2016-2020 — 2016-2017

Peluang pekerjaan diwujudkan

Memperkukuh peluang Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) untuk meningkatkan pemilikan kekayaan

sekurang-kurangnya 75% — 73.0%

2020 — 2016

Isi rumah Bumiputera memiliki seunit kediaman

sekurang-kurangnya 60% — 61.4%

2020 — 2017

Penyertaan Bumiputera dalam kategori pekerjaan mahir

sekurang-kurangnya 11% — 4.2%

2016-2020 — 2015

Pertumbuhan tahunan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera

Sasaran Asal — Prestasi

Prestasi Bidang Fokus dan Pemacu Perubahan

Di bawah lima bidang fokus, beberapa strategi dan inisiatif telah dikenal pasti untuk menyokong penghasilan outcome terpilih. Bidang Fokus A, meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah telah dikenal pasti sebagai pemacu perubahan dalam memperkukuh pembangunan inklusif. Pencapaian utama mengikut bidang fokus adalah seperti berikut:

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
A **Meningkatkan Taraf Isi Rumah B40 ke arah Masyarakat Kelas Menengah** **Pemacu Perubahan**	**Meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40** • Di kawasan bandar, pendapatan purata bulanan isi rumah B40 telah meningkat daripada RM2,927 pada tahun 2014 kepada RM3,262 pada tahun 2016 dan pendapatan penengah bulanan telah meningkat daripada RM3,095 kepada RM3,367 • Di kawasan luar bandar, pendapatan purata bulanan isi rumah B40 telah meningkat daripada RM1,760 pada tahun 2014 kepada RM1,969 pada tahun 2016 dan pendapatan penengah bulanan telah meningkat daripada RM1,797 kepada RM2,012 • Bahagian pendapatan B40 secara keseluruhan telah menurun daripada 16.8% pada tahun 2014 kepada 16.4% pada tahun 2016 • Kadar keciciran pada peringkat sekolah rendah telah berkurang daripada 0.34% pada tahun 2014 kepada 0.29% pada tahun 2017 dan pada peringkat sekolah menengah daripada 2.95% kepada 1.36% • 86% atau 132,444 daripada 154,086 pelajar dalam kalangan isi rumah B40 telah berjaya menamatkan latihan dalam program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) • 76 usahawan Orang Asli di bawah Program Pembangunan Usahawan Orang Asli telah merekodkan peningkatan pendapatan sebanyak 30% • 3 projek chalet eko pelancongan Orang Asli telah dibangunkan di Perak, Negeri Sembilan dan Kelantan yang menjana sumber pendapatan baharu kepada 1,213 isi rumah Orang Asli • 80 usahawan sosial telah dibangunkan oleh *Malaysian Global Creativity and Innovation Centre* (MaGIC) yang menjana pendapatan kasar berjumlah RM20 juta • 93,222 peserta Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah mendapat faedah daripada program pembiayaan mikro kredit dengan kadar pinjaman tidak berbayar yang rendah iaitu 1.27% • 1,674 hektar tanah telah diwartakan untuk Orang Asli di Semenanjung Malaysia, 76,366 hektar tanah Hak Tanah Adat (NCR) diberikan hak milik kepada Anak Negeri Sabah dan 200,037 hektar tanah NCR kepada Bumiputera Sarawak

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
	Menangani kos sara hidup yang meningkat • Program 1Harga 1Malaysia terus dilaksana untuk menyeragamkan harga barangan bersubsidi (beras, gula, tepung gandum kegunaan am dan minyak masak peket 1 kilogram) antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia • Peraturan-peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme untuk Menentukan Keuntungan Tinggi yang Tidak Munasabah bagi Barangan) 2016 telah dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2017 • Program *Friends of KPDNKK* telah diperkenal untuk membantu menyalurkan maklumat berkaitan kepenggunaan • EZ Adu, aplikasi atas talian telah dibangunkan sebagai saluran pilihan kepada orang awam untuk membuat aduan • 185 Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) telah beroperasi untuk menawarkan barangan terpilih pada harga yang berpatutan • 323 *outlet* berasaskan pertanian seperti Agrobazaar Kedai Rakyat, Karavan Tani dan Pasar Tani telah dibangunkan untuk menawarkan barangan pada harga yang berpatutan • 7.28 juta dan 7.22 juta isi rumah B40 dan individu telah menerima pindahan tunai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada tahun 2016 dan 2017 dengan jumlah pembayaran sebanyak RM11.65 bilion • 55,211 isi rumah B40 telah menerima bantuan bina baharu atau baik pulih rumah • 275,420 individu telah menerima manfaat daripada program kaunseling kewangan dan pengurusan kredit anjuran Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) **Memperkukuh sistem penyampaian program isi rumah B40** • Pangkalan data eKasih telah dihubungkan kepada pangkalan data *myIDENTITY*, e-Bantuan dan e-BR1M untuk menyelaras sistem penyampaian bantuan dan kumpulan sasar • Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada individu yang bekerja sendiri dalam sektor tidak formal bermula dengan pemandu teksi yang bekerja sendiri • Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 menyediakan bantuan kewangan sementara sehingga 6 bulan kepada pekerja yang diberhentikan, sokongan khidmat pekerjaan dan latihan semula untuk meningkatkan peluang bekerja semula

Pendapatan isi rumah B40 telah mencatat kadar pertumbuhan yang sederhana dalam tempoh 2015-2016 berbanding tempoh 2013-2014. Pertumbuhan ini sebahagiannya dipengaruhi oleh harga komoditi yang rendah dan keadaan pasaran buruh yang sederhana dalam keadaan ekonomi yang mencatat pertumbuhan sederhana. Pendapatan purata bulanan isi rumah B40 pada peringkat nasional telah meningkat pada kadar 15.9% setahun dalam tempoh 2013-2014 berbanding 5.8% dalam tempoh 2015-2016. Pendapatan penengah pula telah meningkat pada kadar 17.5% berbanding 6.6% setahun dalam tempoh yang sama. Kadar pertumbuhan pendapatan yang lebih perlahan telah menyebabkan bahagian pendapatan B40 berkurangan dalam tempoh tersebut. Berdasarkan kepada kadar pertumbuhan purata tahunan bagi tempoh 2015-2016, matlamat untuk mencapai sasaran pendapatan isi rumah B40 dan meningkatkan taraf isi rumah tersebut ke arah masyarakat kelas menengah[1] pada tahun 2020 adalah sukar untuk dicapai.

Dalam tempoh kajian semula, pelbagai inisiatif telah dilaksana bagi mengurangkan kesan kenaikan kos sara hidup, terutama terhadap kuasa beli isi rumah B40. Selain daripada langkah melindungi pengguna, bantuan tunai serta barangan dan perkhidmatan mampu dibeli melalui pelbagai premis perniagaan runcit telah disediakan. Walau bagaimanapun, kesan inisiatif ini adalah sederhana di samping tahap konsumerisme yang rendah. Sementara itu, pelaksanaan program jaringan keselamatan sosial (SSN) melalui pelbagai agensi masih tidak bersepadu dengan mekanisme penetapan sasaran yang lemah mengakibatkan ketidakcekapan dalam pemberian bantuan. Pada masa yang sama, pembentukan satu sistem perlindungan sosial yang bersepadu dan menyeluruh masih dalam pelaksanaan.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
B **Memperkasa Komuniti untuk Membina Masyarakat yang Produktif dan Sejahtera**	**Mengukuhkan institusi keluarga** • 647,000 peserta telah mendapat manfaat daripada program kemahiran keibubapaan dan nilai kekeluargaan seperti Keluarga@Kerja, Program Ilmu Keluarga, SMARTBelanja dan *Kafe@Teen* • 850,000 peserta telah mendapat manfaat daripada program sokongan keluarga temasuk perkhidmatan kaunseling dan kesihatan reproduktif, subsidi mammogram dan vaksinasi *human papilloma virus* (HPV) • Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 telah dipinda pada tahun 2017 bagi meningkatkan lagi perlindungan dan sokongan terhadap mangsa serta ahli keluarga **Membangunkan potensi belia** • 100,000 belia telah mendapat manfaat daripada program pembangunan kepemimpinan dan keusahawanan seperti Felo Perdana, Parlimen Belia Malaysia, eUsahawan, Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE), *Business on Truck Carnival* dan Inkubator Usahawan Belia Tani • Lebih daripada 2 juta belia telah menyertai aktiviti sukarelawan menerusi pelbagai platform seperti Program Kesukarelawanan Belia Malaysia (MyCorp), *1Malaysia for Youth* (iM4U) dan Sukan Asia Tenggara (SEA) Kuala Lumpur 2017

[1] Masyarakat kelas menengah merujuk kepada isi rumah berpendapatan pertengahan yang memperoleh pendapatan antara separuh dan dua kali ganda pendapatan penengah bulanan nasional (RM2,614 – RM10,456). Berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (PPIR & KA) 2016, pendapatan penengah bulanan nasional ialah sebanyak RM5,228.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
	Meningkatkan peranan wanita dalam pembangunan • Kadar penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja telah meningkat daripada 54.1% pada tahun 2015 kepada 54.7% pada tahun 2017 • 35.6% wanita memegang jawatan pengurusan tertinggi dalam sektor awam pada tahun 2017 berbanding 32.5% pada tahun 2015 **Mendukung keperluan dan kepentingan kanak-kanak** • Akta Kanak-kanak 2001 telah dipinda pada tahun 2016 dengan mengambil kira beberapa prinsip teras Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) • Lebih 300 kes penderaan kanak-kanak telah didaftarkan di Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak sejak beroperasi pada Jun 2017 • 200 pelindung kanak-kanak telah dilatih di bawah Unit Pemeliharaan dan Perlindungan Kanak-kanak (CCNCPU) yang memberi manfaat kepada 4,800 kanak-kanak • Lebih 35,000 murid daripada 130 sekolah telah menyertai program *Save and Protect Children* **Meningkatkan persekitaran hidup warga emas** • Program *Beautiful Life for Seniors* (BELFOS) telah diperkenal pada tahun 2017 bagi memudahkan akses terhadap peluang pekerjaan dan aktiviti sosial kepada warga emas • Lebih 46,000 warga emas dan orang kurang upaya (OKU) telah mendapat manfaat daripada program Khidmat Bantu di Rumah dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) • 1,000 warga emas telah menyertai kursus jangka pendek di bawah program *University of the Third Age* (U3A) **Memperkasa orang kurang upaya** • 21,000 OKU telah mendapat manfaat daripada program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), latihan peningkatan kemahiran dan program Perkhidmatan *Job Coach* • Bilangan OKU yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam telah meningkat daripada 3,332 orang pada tahun 2015 kepada 3,782 orang pada tahun 2017 • 123 kanak-kanak kurang upaya telah mendapat manfaat daripada penubuhan 6 pusat pakar jagaan kanak-kanak dengan usaha sama pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

Program dan inisiatif untuk memperkasa komuniti dan memenuhi keperluan kumpulan sasar menunjukkan prestasi yang sederhana dengan kebanyakan sasaran dijangka akan dicapai pada akhir tempoh Rancangan. Walau bagaimanapun, perhatian perlu terus diberikan terhadap kesejahteraan keluarga, kanak-kanak, wanita, warga emas dan orang kurang upaya (OKU). Indeks Kesejahteraan Keluarga 2016 yang mengukur dan melaporkan tahap kesejahteraan keluarga mencatat skor sederhana iaitu 7.33 daripada 10. Hal ini disebabkan oleh pelbagai faktor, terutama akses yang kurang kepada fasiliti dan kemudahan asas di kawasan perumahan, isu berkaitan persekitaran kediaman dan impak negatif teknologi komunikasi terhadap hubungan kekeluargaan. Di samping itu, prevalens malnutrisi dalam kalangan kanak-kanak iaitu kurang berat badan, berat badan berlebihan dan obesiti, masih menjadi kebimbangan. Kadar pertumbuhan tahunan bagi penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja juga meningkat secara perlahan ke arah mencapai sasaran 59%. Antara sebab yang menyumbang kepada perkara ini adalah kurang komitmen dan sumber dalam kalangan majikan bagi menyediakan persekitaran pekerjaan yang baik, terutama sistem aturan kerja fleksibel dan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak. Sementara itu, inisiatif untuk mewujudkan lebih ramai pemimpin wanita dalam sektor awam menunjukkan perkembangan yang baik di mana 35.6% daripada pengurusan tertinggi terdiri daripada wanita pada tahun 2017 berbanding 32.5% pada tahun 2015, melebihi sasaran 30%.

Pelbagai inisiatif sokongan sosial telah dilaksana melalui Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) serta program *Beautiful Life for Seniors* (BELFOS) dan Khidmat Bantu di Rumah dalam menggalakkan gaya hidup berdikari, produktif dan bermakna dalam kalangan warga emas. Walau bagaimanapun, inisiatif tersebut masih belum memadai dalam memenuhi keperluan yang semakin meningkat daripada populasi yang semakin menua. Sementara itu, penyertaan OKU dalam pasaran tenaga kerja masih rendah dengan anggaran 4,000 pekerja dalam sektor awam dan swasta. Hal ini disebabkan oleh ketidakmampuan majikan untuk menyediakan persekitaran yang mesra OKU di tempat kerja dan persepsi negatif oleh majikan terhadap kemampuan OKU untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Di samping itu, terdapat segelintir OKU yang menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran pekerjaan. Sekiranya semua isu ini terus diabaikan, ia akan merencatkan usaha untuk memperkasa komuniti ke arah mewujudkan masyarakat yang produktif dan sejahtera.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
C **Mentransformasi Luar Bandar untuk Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat**	**Meningkatkan kesejahteraan komuniti luar bandar** • Pendapatan purata bulanan isi rumah luar bandar telah meningkat sebanyak 12.1% daripada RM3,831 pada tahun 2014 kepada RM4,359 pada tahun 2016 • Insiden kemiskinan mutlak di luar bandar telah berkurang daripada 1.6% pada tahun 2014 kepada 1% pada tahun 2016 • Kadar migrasi bandar ke luar bandar telah meningkat daripada 13.8% pada tahun 2015 kepada 15.2% pada tahun 2016 • Kadar migrasi luar bandar ke bandar telah berkurang daripada 6.9% pada tahun 2015 kepada 4.2% pada tahun 2016 • Pekali Gini di kawasan luar bandar telah meningkat daripada 0.355 pada tahun 2014 kepada 0.364 pada tahun 2016

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
	Memperluas penyediaan infrastruktur asas luar bandar • 1,542 kilometer jalan luar bandar berturap telah dibina dan dinaik taraf • 93.5% liputan akses bekalan air bersih dan terawat ke rumah di luar bandar, memberi manfaat kepada tambahan 16,838 unit rumah • 96.1% liputan akses bekalan elektrik ke rumah di luar bandar, memberi manfaat kepada tambahan 18,190 unit rumah **Menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta di luar bandar** • RM33.5 bilion pelaburan di luar bandar telah direalisasi dan sebanyak 52,521 pekerjaan diwujudkan **Menambah baik rangkaian hubungan antara luar bandar dan bandar** • 36 bas ekspres baharu telah dibeli oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang meliputi 27 laluan baharu antara bandar dan luar bandar serta memberi manfaat kepada 777,640 penumpang • 39 bas henti-henti baharu telah dibeli oleh MARA yang melibatkan 100 hentian baharu dan memberi manfaat kepada 3.8 juta penumpang luar bandar **Meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas** • 12 Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan 205 Mini RTC telah beroperasi di seluruh negara yang memberi manfaat kepada lebih 8.2 juta pengunjung • Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (*Mobile CTC*) dengan kerjasama lebih daripada 30 agensi telah melaksanakan 400 aktiviti, memberi manfaat kepada 2.6 juta pengunjung • 5,967 ejen perkhidmatan Bank Simpanan Nasional telah dilantik untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan terpilih bagi masyarakat luar bandar **Memperkemas sistem penyampaian** • 19,452 kampung telah didaftarkan dalam Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN) untuk menambah baik perancangan pembangunan luar bandar dan penyampaian perkhidmatan

Hampir keseluruhan inisiatif untuk mentransformasi kawasan luar bandar telah dilaksana mengikut perancangan dengan mencatat pencapaian 50% daripada sasaran RMKe-11. Inisiatif ini termasuk membina dan menaik taraf jalan dan bekalan elektrik luar bandar, meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas serta menambah baik hubungan antara luar bandar dan bandar. Walaupun pelbagai langkah telah dilaksanakan, masih terdapat segelintir penduduk dan kawasan pedalaman yang mendapat akses terhad kepada infrastruktur asas dan peluang sosioekonomi.

Keadaan ini disebabkan oleh kedudukan geografi yang terpencil dengan bilangan penduduk yang kurang serta berselerak telah menjadi cabaran kepada penyediaan infrastruktur asas dan aktiviti sosioekonomi di luar bandar. Kegagalan untuk menangani isu tersebut secara komprehensif akan melebarkan jurang antara bandar dan luar bandar dan ketidakseimbangan pembangunan wilayah, menjejaskan produktiviti di kawasan luar bandar dan menyumbang kepada migrasi luar bandar ke bandar.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017

D
Mempercepat Pertumbuhan Wilayah ke arah Keseimbangan Geografi yang Lebih Baik
	Kajian semula pelan induk koridor ekonomi wilayah
	• Kajian semula pelan induk Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) telah selesai dilaksanakan
	• Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) dan Kerajaan Negeri Sarawak telah melaksanakan pelbagai kajian untuk melengkapkan Pelan Induk bagi Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE)
	• Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) telah memulakan kajian semula Rangka Tindakan Koridor Pembangunan Sabah (SDC)
	
	Mempercepat pelaburan di koridor ekonomi wilayah
	• *ECER Investment Special Taskforce* (EIST), *Northern Corridor Implementation Authority Investor Centre of Engagement* (NICE) dan *Iskandar Service Centre* (ISC) telah ditubuhkan sebagai platform untuk memudah cara pelabur
	• RM107.2 bilion pelaburan direalisasi di 5 koridor ekonomi wilayah, iaitu 45.4% daripada sasaran RMKe-11
	  • Iskandar Malaysia: RM41.8 bilion
	  • ECER: RM22.5 bilion
	  • NCER: RM17.3 bilion
	  • SCORE: RM15.9 bilion
	  • SDC: RM9.7 bilion

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
	147,627 pekerjaan diwujudkan di 5 koridor ekonomi wilayah, bersamaan dengan 31.4% daripada sasaran RMKe-11 • Iskandar Malaysia: 64,288 pekerjaan • ECER: 32,032 pekerjaan • NCER: 24,200 pekerjaan • SCORE: 19,354 pekerjaan • SDC: 7,753 pekerjaan Projek infrastruktur utama bagi menambah baik ketersambungan dan mobiliti • Peluasan Pelabuhan Kuantan • Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo • Pembinaan Lapangan Terbang Mukah • Pembangunan *Kuala Terengganu City Centre*

Keseluruhan usaha oleh pihak berkuasa koridor ekonomi wilayah telah menyumbang ke arah mengurangkan ketidakseimbangan wilayah melalui pelaksanaan program dan projek yang merangsang aktiviti ekonomi. Program dan projek ini yang dilaksanakan dengan kerjasama agensi Persekutuan dan negeri telah menarik pelaburan swasta yang lebih tinggi dan mewujudkan kesan limpahan kepada kawasan sekitar dan hab ekonomi. Di samping itu, pelbagai program pembangunan modal insan telah dijalankan untuk meningkatkan kualiti tenaga kerja terutama di kawasan luar bandar. Koridor ekonomi wilayah telah melaksana beberapa program kemahiran dan keusahawanan yang menyumbang kepada pewujudan pekerjaan, usahawan dan peluang perniagaan yang menarik pelaburan ke wilayah tersebut.

Aktiviti yang dilaksana koridor ekonomi wilayah telah menyumbang kepada peningkatan taraf hidup masyarakat setempat dan pengurangan jurang kemahiran bandar dan luar bandar. Pelaksanaan projek dan program dalam koridor ekonomi wilayah telah menyumbang kepada pelaburan direalisasi[2] sebanyak RM107.2 bilion yang merupakan 45.4% daripada sasaran RMKe-11. Sejumlah 147,627 pekerjaan telah diwujudkan dalam tempoh kajian semula iaitu bersamaan 31.4% daripada sasaran RMKe-11. Pencapaian ini disumbangkan oleh fasilitasi yang lebih baik kepada pelabur, ekosistem yang menyokong pelaburan dan insentif yang bersesuaian. Meskipun mencatat kemajuan, pertumbuhan di wilayah yang kurang maju secara relatifnya adalah lebih perlahan berbanding wilayah yang lebih maju, menunjukkan ketidakseimbangan wilayah masih wujud.

[2] Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) menggunakan definisi pelaburan direalisasi sebagai jumlah nilai pelaburan yang komited semasa permulaan projek. Sementara itu, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) menggunakan definisi pelaburan direalisasi sebagai nilai yang dilaburkan dalam projek untuk tahun semasa atau berdasarkan jumlah kerja yang telah disiapkan.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017

E
Memperkukuh Peluang Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) untuk Meningkatkan Pemilikan Kekayaan
	Memperkasa modal insan Bumiputera
	• Bumiputera mewakili 61.4% dalam kategori pekerjaan mahir
	• 130,000 pelajar telah dilatih oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam TVET serta program profesional dan pengurusan
	• 90.6% peserta yang dilatih oleh Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) di bawah Program Peneraju Skil Iltizam telah mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas berjaya memperoleh pensijilan
	• 83.3% daripada 1,644 pelatih Peneraju Skil Iltizam telah berjaya memperoleh gaji minimum RM1,500 sebulan dalam tempoh setahun bekerja, melepasi 70% sasaran outcome gaji minimum yang diterima oleh pelatih
	• 50.7% daripada 672 pelatih Peneraju Skil memperoleh sasaran gaji minimum RM3,800 sebulan dalam tempoh setahun bekerja yang masih belum mencapai 70% sasaran outcome gaji minimum yang diterima oleh pelatih
	• Tahap kelulusan keseluruhan bagi kertas profesional yang diduduki oleh 2,498 pelatih di bawah Program Peneraju Profesional adalah 89%, melepasi sasaran 65% tahap kelulusan minimum
	• Pencapaian cemerlang di bawah Program Peneraju Profesional adalah:
	  - 7 pelatih telah dianugerahkan *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) *Global Prize*
	  - 21 pelatih telah dianugerahkan *Certified Accounting Technician* (CAT) *Global Prize*
	  - 20 pelatih telah ditauliahkan sebagai *Chartered Financial Analyst* (CFA)
	Meningkatkan penguasaan efektif Bumiputera dan mengekalkan pemilikan korporat
	• RM482.6 juta pelaburan oleh Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) dalam 9 syarikat yang terlibat dalam perniagaan berkaitan minyak dan gas; peruncitan; pembuatan; makanan dan minuman; barangan pengguna mudah laris; dan perkhidmatan
	• 2 syarikat telah disenaraikan di Bursa Malaysia di bawah Skim Jejak Jaya Bumiputera dengan permodalan pasaran bernilai RM4.5 bilion

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
	• RM41.5 juta telah dilaburkan ke dalam 6 syarikat berasaskan teknologi di bawah Program A-Bio dalam perniagaan seperti peranti perubatan, patologi dan reka bentuk kejuruteraan • RM236.2 bilion daripada dana di bawah *Assets Under Management* pegangan Bumiputera telah dilaburkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) dalam pelbagai kategori aset merangkumi instrumen ekuiti awam, pelaburan swasta, hartanah, wang tunai dan pendapatan tetap sejak tahun 1978 **Meningkatkan syer pemilikan kekayaan Bumiputera** • 73% isi rumah Bumiputera telah memiliki seunit kediaman pada tahun 2016 • 3 unit bangunan dan hartanah komersial bernilai tinggi diperoleh dengan nilai RM1.2 bilion oleh Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) • Saiz dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) telah meningkat kepada RM4 bilion yang memberi manfaat kepada 58,000 pemegang unit Bumiputera • 219 unit premis perniagaan bernilai RM20.7 juta telah dibangunkan oleh MARA • Pembangunan perumahan Wakaf Legasi Seberang Jaya telah dilaksanakan melibatkan 68 unit kediaman dengan jumlah nilai pembangunan kasar (GDV) RM15.3 juta, melalui kerjasama antara UDA Holdings Berhad (UDA) dengan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang • Pembangunan bercampur Wisma Wakaf Ar Ridzuan yang melibatkan 11 unit komersial dan 144 unit kediaman dengan jumlah GDV sebanyak RM41.8 juta, melalui kerjasama antara UDA dengan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak • 77 unit pangsapuri kos sederhana rendah (1,000 kaki persegi) dibina di atas tanah wakaf di Sungai Nibong, Pulau Pinang • 35 unit premis perniagaan bernilai RM58.8 juta telah dibeli oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) untuk disewakan kepada usahawan Bumiputera **Memperkasa Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC)** • 236 syarikat telah mendapat manfaat dan lebih daripada 4,000 pekerjaan telah diwujudkan di bawah dasar *carve-out and compete* melibatkan 4 projek iaitu Lebuhraya Pan Borneo Sabah, Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, Lebuhraya Setiawangsa-Pantai (SPE) dan *Mass Rapid Transit* (MRT) Laluan 2

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
	• 231 syarikat telah mendapat manfaat dan lebih 14,000 pekerjaan diwujudkan di bawah inisiatif Dana Mudahcara • 99.6% daripada 1,490 usahawan muda yang dilatih di bawah Program TUBE telah mendaftar perniagaan dan mewujudkan sejumlah 2,088 pekerjaan serta mencatat jumlah jualan sebanyak RM17.2 juta pada tahun 2016 • RM1 bilion pinjaman telah dilulus oleh TEKUN Nasional kepada 67,690 usahawan • RM176.6 juta pinjaman telah disalur oleh MARA kepada 3,194 usahawan dan geran berjumlah RM9.3 juta kepada 920 usahawan • RM377.5 juta pinjaman telah disalurkan kepada 865 usahawan di bawah Program Pembiayaan Keusahawanan PUNB **Mengukuhkan keberkesanan penyampaian program berorientasikan Bumiputera** • Sistem pangkalan data berpusat mengenai usahawan Bumiputera, TERAJU XChange (TXC) telah siap dibangunkan pada tahun 2016 bertujuan untuk mengumpulkan maklumat usahawan bagi menangani isu pengambilan faedah berganda

Dalam tempoh kajian semula, usaha yang dilaksanakan telah menyumbang ke arah pencapaian outcome agenda Bumiputera yang digariskan dalam RMKe-11. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, 2017, bilangan Bumiputera dalam kategori pekerjaan mahir mengikut kumpulan etnik meningkat daripada 59.4% pada tahun 2014 kepada 61.4% pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, hanya 29.4% daripada keseluruhan guna tenaga Bumiputera berada dalam kategori pekerjaan mahir tersebut. Situasi ini menunjukkan bahawa kebanyakan Bumiputera bekerja dalam industri yang mempunyai nilai ditambah yang rendah dengan pekerjaan bergaji rendah.

Peratusan isi rumah Bumiputera memiliki sekurang-kurangnya seunit kediaman telah meningkat sedikit daripada 72.7% pada tahun 2014 kepada 73% pada tahun 2016, berbanding sasaran sekurang-kurangnya 75% pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, jumlah nilai transaksi hartanah komersial dan industri bagi pasaran primer yang melibatkan Bumiputera telah berkurangan daripada RM291.3 juta pada tahun 2015 kepada RM226.1 juta pada tahun 2016. Nilai ini menunjukkan penurunan sebanyak 20.4%, kesan daripada pertumbuhan ekonomi global yang perlahan[3]. Di samping itu, ekuiti korporat Bumiputera masih di bawah sasaran sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah pemilikan ekuiti korporat. Kedudukan ini telah memberi kesan kepada keseluruhan pegangan pemilikan kekayaan Bumiputera. Di samping itu, majoriti usahawan Bumiputera adalah dalam kategori perusahaan mikro dan kecil serta sangat bergantung kepada bantuan Kerajaan dan mudah terjejas akibat persaingan pasaran yang sengit.

[3] Berdasarkan Laporan Pasaran Hartanah Malaysia 2016.

Isu dan Cabaran

Usaha untuk **meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan isi rumah B40** menghadapi pelbagai cabaran. Majoriti ketua isi rumah B40 mempunyai tahap pendidikan dan kemahiran yang rendah, termasuk Orang Asli di Semenanjung Malaysia, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak. Kebanyakan isi rumah B40 adalah bekerja sendiri, pekerja berpendapatan rendah dan terlibat dalam perniagaan berskala kecil. Di samping itu, kebanyakan isi rumah B40 hanya mempunyai satu sumber pendapatan, kadar keberhutangan tinggi, tabungan rendah serta tidak mempunyai perlindungan insurans, menjadikan isi rumah ini mudah terjejas oleh ketidaktentuan dan kejutan. Selain itu, kebanyakan usahawan isi rumah B40 terlibat dalam perusahaan mikro. Kekangan utama yang dihadapi oleh usahawan isi rumah B40 termasuk kekurangan kapasiti dan keupayaan, kuasa tawar-menawar yang rendah serta akses yang terhad kepada teknologi dan sumber kewangan. Kapasiti dan keupayaan yang terhad antara lain dikaitkan dengan kebergantungan yang tinggi kepada bantuan Kerajaan, menjadikan kumpulan ini mempunyai tahap inisiatif, kreativiti dan ketahanan yang rendah. Pada masa yang sama, wujudnya sebilangan besar warga asing yang terlibat dalam aktiviti perniagaan tidak berdaftar telah menjejaskan peluang dalam kalangan usahawan B40 tempatan. Di samping itu, perancangan yang tidak komprehensif dan pelaksanaan program SSN secara *silo* serta pemilihan kumpulan sasar yang longgar oleh pelbagai agensi menyebabkan penyaluran bantuan kepada isi rumah B40 kurang berkesan.

Peningkatan harga barangan dan perkhidmatan telah menjejaskan kuasa beli isi rumah B40 dalam keadaan pertumbuhan pendapatan isi rumah yang lebih perlahan berbanding perbelanjaan. Perbelanjaan penggunaan bulanan purata bagi isi rumah B40 meningkat pada kadar 6% setahun dalam tempoh 2015-2016, lebih tinggi berbanding pertumbuhan pendapatan purata bulanan isi rumah sebanyak 5.8% setahun. Kebanyakan isi rumah B40 terjejas disebabkan oleh harga makanan dan minuman bukan alkohol yang mencatatkan kenaikan tertinggi pada kadar 3.7% setahun dalam tempoh kajian semula. Kenaikan ini diikuti oleh harga makanan[4] di luar rumah yang meningkat pada kadar 3.4% serta perbelanjaan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain pada kadar 2.4%. Ketiga-tiga kategori ini menyumbang sebanyak 61.9% daripada jumlah perbelanjaan golongan berkenaan. Isi rumah B40 di bandar, terutama golongan berpendapatan rendah, lebih terjejas dengan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan disebabkan komitmen perbelanjaan yang lebih tinggi dan keupayaan menjana pendapatan yang terhad.

Cabaran dalam usaha **memperkukuh BEC** termasuk penyertaan rendah Bumiputera dalam pekerjaan mahir dan profesional terutama pada peringkat pengurusan dan pembuat keputusan. Bumiputera juga menghadapi kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan disebabkan oleh beberapa faktor seperti kelemahan dalam kemahiran interpersonal dan penguasaan bahasa Inggeris serta jurang kemahiran yang diperlukan oleh industri berbanding kemahiran yang dimiliki oleh graduan Bumiputera. Kedudukan kewangan yang kurang kukuh dan ketidakupayaan untuk memenuhi keperluan institusi kewangan telah menghalang Bumiputera untuk memiliki aset kewangan dan bukan kewangan. Di samping itu, pemilikan ekuiti korporat yang rendah menyebabkan Bumiputera mempunyai kuasa yang terhad dalam membuat keputusan dan penguasaan yang kurang efektif. Kedudukan ini menunjukkan kepentingan BEC tidak diambil kira sewajarnya. Pada masa yang sama, potensi tanah wakaf dan tanah rizab Melayu sebagai mekanisme untuk meningkatkan pemilikan kekayaan Bumiputera masih belum dimanfaatkan secara optimum akibat kelemahan penyelarasan dan kekangan perundangan. Di samping itu, usahawan Bumiputera tidak mempunyai kekuatan kewangan dan terus bergantung kepada bantuan Kerajaan. Penglibatan usahawan Bumiputera yang terhad di sepanjang rantaian bekalan telah membataskan jaringan kerjasama perniagaan dan keupayaan untuk bersaing secara efektif dalam pasaran terbuka.

Cabaran dalam **memperkasa komuniti** termasuk meningkatkan kesejahteraan keluarga dan kanak-kanak, pembangunan belia, penyertaan wanita dalam tenaga kerja serta tahap kesedaran wanita dan kanak-kanak mengenai hak dan perlindungan daripada

[4] Makanan termasuk minuman bukan beralkohol.

keganasan. Cabaran dalam mengimbangi kerja dan kehidupan, membuat penyesuaian dalam gaya hidup serta menghadapi kesan teknologi terus menjejaskan kualiti kehidupan keluarga. Prevalens kurang berat badan, berat badan berlebihan dan obesiti dalam kalangan kanak-kanak akibat perubahan gaya hidup dan tabiat pemakanan juga memberi cabaran terhadap perkembangan dan kualiti kehidupan kanak-kanak. Meskipun pelbagai usaha dan inisiatif telah diambil untuk membangunkan potensi dan bakat belia, masih terdapat kebimbangan terhadap cabaran sosioekonomi yang dihadapi belia terutama berkaitan peningkatan bakat, keupayaan untuk mendapat pekerjaan dan pewujudan peluang dalam pelbagai bidang. Sementara itu, kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja kekal rendah akibat kekurangan kemudahan dan kos penjagaan kanak-kanak yang tinggi serta penyediaan sistem aturan kerja fleksibel yang terhad. Keadaan ini disukarkan lagi dengan faktor lain seperti komitmen dan tanggungjawab keluarga serta pemikiran tradisional mengenai peranan gender. Pada masa yang sama, kes keganasan terhadap wanita yang dilaporkan seperti keganasan rumah tangga, sumbang mahram dan rogol serta penderaan kanak-kanak turut meningkat. Masalah ini adalah berpunca terutama daripada nilai keagamaan dan moral yang rendah serta kekurangan sokongan masyarakat.

Pada masa ini, sekitar 10% daripada populasi rakyat Malaysia berumur 60 tahun dan ke atas dan dijangka mencapai 15% menjelang 2030. **Peningkatan bilangan warga emas** akan menambah tekanan terhadap Kerajaan dalam menyediakan pelbagai bantuan termasuk penjagaan kesihatan untuk golongan ini. Selain itu, kekurangan personel dan penjaga terlatih bagi penjagaan warga emas adalah pada tahap serius dengan hanya 30 pakar geriatrik bertauliah yang memberi perkhidmatan kepada warga emas. Di samping itu, kekurangan sokongan dan sikap tidak mengambil berat dalam memenuhi keperluan OKU terutama oleh sektor swasta juga telah memberi kesan terhadap penyertaan OKU yang produktif dalam aktiviti sosioekonomi. Tambahan pula, kekurangan kerjasama antara agensi dalam melaksanakan reka bentuk sejagat[5] bagi bangunan dan kemudahan awam telah menjejaskan usaha untuk menyediakan persekitaran fizikal yang mesra pengguna kepada warga emas dan OKU.

Dalam mencapai **pembangunan wilayah yang seimbang**, usaha untuk mengurangkan jurang pembangunan di antara negeri dan wilayah serta merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar dalam wilayah terus menjadi cabaran. Penyediaan infrastruktur dan ameniti asas di luar bandar terutama di kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak terus menjadi halangan disebabkan oleh kawasan yang luas serta mempunyai taburan penduduk yang kurang dan berselerak. Di samping itu, kos pelaksanaan yang tinggi, akses yang kurang baik dan keadaan muka bumi yang sukar telah memberikan cabaran untuk meningkatkan kesejahteraan penduduk luar bandar. Sementara itu, koridor ekonomi wilayah terus menghadapi persaingan sengit dalam menarik pelaburan asing terutama dalam industri berteknologi tinggi dan berintensifkan pengetahuan. Koridor ekonomi wilayah juga turut berhadapan dengan masalah kekurangan pekerja mahir serta akses yang terhad kepada kemudahan jalur lebar berkualiti dan infrastruktur logistik. Kekangan ini akan terus menghalang usaha mempercepat pertumbuhan sosioekonomi dan pembangunan wilayah yang seimbang di koridor ekonomi wilayah.

[5] Berdasarkan Akta Orang Kurang Upaya 2008, reka bentuk sejagat bermaksud reka bentuk produk, persekitaran, program dan perkhidmatan yang boleh digunakan oleh semua orang, ke tahap sebaik mungkin, tanpa perlu membuat adaptasi atau reka bentuk khusus dan hendaklah termasuk alat bantu bagi kumpulan orang kurang upaya tertentu jika ia diperlukan.

Kesimpulan

Langkah yang diambil dalam tempoh kajian semula telah mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif dan saksama berdasarkan tahap dan pengagihan pendapatan serta kesejahteraan rakyat yang lebih baik. Dalam hal ini, pendapatan isi rumah B40 telah meningkat dengan pelaksanaan program peningkatan kapasiti dan keupayaan. Di samping itu, Komuniti Ekonomi Bumiputera terus diperkukuh dengan penyertaan lebih ramai Bumiputera dalam industri strategik dan kategori pekerjaan mahir dalam keadaan pemilikan ekuiti dan aset bukan kewangan yang rendah. Pada masa yang sama, koridor ekonomi wilayah terus menunjukkan pertumbuhan walaupun pada kadar yang lebih perlahan, menyumbang ke arah pelaburan direalisasi yang lebih tinggi dan pewujudan lebih banyak pekerjaan. Usaha juga telah dilaksana untuk merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar dan menangani ketidakseimbangan wilayah melalui penyediaan kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik. Di sebalik kemajuan tersebut, usaha masih perlu dipergiat untuk menangani isu dan cabaran dalam meningkatkan potensi ekonomi dan kesejahteraan rakyat serta mengurangkan jurang sosioekonomi. Usaha ini termasuk mengkaji semula serta mengenal pasti langkah yang lebih berkesan dan inovatif dalam memperkukuh pembangunan inklusif ke arah masyarakat yang saksama.

Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

Pendahuluan

Prestasi, 2016-2017

Prestasi Outcome Terpilih

Prestasi Bidang Fokus

Isu dan Cabaran

Kesimpulan

3

Pendahuluan

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020, kesejahteraan rakyat kekal sebagai satu daripada teras utama bagi memastikan pembangunan yang seimbang selaras dengan pertumbuhan ekonomi. Secara umumnya, kesejahteraan rakyat berkait rapat dengan taraf dan kualiti hidup yang merangkumi aspek ekonomi, sosial, fizikal dan psikologi. Dalam tempoh kajian semula, 2016-2017, peningkatan kesejahteraan rakyat telah dicapai melalui usaha bersepadu oleh pelbagai pihak berkepentingan, terutamanya dalam penyediaan penjagaan kesihatan dan perumahan mampu milik yang berkualiti. Di samping itu, pelaksanaan pelbagai program pencegahan jenayah dan keselamatan jalan raya serta perkhidmatan kecemasan telah mewujudkan persekitaran hidup yang lebih selamat. Sementara itu, program integrasi sosial dan perpaduan terus menjadi platform untuk memperluas interaksi dan penglibatan dalam kalangan rakyat. Program dan inisiatif untuk mempromosikan gaya hidup aktif dan sihat serta memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia telah menarik penglibatan yang besar di seluruh negara. Walau bagaimanapun, beberapa isu dan cabaran masih menjadi kebimbangan termasuk peningkatan beban penyakit, rumah mampu milik yang tidak mencukupi, trend jenayah yang sentiasa berubah, perilaku yang tidak selamat dalam kalangan pengguna jalan raya, polarisasi sosial dan gaya hidup yang tidak aktif.

Prestasi, 2016-2017

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI[1])meningkat sedikit daripada 121.8 mata pada tahun 2015 kepada 122.8 mata pada tahun 2016, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 3-1*. Berdasarkan kepada indikator MyWI, peningkatan ini mencerminkan kesejahteraan ekonomi dan sosial rakyat Malaysia bertambah baik sedikit dalam tempoh kajian semula. Walau bagaimanapun, tempoh perbandingan yang lebih panjang antara tahun 2000 dan 2016 menunjukkan bahawa indeks keseluruhan meningkat sebanyak 22.8 mata. Indeks subkomposit kesejahteraan ekonomi meningkat dengan lebih tinggi sebanyak 30.3 mata, berbanding dengan indeks subkomposit kesejahteraan sosial yang meningkat sebanyak 18.6 mata dalam tempoh yang sama.

Dimensi ekonomi MyWI merangkumi komponen seperti pendapatan dan pengagihan, pengangkutan dan pendidikan, manakala dimensi sosial termasuk perumahan, kesihatan, keselamatan awam dan penyertaan sosial. Dalam tempoh 2000-2016, indeks subkomposit kesejahteraan ekonomi meningkat lebih tinggi daripada indeks subkomposit kesejahteraan sosial, disumbangkan terutamanya oleh peningkatan dalam komponen pengangkutan, pendapatan dan pengagihan. Sebahagian besar komponen dalam indeks subkomposit kesejahteraan sosial menunjukkan peningkatan. Namun, komponen alam sekitar dan kesihatan hanya meningkat sedikit manakala komponen keluarga telah menurun dalam tempoh yang sama.

Paparan 3-1

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2000-2016



Sumber: Unit Perancang Ekonomi

[1] MyWI ialah indeks komposit yang mengukur kesejahteraan rakyat Malaysia dan mengandungi 68 indikator meliputi 14 komponen kesejahteraan ekonomi dan sosial.

Pelbagai inisiatif telah dilaksana untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui enam bidang fokus seperti berikut:

BIDANG FOKUS A
Mencapai akses sejagat kepada penjagaan kesihatan berkualiti

BIDANG FOKUS B
Menyediakan perumahan mampu milik yang mencukupi dan berkualiti kepada isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana

BIDANG FOKUS C
Mewujudkan persekitaran hidup lebih selamat untuk masyarakat yang berdaya maju dan sejahtera

BIDANG FOKUS D
Meningkatkan keselamatan jalan raya dan perkhidmatan kecemasan untuk mengurangkan fataliti

BIDANG FOKUS E
Membudayakan semangat 1Malaysia untuk memperkukuh kesepaduan sosial dan perpaduan nasional

BIDANG FOKUS F
Menggiatkan sukan untuk kehidupan yang sihat dan memupuk perpaduan

Prestasi Outcome Terpilih

Dalam tempoh kajian semula, pelbagai inisiatif dan usaha telah dilaksana untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dalam enam bidang fokus. Berdasarkan sasaran sebelas outcome terpilih, enam daripadanya merekod kemajuan mengikut perancangan, manakala lima outcome menghadapi kesukaran untuk mencapai sasaran. Prestasi outcome terpilih bagi enam bidang fokus tersebut adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 3-2*.

Paparan 3-2

Sorotan
Rancangan Malaysia Kesebelas: Outcome Terpilih dan Prestasi



Nota: [1] MyWI bukan sebahagian daripada outcome terpilih.

Mewujudkan persekitaran hidup lebih selamat untuk masyarakat yang berdaya maju dan sejahtera



Persepsi rasa selamat

Pengoptimuman masa respons polis

Meningkatkan keselamatan jalan raya dan perkhidmatan kecemasan untuk mengurangkan fataliti



Indeks fataliti kemalangan jalan raya bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar

Membudayakan semangat 1Malaysia untuk memperkukuh kesepaduan sosial dan perpaduan nasional



Bilangan sekolah menubuhkan Kelab Rukun Negara

Sasaran Asal Prestasi

Prestasi Bidang Fokus

Di bawah enam bidang fokus, beberapa strategi dan inisiatif telah dikenal pasti untuk menyokong penyampaian setiap outcome terpilih. Sorotan bagi setiap prestasi utama bagi bidang fokus adalah seperti berikut:

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
A **Mencapai Akses Sejagat kepada Penjagaan Kesihatan Berkualiti**	**Meningkatkan sokongan kepada kumpulan sasar** • Terdapat 153 hospital awam dan institusi perubatan khusus serta 2,863 klinik kesihatan sehingga penghujung tahun 2017 • Terdapat 204 klinik bergerak, 361 Klinik 1Malaysia, 11 Klinik Bergerak 1Malaysia (20 pasukan) serta 12 pasukan perkhidmatan doktor udara bagi memberikan perkhidmatan di luar bandar dan pedalaman sehingga penghujung tahun 2017 • 133 klinik kesihatan telah menubuhkan pasukan perkhidmatan penjagaan kesihatan domisiliari bagi memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan di rumah • 96 klinik kesihatan telah menubuhkan pasukan penjagaan kesihatan primer **Menambah baik sistem penyampaian untuk outcome kesihatan yang lebih baik** • Akta Perintah Fi (Perubatan) 1982[1] disemak semula dan struktur fi baharu diperkenal pada tahun 2017 bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan terpilih untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan dan pada masa yang sama memastikan penjagaan kesihatan yang berkualiti • Pelaksanaan Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia III, 2016-2025, Pelan Strategik Kebangsaan bagi Penyakit Tidak Berjangkit, 2016-2025 dan Pelan Strategik Kebangsaan bagi Gaya Hidup Aktif, 2017-2025 Nota: [1] Fi bagi Wad Kelas 1 dinaikkan sebanyak 50%, manakala fi bagi Wad Kelas 2 dinaikkan sebanyak 25%. Tiada perubahan fi bagi Wad Kelas 3.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
	Memperluas kapasiti bagi meningkatkan akses • Memperkenal 14 inisiatif di bawah Pakej Pengekalan Pakar • Amalan pengurusan kejat[2] telah diperluas kepada 36 hospital awam. Sebagai contoh, waktu menunggu untuk berjumpa doktor di zon hijau, jabatan kecemasan telah dikurangkan sebanyak 3 minit daripada 40 minit kepada 37 minit • Konsep hospital kluster[3] telah diperluas kepada 7 hospital awam **Mempergiat kerjasama untuk meningkatkan kesedaran kesihatan** • Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) yang bertujuan untuk mempromosi gaya hidup sihat dan aktif melibatkan 720,760 peserta di 7,000 kawasan • Program IMFree diperluas kepada 351 sekolah rendah dan prasekolah awam untuk memberikan kesedaran dalam kalangan pelajar tentang bahaya merokok • Sebanyak 5.5% Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) telah melaksanakan program Tunas Doktor Muda[4] pada tahun 2016 dan diperluas kepada 4.2% prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2017 Nota: [2] Pelaksanaan pengurusan kejat di hospital awam merupakan inisiatif untuk meningkatkan kecekapan dengan meringkaskan proses kerja untuk mengurangkan tempoh menunggu, pergerakan pesakit dan proses berulang di jabatan kecemasan dan wad perubatan. [3] Konsep hospital kluster bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan kemudahan kesihatan dan menangani masalah kekurangan pakar di hospital bukan pakar. [4] Program Tunas Doktor Muda melatih pelajar tentang amalan kesihatan yang baik seperti penjagaan kebersihan, nutrisi, aktiviti fizikal dan juga mengekalkan persekitaran yang sihat.

Penyediaan dan penambahbaikan pelbagai perkhidmatan dan fasiliti penjagaan kesihatan primer, disokong oleh perundangan dan dasar berkaitan yang disemak secara berterusan telah menyumbang kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti. Selain itu, inisiatif berterusan dalam meningkatkan modal insan telah dilaksana bagi memastikan bilangan personel kesihatan yang kompeten dan mahir adalah mencukupi. Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia III, 2016-2025, memberi penekanan kepada kepentingan nutrisi dalam mencegah dan mengawal cara pemakanan berkaitan penyakit tidak berjangkit (NCD) serta meningkatkan jaminan keselamatan makanan dan pemakanan. Pelan Strategik Kebangsaan bagi Penyakit Tidak Berjangkit, 2016-2025, pula menyediakan pelan tindakan untuk mengurangkan beban NCD yang boleh dicegah dan dielak menjelang tahun 2025. Di samping itu, Pelan Strategik Kebangsaan bagi Gaya Hidup Aktif, 2017-2025, yang merangkumi dasar, program dan inisiatif yang komprehensif telah dirangka untuk meningkat dan menyokong gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, peningkatan trend NCD, penyakit berjangkit (CD) dan nisbah kematian ibu mengandung (MMR) bagi setiap 100,000 kelahiran serta kekurangan fasiliti dan perkhidmatan penjagaan kesihatan awam memberi cabaran kepada kesihatan rakyat dan penyampaian perkhidmatan kesihatan.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017

B
Menyediakan Perumahan Mampu Milik yang Mencukupi dan Berkualiti kepada Isi Rumah Miskin, Berpendapatan Rendah dan Sederhana
	Meningkatkan akses kepada perumahan mampu milik bagi golongan sasar
	• 450,610 unit atau 69% daripada sasaran 653,000 unit rumah sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan
	• 139,329 unit atau 30.9% daripada 450,610 unit telah siap. Antara unit yang telah siap di bawah pelbagai inisiatif:
	  ◦ Program Perumahan Kerajaan Negeri: 32,862 unit
	  ◦ Syarikat Perumahan Negara Berhad: 31,421 unit
	  ◦ Program Perumahan Rakyat: 20,381 unit
	  ◦ Pemaju swasta: 13,967 unit
	  ◦ Perbadanan PR1MA Malaysia: 11,484 unit
	  ◦ Program Bantuan Rumah: 10,919 unit
	• 2,598 pembeli telah mendapat faedah daripada Skim Perumahan Mampu Milik Swasta manakala 1,474 pembeli telah mendapat faedah daripada Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama
	• 1,432 unit rumah disediakan untuk golongan muda dan pasangan muda yang baharu berkahwin di bawah program Rumah Transit 1Malaysia
	• 2,713 isi rumah miskin dan berpendapatan rendah telah mendapat faedah di bawah Program Sewa-Beli Rumah
	Memperkukuh perancangan dan pelaksanaan perumahan awam mampu milik
	• Sistem Bank Data Perumahan Negara yang dibangunkan oleh Jabatan Perumahan Negara membolehkan perkongsian data dalam kalangan agensi dan kerajaan negeri bagi meningkatkan penyelarasan serta pelaksanaan program perumahan awam mampu milik di lokasi yang sesuai
	• 458 unit rumah awam mampu milik telah dibina di atas tanah wakaf melalui kerjasama pintar di antara Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji dan institusi lain seperti majlis agama Islam negeri, Yayasan Waqaf Malaysia, Lembaga Tabung Haji, pemaju swasta dan institusi kewangan

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
	Menggalakkan penyediaan kemudahan yang mesra persekitaran untuk meningkatkan daya huni - Pelaksanaan Program Penyenggaraan Perumahan di 42 kawasan perumahan awam kos rendah dan sederhana memberi manfaat kepada 90,760 isi rumah - Pelaksanaan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia di 134 kawasan perumahan swasta kos rendah dan sederhana memberi manfaat kepada 238,566 isi rumah

Pelbagai program perumahan mampu milik, terutamanya perumahan awam, telah menyumbang kepada peningkatan pemilikan rumah dalam kalangan isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana. Pemilikan rumah bagi kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (isi rumah B40) di kawasan bandar meningkat daripada 66.1% pada tahun 2014 kepada 73.2% pada tahun 2016. Kemampuan isi rumah B40 untuk memiliki rumah kos rendah bertambah baik bagi hampir semua negeri pada tahun 2016. Peningkatan ini adalah berdasarkan indikator kemampuan pemilikan rumah yang menunjukkan harga rumah berada pada tahap kurang daripada tiga kali ganda pendapatan penengah tahunan isi rumah B40. Walau bagaimanapun, harga rumah kos rendah di empat negeri, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak adalah berada di luar kemampuan isi rumah B40.

Perumahan mampu milik yang tidak mencukupi di kawasan bandar masih menjadi isu dalam kalangan kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan (isi rumah M40) berikutan kenaikan harga rumah dan kadar sewa. Secara umumnya, isi rumah M40 mampu memiliki rumah kos rendah dan rumah teres setingkat di hampir kesemua negeri. Namun, mereka menghadapi masalah kemampuan yang serius sekiranya berhasrat memiliki rumah teres dua tingkat. Program perumahan yang disediakan oleh agensi awam pula lebih cenderung untuk menyasarkan isi rumah B40 dan kurang untuk isi rumah M40. Oleh itu, isi rumah M40, terutama yang berada pada tahap pendapatan separuh ke bawah tersepit dalam isu perumahan memandangkan mereka tidak layak untuk membeli rumah kos rendah dan tidak mampu membeli rumah di bawah kategori lain dengan harga rumah yang meningkat secara mendadak.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
C **Mewujudkan Persekitaran Hidup Lebih Selamat untuk Masyarakat yang Berdaya Maju dan Sejahtera**	**Mempertingkat pencegahan jenayah** • Pembinaan 29,400 meter laluan pejalan kaki serta pemasangan 1,919 lampu jalan, 363 papan tanda amaran dan 61 cermin keselamatan pencegahan jenayah di kawasan sering berlaku jenayah di bawah inisiatif Pemutihan *Black Spot* • Kedudukan Malaysia bertambah baik daripada Tahap 3 pada tahun 2014 kepada Tahap 2 pada tahun 2017 dalam Laporan *United States Trafficking in Persons* (USTIP) **Meningkatkan kesedaran mengenai pencegahan jenayah** • 238 program kesedaran CyberSAFE bagi menggalakkan penggunaan internet dan media sosial secara bertanggungjawab memberi manfaat kepada 42,938 peserta • 7,478 program kesedaran oleh AMANITA bagi memberi maklumat kepada suri rumah mengenai keselamatan diri dalam pencegahan jenayah • 4,314 program oleh Agensi Antidadah Kebangsaan untuk meningkatkan kesedaran bagi mencegah penyalahgunaan dadah **Memperkukuh program rawatan, pemulihan dan pascapemulihan** • 5,119 banduan tamat latihan dalam pelbagai bidang • 346 banduan yang diparol mendapat pekerjaan dalam sektor perkilangan dan perladangan • 277 penagih dadah yang tamat latihan di bawah program *Cure and Care Vocational Centre* mendapat pekerjaan • Kadar pengulang laku jenayah yang telah menjalani Program Pemulihan Pemasyarakatan dan Sistem Parol adalah rendah, iaitu masing-masing pada 0.38% dan 0.42%

Pelaksanaan pelbagai usaha pencegahan jenayah seperti Program *Omnipresence*, Program Bandar Selamat dan program pengawasan jenayah berasaskan komuniti berjaya mewujudkan persekitaran hidup yang lebih selamat. Usaha ini menyumbang kepada penurunan dalam jenayah indeks[2] pada purata 7.3% setahun dalam tempoh kajian semula. Kaji selidik mengenai persepsi rasa selamat yang dijalankan pada tahun 2017 di Pulau Pinang, Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menunjukkan bahawa 63% orang awam merasakan persekitaran hidup lebih selamat berbanding dengan sasaran 60% pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, ancaman baharu seperti jenayah siber dan keganasan perlu terus ditangani bagi menjamin ketenteraman awam dan persekitaran hidup yang lebih selamat.

[2] Jenayah indeks merangkumi 13 jenis jenayah keganasan dan harta benda iaitu bunuh, rogol, samun berkumpulan dengan senjata api, samun berkumpulan tanpa senjata api, samun dengan senjata api, samun tanpa senjata api, mencederakan, curi, curi kereta, curi motosikal, curi van/lori/kenderaan berat, ragut, dan juga pecah rumah dan curi.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
D **Meningkatkan Keselamatan Jalan Raya dan Perkhidmatan Kecemasan untuk Mengurangkan Fataliti**	• Indeks fataliti kemalangan jalan raya berkurangan daripada 2.59 bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar pada tahun 2016 kepada 2.34 pada tahun 2017 • Lebih daripada 20% pengurangan kadar kemalangan melalui penambahbaikan jalan raya di 10 lokasi kawasan kemalangan • Modul Pendidikan Keselamatan Jalan Raya perintis yang disemak semula memberi manfaat kepada 2,448 pelajar di 24 sekolah rendah di seluruh negara • Purata masa respons kecemasan berkurangan daripada 20 minit pada tahun 2015 kepada 14.5 minit pada tahun 2017

Dalam tempoh kajian semula, pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program telah menyumbang kepada peningkatan tahap keselamatan jalan raya seperti yang ditunjukkan melalui penurunan indeks fataliti kemalangan jalan raya. Walaupun jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya telah berkurangan daripada 7,152 pada tahun 2016 kepada 6,740 pada tahun 2017, bilangan ini masih tinggi berbanding negara lain. Penyebab utama adalah tingkah laku pengguna jalan raya dan keadaan jalan raya yang kurang baik serta kenderaan yang tidak selamat digunakan. Dalam hal ini, pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program bagi menangani isu keselamatan dan keselesaan jalan raya tidak akan berkesan jika pengguna jalan raya masih lagi mengamalkan sikap dan tingkah laku yang membahayakan di jalan raya. Di samping itu, kurangnya kesedaran sivik dalam kalangan pengguna jalan raya merencatkan usaha untuk menambah baik masa respons kecemasan.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
E **Membudayakan Semangat 1Malaysia bagi Memupuk Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Nasional**	• 177,000 program integrasi sosial dan perpaduan dilaksanakan melalui sukan, kesukarelawanan, pendidikan, kesenian dan kebudayaan serta kerja amal. Program utama termasuk FitMalaysia, Kelab Rukun Negara, Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela, Program Latihan Khidmat Negara, sambutan Hari Kebangsaan dan KOSPEN • Indeks Ketegangan Masyarakat mencatatkan 11.5 kes per sejuta penduduk pada tahun 2017 berbanding 9.6 kes pada tahun 2015 • 7,947 Rukun Tetangga dan 6,338 Kelab Rukun Negara telah ditubuhkan sehingga penghujung tahun 2017

Pelaksanaan pelbagai usaha dan inisiatif dalam memperkukuh kesepaduan sosial dan memupuk perpaduan nasional telah menyatupadukan rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat. Ini dibuktikan menerusi penganjuran acara dan aktiviti yang menyatukan rakyat termasuk sukan, sambutan perayaan, bantuan bencana dan kerja amal. Walau bagaimanapun, masih wujud kebimbangan mengenai impak polarisasi sosial dan kewujudan sistem pendidikan yang pelbagai yang memberi kesan terhadap perpaduan nasional. Selain itu, penglibatan sektor korporat dalam memupuk perpaduan nasional masih di tahap yang kurang memuaskan. Sementara itu, Indeks Ketegangan Masyarakat yang mengukur tahap ketegangan masyarakat dalam negara telah meningkat kepada 11.5 kes per sejuta penduduk pada tahun 2017 berbanding 9.6 kes pada tahun 2015. Meskipun indeks tersebut meningkat, ianya masih rendah berbanding had nasional iaitu 18 kes. Skor ini menunjukkan bahawa keadaan sosial di Malaysia adalah stabil dan menggambarkan budaya toleransi dalam kalangan rakyat Malaysia.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
F **Menggiatkan Sukan untuk Kehidupan yang Sihat dan Memupuk Perpaduan**	• Lebih daripada 10 juta peserta telah terlibat dalam program FitMalaysia, Hari Sukan Negara dan Liga Sukan untuk Semua di seluruh negara • Peratusan rakyat Malaysia yang mengamalkan budaya bersukan meningkat daripada 41% pada tahun 2016 kepada 59.8%[1] pada tahun 2017 • 5 juta murid telah menyertai program 1Murid 1Sukan • Penambahbaikan kemudahan sukan, termasuklah menaik taraf *Kuala Lumpur Sports City* dan Stadium Juara Bukit Kiara serta pembinaan Velodrom Nasional bagi penganjuran Sukan Asia Tenggara (SEA) Kuala Lumpur 2017 dan Sukan Para ASEAN Kuala Lumpur 2017 • Atlet Malaysia memenangi 4 pingat perak dan 1 pingat gangsa dalam Sukan Olimpik 2016, serta 3 pingat emas dan 1 pingat gangsa di Sukan Paralimpik 2016 di Rio de Janeiro, Brazil • 18 atlet Malaysia menjadi juara dunia dalam sukan akuatik-terjun, tenpin boling, para-olahraga, para-badminton, silat, basikal trek dan wushu • Malaysia muncul sebagai juara Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dengan kutipan 145 pingat emas dan naib juara dalam Sukan Para ASEAN Kuala Lumpur 2017 dengan 90 pingat emas Nota: [1] Kajian Budaya Bersukan Rakyat Malaysia 2017 oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan.

Program dan inisiatif dalam menggalakkan sukan untuk kehidupan yang sihat dan perpaduan dalam tempoh kajian semula telah menunjukkan pencapaian yang positif, dengan kebanyakan sasaran dijangka akan tercapai menjelang tempoh akhir Rancangan. Pencapaian ini dibuktikan dengan peningkatan peratusan rakyat Malaysia yang mengamalkan budaya bersukan daripada 41% pada tahun 2016 kepada 59.8% pada tahun 2017. Dalam memupuk perpaduan dan keakraban melalui sukan, penganjuran Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 telah menarik penyertaan lebih daripada 10,000 sukarelawan daripada pelbagai lapisan masyarakat Malaysia.

Isu dan Cabaran

Malaysia masih menghadapi beberapa isu dan cabaran dalam penjagaan kesihatan, perumahan, pencegahan jenayah, keselamatan jalan raya, kesepaduan sosial dan perpaduan nasional serta sukan walaupun kesejahteraan rakyat meningkat dalam tempoh kajian semula. Antara outcome utama yang memerlukan usaha berterusan termasuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik dan perumahan mampu milik yang lebih banyak serta memastikan persekitaran hidup yang lebih selamat. Usaha yang lebih juga diperlukan untuk memupuk perpaduan dan mengamalkan gaya hidup sihat melalui sukan dalam kalangan rakyat.

Berdasarkan kepada MyWI, indeks komponen **kesihatan** mencatat paras tertinggi iaitu 114.8 mata pada tahun 2013 dan seterusnya menyederhana kepada 107.8 mata pada tahun 2016. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh beban NCD yang semakin meningkat akibat gaya hidup yang tidak aktif dan cara pemakanan tidak sihat, nisbah katil hospital kepada penduduk yang mendatar dan kenaikan MMR bagi setiap 100,000 kelahiran hidup daripada 23.8 pada tahun 2015 kepada 29.1 pada tahun 2016. Selain itu, beberapa faktor telah menambah beban kepada sektor penjagaan kesihatan awam. Antaranya adalah peningkatan permintaan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik, perubahan pola penyakit, kekurangan personel penjagaan kesihatan dan kemudahan kesihatan yang tidak mencukupi, terutamanya di kawasan pedalaman.

Peningkatan harga **rumah** dan kadar sewa terus menjadi kebimbangan utama kerana menyebabkan kos sara hidup meningkat dan merupakan perbelanjaan terbesar bagi kebanyakan isi rumah. Dalam hal ini, cabaran utama adalah bekalan rumah mampu milik yang tidak mencukupi akibat daripada peningkatan kos pembinaan dan tanah. Di samping itu, terdapat ketidakpadanan dalam penawaran dan permintaan perumahan mampu milik yang berkualiti disebabkan oleh perancangan dan koordinasi yang kurang bersepadu antara pihak berkepentingan termasuk kerajaan negeri, pemaju dan agensi berkaitan. Selain itu, program perumahan awam sedia ada lebih tertumpu kepada isi rumah B40 dan kurang kepada isi rumah M40, sedangkan masalah kemampuan adalah paling kritikal dalam kalangan isi rumah M40 yang berada pada tahap pendapatan separuh ke bawah. Di samping itu, sejumlah besar peruntukan diperlukan untuk membiayai subsidi bagi pelaksanaan projek perumahan mampu milik seperti Program Perumahan Rakyat, namun pembiayaan ini tidak mampan dalam jangka panjang.

Malaysia terus menghadapi cabaran dalam aspek **keselamatan dan ketenteraman awam**, iaitu ancaman dari dalam dan luar walaupun jenayah indeks berkurangan dalam tempoh kajian semula. Antara cabaran tersebut adalah trend jenayah yang sentiasa berubah, isu penguatkuasaan, jenayah siber, keganasan dan ekstremisme. Selain itu, penyalahgunaan dadah juga terus menjadi ancaman negara, terutamanya dalam kalangan belia. Bilangan penagih dadah baharu kekal tinggi iaitu 18,440 pada tahun 2017 disebabkan oleh kemunculan dadah sintetik yang baharu dan mudah diperoleh. Pemerdagangan orang masih menjadi isu utama memandangkan kedudukan Malaysia telah merosot ke Tahap Dua (Senarai Pemerhatian) dalam Laporan USTIP 2018. Di samping itu, 147 kes yang disabitkan telah direkodkan pada tahun 2017 berbanding 100 kes pada tahun 2016.

Usaha berterusan melalui kempen **keselamatan jalan raya** serta memperbaiki keadaan jalan raya di kawasan kerap berlaku kemalangan telah mengurangkan jumlah fataliti akibat kemalangan. Walau bagaimanapun, masih terdapat cabaran dalam mengubah minda dan tingkah laku pengguna jalan raya. Sementara itu, usaha untuk meningkatkan masa respons kecemasan juga menghadapi cabaran berikutan sumber yang terhad, kekurangan maklumat yang tepat mengenai kemalangan dan kesesakan lalu lintas.

Usaha memupuk **perpaduan nasional** dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum masih menjadi cabaran berikutan polarisasi dan pelbagai bentuk ketidakseimbangan sosioekonomi merentasi wilayah dan etnik. Selain itu, proses integrasi sosial masih memperlihatkan kekurangan dari segi interaksi dan penglibatan berkesan dalam kalangan masyarakat bagi memupuk perpaduan dan toleransi. Sementara itu, kemajuan teknologi telah memudahkan penyebaran maklumat dengan lebih meluas dan pantas terutamanya melalui media sosial. Walau bagaimanapun, tindakan tidak bertanggungjawab segelintir individu dan kumpulan dalam menyebarkan bahan berbaur hasutan dan berita palsu boleh mencetuskan kebimbangan serta ketidakharmonian dalam kalangan rakyat. Situasi ini diburukkan lagi apabila pembaca beranggapan sebarang berita yang diterima melalui media sosial adalah benar.

Usaha memupuk **budaya bersukan** dalam kalangan rakyat Malaysia masih menjadi cabaran disebabkan gaya hidup yang tidak aktif serta kurangnya kesedaran terhadap kepentingan gaya hidup sihat dan aktif. Situasi ini diburukkan lagi dengan kurangnya keseimbangan antara kerja dan kehidupan serta kekurangan akses kepada kemudahan sukan dan rekreasi. Sementara itu, terdapat isu berkaitan pembangunan sukan termasuk mekanisme pencarian bakat yang kurang berkesan, penggunaan teknologi sains sukan yang rendah dalam pembangunan atlet, pengurusan persatuan sukan kebangsaan yang lemah serta pertumbuhan industri sukan yang perlahan.

Kesimpulan

Dalam tempoh kajian semula, kesejahteraan rakyat Malaysia telah meningkat secara keseluruhan. Pencapaian ini antara lain disumbangkan oleh peningkatan akses kepada penjagaan kesihatan dan perumahan mampu milik yang berkualiti, dan persekitaran hidup yang lebih selamat. Di samping itu, penyertaan dalam sukan, keselamatan jalan raya dan perkhidmatan kecemasan yang lebih baik di samping kesepaduan sosial dan perpaduan nasional yang lebih utuh juga menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan rakyat. Walau bagaimanapun, masih terdapat isu dan cabaran yang perlu ditangani seperti peningkatan beban penyakit, kemampuan memiliki rumah dan trend jenayah yang sentiasa berubah. Melangkah ke hadapan, pelaksanaan strategi akan terus diperkukuh dengan pengenalan inisiatif dan keutamaan baharu dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Meningkatkan Pembangunan Modal Insan untuk Negara Maju

Pendahuluan

Prestasi, 2016-2017

Prestasi Outcome Terpilih

Prestasi Bidang Fokus dan Pemacu Perubahan

Isu dan Cabaran

Kesimpulan

4

Pendahuluan

Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMKe-11) menetapkan strategi utama bagi meningkatkan pembangunan modal insan untuk memenuhi keperluan negara maju. Strategi ini mengambil kira keperluan yang sentiasa berubah semenjak kemunculan trend mega global seperti teknologi disruptif, peralihan demografi ke arah urbanisasi yang lebih pesat dan penuaan penduduk. Perkembangan ini akan merubah dengan ketara struktur pekerjaan pada masa hadapan, keperluan kemahiran dan permintaan terhadap sistem pendidikan. Dalam tempoh kajian semula, 2016-2017, Malaysia telah mengekalkan guna tenaga penuh di samping meningkatkan produktiviti buruh. Kemajuan juga dicapai dalam mengarusperdana dan memperluas akses kepada program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berkualiti, memperluas program pembelajaran sepanjang hayat dan meningkatkan kualiti pendidikan serta memperbaiki kedudukan universiti tempatan pada peringkat antarabangsa. Namun begitu, masih terdapat beberapa cabaran utama dari segi kurangnya pewujudan pekerjaan berkemahiran, kenaikan upah yang perlahan, kadar penyertaan rendah wanita dalam tenaga buruh serta kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan belia. Selain itu, landskap TVET masih tidak terselaras. Sementara itu, beberapa isu seperti prestasi rendah dalam kalangan pelajar, kewujudan sekolah daif dan kualiti siswazah yang kurang memuaskan telah menimbulkan kebimbangan.

Prestasi, 2016-2017

Dalam tempoh kajian semula, pelbagai inisiatif di bawah empat bidang fokus telah dilaksana untuk meningkatkan pembangunan modal insan dan kemajuan telah dicatat ke arah mencapai sasaran RMKe-11. Empat bidang fokus adalah seperti berikut:

BIDANG FOKUS A
Menambah baik kecekapan pasaran buruh untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi

BIDANG FOKUS B
Mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri

BIDANG FOKUS C
Memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran

BIDANG FOKUS D
Menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan outcome pelajar dan kecemerlangan institusi

Prestasi Outcome Terpilih

Lapan outcome terpilih telah dikenal pasti dengan enam outcome berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran. Outcome ini termasuk pertumbuhan produktiviti buruh, pengambilan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memasuki program TVET dan enrolmen murid prasekolah dan peringkat menengah. Walau bagaimanapun, pencapaian dua outcome adalah di bawah sasaran, iaitu gaji penengah bulanan dan dua universiti berada pada kedudukan 100 teratas dalam *QS World University Rankings*. Prestasi outcome terpilih adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan 4-1*.

Paparan 4-1

Sorotan
Rancangan Malaysia Kesebelas: Outcome Terpilih dan Prestasi

Menambah baik kecekapan pasaran buruh untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi



Pertumbuhan produktiviti buruh



Pampasan pekerja kepada KDNK

Gaji penengah bulanan

Mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri



Pengambilan pelajar lepasan SPM memasuki program TVET

Memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran



Peningkatan jumlah pekerja yang mendapat manfaat daripada peluasan Akta PSMB, 2001

Menambah baik kualiti pendidikan untuk outcome pelajar yang lebih baik dan kecemerlangan institusi

Malaysia mensasarkan untuk berada setara dengan purata antarabangsa bagi penilaian TIMSS dan PISA



Enrolmen murid prasekolah dan peringkat menengah

2 Universiti dalam kalangan 100 teratas *QS World University Rankings*

Sasaran Asal Prestasi

Prestasi Bidang Fokus dan Pemacu Perubahan

Dalam tempoh kajian semula, prestasi bidang fokus dalam pembangunan modal insan adalah menggalakkan. Malaysia telah menunjukkan prestasi yang ketara dalam mengekalkan guna tenaga penuh serta meningkatkan produktiviti dan upah buruh. Pada masa yang sama, struktur tadbir urus TVET telah ditambah baik sementara liputan program pembelajaran sepanjang hayat telah diperluaskan. Kualiti sistem pendidikan dan kedudukan universiti tempatan pada peringkat antarabangsa juga bertambah baik. Pencapaian mengikut bidang fokus dan pemacu perubahan adalah seperti berikut:

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
A Menambah Baik Kecekapan Pasaran Buruh untuk Meningkatkan Pertumbuhan Ekonomi	• Malaysia mengekalkan guna tenaga penuh iaitu dengan kadar pengangguran sebanyak 3.4% pada tahun 2017 • Komposisi pekerja mahir meningkat daripada 26% pada tahun 2015 kepada 28% pada tahun 2017 • Penyertaan majikan dalam Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS) meningkat daripada 78,962 pada tahun 2015 kepada 81,057 pada tahun 2017 • Kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh meningkat daripada 54.1% pada tahun 2015 kepada 54.7% pada tahun 2017 • Komposisi pekerja asing berkemahiran rendah berkurang daripada 17% pada tahun 2015 kepada 11% pada tahun 2017 • Laporan Senarai Pekerjaan Kritikal (COL) 2017/2018 telah diterbitkan sebagai panduan untuk menangani ketidakpadanan dalam pasaran buruh. Laporan ini mengandungi senarai pekerjaan yang sukar diisi kerana kekurangan calon yang berkelayakan • Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) telah memberi manfaat kepada 35,240 siswazah untuk menimba pengalaman latihan dalam pekerjaan dan meningkatkan kebolehpasaran

Secara keseluruhan, pasaran buruh mencatat peningkatan terutama dalam meningkatkan produktiviti buruh dan mengekalkan kadar pengangguran yang rendah. Walau bagaimanapun, kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh masih rendah berikutan keadaan pasaran buruh yang tidak menarik termasuk kadar upah yang tidak kompetitif, kehadiran yang ketara pekerja asing berkemahiran rendah dan ketidakpadanan kemahiran. Dalam kategori pekerjaan mahir, pertumbuhan perlahan dalam pewujudan pekerjaan telah merencatkan pertumbuhan upah dan produktiviti serta mengakibatkan berlakunya peningkatan kadar guna tenaga tidak penuh[1].

[1] Guna tenaga tidak penuh merujuk kepada pekerja yang mempunyai kelulusan tinggi tetapi bekerja dalam bidang pekerjaan yang memerlukan kelulusan rendah.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
B **Mentransformasi TVET untuk Memenuhi Permintaan Industri** **Pemacu Perubahan**	**Tadbir urus TVET** • Sistem akreditasi yang diharmoni telah dibangun dan disepadukan ke dalam Kerangka Kelayakan Malaysia yang disemak semula • Platform untuk sistem penarafan yang diharmoni telah dibangunkan untuk kedua-dua institusi TVET awam dan swasta berdasarkan Sistem Penarafan Bintang di bawah Kementerian Sumber Manusia dan *MyTVET Instrument* di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia **Kualiti dan penyampaian program TVET** • Institusi TVET telah menawarkan program khusus dalam bidang terpilih termasuk aeroangkasa, automotif dan pembuatan perabot • Institusi TVET telah bekerjasama secara aktif dengan lebih daripada 100 syarikat yang memberi manfaat kepada lebih 10,000 pelatih • Pendekatan latihan fleksibel dilaksana dalam bentuk kursus modular dan latihan jangka pendek • Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) telah memberi manfaat kepada 20,975 pelatih termasuk 8,054 belia di bawah SLDN Khas pada tahun 2017 • Sistem Kajian Pengesanan Graduan TVET telah dibangunkan pada tahun 2017 dan diperluas kepada semua institusi TVET • Program pembiayaan kompetitif dan geran padanan telah diperkenalkan pada tahun 2017 untuk menggalakkan program latihan berasaskan industri dan telah memberi manfaat kepada 4,760 pelatih **Kualiti tenaga pengajar** • Tenaga pengajar dengan kelayakan Sijil Pengajar Vokasional meningkat sebanyak 52%, iaitu daripada 3,063 pada tahun 2015 kepada 5,868 pada tahun 2017 • Sistem eProfiling telah dibangunkan untuk mendaftar dan mengumpul maklumat tentang kemahiran dan kompetensi pengajar TVET, merekodkan lebih daripada 20,000 tenaga pengajar daripada 700 institusi latihan awam pada tahun 2017 • Program Latihan Sangkutan Industri diperkenalkan pada tahun 2017 memberi manfaat kepada 217 tenaga pengajar

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
	Pengambilan pelajar • Pengambilan pelajar TVET meningkat daripada 163,269 pada tahun 2016 kepada 169,242 pada tahun 2017 **Penjenamaan semula TVET** • Penubuhan Lembaga Teknologis Malaysia pada tahun 2016 untuk memberi pengiktirafan kepada teknologis dan pengamal TVET • TVET Malaysia yang dilancarkan pada tahun 2017 bertujuan meningkatkan kecekapan pengurusan dan pelaksanaan program TVET oleh pelbagai kementerian

Mentransformasi TVET menerusi pendekatan yang diterajui oleh industri adalah penting untuk melahirkan modal insan berkemahiran yang memenuhi permintaan industri dan menyokong peralihan aktiviti dalam semua sektor ekonomi ke arah aktiviti berintensif pengetahuan. Sehubungan itu, TVET telah dikenal pasti sebagai pemacu perubahan untuk mempercepat pembangunan modal insan berkemahiran. Beberapa inisiatif telah dilaksana termasuk pelancaran TVET Malaysia pada tahun 2017 untuk mengarusperdana dan menjenamakan semula TVET. Kementerian Sumber Manusia (KSM) diberi mandat untuk menerajui TVET Malaysia dan merangka pelan induk TVET yang komprehensif menjelang tahun 2020 serta mempromosi pekerjaan yang memerlukan kemahiran TVET sebagai pilihan utama.

Lepasan sekolah yang memasuki aliran TVET selepas SPM menunjukkan sedikit peningkatan, iaitu sebanyak 3.7% kepada 169,242 pada tahun 2017. Bagi meningkatkan pengambilan, kementerian dan agensi telah mempromosi TVET melalui pelbagai platform dan program. Sebagai contoh, SkillsMalaysia di bawah KSM telah meningkatkan kesedaran terhadap TVET melalui aktiviti seperti jerayawara, kempen dan penyertaan pelajar dalam pertandingan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dalam usaha mewujudkan sistem akreditasi yang harmoni bagi aliran akademik dan TVET, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah KSM dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengkaji semula dan membangunkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang lebih komprehensif. Kerangka ini menjadi rujukan kepada laluan pendidikan teknikal dan latihan kemahiran, dan memperkenalkan definisi seragam untuk TVET. Bagi mengawal selia dasar yang berkaitan dengan akreditasi TVET, termasuk mobiliti pelajar dalam kalangan institusi TVET, dua langkah telah diperkenalkan. Langkah berkenaan ialah penggunaan Kod Amalan untuk Akreditasi Program TVET dalam MQF yang disemak semula dan penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama.

Penglibatan industri amat penting bagi membangunkan kurikulum dan membolehkan tenaga pengajar memanfaatkan kepakaran industri untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di institusi TVET. Dalam hal ini, Badan Peneraju Industri (ILB) memainkan peranan penting untuk memberi input dalam membangunkan kandungan kurikulum bagi menangani jurang kemahiran dan memenuhi keperluan industri. Dalam tempoh kajian semula, sembilan ILB baharu telah ditubuhkan dan 1,819 Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) telah dibangunkan. Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) juga telah membangunkan Sistem eProfiling, yang berfungsi sebagai pangkalan data yang mengandungi maklumat kemahiran dan kompetensi semua tenaga pengajar TVET.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
C **Memperkukuh Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Peningkatan Kemahiran**	• Pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat di bawah Pelan Induk Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Nasional 2011-2020 telah memberi manfaat kepada 2.3 juta peserta sehingga tahun 2016 • Liputan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 diperluas bagi merangkumi lebih banyak subsektor kecuali sektor pembinaan dan kewangan • Jumlah pekerja yang layak mengikuti latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) meningkat daripada 1.8 juta pada tahun 2015 kepada 2.1 juta pada tahun 2017 • PSMB bekerjasama dengan SME Corp untuk menyediakan latihan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang tidak diliputi di bawah Akta PSMB 2001. Seramai 6,697 pekerja PKS mendapat manfaat pada tahun 2016-2017

Program pembelajaran sepanjang hayat yang melibatkan kerjasama 14 kementerian di bawah Pelan Induk Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Nasional 2011-2020, bertujuan untuk meningkatkan kemahiran serta pengetahuan rakyat Malaysia secara berterusan. Peranan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) sebagai badan utama dalam peningkatan kemahiran dan latihan semula tenaga kerja telah ditambah baik melalui peluasan liputan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) 2001. Jadual Pertama Akta PSMB 2001 telah dipinda pada tahun 2017 untuk memperluas skop liputan akta kepada beberapa lagi subsektor perkhidmatan. Usaha ini juga bertujuan memperkemas kriteria kelayakan bagi perusahaan kecil dan sederhana.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
D **Meningkatkan Kualiti Pendidikan untuk Outcome Pelajar yang Lebih Baik dan Kecemerlangan Institusi**	**Pendidikan asas** • Prestasi murid dalam TIMSS 2015[1] meningkat dengan skor purata yang lebih tinggi bagi matematik dan sains berbanding kitaran sebelumnya pada tahun 2011 • Prestasi murid dalam PISA 2015[2] meningkat berbanding dengan PISA 2012 • 1,321 Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) dan 345 Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartners+) ditempatkan untuk memberi bimbingan kepada guru dan pengetua yang terpilih • Enrolmen murid pada peringkat prasekolah adalah seramai 407,785 pada tahun 2017 • Enrolmen murid adalah seramai 2.7 juta di 7,985 sekolah rendah dan 2.2 juta di 2,835 sekolah menengah pada tahun 2017 Nota: [1] TIMSS dilaksanakan oleh *International Association for the Evaluation of Educational Achievement* (IEA) setiap empat tahun sekali bermula tahun 1995. TIMSS 2015 adalah kitaran terkini. [2] PISA dilaksanakan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) setiap tiga tahun sekali bermula tahun 2000. PISA 2015 adalah kitaran terkini.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
	Pendidikan tinggi • Enrolmen pelajar pada semua peringkat pengajian di institusi pendidikan tinggi (IPT) meningkat daripada 1.2 juta pada tahun 2015 kepada 1.3 juta pada tahun 2017 • Enrolmen pelajar antarabangsa di IPT meningkat daripada 122,061 pada tahun 2015 kepada 136,293 pada tahun 2017 • Peratusan staf akademik berkelulusan PhD di universiti awam (UA) meningkat daripada 43.7% pada tahun 2015 kepada 48.5% pada tahun 2017 • Peratusan pelajar yang mendapat latihan di bawah program pendidikan keusahawanan berstruktur meningkat daripada 34.6% pada tahun 2015 kepada 60% pada tahun 2017 • RM1.6 bilion geran penyelidikan diagihkan untuk membiayai 12,851 projek yang menghasilkan 11,428 pelajar pascasiswazah, 11,683 penerbitan dan 819 harta intelek • Empat UA lagi diberikan taraf autonomi menjadikan 17 daripada 20 UA

Kualiti pendidikan asas yang meliputi prasekolah, sekolah rendah dan menengah terus bertambah baik dengan peningkatan akses kepada peluang pendidikan yang saksama. Enrolmen untuk pendidikan prasekolah terus tinggi pada kadar 90.9%. Sementara itu, kadar enrolmen bagi pendidikan peringkat rendah terus meningkat daripada 97.2% pada tahun 2015 kepada 97.9% pada tahun 2017, dan terus mengekalkan pencapaian kadar enrolmen sejagat[2]. Pada peringkat sekolah menengah, kadar enrolmen meningkat daripada 88.3% pada tahun 2015 kepada 91.3% pada tahun 2017. Di samping itu, beberapa inisiatif telah dilaksana bagi meningkatkan kualiti pendidikan untuk outcome murid yang lebih baik dan kecemerlangan institusi. Pentaksiran berasaskan sekolah dilaksana dengan memberi lebih penekanan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). KBAT telah diintegrasi dalam kurikulum, pentaksiran, pedagogi dan aktiviti kokurikulum untuk menyemai budaya berfikir. Selain itu, pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) telah ditambah baik bagi memperkukuh kurikulum sedia ada di sekolah. Sasaran outcome adalah bagi meningkatkan prestasi murid untuk mencapai tahap sekurang-kurangnya setara dengan skor purata antarabangsa dalam *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Student Assessment* (PISA).

Tumpuan utama pendidikan tinggi adalah bertujuan meningkatkan outcome pelajar, memperkasa tadbir urus universiti awam (UA), memperkukuh Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE)[3] dan mewujudkan universiti tempatan yang mempunyai reputasi bertaraf antarabangsa. Antara pencapaian utama pendidikan tinggi dalam tempoh kajian semula termasuk peningkatan kadar kebolehpasaran siswazah dan enrolmen pelajar di universiti awam dan swasta serta kedudukan universiti tempatan yang lebih baik pada peringkat antarabangsa. Di samping itu, kualiti staf akademik di UA telah bertambah baik berdasarkan peningkatan bilangan mereka yang berkelulusan PhD. Selain itu, jumlah penerbitan dan petikan daripada hasil penyelidikan oleh UA juga telah meningkat.

[2] Enrolmen sejagat merujuk kepada kadar enrolmen yang telah mencapai sekurang-kurangnya 95% berdasarkan definisi oleh *Institute for Statistics* di bawah Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).
[3] Program ICoE menyediakan ruang kepada pihak industri untuk mewujudkan makmal dan kemudahan pengajaran dalam universiti bagi memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai penggunaan teknologi terkini.

Isu dan Cabaran

Pasaran Buruh

Ke arah menjadikan **pasaran buruh** beroperasi dengan lebih cekap dan menyokong pertumbuhan ekonomi, pelbagai isu dan cabaran perlu ditangani. Isu dan cabaran ini merangkumi komposisi pekerja mahir, kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah, pengangguran dalam kalangan belia, guna tenaga tidak penuh dalam kalangan siswazah dan kadar penyertaan rendah bagi wanita dalam tenaga buruh. Terdapat juga ketidakpadanan di antara permintaan dan penawaran dalam pasaran buruh. Ketidakpadanan ini berlaku terutama dalam kategori pekerjaan mahir dengan hanya 112,300 pekerjaan diwujudkan berbanding 306,808 siswazah yang dikeluarkan oleh IPT pada tahun 2017. Jumlah pekerja asing berdaftar[1] berkurang daripada 2.1 juta pada tahun 2015 kepada 1.8 juta pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah dalam beberapa sektor masih tinggi, termasuk sektor pembinaan sebanyak 28.3%, pertanian sebanyak 25.8% dan pembuatan sebanyak 25.7%.

Malaysia terus mencapai guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran sebanyak 3.4%. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran dalam kalangan belia (umur 15-24 tahun) meningkat daripada 10.7% pada tahun 2015 kepada 10.8% pada tahun 2017, iaitu bersamaan dengan 283,000 belia termasuk siswazah baharu. Selain itu, pada tahun 2016 seramai 146,000 atau 40.4% daripada jumlah siswazah dalam kalangan belia bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir, menunjukkan berlaku guna tenaga tidak penuh. Walaupun kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh meningkat dengan kukuh dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, daripada 46.8% pada tahun 2010 kepada 54.1% pada tahun 2015, kadar ini hanya meningkat sedikit kepada 54.7% pada tahun 2017. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2017, masih terdapat 4.8 juta wanita atau 67.5% dari kategori penduduk umur bekerja berada di luar pasaran buruh berbanding dengan hanya 32.5% diwakili lelaki. Keadaan ini menunjukkan potensi modal insan tidak digunakan sepenuhnya.

Nota: [1] Data pekerja asing berdaftar adalah berdasarkan jumlah Pas Lawatan Kerja Sementara yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

TVET

Kewujudan dua badan akreditasi, iaitu MQA dan JPK telah menyebabkan perbezaan dari segi standard, sistem penarafan dan kualiti program **TVET**. Siswazah diploma TVET bagi program yang diiktiraf oleh JPK masih mempunyai akses yang terhad untuk meneruskan pengajian di peringkat ijazah. Perkara ini disebabkan oleh kurikulum JPK yang memberi penekanan kepada komponen praktikal yang dianggap sebagai kurang cenderung kepada akademik, serta mekanisme jaminan kualiti yang berbeza antara MQA dengan JPK. Sebaliknya, siswazah diploma TVET daripada institusi yang diiktiraf oleh MQA mempunyai peluang yang lebih baik untuk melanjutkan pengajian di IPT. Perbezaan ini mengakibatkan siswazah program yang diakreditasi JPK dianggap mempunyai kekurangan dari segi peluang untuk melanjutkan pelajaran, prospek pekerjaan dan gaji permulaan.

Landskap TVET adalah tidak terselaras disebabkan program TVET ditawarkan oleh pelbagai institusi seperti agensi di bawah beberapa kementerian, pusat pembangunan kemahiran negeri dan institusi swasta. Program TVET yang ditawarkan oleh institusi ini kebanyakannya mempunyai persamaan tetapi standard yang berbeza dan kekurangan bidang pengkhususan. Walaupun lepasan dan pengamal TVET dikategorikan sebagai teknologis, mereka tidak diiktiraf sepenuhnya oleh industri. Oleh itu, lepasan TVET tidak diiktiraf sebagai profesional dan tidak dapat menuntut upah yang lebih tinggi. Kesannya, 72% lepasan TVET menerima gaji permulaan kurang daripada RM1,500 sebulan[1]. Di samping itu, kekurangan pendedahan secara praktikal dengan industri dalam kalangan tenaga pengajar TVET di institusi awam memberi impak kepada keberkesanan latihan TVET.

Nota: [1] Berdasarkan kajian *Study on the Demand and Supply of Human Capital Requirements on TVET, 2016.*

Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pada masa ini, inisiatif **pembelajaran sepanjang hayat** dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi untuk rakyat Malaysia berumur 15 tahun dan ke atas yang terdiri daripada mereka yang tercicir daripada pendidikan formal, sedang bekerja, menganggur dan telah bersara. Walau bagaimanapun, inisiatif tersebut tidak diselaras dengan baik dari segi perancangan dan pelaksanaan. Ketiadaan rangka kerja kawal selia yang berkesan telah memburukkan lagi keadaan ini. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memastikan program diselaras dengan berkesan dan sumber diguna secara optimum. Di samping itu, tiada dorongan bagi pekerja untuk menceburi pembelajaran sepanjang hayat disebabkan kurang pengiktirafan yang bersesuaian daripada majikan. Tambahan pula, penyertaan ke dalam program pembelajaran sepanjang hayat terhalang disebabkan oleh kekurangan penyebaran maklumat, promosi dan penglibatan industri. Selain itu, Akta PSMB 2001 yang mengawal selia program pembelajaran sepanjang hayat bagi pekerja Malaysia tidak meliputi semua sektor ekonomi secara menyeluruh.

Pendidikan

Kadar enrolmen untuk prasekolah pada tahun 2017 adalah di bawah sasaran nasional, terutama disebabkan oleh kurang kesedaran mengenai kepentingan **pendidikan** prasekolah. Di samping itu, enrolmen pada peringkat menengah atas untuk Tingkatan 4 dan 5 mencatatkan kadar yang lebih rendah, iaitu 84.8% walaupun pada peringkat menengah rendah telah mencapai kadar 95.6%. Hal ini menggambarkan murid memilih untuk tidak meneruskan pendidikan peringkat menengah atas.

Terdapat banyak sekolah daif di kawasan luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak, walaupun pelaburan bagi infrastruktur fizikal dilaksana secara berterusan dalam sektor pendidikan. Keadaan ini menimbulkan pelbagai cabaran kepada guru dan murid kerana ia mempengaruhi kualiti pengajaran dan pembelajaran. Murid perlu belajar dalam persekitaran yang selamat, bersih dan kondusif bagi meningkatkan prestasi akademik.

Prestasi murid dalam TIMSS dan PISA telah menimbulkan kebimbangan terhadap kualiti sistem pendidikan. Pencapaian dalam TIMSS 2015 adalah lebih rendah daripada sasaran 500 mata, iaitu 465 mata untuk matematik dan 471 mata untuk sains, walaupun terdapat peningkatan dalam skor berbanding kitaran sebelumnya pada tahun 2011[1]. Sementara itu, purata antarabangsa bagi PISA 2015 adalah 490 mata untuk matematik dan 493 mata untuk kedua-dua bacaan dan sains. Malaysia mencapai skor lebih rendah daripada purata antarabangsa dengan 446 mata untuk matematik, 431 untuk bacaan dan 443 untuk sains, walaupun terdapat peningkatan untuk semua subjek domain berbanding kitaran 2012[2].

Nota: [1] Skor TIMSS 2011 pada peringkat nasional adalah 440 untuk matematik dan 426 untuk sains.
[2] Skor PISA 2012 pada peringkat nasional adalah 421 untuk matematik, 398 untuk bacaan dan 420 untuk sains.

Pendidikan Tinggi

Kadar kebolehpasaran siswazah bagi **pendidikan tinggi** telah meningkat secara berterusan dalam beberapa tahun ini, iaitu daripada 76.1% pada tahun 2015 kepada 79.1% pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, maklum balas daripada industri mendapati siswazah masih kekurangan kemahiran dalam menyelesaikan masalah dan berkomunikasi. Selain itu, peratusan siswazah yang bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir meningkat daripada 28.2% pada tahun 2015 kepada 35.2% pada tahun 2017. Peningkatan ini menggambarkan wujudnya ketidakpadanan pekerjaan dan guna tenaga tidak penuh.

Selain itu, aktiviti penyelidikan, pembangunan dan inovasi (R&D&I) yang dijalankan oleh IPT adalah tidak bersepadu dan tidak terselaras disebabkan oleh kekurangan kerjasama antara akademia, industri dan institusi penyelidikan awam. Di samping itu, industri juga masih belum memanfaatkan sepenuhnya keupayaan dan kepakaran yang dimiliki oleh ICoE di IPT. Penggunaan hasil R&D&I oleh IPT kekal rendah, walaupun terdapat peningkatan ketara dalam jumlah penerbitan, harta intelek dan graduan pascasiswazah. Berhubung aspek tadbir urus dalam kalangan 17 UA yang diberi status autonomi, masih wujud cabaran berkaitan pengoperasian, pengurusan dan kemampanan kewangan. Terdapat juga keperluan untuk mengimbangkan komposisi keanggotaan ahli profesional dan wakil industri dalam lembaga pengarah universiti.

Kesimpulan

Beberapa kemajuan telah dicapai dalam tempoh kajian semula, terutamanya dalam meningkatkan produktiviti buruh dan upah, memperkukuh TVET, memperluas program pembelajaran sepanjang hayat dan menambah baik kualiti pendidikan. Walau bagaimanapun, beberapa isu dan cabaran perlu ditangani, termasuk keperluan untuk menambah baik kecekapan pasaran buruh, memperkasa TVET dan sistem pendidikan serta memperkukuh program pembelajaran sepanjang hayat. Oleh yang demikian, usaha bersepadu adalah diperlukan bagi meningkatkan pembangunan modal insan untuk memenuhi keperluan sebuah negara maju.

Menuju ke arah Pertumbuhan Hijau bagi Meningkatkan Kemampanan dan Daya Tahan

Pendahuluan

Prestasi, 2016-2017

Prestasi Outcome Terpilih

Prestasi Bidang Fokus dan Pemacu Perubahan

Isu dan Cabaran

Kesimpulan

5

Pendahuluan

Malaysia komited untuk menuju ke arah pertumbuhan hijau dan telah melaksanakan usaha secara berterusan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, bagi mencapai ekonomi rendah karbon, cekap sumber, berdaya tahan dan mampan. Trajektori pertumbuhan hijau akan melindungi khazanah semula jadi negara untuk generasi akan datang, mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (GHG) dan menambah baik kualiti alam sekitar untuk kesejahteraan yang lebih baik. Dalam tempoh kajian semula, 2016-2017, pelbagai langkah telah diambil untuk memperkukuh persekitaran yang menyokong pertumbuhan hijau, menerima guna konsep penggunaan dan pengeluaran mampan (SCP), memulihara sumber asli dan memperkukuh daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam. Walau bagaimanapun, cabaran masih wujud dalam meningkatkan kualiti alam sekitar dan melindungi sumber asli. Cabaran ini adalah terutamanya dari aspek perancangan, penyelarasan dan penguatkuasaan yang kurang bersepadu serta teknologi hijau tempatan yang terhad, kesedaran yang rendah terhadap isu alam sekitar dan pembangunan yang tidak mampan.

Prestasi, 2016 – 2017

Kemampanan alam sekitar tidak lagi wajar dipandang sebagai sesuatu yang boleh ditukar ganti tetapi adalah prasyarat untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, pelaksanaan pertumbuhan hijau sebagai pemacu perubahan merupakan peralihan daripada trajektori pembangunan konvensional kepada yang lebih mesra alam. Dalam tempoh kajian semula, pelbagai inisiatif menuju pertumbuhan hijau telah dilaksana melalui empat bidang fokus berikut:

BIDANG FOKUS A
Memperkukuh persekitaran yang menyokong pertumbuhan hijau

BIDANG FOKUS B
Menerima guna konsep penggunaan dan pengeluaran mampan

BIDANG FOKUS C
Memulihara sumber asli untuk generasi masa kini dan masa hadapan

BIDANG FOKUS D
Memperkukuh daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam

Prestasi Outcome Terpilih

Program dan inisiatif telah dilaksana bagi menuju ke arah pertumbuhan hijau, iaitu menerima guna konsep SCP, memulihara sumber asli, menangani isu perubahan iklim dan pencemaran alam sekitar serta mengurangkan risiko bencana. RMKe-11 telah mengenal pasti sembilan outcome dan daripadanya, empat telah dicapai, empat mengikut perancangan dan satu tidak mencapai kemajuan yang signifikan. Outcome terpilih dan prestasi adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan 5-1*.

Paparan 5-1

Sorotan
Rancangan Malaysia Kesebelas: Outcome Terpilih dan Prestasi

Menerima guna konsep penggunaan dan pengeluaran mampan



Pengurangan intensiti pelepasan GHG kepada KDNK berbanding tahap pada tahun 2005



Kajian Awal Pengurusan Permintaan Tenaga (DSM) selesai sebagai sebahagian daripada Pelan Induk DSM



Kapasiti terpasang tenaga boleh baharu[4]



Perolehan hijau Kerajaan bagi produk dan perkhidmatan hijau terpilih



Kadar kitar semula[2] sisa isi rumah

Nota: [1] Berdasarkan ketersediaan data untuk analisis oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) membenarkan maksimum empat tahun ke belakang untuk pelaporan analisis data gas rumah kaca (GHG).
[2] Kadar kitar semula adalah peratusan bahan yang dikitar semula yang dikumpul atau diproses oleh pengilang bahan kitar semula berbanding anggaran janaan sisa pepejal pada tahun tersebut.
[3] megawatt.
[4] Peningkatan jumlah kapasiti terpasang tenaga boleh baharu adalah susulan keputusan supaya Malaysia menerima guna definisi tenaga boleh baharu oleh ASEAN pada tahun 2016 yang mengambil kira semua jenis tenaga hidro dalam pengiraan tanpa mengehadkan kapasiti.

Pemuliharaan sumber asli untuk generasi masa kini dan masa hadapan



Kawasan terestrial dan air daratan diwartakan sebagai kawasan perlindungan



Kawasan pesisir pantai dan marin diwartakan sebagai kawasan perlindungan

Memperkukuh daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam



Rakyat dilindungi melalui projek tebatan banjir



Agensi Pengurusan Bencana Negara[5] ditubuhkan

Sasaran Asal Prestasi

Nota: [5] Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah ditubuhkan pada Oktober 2015 (selepas Rancangan Malaysia Kesebelas dibentangkan pada Mei 2015) dengan objektif untuk mengurus dan mengkoordinasi usaha menghadapi bencana serta mengurangkan risiko bencana dalam negara.

Prestasi Bidang Fokus dan Pemacu Perubahan

Selaras dengan komitmen di bawah Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia telah membentangkan *Voluntary National Review* dalam Forum Politik Peringkat Tertinggi PBB di New York, Amerika Syarikat pada tahun 2017. Selain itu, Pelan Hala Tuju Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* - SDG) Fasa 1, 2018-2020, sedang dibangunkan untuk menjajar pelaksanaan kesemua 17 SDG dengan RMKe-11. Di samping itu, Perjanjian Paris di bawah Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) telah ditandatangani dan diratifikasi pada tahun 2016 dengan komitmen untuk mengurangkan sebanyak 45% daripada intensiti pelepasan GHG kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) menjelang tahun 2030 berbanding tahap pada tahun 2005. Susulan daripada penerimagunaan Rangka Kerja Sendai untuk Pengurangan Risiko Bencana oleh negara anggota PBB pada tahun 2015 di Jepun, Malaysia telah menubuhkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). NADMA adalah *focal point* kebangsaan bagi pengurusan risiko bencana.

Dalam menangani isu perubahan iklim, konsep SCP telah diterima guna dalam pelbagai sektor bagi menggalakkan penggunaan sumber asli secara cekap dan pengurangan pelepasan GHG. Fokus semasa adalah untuk mewujudkan pasaran hijau, meningkatkan pengurusan permintaan tenaga (DSM), meningkatkan peratusan tenaga boleh baharu (TBB) dalam campuran bahan api bagi penjanaan tenaga elektrik, menggalakkan mobiliti rendah karbon dan menguruskan sisa secara menyeluruh. Bagi meningkatkan kapasiti adaptasi masyarakat terhadap kesan perubahan iklim, program untuk menangani banjir dan hakisan pantai serta pembangunan sistem amaran awal, peta bahaya dan peta risiko telah dilaksana. Sementara itu, dari segi pemuliharaan sumber asli, terdapat peningkatan dalam pewartaan kawasan perlindungan hutan simpan kekal dan marin manakala dasar dan perundangan baharu telah digubal bagi memperkukuh tadbir urus berkaitan pengurusan sumber asli.

Pencapaian utama mengikut bidang fokus bagi pertumbuhan hijau sebagai pemacu perubahan adalah seperti berikut:

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017

A
Memperkukuh Persekitaran yang Menyokong Pertumbuhan Hijau
Pemacu Perubahan
	Tadbir urus
	• Rangka kerja dasar, perundangan dan institusi
	  • Penubuhan Agensi Pengurusan Bencana Negara
	  • Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Sisa Negara
	  • Penubuhan Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Statistik Alam Sekitar
	  • Penubuhan 3 jawatankuasa bagi perolehan hijau Kerajaan
	  • Pelancaran Pelan Induk Teknologi Hijau, 2017-2030, pada tahun 2017
	  • Penyediaan pelan tindakan jangka masa panjang perolehan hijau kerajaan
	  • Pelancaran Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan, 2016-2025, pada tahun 2016
	  • Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 (Akta 795) diluluskan oleh Parlimen

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
	Mekanisme pemantauan dan penilaian • Pewujudan Indikator Ekonomi Hijau Malaysia • Pewujudan *Roadmap for System of Environmental-Economic Accounting* (MySEEA), 2016-2020 • Penghasilan MySEEA *Water Account* dan *Physical Supply and Use Table for Energy* pada tahun 2017 **Mekanisme kewangan mampan** Projek hijau yang diluluskan insentif cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967 • 83 projek tenaga boleh baharu solar dengan pelaburan berjumlah RM652.8 juta • 6 projek tenaga boleh baharu biojisim dengan pelaburan berjumlah RM344 juta • 11 projek kitar semula dengan pelaburan berjumlah RM979 juta • 2 projek pengurusan sisa bersepadu dengan pelaburan berjumlah RM382 juta Pembiayaan melalui sukuk hijau • Sukuk hijau pertama dilancarkan pada tahun 2017 dengan nilai berjumlah RM250 juta dan diikuti dengan terbitan tambahan berjumlah RM1 bilion Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) • 94 projek telah menerima tawaran pembiayaan berjumlah RM1.1 bilion di bawah GTFS, sebagai tambahan kepada 225 projek dengan pembiayaan berjumlah RM2.5 bilion dalam tempoh 2010-2015 **Kesedaran terhadap tanggungjawab bersama** Inisiatif untuk meningkatkan jaminan sumber asli • Survei Harimau Kebangsaan yang pertama sedang dilaksanakan untuk menentukan populasi harimau secara kerjasama di antara Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dengan *World Wide Fund for Nature* (WWF-Malaysia) dan Persatuan Pemuliharaan Hidupan Liar (WCS). Sehingga tahun 2017, kawasan seluas 22,000 kilometer persegi telah ditinjau

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
	Inisiatif untuk meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan terhadap bencana • 4 Pelan Tempatan Pengurusan Risiko Bencana (LDRMP) dibangunkan untuk kerajaan tempatan • 10 LDRMP dibangunkan untuk hospital dan pusat kesihatan • 100 LDRMP berasaskan komuniti dibangunkan untuk kawasan perkampungan dan penempatan penduduk • Program kesedaran bencana dianjurkan di 500 buah sekolah • Program latihan dan kesedaran tsunami dianjurkan secara bersama dengan beberapa sekolah terpilih di Kuala Muda, Kedah **Inisiatif untuk meningkatkan kesedaran mengenai perubahan iklim** • Penganjuran tahunan *Earth Hour City Challenge* • Penganjuran dialog tahunan perubahan iklim **Inisiatif untuk meningkatkan kesedaran terhadap pengurangan, guna semula dan kitar semula sisa (3R)** • Penganjuran program 3R di sekolah dan tadika • Pewujudan modul pengajaran untuk menggalakkan aktiviti kitar semula di sekolah • Penganjuran taklimat dan pameran mengenai 3R kepada pelajar kolej dan universiti, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan

Dalam tempoh kajian semula, tumpuan diberikan untuk menyediakan asas bagi pelaksanaan inisiatif pertumbuhan hijau melalui penubuhan pelbagai jawatankuasa serta penggubalan dasar, perundangan dan pelan tindakan. Penyediaan asas ini bertujuan untuk memperkukuh penyelarasan antara pihak berkepentingan, membolehkan penyelesaian masalah secara berkesan dan mempercepat pelaksanaan. Sementara itu, NADMA ditubuhkan untuk mempertingkat pengurusan risiko bencana termasuk pengurangan risiko. Usaha ini dilaksana melalui kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat pada semua peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas bencana. Kerjasama ini membolehkan penggunaan tenaga kerja dan aset sedia ada dalam kalangan pihak berkepentingan secara lebih berkesan. Tumpuan juga diberikan untuk mewujudkan indikator hijau bagi menyokong pemantauan dan penilaian inisiatif pertumbuhan hijau.

Mekanisme kewangan mampan seperti sukuk hijau telah diperkenal untuk membiayai pelaksanaan projek hijau, manakala Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) diperkenal untuk menggalakkan pembangunan teknologi hijau dan industri hijau. Sementara itu, pelbagai usaha juga telah dilaksana untuk mempertingkat kesedaran ke arah mewujudkan rasa tanggungjawab bersama dalam kalangan pihak berkepentingan. Beberapa inisiatif berkaitan jaminan sumber asli, kesiapsiagaan dan pengurangan risiko bencana, serta perubahan iklim telah dilaksana.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017

B
Menerima Guna Konsep Penggunaan dan Pengeluaran Mampan
 	
Pemacu Perubahan
	Pewujudan pasaran hijau
	• Perolehan hijau Kerajaan (GGP)
	  ◦ Semua kementerian dan agensi melaksana GGP pada tahun 2017
	  ◦ 20 produk dan perkhidmatan diiktiraf untuk perolehan hijau pada tahun 2017
	  ◦ Nilai GGP berjumlah RM137.7 juta pada tahun 2016 dan RM286.3 juta pada tahun 2017
	• Produk dan perkhidmatan hijau
	  ◦ Pendaftaran produk dan perkhidmatan hijau dalam skim pengiktirafan MyHijau oleh GreenTech Malaysia telah meningkat dari 221 pada tahun 2016 kepada 1,029 pada tahun 2017
	  ◦ Kriteria pelabelan eko telah dibangunkan oleh SIRIM untuk 81 jenis produk dan 113 produk telah disahkan sebagai *Ecolabel* oleh SIRIM sehingga tahun 2017
	• Bangunan mesra alam
	  ◦ Pelancaran *Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool* (MyCREST[1]) pada tahun 2016
	  ◦ 54 buah projek bangunan telah didaftar bagi mendapatkan pensijilan bangunan mesra alam di bawah MyCREST
	  ◦ 50 orang profesional telah diiktiraf oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) untuk memantau pembinaan bangunan berdasarkan MyCREST
	  ◦ 25 orang penilai MyCREST telah diiktiraf oleh CIDB
	  ◦ Portal MyCREST sedang dibangunkan
	
	Tenaga
	• Meningkatkan pengurusan permintaan tenaga
	  ◦ Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Nasional (NEEAP) dilaksanakan pada tahun 2016
	  ◦ Pelaksanaan projek audit, retrofit dan pengurusan tenaga di bawah NEEAP untuk 13 bangunan kerajaan, 103 bangunan industri dan 84 bangunan komersial
	
	Nota: [1] MyCREST (*Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool*) merupakan satu kaedah penarafan yang diperkenalkan oleh Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. MyCREST bertujuan untuk mengira dan mengurangkan jejak karbon yang terhasil daripada aktiviti pembinaan melalui penyediaan panduan mengenai reka bentuk, pembinaan dan operasi bangunan secara rendah karbon dan mampan.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017

	• Kajian Awal Pengurusan Permintaan Tenaga siap pada tahun 2017
	• Kajian mengenai *Combined Heat and Power Policy Framework for Malaysia* siap pada tahun 2017
	• Penubuhan Dana Kontrak Prestasi Tenaga untuk membiayai projek kecekapan tenaga dalam sektor bangunan pada tahun 2017
	
	Mobiliti rendah karbon
	
	• Pengangkutan cekap tenaga
	  • Pemanjangan laluan Transit Aliran Ringan 2 (LRT 2), bagi laluan Kelana Jaya dan laluan Ampang siap pada tahun 2016
	  • Pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) 1, bagi laluan Sungai Buloh-Kajang siap pada tahun 2017
	  • Pembinaan MRT 2 bagi laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya bermula pada tahun 2016
	• Penerimagunaan standard bahan api yang lebih tinggi
	  • Pelaksanaan secara sukarela EURO 5 untuk diesel oleh pemilik stesen minyak di Semenanjung Malaysia pada tahun 2016
	  • Program B7 bio-diesel (campuran 7% metil ester daripada minyak sawit) diteruskan dengan penggunaan metil ester sebanyak 351,873 tan metrik pada tahun 2016
	
	Pengurusan sisa
	
	• Pengurangan, guna semula dan kitar semula sisa isi rumah
	  • Kadar kitar semula sisa isi rumah meningkat daripada 15.7% pada tahun 2015 kepada 24.6% pada tahun 2017
	  • Penambahbaikan capaian awam kepada kemudahan kitar semula di kawasan kediaman berstrata melalui penyediaan 2,460 sangkar kitar semula pada tahun 2016
	  • 7 tapak pelupusan sanitari telah beroperasi pada tahun 2017, tambahan kepada 11 tapak pelupusan sanitari sedia ada yang menyumbang kepada pengurusan sisa yang lebih baik

Pendekatan proaktif telah diambil untuk memangkin pewujudan pasaran hijau dengan melaksana perolehan hijau Kerajaan. Pada tahun 2017, sebanyak 21% daripada perolehan Kerajaan yang melibatkan 20 produk dan perkhidmatan terpilih adalah perolehan hijau berbanding sasaran awal sebanyak 20%. Selaras dengan pelancaran MyCREST pada tahun 2016, semua projek bangunan kerajaan yang bernilai RM50 juta dan ke atas diwajibkan untuk menerima guna MyCREST bagi mengurangkan pelepasan karbon dalam industri pembinaan. Pendekatan ini menunjukkan usaha Kerajaan menerajui secara teladan terhadap komitmen ke arah mengurangkan pelepasan GHG secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, ketersediaan produk dan perkhidmatan hijau yang terhad telah merencatkan usaha untuk memperluas pasaran hijau.

Dalam sektor tenaga, tumpuan telah beralih daripada peningkatan bekalan bagi memenuhi permintaan kepada pengurangan penggunaan tenaga menerusi pelaksanaan inisiatif kecekapan dan penjimatan tenaga di bawah Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Nasional. Dalam hal ini, beberapa kajian telah disiapkan sebagai panduan kepada penggubalan akta kecekapan dan penjimatan tenaga. Sementara itu, inisiatif kecekapan tenaga telah dilaksana dalam sektor pengangkutan bagi menggalakkan mobiliti rendah karbon, antaranya termasuk pemanjangan laluan LRT 2 dan pengoperasian MRT 1 yang bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian. Selain itu, pelaksanaan standard bahan api yang lebih tinggi secara sukarela dan pengenalan bahan api yang lebih bersih telah dimulakan sejak tahun 2016. Namun begitu, langkah bagi memastikan sektor pengangkutan yang lebih mesra alam masih perlu ditingkatkan.

Penguatkuasaan pengasingan sisa di punca yang diperkenalkan pada tahun 2015 telah sebahagiannya menyumbang kepada peningkatan kadar kitar semula sisa isi rumah, iaitu daripada 15.7% pada tahun 2015 kepada 24.6% pada tahun 2017. Namun, kadar tersebut masih sangat rendah berbanding dengan negara maju walaupun inisiatif kitar semula telah diperkenalkan semenjak tahun 1990-an lagi. Laporan oleh *European Environment Agency* pada tahun 2017 menyatakan bahawa kadar kitar semula sisa pepejal perbandaran adalah tertinggi di Jerman (66%), diikuti oleh Austria (57%), Slovenia (54%), Switzerland (53%) dan Belgium (53%). Kadar kitar semula yang rendah di Malaysia menunjukkan bahawa sejumlah besar sisa pepejal masih dibuang ke tapak pelupusan dan ini memberi tekanan bagi menyediakan lebih banyak tapak pelupusan sanitari.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017

C
Memulihara Sumber Asli untuk Generasi Masa Kini dan Masa Hadapan
Pemacu Perubahan
	Pemuliharaan sumber asli
	- Pewartaan kawasan perlindungan terestrial, air daratan dan marin
	  - Peratusan jumlah kawasan terestrial dan air daratan yang diwartakan sebagai kawasan perlindungan meningkat daripada 12.1% pada tahun 2015 kepada 13.2% pada tahun 2017
	  - Peratusan jumlah kawasan pesisir pantai dan marin yang diwartakan sebagai kawasan perlindungan meningkat daripada 1.1% pada tahun 2013 kepada 3.4% pada tahun 2017
	  - Pewartaan 8,987 kilometer persegi Taman Tun Mustapha di Sabah sebagai kawasan perlindungan marin pada tahun 2016

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
	• 2,697 hektar kawasan perlindungan baharu diwartakan sebagai tambahan kepada 24,211 hektar kawasan sedia ada (18,866 hektar di Perak, 4,396 hektar di Kedah dan 949 hektar di Pahang) di bawah inisiatif *Central Forest Spine*[1] • 210,867 hektar kawasan perlindungan baharu (127,865 hektar di Sabah dan 83,002 hektar di Sarawak) diwartakan sebagai tambahan kepada 2,254,245 hektar kawasan sedia ada (1,779,030 hektar di Sabah dan 475,215 hektar di Sarawak) di bawah inisiatif *Heart of Borneo* • Pemulihan, perlindungan dan penghutanan semula • 11,425,356 pokok ditanam oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan agensi berkaitan dengan kerjasama sektor swasta, badan bukan kerajaan, kerajaan tempatan dan juga komuniti setempat • Dokumentasi 10,495 koleksi spesimen biodiversiti termasuk 6,924 flora, 1,634 kulat dan serangga serta 1,915 fauna Nota: [1] *Central Forest Spine* merangkumi kawasan (i) Banjaran Titiwangsa-Banjaran Bintang-Banjaran Nakawan; (ii) Taman Negara-Banjaran Timur; (iii) tanah lembap Tenggara Pahang, Tasik Chini dan Tasik Bera; dan (iv) Taman Endau Rompin-Rezab Hidupan Liar Kluang, yang meliputi kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia.

Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan, 2016-2025 yang baharu telah dilancarkan pada tahun 2016 sebagai panduan dalam pengurusan biodiversiti yang lebih mampan. Dasar ini menyediakan sasaran, tindakan dan garis masa yang jelas untuk pelaksanaan pemuliharaan, penggunaan yang mampan dan perkongsian faedah daripada sumber asli secara adil dan saksama. Dasar tersebut juga menyokong usaha untuk memenuhi obligasi di bawah Sasaran Biodiversiti Aichi yang menetapkan sekurang-kurangnya 17% kawasan terestrial dan air daratan serta sekurang-kurangnya 10% kawasan pesisir pantai dan marin diwartakan sebagai kawasan perlindungan. Walau bagaimanapun, pada masa ini, hanya 3.4% kawasan pesisir pantai dan marin telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan. Penglibatan aktif semua pihak berkepentingan termasuk kerajaan negeri adalah perlu. Di samping itu, penubuhan instrumen kewangan yang sesuai, serupa seperti pembayaran untuk perkhidmatan ekosistem, untuk membiayai usaha pemuliharaan biodiversiti adalah juga diperlukan.

Jumlah kawasan litupan hutan berhadapan dengan risiko pengurangan akibat konflik keutamaan di antara usaha pemuliharaan dan keperluan pembangunan sosioekonomi. Oleh itu, langkah pemulihan dan penghutanan semula, iaitu melalui penanaman semula pokok di kawasan yang terosot seluas 1,640 hektar sedang dilaksanakan. Bagi kawasan marin, litupan karang hidup berbanding keseluruhan kawasan litupan karang berkurang daripada 47.3% pada tahun 2015 kepada 44.5% pada tahun 2016. Pengurangan ini antara lain disebabkan oleh kesan perubahan iklim, pencemaran marin, pembangunan pesisir pantai yang tidak mampan dan aktiviti penangkapan ikan yang memusnahkan kawasan marin. Keadaan ini menunjukkan bahawa usaha sedia ada tidak mencukupi dan semua pihak yang berkenaan perlu bekerjasama untuk memulihkan kawasan terestrial, air daratan, pesisir pantai dan marin yang semakin terosot serta meminimumkan ancaman bagi melindungi kawasan lain yang belum terosot.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017

D

Memperkukuh Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim dan Bencana Alam

Pemacu Perubahan

Adaptasi perubahan iklim

- 13 projek pencegahan dan pemuliharaan hakisan pantai dilaksanakan di kawasan kritikal terutamanya di Johor, Pahang, Perak, Sarawak dan Terengganu untuk menangani hakisan pantai yang teruk
- Kajian Hakisan Pantai Kebangsaan disiapkan pada tahun 2017 bertujuan untuk menilai dan mengemas kini data berkaitan hakisan pantai
- Peningkatan keluasan penanaman pokok bakau dan spesies yang bersesuaian di kawasan pesisir pantai daripada 2,502 hektar pada tahun 2015 kepada 2,711 hektar pada tahun 2016
- Pembangunan Sistem Pengurusan Imbangan Air Negara yang melibatkan 18 lembangan sungai
- Pelaksanaan Program Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut di Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu untuk mengurangkan risiko kebakaran kawasan gambut semasa musim panas

Pengurusan risiko bencana

- Penerbitan *Malaysia National Annex to Eurocode 8: Design of structures for earthquake resistance Part 1: General rules, seismic actions and rules for buildings*
- Peta Bahaya Seismik bagi Malaysia diterbitkan pada tahun 2017
- Sistem bersepadu bagi ramalan cuaca dan banjir serta amaran awal banjir sedang dibangunkan
- Pemetaan risiko sesar aktif bagi kawasan terpilih di Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu sedang dilaksanakan
- 6 projek tebatan banjir di Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Terengganu telah siap
- 69 projek baharu tebatan banjir di seluruh negara telah diluluskan
- Pembangunan fasa kedua Pelan Induk dan Peta Hazard Banjir

Langkah untuk memperkukuh daya tahan dan kapasiti adaptasi kepada perubahan iklim adalah pelengkap kepada langkah pengurangan risiko bencana. Langkah ini bertujuan mengurangkan kerugian ekonomi dan sosial serta menyediakan pendekatan pelbagai disiplin untuk menangani perubahan iklim dan risiko bencana secara menyeluruh. Antara langkah yang sedang dilaksana termasuk program pencegahan dan pemuliharaan hakisan pantai, pembangunan Sistem Pengurusan Imbangan Air Negara (NAWABS[1]) dan pelaksanaan Program Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut.

Usaha untuk melindungi dan memulihara kawasan pesisir pantai daripada hakisan termasuk pembinaan struktur perlindungan hakisan pantai seperti ban, *groyne* dan *rock revetment* serta penanaman pokok bakau dan spesies lain yang bersesuaian. Kajian Hakisan Pantai Kebangsaan yang telah disiapkan pada tahun 2017 juga menilai semula keberkesanan garis panduan kawalan hakisan sedia ada dan menyediakan cadangan penambahbaikan yang sewajarnya. NAWABS sedang dibangunkan untuk membantu agensi pengurusan air mengenal pasti dan mengambil kira sumber air sedia ada. Langkah ini akan mengoptimumkan penggunaan air berdasarkan permintaan dan keutamaan. NAWABS membolehkan ramalan ketersediaan sumber air dibuat dua bulan lebih awal sebelum berlakunya krisis. Di samping itu, Program Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut akan terus dilaksana memandangkan kawasan tanah gambut mudah terbakar apabila kering. Program ini membantu mengelakkan kejadian jerebu dan pelepasan GHG, seterusnya menyumbang kepada kualiti udara yang lebih baik.

Pembangunan yang tidak terkawal dan ketidakpatuhan kepada garis panduan pembangunan sering dikaitkan dengan peningkatan kejadian bencana seperti banjir dan tanah runtuh. Peningkatan kejadian bencana menjejaskan aktiviti ekonomi, mengancam nyawa dan menyebabkan kerosakan infrastruktur serta harta benda awam dan persendirian. Malaysia telah mengalami bencana banjir terburuk dalam tempoh Disember 2014 hingga Januari 2015, yang menjejaskan lebih daripada 200,000 penduduk dan memberi kesan paling teruk kepada negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak. Pada tahun 2017, Pulau Pinang mengalami banjir kilat yang teruk menjejaskan hampir 12,000 penduduk, selain kejadian tanah runtuh di Tanjung Bungah yang meragut 11 nyawa. Dalam hal ini, program tebatan banjir akan terus diberi keutamaan dan sehingga kini, seramai 1.2 juta penduduk telah mendapat manfaat melalui pelaksanaan program ini.

Satu sistem bersepadu bagi ramalan cuaca dan banjir serta amaran awal banjir sedang dibangunkan sebagai salah satu usaha dalam pengurusan banjir. Dalam memudah cara proses membuat keputusan berkaitan pembangunan tanah, Peta Bahaya Seismik bagi Malaysia telah dilancarkan pada tahun 2017, manakala peta risiko sesar aktif, banjir dan tanah runtuh sedang disediakan. Selaras dengan standard antarabangsa, *Malaysia National Annex to Eurocode 8: Design of structures for earthquake resistance Part 1: General rules, seismic actions and rules for buildings* telah diterbitkan pada tahun 2017 untuk meningkatkan daya tahan bangunan terhadap gempa bumi.

Isu dan Cabaran

Pelbagai usaha telah diambil untuk memperkukuh persekitaran yang menyokong pertumbuhan hijau. Namun begitu, beberapa isu dan cabaran masih wujud dan perlu ditangani seperti perancangan, koordinasi dan penguatkuasaan bersepadu yang tidak mencukupi. Selain itu, isu dan cabaran lain ialah teknologi hijau tempatan yang terhad, kesedaran yang rendah terhadap isu alam sekitar dan pembangunan yang tidak mampan.

Perancangan dan penyelarasan dasar secara komprehensif adalah sukar kerana agenda alam sekitar merangkumi bidang kuasa pelbagai kementerian dan agensi serta kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Usaha pihak berkepentingan untuk mengkaji

[1] NAWABS adalah instrumen pengurusan sumber air yang menyeluruh yang memudahkan pendekatan bersepadu bagi memastikan kemampanan sumber air. NAWABS menyediakan maklumat terkini mengenai ketersediaan air, permintaan air, opsyen pemindahan air, penyimpanan dan peruntukan air serta integrasi air permukaan dan air bawah tanah.

semula dasar dan perundangan sedia ada tidak mencukupi dan tidak terselaras. Keadaan ini menyumbang kepada perancangan yang tidak efektif dan ketidakmampuan untuk menterjemah dasar nasional kepada tindakan yang selari dengan agenda alam sekitar. Dalam keadaan tertentu, keutamaan yang bercanggah antara agenda pembangunan pada peringkat nasional dan negeri menyukarkan lagi usaha untuk menangani isu alam sekitar dan memulihara sumber asli.

Kekangan dalam **penguatkuasaan perundangan alam sekitar** adalah disebabkan oleh kapasiti dan keupayaan agensi penguatkuasa yang terhad, termasuk personel dan peralatan yang tidak mencukupi. Penguatkuasaan yang kurang berkesan telah menyebabkan sumber asli dieksploitasi secara berlebihan. Tumbuhan dan hidupan liar yang jarang ditemui dan bernilai tinggi dalam kawasan perlindungan sering diambil atau diburu secara haram, diperdagangkan dan diseludup ke luar negara. Keadaan ini akan menggugat kelangsungan spesies yang terancam dan rentan, seterusnya mengakibatkan kehilangan sumber flora dan fauna yang bernilai tinggi.

Satu mekanisme yang sistematik untuk **melapor, memantau dan menilai** keberkesanan pelaksanaan dasar dan program berkaitan alam sekitar, serta usaha untuk mengurangkan risiko bencana masih belum diwujudkan. Pada masa ini, pengumpulan data adalah tidak bersepadu, dilaksanakan secara *ad hoc* dan data tidak dikongsi secara meluas antara agensi. Data rasmi yang tidak dikemas kini, tidak tersedia dan tidak boleh diakses menyebabkan pengguna merujuk kepada data daripada sumber tidak rasmi yang mengakibatkan penilaian keadaan alam sekitar yang tidak tepat.

Kekurangan **penyelidikan dan pembangunan (R&D)** asas dan gunaan dalam bidang alam sekitar, sumber asli, perubahan iklim dan risiko bencana serta pengkomersialan teknologi hijau tempatan yang terhad juga menghalang usaha untuk mencapai pertumbuhan hijau. Keadaan ini disebabkan oleh kurangnya minat dan kesedaran mengenai keperluan R&D serta dana yang terhad bagi membiayai aktiviti R&D. Tambahan pula, institusi kewangan lebih cenderung untuk mengelak risiko dalam pembiayaan pembangunan atau perolehan teknologi hijau berikutan kurangnya pengetahuan dan kepakaran dalam penilaian projek hijau.

Tahap kesedaran dan kefahaman orang ramai mengenai isu alam sekitar dan peranan sumber asli dalam menyediakan perkhidmatan ekosistem[2] adalah masih rendah. Pendidikan mengenai alam sekitar di sekolah tidak diterjemahkan sebagai amalan dan budaya dalam kehidupan seharian. Pembudayaan ini adalah penting dalam merubah minda dan tingkah laku serta memupuk gaya hidup mampan dalam kalangan generasi muda. Di samping itu, penglibatan masyarakat dan perkongsian tanggungjawab masih tidak mencukupi, terutamanya dalam menangani isu alam sekitar dan kebersihan.

Perubahan iklim, degradasi alam sekitar dan bencana alam umumnya dianggap sebagai isu alam sekitar semata-mata. Namun pada hakikatnya, faktor utama yang menyebabkan kejadian ini adalah aktiviti **pembangunan yang tidak terkawal dan tidak mampan**. Pembangunan yang tidak terkawal dan ketidakpatuhan kepada garis panduan pembangunan mengakibatkan kesukaran untuk mengurus dan membendung aktiviti yang menjejaskan alam sekitar. Proses pengeluaran yang tidak mampan berkait rapat dengan ketidakcekapan penggunaan sumber seperti bahan mentah, tenaga dan air. Kadar tarif utiliti yang rendah serta tiada keperluan untuk mematuhi standard hijau antarabangsa dan kurangnya kesedaran terhadap penggunaan sumber secara cekap mendorong kebanyakan perusahaan kecil dan sederhana terus mengamalkan proses pengeluaran yang tidak mampan. Aktiviti pembangunan yang tidak mampan ini seterusnya mengakibatkan pelepasan GHG dan bahan pencemar yang lain serta penjanaan sisa yang tinggi.

[2] Berdasarkan *United Nations Environment Programme* (UNEP), perkhidmatan ekosistem adalah manfaat yang masyarakat peroleh daripada ekosistem. Manfaat ini termasuk daripada penyediaan sumber seperti makanan dan air; khidmat kawalan seperti kawalan banjir dan penyakit; khidmat budaya kehidupan seperti manfaat rohani, rekreasi, dan budaya; dan perkhidmatan sokongan seperti kitaran nutrien yang mengekalkan keadaan hidup di muka bumi.

Bahan api fosil iaitu arang batu, gas asli dan minyak terus menjadi sumber utama dalam campuran bahan api bagi penjanaan tenaga elektrik meskipun memberi impak kepada alam sekitar. Namun, arang batu masih menjadi bahan api pilihan utama kerana harga pasaran yang lebih rendah berbanding harga gas asli yang semakin meningkat. Situasi ini disebabkan strategi Kerajaan mengurangkan subsidi gas asli secara berperingkat.

Kesimpulan

Usaha berterusan telah dilaksanakan dalam tempoh kajian semula untuk membentuk asas bagi ekonomi rendah karbon, cekap sumber, berdaya tahan dan mampan. Konsep SCP yang diterima guna pada semua peringkat dan dalam pelbagai sektor ekonomi memberi manfaat yang lebih besar kepada alam sekitar dan ekonomi dengan mengurangkan ketidakcekapan pengurusan sumber. Walau bagaimanapun, masih terdapat cabaran dalam usaha menangani degradasi sumber asli, perubahan iklim dan isu alam sekitar yang lain. Selain itu, cabaran masih dihadapi dalam meningkatkan penglibatan pihak berkepentingan serta perubahan minda dan tingkah laku ke arah gaya hidup mampan. Oleh itu, usaha gigih diperlukan untuk memperkukuh tadbir urus dalam pengurusan alam sekitar bagi menyokong pertumbuhan hijau, memastikan kemampanan sumber asli serta meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam.

Memperkukuh Infrastruktur bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi

Pendahuluan

Prestasi, 2016-2017

Prestasi Outcome Terpilih

Prestasi Bidang Fokus

Isu dan Cabaran

Kesimpulan

6

Pendahuluan

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020, pembangunan infrastruktur terus diberi penekanan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dalam tempoh kajian semula, 2016-2017, pelaburan yang besar untuk infrastruktur telah meningkatkan akses kepada rangkaian jalan raya yang lebih baik, pengangkutan awam yang mampu bayar serta liputan yang mencukupi bagi infrastruktur digital dan utiliti. Meskipun terdapat kemajuan, masih wujud isu dan cabaran yang perlu ditangani. Penyelenggaraan yang terhad akibat sumber kewangan yang tidak mencukupi telah menjejaskan kualiti infrastruktur. Kekangan kewangan turut menghalang pembangunan infrastruktur yang baharu dan kerja menaik taraf. Di samping itu, kos yang tinggi dan pulangan rendah dari pelaburan dalam pembangunan pengangkutan awam dan rangkaian telekomunikasi menjadikannya kurang menarik kepada penyedia perkhidmatan. Sumber bekalan air mentah dan bahan api yang terhad juga menjadi cabaran bagi memastikan penyampaian perkhidmatan adalah berdaya harap dan mampan.

Prestasi, 2016-2017

Dalam tempoh kajian semula, peluasan rangkaian infrastruktur penting seperti jalan raya, rel, air dan elektrik telah dilaksana bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan memastikan kesejahteraan rakyat. Pada masa yang sama, keutamaan diberi kepada penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan lebih baik seperti penyediaan pengangkutan moden dan perkhidmatan logistik, ketersambungan jalur lebar, pelaksanaan televisyen terestrial digital (DTT) dan penggalakan sumber tenaga boleh baharu. Dalam hubungan ini, pelbagai inisiatif telah dilaksana melalui lima bidang fokus seperti berikut:

BIDANG FOKUS A
Membangunkan sistem pengangkutan bersepadu berdasarkan keperluan

BIDANG FOKUS B
Meningkatkan pertumbuhan logistik dan fasilitasi perdagangan

BIDANG FOKUS C
Menambah baik liputan dan kualiti serta kemampuan langganan infrastruktur digital

BIDANG FOKUS D
Meneruskan peralihan kepada rangka kerja baharu industri perkhidmatan air

BIDANG FOKUS E
Menggalakkan penggunaan tenaga secara mampan untuk menyokong pertumbuhan

Prestasi Outcome Terpilih

Dalam tempoh Rancangan, 13 outcome terpilih telah dikenal pasti yang mana dua outcome telah melepasi sasaran, lapan outcome mengikut perancangan manakala tiga lagi menghadapi kesukaran untuk mencapai sasaran. Prestasi outcome terpilih dan pencapaian utama bagi lima bidang fokus adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 6-1*.

Paparan 6-1

Sorotan

Rancangan Malaysia Kesebelas: Outcome Terpilih dan Prestasi

Membangunkan sistem pengangkutan bersepadu berdasarkan keperluan



Perkongsian mod pengangkutan awam di GKL/KV



Penubuhan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) sebagai pengawal selia pada 1 Mac 2016

Meningkatkan pertumbuhan logistik dan fasilitasi perdagangan



Pertumbuhan bagi subsektor pengangkutan dan penyimpanan



Kedudukan dalam Indeks Pencapaian Logistik Bank Dunia

Meneruskan peralihan kepada rangka kerja baharu industri perkhidmatan air



Kadar air tidak berhasil



Liputan perkhidmatan pembetungan bersambung terutamanya di bandar utama



Penduduk mendapat bekalan air bersih dan terawat

Menambah baik liputan dan kualiti serta kemampuan langganan infrastruktur digital



Kawasan berpenduduk mendapat liputan infrastruktur jalur lebar



PNK per kapita bagi kos langganan jalur lebar talian tetap



Pelancaran televisyen terrestrial digital (DTT)

Menggalakkan penggunaan tenaga secara mampan untuk menyokong pertumbuhan



Kapasiti terpasang baharu penjanaan elektrik di Semenanjung Malaysia



Kapasiti tambahan penapisan minyak apabila pembinaan loji selesai, pada masa ini 93% siap



Kapasiti pengimportan LNG[4] tambahan melalui Terminal Regasifikasi 2 di Pengerang, Johor

Nota: [1] MW – megawatt
[2] TSH – tong sehari
[3] MTPA – juta tan metrik setahun
[4] LNG – gas asli cecair

Sasaran Asal Prestasi

Prestasi Bidang Fokus

Dalam tempoh kajian semula, kejayaan telah dicapai dalam aspek peluasan rangkaian pengangkutan, akses kepada bekalan air bersih dan terawat, pembinaan loji janakuasa elektrik baharu serta peningkatan liputan, kemampuan langganan dan kualiti jalur lebar. Sorotan kepada pencapaian utama bagi bidang fokus adalah seperti berikut:

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
A Membangunkan Sistem Pengangkutan Bersepadu Berdasarkan Keperluan	• Projek Transit Aliran Massa 1 dan Transit Aliran Ringan 2 telah siap bagi memudahkan pergerakan penumpang dan menyediakan ketersambungan dalam Lembah Klang • Menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi untuk meningkatkan kapasiti lapangan terbang dan keselesaan penumpang daripada 1.5 juta penumpang setahun (mppa) pada masa kini kepada 3 mppa pada tahun 2019 • Mendalamkan alur pelayaran dan kerja bagi meningkatkan kapasiti di Northport, Westports dan Pelabuhan Tanjung Pelepas untuk menampung kapal yang lebih besar dengan kapasiti muatan sebanyak 19,000 hingga 22,000 *twenty-foot equivalent units* (TEUs) • Penubuhan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia pada tahun 2016 untuk mengawal selia hal ehwal ekonomi dan komersial berkaitan penerbangan • Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE) Fasa 2 sepanjang 18 kilometer meliputi Jajaran Tun Razak dan Jajaran Sri Damansara yang mula beroperasi pada Oktober 2017, menampung purata aliran trafik hampir 39,400 buah kenderaan sehari • 4 lebuh raya di Lembah Klang masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2020 • Lebuhraya *Central Spine Road* dan Kota Bharu-Kuala Krai masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2025 • Lebuhraya Pan Borneo Sabah masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2022, manakala Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dijangka siap pada tahun 2021

Dalam tempoh kajian semula, pembangunan lebuh raya adalah tertumpu di kawasan luar Lembah Klang seperti Lebuhraya *Central Spine Road* dari Bentong, Pahang ke Kuala Krai, Kelantan dan akan bersambung dengan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai untuk meningkatkan ketersambungan di antara koridor dan bandar utama. Di samping itu, Lebuhraya Pan Borneo yang dimulakan pada tahun 2015 menyediakan ketersambungan jalan raya dari Sindumin ke Tawau di Sabah dan Telok Melano ke Limbang di Sarawak. Beberapa lebuh raya di Lembah Klang juga sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan iaitu Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE), Lebuhraya Damansara-Shah Alam (DASH), Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) dan Lebuhraya Setiawangsa Pantai (SPE). Semua lebuh raya ini apabila siap sepenuhnya akan meningkatkan ketersambungan jalan raya dan memudahkan aliran trafik, terutama semasa waktu puncak.

Dua projek rel utama telah siap sepenuhnya dalam tempoh kajian semula iaitu Transit Aliran Massa 1 (MRT 1) dan Transit Aliran Ringan 2 (LRT 2). Laluan MRT 1 dari Sungai Buloh ke Kajang melibatkan jajaran rel sepanjang 51 km dan menyambungkan 31 stesen. Penggunaan pengangkutan semasa bagi MRT 1 adalah seramai 180,000 penumpang sehari iaitu jauh lebih rendah daripada unjuran yang disasarkan seramai 400,000 penumpang sehari. Pemanjangan laluan LRT 2 dari Kelana Jaya dan Seri Petaling ke Putra Heights, telah melengkapkan rangkaian antara laluan Kelana Jaya dan Ampang. Walaupun projek tersebut telah siap, perkongsian mod pengangkutan awam hanya 21% pada tahun 2017 menjadikan ia sukar untuk mencapai sasaran 40% pada tahun 2020. Perkongsian mod pengangkutan awam yang rendah adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti ketidakcukupan ketersambungan, kebolehcapaian dan keboleharapan terhadap perkhidmatan pengangkutan awam.

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) ditubuhkan pada tahun 2016 untuk mengawal selia industri penerbangan negara, meningkatkan kapasiti pengendali lapangan terbang dan mengawal persaingan melalui pengeluaran lesen dan penetapan laluan penerbangan. Bermula 1 Januari 2017, MAVCOM memperkenalkan peraturan baharu Caj Perkhidmatan Penumpang (PSC) untuk memastikan bayaran PSC mengambil kira keperluan penumpang dan kos pengendali lapangan terbang untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Di samping itu, kecekapan dan keberkesanan industri penerbangan terus dipertingkat melalui penaiktarafan infrastruktur lapangan terbang dan penambahbaikan sistem. Projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Kedah yang sedang dilaksanakan dijangka meningkatkan kapasiti perkhidmatan lapangan terbang dan pergerakan pesawat apabila siap pada tahun 2019.

Trend dalam industri perkapalan tertumpu ke arah menggalakkan ekonomi bidangan yang lebih besar bagi menjana kos per unit lebih rendah melalui penggunaan kapal mega yang berkapasiti muatan sehingga 22,000 TEU. Kebolehcapaian dan kapasiti pelabuhan dipertingkat melalui kerja pendalaman alur pelayaran kepada sekurang-kurangnya 18 meter dan peluasan kapasiti pelabuhan bagi menampung keperluan kapal mega. Kerja peluasan kapasiti termasuk pembinaan tempat berlabuh dan dermaga tambahan telah dilaksana di Northport dan Westports, Pelabuhan Klang, Selangor serta Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Gelang Patah, Johor.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
B **Meningkatkan Pertumbuhan Logistik dan Fasilitasi Perdagangan**	• Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 telah dipinda untuk memasukkan peruntukan berhubung peraturan dan pemantauan depoh luar pelabuhan • Masa pemprosesan bagi ketetapan awal Kastam untuk *Harmonised Commodity Description and Coding System* (Kod HS) telah dikurangkan daripada 150 hari kepada 90 hari • Tempoh masa kelulusan pensijilan halal di pelabuhan dan lapangan terbang utama telah dikurangkan daripada 50 hari kepada 10 hari • Masa pemprosesan untuk permit pendaratan penerbangan sewa khas telah dipendekkan daripada 7 hari kepada 3 hari dan bilangan dokumen dikurangkan daripada 10 kepada 3 • Inisiatif penambahbaikan proses kerja di bawah Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) telah mengurangkan masa pemprosesan untuk pelepasan kargo udara daripada 6 jam kepada 3 jam untuk projek perintis di KLIA

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan yang merupakan komponen sektor perkhidmatan telah berkembang pada kadar 6.0% pada tahun 2017 berbanding dengan 5.8% pada tahun 2015. Pada tahun 2017, subsektor tersebut menyumbang sebanyak 3.6% atau RM42 bilion kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan 6.6% kepada sektor perkhidmatan. Walaupun kadar pertumbuhan tersebut adalah tinggi, sumbangan subsektor pengangkutan dan penyimpanan kepada KDNK terus tidak berubah daripada tahun 2016 hingga 2017. Antara sebab utama adalah pertumbuhan ekonomi global yang perlahan, persaingan sengit daripada negara jiran serta prosedur pelepasan kargo yang tidak cekap dan rumit. Tambahan pula, beberapa syarikat perkapalan utama telah beralih kepada penggunaan kapal berkapasiti lebih besar daripada 19,000 TEU dan telah memberi cabaran kepada pelabuhan seperti Pelabuhan Klang dan PTP yang pada ketika ini hanya boleh mengendalikan kapal sehingga 12,000 TEU. Di samping itu, pembentukan pakatan strategik termasuk penggabungan dalam kalangan syarikat perkapalan merupakan cabaran kepada pelabuhan Malaysia. Secara khususnya, penggabungan dua syarikat perkapalan telah meminggirkan Pelabuhan Klang dan PTP sebagai hab pilihan akibat harga dan perkhidmatan yang kurang menarik dari segi teknologi, pengendalian dan kemudahan pelepasan kargo.

Kedudukan Malaysia dalam laporan Indeks Pencapaian Logistik Bank Dunia telah merosot daripada tangga ke-25 pada tahun 2014 kepada 32 pada tahun 2016. Kedudukan tersebut disebabkan penurunan dalam semua enam indikator iaitu proses pelepasan kargo, infrastruktur, perkhidmatan logistik, penjejakan dan pengesanan, harga serta ketepatan masa. Sementara itu, Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF) yang ditubuhkan pada tahun 2015 adalah bertujuan untuk mempercepat pertumbuhan, memenuhi permintaan baharu industri dan menyediakan platform untuk membincang dan mencadangkan dasar yang melibatkan industri logistik. Walau bagaimanapun, NLTF tidak efektif dalam menyelaras dan menjalin kerjasama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk menangani isu penting. Isu ini meliputi halangan peraturan, proses pelepasan kargo yang rumit, ketersambungan batuan akhir di Pelabuhan Klang dan tahap penerimagunaan teknologi yang rendah.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
Menambah Baik Liputan, Kualiti dan Kemampuan Langganan Infrastruktur Digital	• Semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Wilayah Persekutuan[1] telah mewartakan pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) yang menetapkan keperluan pemasangan infrastruktur komunikasi bagi semua pembangunan komersial dan perumahan baharu • 480,084 port Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi 2 (HSBB 2) dan 366,294 port Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) telah dipasang. Kadar penembusan jalur lebar nasional bagi perkhidmatan tetap dan mudah alih telah meningkat daripada 99.7 per 100 penduduk pada tahun 2015 kepada 117.3 pada tahun 2017 • Standard mandatori mengenai harga capaian (MSAP) telah dikaji semula untuk mengurangkan kos jalur lebar talian tetap berkuat kuasa pada Januari 2018 selaras dengan usaha meningkatkan kemampuan langganan • Standard mandatori mengenai kualiti perkhidmatan (QoS) telah ditambah baik untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan rangkaian serta perlindungan hak pengguna • Infrastruktur televisyen terestrial digital (DTT) telah siap dibina di 15 lokasi baharu dengan peluasan liputan seluruh negara daripada 85.9% pada tahun 2015 kepada 91.2% pada tahun 2017 Nota: [1] Pindaan UBBL bagi Wilayah Persekutuan sedang dalam proses pewartaan.

Ketersambungan lebar jalur antarabangsa ke capaian peringkat terakhir telah ditambah baik dengan siapnya enam kabel dasar laut[1] yang disokong oleh peluasan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi 2, Jalur Lebar Pinggir Bandar dan jalur lebar tanpa wayar seluruh negara. Namun begitu, liputan jalur lebar masih tidak mencukupi di kawasan luar bandar akibat daripada kos pemasangan yang tinggi dan pulangan pelaburan (ROI) yang rendah. Sementara itu, kos jalur lebar talian tetap berdasarkan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita adalah kompetitif dan setanding dengan negara Asia Tenggara yang lain. Walau bagaimanapun, kos jalur lebar per megabit sesaat secara relatif adalah lebih tinggi berbanding negara lain di rantau ini. Bagi migrasi kepada televisyen terestrial digital, proses penutupan penyiaran analog (ASO) telah dijadualkan semula selaras dengan pelaksanaan ASO di rantau ASEAN pada tahun 2020. Penundaan ini membolehkan pihak berkepentingan lebih bersedia untuk menghadapi persekitaran penyiaran digital. Pelaksanaan ini akan menawarkan perkhidmatan nilai ditambah baharu dan perkhidmatan interaktif termasuk aplikasi e-Pembelajaran, e-Beli-belah, permainan interaktif dan dalam talian serta TV sesawang untuk meningkatkan pengalaman pengguna.

[1] Lokasi stesen kemasukan kabel dasar laut antarabangsa terletak di Kuala Muda, Kedah; Pengkalan Balak, Melaka; Kuantan dan Cherating, Pahang; Kuala Kurau, Perak; dan Kota Kinabalu, Sabah. Manakala bagi kabel dasar laut dalam negeri terletak di Mersing, Johor; Kuching, Bintulu dan Miri, Sarawak; Kota Kinabalu, Sabah; dan Cherating, Pahang.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
D **Meneruskan Peralihan Kepada Rangka Kerja Baharu Industri Perkhidmatan Air**	• Sektor perkhidmatan air di Kelantan telah beralih kepada model perniagaan dengan tanggungan aset yang kurang bagi meningkatkan kedudukan kewangan dan kecekapan perkhidmatan pengendali • Projek perintis penggabungan bil air dan pembetungan di Wilayah Persekutuan Labuan telah menunjukkan peningkatan kutipan caj perkhidmatan pembetungan sebanyak 33.4% • Naik taraf 4 loji rawatan air sedia ada telah meningkatkan kapasiti pengeluaran sebanyak 221 juta liter air sehari • Pelaksanaan Program Pengurangan Air Tidak Berhasil yang holistik bertujuan mengurangkan kehilangan air terawat kepada 25% daripada jumlah pengeluaran air terawat pada tahun 2020 • 181 loji rawatan pembetungan awam yang siap dibina telah meningkatkan liputan perkhidmatan pembetungan

Penyampaian perkhidmatan air kepada rakyat terus dipertingkat melalui penambahbaikan operasi dan perkhidmatan pengendali air. Sehubungan itu, pada tahun 2016, Kelantan turut menyertai enam negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Perlis dan Pulau Pinang yang telah menstruktur semula perkhidmatan air. Sementara itu, Kedah dan Selangor pula sedang dalam proses memuktamadkan usaha penstrukturan ini. Penstrukturan semula, antara lain menyediakan pembiayaan alternatif bagi aset oleh Pengurusan Aset Air Berhad kepada pengendali perkhidmatan yang memilih model perniagaan dengan tanggungan aset yang kurang. Negeri yang telah beralih kepada rejim air yang baharu juga layak menerima geran daripada Kerajaan Persekutuan bagi pembangunan sumber air seperti pembinaan empangan dan takungan air.

Projek perintis penggabungan bil air dan bil perkhidmatan pembetungan di Wilayah Persekutuan Labuan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 33.4% dalam kutipan caj pembetungan dalam tahun pertama pelaksanaannya pada tahun 2016. Di samping itu, Program Pengurangan Air Tidak Berhasil (NRW) yang holistik telah diperkenalkan di seluruh negara pada tahun 2017 bagi mengurangkan lagi kadar NRW. Program ini juga melibatkan penggantian paip lama, tangki dan meter air. Pada masa yang sama, pembangunan sistem maklumat geografi telah dimulakan bagi memetakan paip agihan air untuk mengesan lokasi paip dengan tepat.

Usaha juga telah diambil untuk meningkatkan sumber dan kapasiti infrastruktur perkhidmatan air melalui penaiktarafan loji rawatan air (LRA) sedia ada atau pembinaan LRA yang baharu dan bersepadu. Tumpuan telah diberi kepada kawasan berkepadatan tinggi atau kawasan dengan margin rizab air bawah 10%. Menerusi usaha ini, sebanyak 221 juta liter air sehari telah ditambah kepada kapasiti sedia ada melalui penaiktarafan empat LRA di Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang dan Sarawak. Penduduk yang memperoleh bekalan air paip juga telah meningkat daripada 95.5% pada tahun 2015 kepada 95.7% pada tahun 2016. Selain itu, sistem bekalan air alternatif seperti telaga tiub dan air graviti disediakan di kawasan yang mempunyai akses terhad kepada bekalan air

paip. Sementara itu, liputan pembetungan di kawasan bandar telah dipertingkat melalui pembinaan 181 loji rawatan kumbahan (STP) awam, menyumbang kepada 67.9% liputan penduduk setara (PE) pada tahun 2016 berbanding dengan 65% pada tahun 2015. STP Pantai 2 dengan reka bentuk berkapasiti 1.4 juta PE yang siap dibina pada tahun 2017 merupakan STP bawah tanah terbesar di rantau Asia Pasifik. Loji bawah tanah ini membolehkan seluas 12 hektar permukaan tanah tersebut dijadikan kawasan rekreasi dan kemudahan sukan bagi komuniti setempat.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017

E
Menggalakkan Penggunaan Tenaga Secara Mampan bagi Menyokong Pertumbuhan
	• Pengoperasian fasiliti terapung gas asli cecair pertama di dunia milik PETRONAS di luar pesisir pantai Bintulu, Sarawak dan Terminal Regasifikasi 2 di Pengerang, Johor
	• Pembinaan *Refinery and Petrochemical Integrated Development* (RAPID) dengan kapasiti 300,000 tong sehari di Pengerang, Johor
	• Pelaksanaan Akses Pihak Ketiga (TPA) di bawah Akta Bekalan Gas 1993 dipinda pada tahun 2016
	• Pengoperasian 6 loji janakuasa baharu dengan tambahan kapasiti terpasang sebanyak 3,825 megawatt di Semenanjung Malaysia
	• Pengurangan bilangan gangguan yang diukur oleh Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem (SAIDI) pada tahun 2017 berbanding tahun 2015:
	  • **Semenanjung Malaysia, 55 minit per pelanggan setahun berbanding 60 minit per pelanggan setahun**
	  • **Sabah, 289 minit per pelanggan setahun berbanding 424 minit per pelanggan setahun**
	  • **Sarawak, 110 minit per pelanggan setahun berbanding 144 minit per pelanggan setahun**

Jaminan bekalan tenaga negara telah diperkukuh lagi melalui pelaburan berterusan dalam infrastruktur huluan minyak dan gas yang meningkatkan penjanaan hasil daripada sumber yang ditemui. Sumber yang diekstrak telah disalur kepada pelanggan melalui fasiliti terapung gas asli cecair pertama di dunia milik PETRONAS yang terletak di luar pesisir pantai Bintulu, Sarawak serta Terminal Regasifikasi 2 dan *Refinery and Petrochemical Integrated Development* (RAPID) di Pengerang, Johor. Projek ini telah menarik pelaburan ekuiti berjumlah AS$7 bilion daripada sebuah syarikat minyak Arab Saudi yang merupakan pelabur asing tunggal terbesar di RAPID. Pengenalan rejim Akses Pihak Ketiga pada tahun 2016 telah membenarkan pihak ketiga menggunakan infrastruktur pembekalan gas seperti terminal regasifikasi, saluran paip untuk penghantaran dan pengagihan.

Penjanaan elektrik telah dipertingkat dengan tambahan kapasiti terpasang sebanyak 3,825 megawatt (MW) melalui pengoperasian enam loji janakuasa baharu pada tahun 2017. Usaha berterusan

untuk menambah kapasiti penjanaan serta rangkaian penghantaran dan pembahagian telah meningkatkan prestasi sistem seperti ditunjukkan melalui pengurangan bilangan insiden gangguan yang diukur oleh Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem (SAIDI), khususnya di Sabah. Pada September 2017, Malaysia, Republik Demokratik Rakyat Lao (Lao PDR) dan Thailand telah menandatangani perjanjian mengenai pengimportan 100 MW tenaga hidro dari Lao PDR sebagai sebahagian daripada *Lao PDR-Thailand-Malaysia-Singapore Power Integration Project* (LTMS-PIP). Inisiatif ini adalah untuk terus meningkatkan jaminan bekalan tenaga di Malaysia.

Isu dan Cabaran

Pada masa ini, penyelenggaraan **jalan raya** dilakukan berasaskan kepada penyenggaraan pembaikan dan bukan mengikut jadual berkala. Amalan ini telah mengakibatkan keadaan jalan raya yang tidak memuaskan yang mengehadkan mobiliti serta meningkatkan kos operasi kenderaan dan kadar kemalangan. Sebagai alternatif, projek perintis penyelenggaraan jalan raya dengan kaedah penyenggaraan pencegahan sedang dilaksanakan bagi menilai keberkesanan dalam mengurangkan kos penyelenggaraan berbanding dengan amalan penyelenggaraan jalan raya konvensional. Walau bagaimanapun, program penyenggaraan pencegahan yang menggunakan bahan termaju dan teknologi inovatif adalah lebih mahal dan perlu diberi pertimbangan berbanding manfaat yang bakal diperolehi. Tambahan pula, walaupun penambahbaikan ke atas keadaan jalan raya dan kawasan titik hitam kemalangan telah dipertingkat, tingkah laku dan sikap pengguna jalan raya yang cuai dan lalai menyumbang kepada 81% kemalangan maut di jalan raya. Di samping itu, masih terdapat permintaan untuk pembangunan infrastruktur jalan raya yang tidak dapat dipenuhi, antaranya akibat kekangan dan keutamaan sumber.

Perkongsian mod **pengangkutan awam** terus rendah walaupun jumlah pelaburan adalah tinggi dalam perkhidmatan rel dan bas di bandar. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor termasuk jumlah penumpang yang masih rendah, kecenderungan kepada penggunaan kenderaan persendirian, kelemahan kaedah bagi mengurus permintaan perjalanan dan ketersambungan yang tidak mencukupi. Anggaran yang terlalu tinggi oleh pengendali perkhidmatan semasa fasa perancangan projek telah membawa kepada ketidakcapaian sasaran penggunaan pengangkutan awam. Di samping itu, penggunaan pengangkutan awam yang rendah adalah disebabkan oleh mentaliti dan keengganan masyarakat untuk beralih kepada mod pengangkutan awam. Sementara itu, penyediaan perkhidmatan perjalanan yang kurang baik oleh pengendali perkhidmatan serta ketersambungan batuan awal dan akhir yang tidak mencukupi juga merupakan antara punca penggunaan pengangkutan awam yang rendah.

Peningkatan kapasiti **pelabuhan** kekal sebagai satu cabaran memandangkan pengendali pelabuhan berhadapan dengan kekangan jumlah modal pelaburan yang sangat besar serta kekurangan bank tanah. Akses yang terhad kepada pelabuhan, kekurangan ketersambungan di kawasan darat dan keadaan rangkaian jalan raya yang teruk telah memperlahankan pergerakan kenderaan kargo. Di samping itu, kekurangan sistem komuniti pelabuhan yang bersepadu menghalang aliran pertukaran maklumat dan data yang mengakibatkan kelewatan pergerakan barangan. Keadaan ini menambahkan lagi ketidakcekapan operasi pelabuhan.

Perancangan dan pembangunan **lapangan terbang** adalah dilaksanakan secara ad hoc. Perkara ini disebabkan ketiadaan pelan induk yang menyeluruh untuk menetapkan hala tuju strategik bagi pembangunan lapangan terbang. Ketiadaan keutamaan yang jelas dalam pembangunan dan pembesaran lapangan terbang telah mengakibatkan peruntukan sumber kewangan yang tidak cekap dan kesukaran dalam menilai cadangan daripada kerajaan negeri untuk membina lapangan terbang baharu dan membesarkan lapangan terbang sedia ada. Di samping itu, terdapat juga kekangan dari segi operasi dan infrastruktur bagi perkhidmatan udara luar bandar yang boleh memberi kesan kepada aspek keselamatan dan sekuriti bagi padang terbang.

Walaupun industri **logistik** menunjukkan pertumbuhan dan potensi, masih terdapat isu penting yang perlu ditangani, termasuk halangan peraturan dan kerjasama yang lemah dalam kalangan pihak berkepentingan. Di samping itu, kemajuan pembangunan sistem *ubiquitous Customs* (uCustoms[2]) yang perlahan menghalang penambahbaikan proses kerja pelepasan kargo. Pelbagai inisiatif telah dilaksana untuk meningkatkan ketersambungan batuan akhir ke Pelabuhan Klang, namun pengangkutan jalan raya terus menjadi mod pengangkutan pilihan bagi barangan berbanding rel mengakibatkan kesesakan jalan raya menjadi semakin teruk. Tambahan pula, industri ini kekurangan tenaga kerja mahir dalam bidang seperti rangkaian rantaian bekalan, pengurusan gudang bersepadu dan aplikasi teknologi maklumat. Keadaan ini bertambah buruk dengan aliran keluar tenaga kerja tempatan yang terlatih dan berpengalaman ke negara jiran yang menawarkan gaji yang lebih tinggi. Oleh itu, kekurangan dan aliran keluar tenaga kerja mahir mempengaruhi penggunaan teknologi moden dan produktiviti industri.

Kos yang tinggi dan ROI yang rendah masih merupakan cabaran utama dalam pemasangan **infrastruktur digital** serta mengakibatkan liputan jalur lebar tidak mencukupi terutama di kawasan luar bandar. Pemasangan infrastruktur digital turut menghadapi kekangan disebabkan oleh beberapa isu termasuk pemberian hak laluan dan permit infrastruktur komunikasi oleh kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Keadaan ini telah mengakibatkan kualiti dan kos yang berbeza berikutan amalan sebilangan kerajaan negeri mengenakan hak eksklusif dalam pembangunan infrastruktur digital. Di samping itu, prosedur yang tidak konsisten dan rumit pada peringkat pihak berkuasa tempatan telah menyumbang kepada kelewatan pelaksanaan jalur lebar ke seluruh negara.

Kadar NRW yang tinggi kekal sebagai cabaran utama dalam industri **perkhidmatan air**. Cabaran ini disebabkan oleh kehilangan air terawat dalam rangkaian agihan akibat kebocoran paip dan takungan air serta penggunaan air terawat tanpa bil termasuk kecurian air, yang sebahagiannya disumbang oleh penguatkuasaan yang lemah. Keadaan ini membawa kepada kutipan hasil yang rendah oleh pengendali perkhidmatan air dan seterusnya menjejaskan penyelenggaraan aset air yang meningkatkan risiko gangguan bekalan air. Sementara itu, langkah bagi memastikan akses kepada air bersih dan selamat di kawasan luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak terus menjadi cabaran berikutan kos pembinaan infrastruktur yang tinggi. Perkhidmatan bekalan air terus dikekang oleh ketidakcukupan bekalan air mentah ke loji rawatan berikutan pencemaran sumber air akibat aktiviti manusia dan faktor alam sekitar. Selain itu, kewujudan pelbagai agensi yang terlibat dalam perancangan dan pengurusan sumber air telah menyumbang kepada ketidakcekapan penyampaian perkhidmatan. Usaha pemuliharaan air turut terjejas akibat kesedaran dan penglibatan awam yang rendah. Dalam aspek perkhidmatan pembetungan, walaupun jumlah yang besar telah dilabur untuk membina STP serantau, keengganan dan ketidakpatuhan oleh sebilangan besar pemilik hartanah telah mengakibatkan jumlah penyambungan kemudahan pembetungan persendirian yang rendah.

Kewujudan pelbagai agensi yang menguruskan aspek berbeza dalam **sektor tenaga** seperti minyak dan gas, elektrik dan hal berkaitan kawal selia telah menyebabkan tadbir urus yang tidak bersepadu serta isu penyelarasan yang menghalang pembaharuan pasaran. Situasi ini telah mengakibatkan herotan harga sumber tenaga termasuk gas asli untuk sektor elektrik dan bukan elektrik serta bahan api lain yang menyebabkan Kerajaan menanggung subsidi yang tinggi. Sementara itu, isu yang dihadapi oleh subsektor minyak dan gas domestik adalah berkaitan dengan jaminan dan daya harap bekalan serta herotan pasaran. Harga kawalan gas asli di Semenanjung Malaysia pada tahun 2017 adalah RM22.70 per *million British thermal unit* (MMBtu) untuk subsektor elektrik dan RM24.55 per MMBtu untuk subsektor bukan elektrik. Walaupun usaha merasionalisasikan subsidi gas asli telah dilaksana, harga kawalan gas asli masih jauh lebih rendah berbanding harga pasaran iaitu RM36 per MMBtu. Kesannya, subsidi gas asli terkumpul sejak pelaksanaan kawalan harga gas mulai Mei 1997 sehingga penghujung tahun 2017 adalah berjumlah RM247.8 bilion.

[2] uCustoms ialah kaedah penyelesaian moden tanpa kertas, bersepadu sepenuhnya yang menyediakan satu gerbang tunggal untuk proses pelepasan kargo. Kaedah ini membolehkan pergerakan kargo yang lancar, meningkatkan ketelusan, kecekapan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

Subsektor **elektrik** menghadapi cabaran dalam menyediakan bekalan elektrik yang berdaya harap dan mampu bayar kepada pengguna. Campuran bahan api dalam penjanaan elektrik terlalu bergantung kepada bahan api fosil iaitu arang batu, gas asli dan minyak. Gas asli yang merupakan bahan api fosil terbersih, menjadi pilihan dalam penjanaan elektrik kerana subsidi yang tinggi. Walau bagaimanapun, pengurangan subsidi gas secara berperingkat telah menjadikan arang batu sebagai pilihan yang paling murah untuk menjana tenaga elektrik dan menyokong pertumbuhan ekonomi meskipun memberi impak kepada alam sekitar. Namun begitu, teknologi *ultra-supercritical* yang diguna pakai dalam loji janakuasa arang batu telah meminimumkan pelepasan karbon.

Kesimpulan

Dalam tempoh kajian semula, kemajuan telah dicapai terutama dari segi penyediaan rangkaian jalan raya yang lebih baik, pengangkutan awam bersepadu dan mampu bayar, liputan infrastruktur digital yang lebih luas serta bekalan air bersih dan bekalan tenaga yang berdaya harap. Namun begitu, terdapat isu dan cabaran yang perlu ditangani berkaitan struktur tadbir urus, liputan dan kecekapan perkhidmatan. Usaha perlu terus dipergiat untuk menambah baik pelbagai infrastruktur bagi meningkatkan ketersambungan, kecekapan dan produktiviti serta penyampaian perkhidmatan bagi memenuhi permintaan yang bertambah dan memperkukuh pertumbuhan ekonomi.

Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi untuk Peningkatan Kemakmuran

Pendahuluan

Prestasi, 2016-2017

Prestasi Outcome Terpilih

Prestasi Bidang Fokus dan Pemacu Perubahan

Isu dan Cabaran

Kesimpulan

7

Pendahuluan

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, teras bagi merekayasa pertumbuhan ekonomi memberi tumpuan kepada pengukuhan asas ekonomi bagi memacu Malaysia beralih daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada berpendapatan tinggi, berpaksikan inovasi, kreativiti dan aktiviti nilai ditambah yang tinggi. Sehubungan itu, strategi dan inisiatif dirangka untuk mempercepat momentum pertumbuhan ekonomi dengan memperluas aktiviti berintensifkan pengetahuan, meningkat produktiviti dan melonjakkan aktiviti berasaskan digital. Selain itu, strategi dan inisiatif juga dirangka bagi menghasilkan produk yang kompleks dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta membangunkan koridor ekonomi wilayah dan bandar berdaya saing. Pada masa yang sama, sektor ekonomi terus menghadapi cabaran dalam aspek struktur, rangka kerja kawal selia yang rumit serta penerimagunaan teknologi dan tahap inovasi yang rendah. Terdapat juga keperluan untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja di samping mengurangkan kebergantungan kepada pekerja berkemahiran rendah dan menambah baik langkah mesra alam yang mampan.

Prestasi, 2016-2017

Dalam tempoh kajian semula, 2016-2017, semua sektor kecuali sektor pertanian, telah mencatat kemajuan yang stabil dalam aspek produktiviti, eksport, pelaburan dan guna tenaga. Pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan dengan persekitaran pasaran buruh yang stabil telah meningkatkan penggunaan swasta, seterusnya menyumbang kepada pengembangan ekonomi dalam negeri. Walau bagaimanapun, sektor berorientasikan eksport mengalami kesan kelemahan kitaran pasaran disebabkan oleh persekitaran luaran yang semakin mencabar pada tahun 2016 berikutan kejatuhan permintaan eksport dan perdagangan dunia. Seterusnya, eksport pembuatan melonjak semula dengan kukuh pada tahun 2017 manakala harga komoditi yang tinggi turut menyokong pemulihan yang kukuh dalam sektor pertanian. Sementara itu, koridor ekonomi wilayah terus menarik pelaburan dan mewujudkan pekerjaan. Pelbagai inisiatif telah dilaksana melalui tujuh bidang fokus seperti berikut:

Prestasi Outcome Terpilih

Usaha untuk merekayasa pertumbuhan ekonomi adalah berdasarkan tujuh bidang fokus menerusi pelaksanaan pelbagai strategi dan inisiatif yang juga sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Prestasi outcome terpilih bagi tujuh bidang fokus adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 7-1*.

Paparan 7-1

Sorotan
Rancangan Malaysia Kesebelas: Outcome Terpilih dan Prestasi

Mentransformasikan sektor perkhidmatan



Sektor perkhidmatan berkembang 5.9% setahun dalam tempoh 2016-2017 dan menyumbang 54.5% kepada KDNK pada tahun 2017

Memperkukuh sektor pembuatan



Sektor pembuatan berkembang 5.2% setahun dalam tempoh 2016-2017 dan menyumbang 23% kepada KDNK pada tahun 2017

Memodenkan sektor pertanian



Sektor pertanian berkembang 0.8% setahun dalam tempoh 2016-2017 dan menyumbang 8.2% kepada KDNK pada tahun 2017

Mentransformasikan sektor pembinaan



Sektor pembinaan berkembang 7.1% setahun dalam tempoh 2016-2017 dan menyumbang 4.6% kepada KDNK pada tahun 2017

Membangunkan PKS yang dinamik





Nilai ditambah PKS dalam semua sektor berkembang 6.2% dan menyumbang 37.1% kepada KDNK pada tahun 2017

Menjana kekayaan melalui inovasi





Perbelanjaan kasar R&D (GERD) kepada KDNK adalah 1.4% dan perbelanjaan R&D oleh perusahaan perniagaan (BERD) kepada GERD adalah 56.6% pada tahun 2016

Meningkatkan daya saing bandar dan pembangunan koridor ekonomi wilayah





Kajian Pelan Induk Daya Saing Bandar bagi 4 bandar utama dalam peringkat pelaksanaan dan RM107.2 bilion pelaburan direalisasi meliputi 5 koridor ekonomi wilayah

Sasaran Asal Prestasi

Prestasi Bidang Fokus dan Pemacu Perubahan

Pelbagai inisiatif dilaksanakan di bawah strategi yang telah digariskan dalam tujuh bidang fokus bagi merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran. Sorotan hasil utama setiap bidang fokus adalah seperti berikut:

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
A **Mentransformasikan Sektor Perkhidmatan**	• Nilai ditambah kumulatif sebanyak RM1,241.8 bilion • Pertumbuhan produktiviti buruh sebanyak 4.6% setahun berbanding sasaran RMKe-11 sebanyak 4.1% setahun • 8.8 juta pekerja atau 60.6% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2017 • Pertumbuhan eksport perkhidmatan sebanyak 8.1% setahun berbanding sasaran RMKe-11 sebanyak 6.0% setahun • Sumbangan subsektor perkhidmatan berasaskan pengetahuan kepada jumlah nilai ditambah sektor perkhidmatan adalah sebanyak 31.8% pada tahun 2017 berbanding sebanyak 31.6% pada tahun 2015

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan sebanyak 5.9% setahun dalam tempoh kajian semula. Pertumbuhan ini lebih rendah berbanding pertumbuhan tahunan yang disasarkan sebanyak 6.9% dalam tempoh RMKe-11. Pertumbuhan yang perlahan ini disebabkan terutamanya oleh tahap inovasi dan peningkatan produktiviti yang rendah serta harga minyak dunia yang tidak menentu pada tahun 2016. Pada masa yang sama, sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK meningkat daripada 53.6% pada tahun 2015 kepada 54.5% pada tahun 2017. Pencapaian ini menunjukkan sektor perkhidmatan berada pada landasan yang betul bagi mencapai sasaran sumbangan kepada KDNK sebanyak 56.5% pada tahun 2020.

Prestasi sektor perkhidmatan pada tahun 2017 adalah sebanyak 6.2% berbanding 5.3% pada tahun 2015, dipacu oleh penggunaan dalam negeri dan eksport perkhidmatan yang lebih tinggi. Perdagangan borong dan runcit merupakan penyumbang utama kepada nilai ditambah sektor perkhidmatan. Subsektor ini menyumbang sebanyak RM211.3 bilion pada tahun 2017 berbanding RM185.3 bilion pada tahun 2015. Peningkatan ini disebabkan oleh sentimen pengguna dan pasaran buruh yang lebih baik. Sementara itu, sumbangan subsektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan kepada nilai ditambah sektor perkhidmatan meningkat kepada RM131.6 bilion pada tahun 2017 daripada RM119.4 bilion pada tahun 2015. Subsektor ini mendapat manfaat daripada lonjakan aktiviti di pasaran modal, terutama daripada tawaran awam permulaan dan penerbitan bon korporat. Sumbangan subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi kepada nilai ditambah sektor perkhidmatan pula menyumbang sebanyak RM113.1 bilion pada tahun 2017 berbanding RM98.1 bilion pada tahun 2015. Peningkatan ini disokong oleh perdagangan yang lebih kukuh, peningkatan penumpang trafik udara dan darat serta permintaan yang tinggi bagi perkhidmatan komunikasi data dan perkhidmatan komputer.

Malaysia menerima 25.9 juta pelancong antarabangsa pada tahun 2017 berbanding 25.7 juta pelancong pada tahun 2015, mencatat peningkatan sebanyak 0.8% berikutan persaingan sengit dari negara jiran di rantau ASEAN. Perbelanjaan pelancong pula meningkat sebanyak 19.1% kepada RM82.3 bilion pada tahun 2017 daripada RM69.1 bilion pada tahun 2015. Di samping itu, tempoh penginapan purata bagi pelancong asing meningkat kepada 5.7 hari pada tahun 2017 daripada 5.5 hari pada tahun 2015.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
B **Memperkukuh Sektor Pembuatan**	• Nilai ditambah kumulatif sebanyak RM524.3 bilion • Pertumbuhan produktiviti buruh sebanyak 3.9% setahun berbanding sasaran RMKe-11 sebanyak 2.6% setahun • 2.4 juta pekerja atau 16.8% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2017 • Eksport kumulatif produk pembuatan bernilai RM1,411.6 bilion • Pelaburan kumulatif yang diluluskan sebanyak RM122.2 bilion • Jumlah nilai ditambah pembuatan sebanyak RM269.8 bilion pada tahun 2017 berbanding sebanyak RM243.7 bilion pada tahun 2015 • Lebihan dagangan eksport pembuatan sebanyak RM36.8 bilion pada tahun 2017 berbanding sebanyak RM24.5 bilion pada tahun 2015

Pertumbuhan sektor pembuatan pada kadar 5.2% setahun dalam tempoh kajian semula, melebihi sasaran 5.1% setahun disokong oleh prestasi eksport dan industri berorientasikan domestik yang mantap. Pada tahun 2017, penyumbang utama sektor ini adalah elektrikal dan elektronik (E&E), iaitu sebanyak 26.5%, kimia dan produk kimia 10.4% dan peralatan pengangkutan dan pembuatan lain sebanyak 11.8%. Subsektor ini secara kolektif menyumbang sebanyak 48.7% atau RM131.4 bilion kepada nilai ditambah sektor pembuatan. Produk pembuatan terus mencatat pertumbuhan dan mendominasi eksport terutama disebabkan permintaan luaran yang lebih kukuh, yang sebahagiannya adalah kesan daripada penyusutan nilai ringgit. Tambahan pula, industri berorientasikan domestik juga berkembang dengan mantap hasil daripada aktiviti pembinaan yang pesat dan permintaan pengguna yang kukuh. Sementara itu, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan kekal berdaya tahan didorong oleh permintaan yang lebih tinggi dan peningkatan keyakinan perniagaan dalam kalangan pengeluar. Produktiviti buruh yang lebih tinggi dicatatkan berikutan peningkatan penggunaan mesin baharu dan teknologi yang berinovatif serta penambahbaikan dalam kualiti tenaga kerja dan proses pengeluaran.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
C **Memodenkan Sektor Pertanian**	• Nilai ditambah kumulatif sebanyak RM185.5 bilion • Sumbangan sebanyak 8.4% kepada jumlah eksport pada tahun 2017 berbanding sebanyak 8.7% pada tahun 2015 • Pertumbuhan produktiviti buruh menyusut 1.8% setahun berbanding sasaran RMKe-11 sebanyak 3.6% setahun • Jumlah nilai ditambah industri berasaskan pertanian sebanyak RM53.7 bilion pada tahun 2017 berbanding sebanyak RM48.1 bilion pada tahun 2015 • Sumbangan subsektor komoditi industri sebanyak 60.4% dan subsektor agromakanan sebanyak 38.8% pada tahun 2017 berbanding sebanyak 61.8% dan 37.4% masing-masing pada tahun 2015 • Defisit dagangan makanan meningkat kepada RM19 bilion pada tahun 2017 berbanding sebanyak RM18 bilion pada tahun 2015

Sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan, 0.8% setahun berbanding sasaran 3.5% dalam tempoh RMKe-11 berikutan harga komoditi yang tidak menentu, banjir besar dan fenomena El-Nino, yang telah memberi kesan terhadap hasil pengeluaran dan produktiviti buruh dalam tempoh kajian semula. Sumbangan subsektor agromakanan kepada jumlah nilai ditambah pertanian meningkat sedikit kepada 38.8% pada tahun 2017 dan sukar untuk mencapai sasaran 42.4% pada tahun 2020. Pelaburan dalam skala besar bagi tanaman makanan dengan nilai ditambah yang tinggi masih agak rendah disebabkan pelaburan dalam bidang pertanian adalah berisiko tinggi. Walau bagaimanapun, berikutan lonjakan semula harga komoditi pada tahun 2017, pendapatan purata pekebun kecil kelapa sawit dan getah meningkat dalam lingkungan 36.9% hingga 87.2%, berbanding tahun 2015. Pada tahun 2017, pendapatan nelayan komersial meningkat sebanyak 229.6%, sebahagian besar disebabkan oleh penggunaan teknologi termaju dan kapal yang lebih besar, berbanding tahun 2015. Sebaliknya, pendapatan nelayan tradisional berkurang sebanyak 19.7% disebabkan kemerosotan sumber ikan pesisir pantai, manakala pendapatan pesawah merosot sebanyak 40.1% pada tahun 2017 kesan daripada keadaan cuaca buruk yang mengakibatkan hasil pengeluaran yang lebih rendah.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
D **Mentransformasikan Sektor Pembinaan**	• Nilai ditambah kumulatif sebanyak RM103.8 bilion • Pertumbuhan produktiviti buruh sebanyak 6.1% setahun berbanding sasaran RMKe-11 sebanyak 9.6% setahun • 1.3 juta pekerja atau 9.2% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2017 • Pertumbuhan eksport sebanyak 0.4% setahun • Eksport kumulatif perkhidmatan pembinaan bernilai RM8.2 bilion

Sektor pembinaan kekal sebagai sektor ekonomi yang paling pesat berkembang dengan mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.1% dalam tempoh kajian semula. Walau bagaimanapun, pertumbuhan tersebut adalah di bawah sasaran asal sebanyak 10.3% dalam RMKe-11. Prestasi sektor pembinaan didorong terutama oleh kerja kejuruteraan awam yang meningkat sebanyak 31.8%, daripada RM12.9 bilion pada tahun 2015 kepada RM17 bilion pada tahun 2017, berikutan pelaksanaan projek petrokimia, pengangkutan dan utiliti yang berskala besar. Seterusnya, pembinaan bangunan kediaman mencatat peningkatan 11.3%, daripada RM12.4 bilion pada tahun 2015 kepada RM13.8 bilion pada tahun 2017, manakala bangunan bukan kediaman meningkat sebanyak 1.6%, daripada RM12.8 bilion pada tahun 2015 kepada RM13 bilion pada tahun 2017. Peratus peningkatan yang kecil ini disebabkan terutama oleh lebihan penawaran bagi ruang pejabat dan kompleks komersial. Di samping itu, beberapa projek infrastruktur dan pengangkutan awam berskala besar menyumbang kepada pertumbuhan sektor ini. Nilai kerja pembinaan mencatat peningkatan sebanyak 20.5% kepada RM138.4 bilion pada tahun 2017 berbanding RM114.9 bilion pada tahun 2015.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
E **Membangunkan PKS yang Dinamik**	• Nilai ditambah kumulatif sebanyak RM840.9 bilion • Sumbangan sebanyak RM167.4 bilion atau 17.3% kepada jumlah eksport pada tahun 2017 berbanding sebanyak RM147.8 bilion atau 19.0% pada tahun 2015 • Sumbangan sebanyak 66.0% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2017 berbanding sebanyak 59.0% pada tahun 2015 • Pertumbuhan produktiviti buruh sebanyak 3.7% pada tahun 2017 berbanding sebanyak 2.8% pada tahun 2015

Nilai ditambah PKS mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 6.2% dalam tempoh kajian semula, masih rendah berbanding sasaran 9.3% setahun dalam RMKe-11. Namun, pertumbuhan ini melepasi pertumbuhan KDNK Malaysia sebanyak 5.1%, terutama didorong oleh perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman, serta subsektor getah, kelapa sawit dan ternakan. Dari segi eksport, PKS menyumbang sebanyak 17.3% pada tahun 2017 berada pada landasan untuk mencapai sasaran 23% pada tahun

2020. Berdasarkan Banci Ekonomi 2016, sebanyak 98.5% atau 907,065 pertubuhan daripada jumlah keseluruhan pertubuhan merupakan PKS. Daripada jumlah ini, 89.2% adalah dalam sektor perkhidmatan; diikuti oleh 5.3% pembuatan; 4.3% pembinaan; 1.1% pertanian serta 0.1% perlombongan dan kuari. Perusahaan mikro hanya menyumbang sebanyak 18.6% kepada nilai ditambah PKS walaupun bilangan perusahaan mikro merupakan 76.5% daripada jumlah keseluruhan PKS. Sumbangan kecil ini berikutan pembiayaan yang terhad serta kekangan kapasiti modal insan dan pengeluaran.

Pada masa yang sama, PKS dalam sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 59.7% kepada nilai ditambah PKS dan 8.7% kepada jumlah eksport negara pada tahun 2017. PKS dalam sektor pembuatan pula menyumbang sebanyak 21.5% kepada nilai ditambah PKS dan 8.2% daripada jumlah eksport. Sumbangan PKS yang masih kecil kepada KDNK dan eksport dalam tempoh kajian semula memerlukan usaha lebih gigih untuk membangunkan PKS yang dinamik serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017

F
Menjana Kekayaan melalui Inovasi
 	
Pemacu Perubahan
	• Malaysia menduduki tangga ke-37 dalam Indeks Inovasi Global pada tahun 2017 berbanding tangga ke-32 pada tahun 2015
	• 74 saintis dan jurutera penyelidikan setiap 10,000 tenaga buruh pada tahun 2016 berbanding sebanyak 62 pada tahun 2015
	• 2,519 daripada 14,673 paten dan inovasi utiliti difailkan dalam negara oleh rakyat Malaysia
	• Kajian Penilaian Kemajuan Sosial yang merupakan sebahagian daripada model pembiayaan sosial telah selesai dilaksana
	• Inovasi perusahaan dipertingkat melalui penyelidikan berasaskan permintaan:
	  ◦ Penyediaan Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan dan Dana Perolehan Teknologi telah memanfaatkan 74 syarikat untuk mempertingkat inovasi dan daya saing
	  ◦ 1,196 syarikat mendapat manfaat daripada kerjasama melalui perantara seperti PlaTCOM Ventures, program SIRIM-Fraunhofer, Yayasan Steinbeis Malaysia dan Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta
	  ◦ 40 projek kerjasama antara industri dan akademia dilaksana melalui Pusat *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology*
	• Inovasi sosial digalakkan melalui pendekatan keseluruhan masyarakat:
	  ◦ Modal hubungan dalam penyampaian perkhidmatan sosial diperkukuh melalui 8 projek intervensi sosial di bawah Dana Perkongsian Sosial Awam-Swasta, dan pengenalan kepada dana pembiayaan sosial
	  ◦ Inovasi pada peringkat akar umbi digalakkan melalui pelaksanaan 164 projek Inovasi Sosial MOSTI dan *Mainstreaming Grassroots Innovation Programme* yang menghasilkan 10 prototaip untuk pengkomersialan

Peratusan perbelanjaan kasar R&D (GERD) kepada KDNK mencatat peningkatan marginal, daripada 1.3% pada tahun 2015 kepada 1.44% pada tahun 2016. Sebahagian besar daripada GERD dibelanjakan untuk bidang penyelidikan berkaitan teknologi maklumat, perkomputeran dan komunikasi, iaitu sebanyak 42.2%, diikuti oleh kejuruteraan dan teknologi 15.2% dan sains tulen 9%. Peningkatan marginal tersebut adalah disebabkan oleh perbelanjaan R&D yang rendah dalam kalangan PKS akibat kekurangan pembiayaan, kemahiran dan kapasiti. Di samping itu, peratusan perbelanjaan R&D oleh perusahaan perniagaan (BERD) daripada GERD masih rendah, iaitu sebanyak 56.6% pada tahun 2016. Keadaan ini menyebabkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Inovasi Global pada tahun 2017 merosot kepada kedudukan ke-37 daripada ke-32 pada tahun 2015 berikutan skor yang rendah dalam komponen kecanggihan perniagaan, terutama indikator untuk BERD dan bakat penyelidikan. Selain itu, bilangan paten dan inovasi utiliti yang telah difailkan dalam negara oleh rakyat Malaysia kekal rendah, iaitu pada 16.5% daripada jumlah pemfailan berbanding purata 90.1% bagi negara Asia pada tahun 2016. Jumlah permohonan pemfailan dalam negara yang rendah oleh rakyat Malaysia adalah disebabkan oleh tempoh masa yang panjang dan kos yang tinggi bagi pemfailan harta intelek (IP) serta kebimbangan mengenai keberkesanan penguatkuasaan IP.

Inovasi pada peringkat perusahaan ditumpukan kepada penambahbaikan penyelidikan berasaskan permintaan, terutama melalui kerjasama industri dan akademia serta penyediaan insentif dalam bentuk separa geran untuk membantu syarikat tempatan dalam meningkatkan inovasi dan daya saing. Usaha tersebut termasuk menggalakkan penerimagunaan teknologi canggih dan penciptaan pengetahuan, menambah baik proses pengeluaran dan tahap produktiviti serta menghasilkan produk berinovatif dan bernilai tinggi. Sementara itu, inovasi pada peringkat sosial digalakkan dengan mengukuhkan kerjasama melalui pendekatan keseluruhan masyarakat serta membangunkan model pembiayaan sosial. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan, pencapaian outcome yang disasarkan dalam penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi adalah masih terhad. Keadaan ini adalah disebabkan terdapat jurang dalam kerjasama antara industri dan akademia, terutama pada peringkat awal aktiviti R&D. Jurang kerjasama ini mengakibatkan projek R&D yang dibiayai melalui dana awam tidak menepati permintaan industri. Di samping itu, usaha yang minimum untuk mengkomersialkan projek R&D tersebut menyumbang kepada pulangan pelaburan yang rendah memandangkan penyelidik lebih tertumpu kepada penerbitan jurnal saintifik.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017

Meningkatkan Daya Saing Bandar dan Pembangunan Koridor Ekonomi Wilayah	**Pembangunan koridor ekonomi wilayah**
	• Sumbangan RM107.2 bilion pelaburan direalisasi mengikut koridor ekonomi wilayah:
	  ◦ Iskandar Malaysia: RM41.8 bilion
	  ◦ Wilayah Ekonomi Pantai Timur: RM22.5 bilion
	  ◦ Wilayah Ekonomi Koridor Utara: RM17.3 bilion
	  ◦ Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak: RM15.9 bilion
	  ◦ Koridor Pembangunan Sabah: RM9.7 bilion
	• 147,627 pekerjaan diwujudkan di koridor ekonomi wilayah:
	  ◦ Iskandar Malaysia: 64,288 pekerjaan
	  ◦ Wilayah Ekonomi Pantai Timur: 32,032 pekerjaan
	  ◦ Wilayah Ekonomi Koridor Utara: 24,200 pekerjaan
	  ◦ Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak: 19,354 pekerjaan
	  ◦ Koridor Pembangunan Sabah: 7,753 pekerjaan

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
Pemacu Perubahan: Melabur dalam Bandar Berdaya Saing	**Bandar berdaya saing** - Kajian Pelan Induk Daya Saing Bandar bagi 4 bandar utama dijangka siap pada akhir tahun 2018 **Kepadatan ekonomi** - Pengoptimuman persekitaran alam bina melalui garis panduan perancangan yang dinamik: Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020, Pelan Struktur Sabah 2033, Pelan Transformasi Sosioekonomi Sarawak dan Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru dan Kulai 2025 (Penggantian) **Bentuk bandar** - Penyiapan MRT 1 dan LRT 2 di Lembah Klang - Pembangunan MRT 2 - Kajian awal pembangunan *Bus Rapid Transit* Iskandar Malaysia dan *Malaysia-Singapore Rapid Transit System* - Kajian kemungkinan *Bus Rapid Transit System* untuk Kota Kinabalu sedang dilaksana **Penggunaan sumber** - Pelancaran *Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool* (MyCREST) pada tahun 2016 bagi bangunan baharu untuk menggalakkan perkembangan bangunan hijau - Penguatkuasaan pengasingan sisa di punca di 6 negeri, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya menggalakkan amalan kitar semula dan menyokong inisiatif daripada sisa kepada kekayaan **Perumahan** - 177,554 unit rumah mampu milik telah dibina (WP Kuala Lumpur – 100,650 unit; Johor Bahru – 54,370 unit; Kuching – 12,841 unit; dan Kota Kinabalu – 9,693 unit) **Berfokuskan industri** - Pelancaran Hab Inovasi Digital Tabung Ekonomi Gagasan Anak Bumiputera Sarawak (TEGAS) di Kuching - Pelancaran Pelan Pembangunan Komprehensif Iskandar Malaysia II, 2014-2025 - Penubuhan pusat perkhidmatan dan penyumberan luar (SSO) di Taman Perindustrian Kota Kinabalu, Sabah **Perkhidmatan bandar** - Penubuhan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di 4 bandar utama (WP Kuala Lumpur – 3; Johor Bahru – 1; Kuching – 1; dan Kota Kinabalu – 1) untuk penyampaian perkhidmatan lebih baik - Pelancaran wi-fi percuma di Kota Kinabalu sebagai platform bagi menggalakkan inisiatif e-kerajaan - Pelancaran aplikasi mudah alih *Sarawak Pay* menggalakkan pembayaran tanpa tunai

Dalam tempoh kajian semula, beberapa usaha telah diambil untuk membangunkan bandar berdaya saing. Dalam meningkatkan kepadatan ekonomi, pelan struktur dan tempatan di empat bandar utama telah dikaji semula bagi mengoptimumkan penggunaan persekitaran alam bina dan memaksimumkan penggunaan plot tanah yang tidak digunakan sepenuhnya bagi merangsang pertumbuhan. Di samping itu, pembinaan infrastruktur pengangkutan utama seperti Transit Aliran Massa 1 (MRT 1) dan Transit Aliran Ringan 2 (LRT 2) telah dilaksana untuk meningkatkan corak bentuk bandar, memudahkan pergerakan penumpang dan memperbaiki kesalinghubungan. Sementara itu, usaha untuk menambah baik penggunaan sumber termasuk penguatkuasaan pengasingan sisa di punca untuk pengurusan sisa yang lebih cekap. Tambahan pula, rumah mampu milik dan berkualiti telah disediakan bagi meningkatkan daya huni di empat bandar utama tersebut.

Dalam meningkatkan tumpuan industri, Hab Inovasi Digital Tabung Ekonomi Gagasan Anak Bumiputera Sarawak (TEGAS) telah dilancarkan di Kuching, yang menyediakan program inkubator bagi pembangunan idea untuk tujuan pengkomersialan. Sementara itu, penubuhan pusat perkhidmatan dan penyumberan luar (SSO) di Kota Kinabalu telah membantu PKS untuk meningkatkan kecekapan perniagaan dan menggalakkan keusahawanan di kawasan bandar. Di samping itu, perkhidmatan bandar semakin bertambah baik melalui pelancaran wi-fi percuma di Kota Kinabalu dan aplikasi mudah alih *Sarawak Pay* di Kuching. Inisiatif ini telah menyumbang ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih baik, peningkatan ketersambungan dan akses kepada maklumat.

Usaha bagi menggalakkan dan memaksimumkan sumbangan bandar utama sebagai pemangkin pertumbuhan telah dipergiat. Dalam hubungan ini, kajian bagi membangunkan Pelan Induk Daya Saing Bandar sedang dilaksana bagi mengenal pasti pemacu utama pertumbuhan di empat bandar utama, meliputi Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu. Pelan Induk Daya Saing Bandar tersebut mengambil kira tujuh prinsip dan dijangka siap pada akhir tahun 2018. Prinsip tersebut adalah kepadatan ekonomi, pembangunan berorientasikan transit, pembangunan kluster berasaskan pengetahuan, daya huni, pembangunan dan amalan hijau dan inklusiviti. Prinsip terakhir, iaitu infrastruktur digital untuk bandar pintar telah diambil kira untuk mempertingkat pendigitalan.

Sejumlah RM107.2 bilion pelaburan telah direalisasi[1] oleh koridor ekonomi wilayah dalam tempoh kajian semula, yang mewakili 45.4% daripada keseluruhan sasaran RM236 bilion di bawah RMKe-11. Sasaran pelaburan direalisasi ini dijangka dapat dicapai pada akhir tempoh Rancangan. Pelaburan ini telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang positif di wilayah ekonomi tersebut. Prestasi pelaburan yang baik ini disumbangkan terutama oleh fasilitasi pelabur yang lebih baik, ekosistem yang menyokong pelaburan dan insentif bersesuaian yang disediakan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kompetitif di wilayah ekonomi ini.

[1] Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) menggunakan definisi pelaburan direalisasi sebagai jumlah nilai pelaburan yang komited semasa permulaan projek. Sementara itu, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) menggunakan definisi pelaburan direalisasi sebagai nilai yang dilaburkan dalam projek untuk tahun semasa atau berdasarkan jumlah kerja yang telah disiapkan.

Isu dan Cabaran

Beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh sektor ekonomi utama terus menghalang usaha ke arah mengekalkan pertumbuhan dan meningkatkan kemakmuran. Isu dan cabaran tersebut terutama adalah berkaitan dengan modal insan; teknologi dan inovasi; pembiayaan; eksport; dan jaminan bekalan dan keselamatan makanan; serta bandar berdaya saing.

Sektor perkhidmatan, pembuatan, pertanian dan pembinaan terjejas akibat kekurangan dan ketidakpadanan **tenaga kerja mahir** yang menjadi penghalang kepada anjakan aktiviti berintensif pengetahuan. Keadaan ini dirumitkan lagi dengan kebergantungan yang tinggi terhadap tenaga kerja kurang mahir dan pekerja asing, terutama dalam subsektor perdagangan borong dan runcit; pengangkutan dan penyimpanan; makanan dan minuman dan penginapan; tekstil dan pakaian; industri perabot; serta sektor pembinaan dan pertanian. Pada masa yang sama, pelaburan modal bagi automasi jentera dan peralatan dalam industri tersebut masih kekal rendah.

Kemajuan teknologi yang baharu muncul seperti *blockchain*, kenderaan swapandu, kecerdasan buatan, realiti terimbuh dan robotik termaju telah menyebabkan berlakunya perubahan teknologi pada kadar yang sangat pantas dan perkembangan inovasi yang pesat. Akibatnya, industri terus menghadapi tekanan untuk melabur semula dalam kaedah pengeluaran baharu untuk memenuhi citarasa pengguna yang cepat berubah. Kelembapan dalam penerimagunaan dan pelaksanaan teknologi digital, model perniagaan baharu, inisiatif Industri 4.0 serta langkah keselamatan siber merencatkan usaha untuk merekayasa pertumbuhan ekonomi.

Akses kepada pembiayaan terus menjadi cabaran, khususnya untuk PKS dan perniagaan berasaskan pertanian disebabkan oleh ketidakupayaan untuk mematuhi terma dan syarat yang dikenakan oleh sistem pembiayaan konvensional. Mekanisme pembiayaan alternatif seperti pelabur budiman dan dana masyarakat masih lagi kurang untuk menyokong pertumbuhan dan pembangunan perniagaan kecil. Bagi sektor perkhidmatan pula, aktiviti **eksport** pada peringkat firma menghadapi kekangan disebabkan kedudukan kewangan yang lemah, kekurangan kepakaran dalam pelbagai bidang serta pengetahuan yang terhad mengenai peraturan di negara pengimport. Jumlah eksport PKS secara relatifnya kekal rendah disebabkan oleh tahap kapasiti dan ketersediaan eksport yang rendah berpunca daripada akses pasaran yang terhad, produk dan perkhidmatan berinovasi yang tidak mencukupi serta produk yang tidak mematuhi standard antarabangsa.

Kebimbangan terhadap **jaminan bekalan dan keselamatan makanan** telah meningkatkan keperluan untuk memastikan tahap sara diri komoditi agromakanan utama. Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan intensiti pengeluaran makanan bagi mengurangkan bil import makanan di samping menambah baik kemampuan dan akses kepada makanan. Peningkatan produktiviti sektor pertanian masih perlahan disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk pengurusan infrastruktur yang kurang cekap dan penerimagunaan teknologi moden yang rendah serta petani yang semakin berusia berikutan penyertaan yang rendah oleh golongan belia. Tambahan pula, khidmat pengembangan dan sokongan yang tidak mencukupi, program dan model pelaksanaan yang tidak berkesan dan subsidi yang tidak bersasar serta kewujudan monopoli atau oligopoli dalam sesetengah industri telah menyebabkan produktiviti yang rendah dan pasaran yang tidak cekap. Isu lain yang menghalang pertumbuhan sektor adalah harga komoditi pada peringkat antarabangsa yang tidak menentu, kos pengeluaran yang tinggi dan kesan buruk alam sekitar seperti banjir besar dan fenomena El-Nino.

Dalam **meningkatkan daya saing bandar**, cabaran yang dihadapi oleh sesetengah bandar utama termasuk dari aspek kekurangan perumahan mampu milik, kekurangan ketersambungan pengangkutan awam dan kesesakan lalu lintas. Kadar pertumbuhan urbanisasi yang pesat terutama disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang rancak juga memberi cabaran dalam memastikan semua lapisan masyarakat boleh mendiami bandar yang berdaya huni dan menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Sementara itu, koridor ekonomi wilayah menghadapi persaingan sengit dalam menarik pelaburan langsung asing dan berdepan dengan isu kekurangan pekerja mahir. Kekurangan pekerja mahir untuk memenuhi permintaan industri akan merencat pertumbuhan industri berkenaan memandangkan isu ini menjadi halangan untuk industri beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi dan menarik pelaburan modal besar. Pada masa yang sama, terdapat elemen pertindanan dalam menarik pelaburan asing, seperti pemberian insentif yang ditawarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan pihak berkuasa koridor.

Kesimpulan

Dalam tempoh kajian semula, semua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan stabil yang disumbang oleh permintaan dalam negeri yang lebih tinggi dan disokong oleh eksport yang memberangsangkan. Walau bagaimanapun, kekangan struktur seperti aktiviti perkhidmatan yang tidak bersepadu, tumpuan kepada aktiviti nilai ditambah yang rendah, inovasi dan penerimagunaan teknologi yang terhad serta kebergantungan berterusan terhadap pekerja berkemahiran rendah terutama dalam kalangan PKS terus menghalang potensi pertumbuhan. Sementara itu, inisiatif perlu dipergiat untuk meningkatkan daya saing empat bandar utama dan menarik pelaburan untuk terus memacu pertumbuhan ekonomi wilayah dan negara. Oleh itu, usaha bersepadu dalam mewujudkan ekosistem yang efektif dan menambah baik produktiviti merentas semua sektor dan wilayah adalah penting untuk mencapai status negara maju.

Mentransformasi Perkhidmatan Awam untuk Produktiviti

Pendahuluan

Prestasi, 2016-2017

Prestasi Outcome Terpilih

Prestasi Bidang Fokus

Isu dan Cabaran

Kesimpulan

8

Pendahuluan

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020, penekanan diberi untuk mentransformasi perkhidmatan awam ke arah perkhidmatan yang lebih berpaksikan rakyat bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Dalam tempoh kajian semula, 2016-2017, perkhidmatan awam telah melaksana pelbagai langkah untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan menerusi pendigitalan, mengurangkan proses birokrasi dan memulakan kajian semula institusi sektor awam. Pada masa yang sama, pelbagai langkah telah diambil untuk meningkatkan pengurusan bakat dan projek serta memperkukuh keupayaan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi meningkatkan produktiviti. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksana, kemajuan dalam tempoh kajian semula tidak menunjukkan pencapaian yang ketara, antaranya disebabkan oleh tuduhan berkaitan rasuah, kurang ketelusan dan akauntabiliti, ketidakcekapan pengurusan sumber serta kekangan kapasiti dan keupayaan dalam perkhidmatan awam. Isu dan cabaran ini telah menjejaskan integriti dan keberkesanan institusi awam dan penyampaian perkhidmatan, mengakibatkan defisit keyakinan dan kepercayaan dalam kalangan rakyat. Oleh itu, dalam tempoh akhir Rancangan, 2018-2020, Kerajaan baharu yang dipimpin oleh Pakatan Harapan akan melaksana langkah yang lebih tegas dan berkesan untuk mereformasi perkhidmatan awam agar lebih telus dan mempunyai akauntabiliti yang lebih tinggi.

Prestasi, 2016-2017

Ke arah mencapai perkhidmatan awam bertaraf dunia, sebanyak sembilan outcome terpilih telah dikenal pasti merangkumi kecekapan, pendigitalan dan integriti seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 8-1*. Outcome ini mencerminkan komitmen perkhidmatan awam untuk menanda aras prestasi berbanding dengan negara serantau dan global serta memperkenalkan pendekatan kreatif dan inovatif bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan. Usaha mentransformasi perkhidmatan awam untuk meningkatkan produktiviti telah dilaksana melalui lima bidang fokus seperti berikut:

BIDANG FOKUS A
Mempertingkat penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat

BIDANG FOKUS B
Merasionalisasikan institusi sektor awam untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi

BIDANG FOKUS C
Memperkukuh pengurusan bakat untuk perkhidmatan awam masa hadapan

BIDANG FOKUS D
Mempertingkat pengurusan projek untuk menghasilkan outcome yang lebih baik dan cepat

BIDANG FOKUS E
Memanfaatkan pihak berkuasa tempatan bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti pada peringkat tempatan

Usaha yang telah dilaksana untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan awam adalah berteraskan kepada prinsip berikut:

Berpaksikan rakyat
Memulakan lebih banyak aktiviti penciptaan bersama melalui penyumberan luar dan penglibatan lebih meluas bersama rakyat pada semua peringkat bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik

Produktiviti dan kecekapan
Menjalankan pelbagai kajian semula terhadap institusi sektor awam bagi mengenal pasti pertindihan fungsi dan pertindanan kerja untuk merasionalisasi perkhidmatan awam serta mengukuh kriteria penilaian prestasi

Kerajaan digital
Menawarkan lebih banyak perkhidmatan dalam talian melalui kaedah *single sign-on* dan memperluas perkhidmatan tersebut kepada platform mudah alih bagi meningkatkan penggunaan dan jangkauan serta memanfaatkan analitis data raya (BDA) dan data terbuka

Pelaksanaan projek dengan pantas
Menginstitusikan keupayaan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian yang terbaik bagi memastikan projek disiapkan mengikut kos, kualiti dan tempoh yang ditetapkan

Integriti dan ketelusan
Membudayakan nilai murni melalui penghayatan nilai dan sikap positif dalam kalangan penjawat awam

Prestasi Outcome Terpilih

Dalam tempoh kajian semula, pencapaian enam outcome terpilih adalah menepati sasaran yang ditetapkan manakala tiga lagi outcome yang terdiri daripada indeks global masih belum dicapai. Indeks global tersebut ialah subindeks Kecekapan Kerajaan dalam *World Competitiveness Yearbook* (WCY), subindeks Perkhidmatan Dalam Talian (OSI) dalam *United Nations e-Government Development Index* (UN EGDI) dan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) oleh *Transparency International*. Walau bagaimanapun, kemajuan telah dicapai dalam setiap bidang fokus ke arah mencapai sasaran yang telah ditetapkan pada tahun 2020. Prestasi outcome terpilih bagi lima bidang fokus tersebut adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 8-1*.

Paparan 8-1

Sorotan
Rancangan Malaysia Kesebelas: Outcome Terpilih dan Prestasi

Mempertingkat penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat

10 terbaik bagi subindeks Kecekapan Kerajaan dalam *World Competitiveness Yearbook*	15 terbaik bagi subindeks Perkhidmatan Dalam Talian dalam *United Nations e-Government Development Index*	30 terbaik dalam Indeks Persepsi Rasuah oleh *Transparency International*	Mewujudkan pengkomputeran awan bagi konsolidasi dan perkongsian data	Menyediakan gerbang tunggal nasional *uCustoms* bagi fasilitasi perdagangan
10 Terbaik — 2020	15 Terbaik — 2020	30 Terbaik — 2020	2016-2020	2016-2020
25 — 2017	40 — 2016	62 — 2017	2016-2017	2016-2017
Kedudukan ke-25 daripada 63 negara bagi subindeks Kecekapan Kerajaan dalam *World Competitiveness Yearbook*	Kedudukan ke-40 daripada 193 negara bagi subindeks Perkhidmatan Dalam Talian dalam *United Nations e-Government Development Index*	Kedudukan ke-62 daripada 180 negara dalam Indeks Persepsi Rasuah oleh *Transparency International*	Perkhidmatan *1GovCloud* menyokong penggunaan 401 aplikasi baharu	Modul terpilih *uCustoms* dilaksana secara rintis di pelabuhan dan lapangan terbang terpilih

Merasionalisasikan institusi sektor awam untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi

Menjalankan audit menyeluruh ke atas institusi dan agensi



Melaksana audit rasionalisasi ke atas perwakilan Malaysia di luar negara bagi sektor pendidikan

Memperkukuh pengurusan bakat untuk perkhidmatan awam masa hadapan

Menyediakan skim persekitaran kerja yang fleksibel



Memperkenalkan waktu kerja fleksibel melalui Pekeliling Perkhidmatan 4/2017

Mempertingkat pengurusan projek untuk menghasilkan outcome yang lebih baik dan cepat

Mewujudkan pembanding sektor awam (PSC)



Pelaksanaan PSC secara rintis di lima kementerian – KPM, KKM, MOT, KPKT dan KKLW

Memanfaatkan pihak berkuasa tempatan bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti pada peringkat tempatan

Menjadikan ekspektasi komuniti sebagai KPI pihak berkuasa tempatan



Menjadikan ekspektasi komuniti sebagai satu daripada indikator dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT)

Sasaran Asal Prestasi

Kedudukan Malaysia dalam tiga indeks antarabangsa terpilih berkaitan penyampaian perkhidmatan awam telah merosot dalam tempoh kajian semula. Berdasarkan subindeks Kecekapan Kerajaan WCY, Malaysia berada pada kedudukan ke-25 daripada 63 negara pada tahun 2017 berbanding kedudukan ke-18 daripada 61 negara pada tahun 2016. Kemerosotan kedudukan dalam WCY adalah disebabkan oleh prestasi yang kurang memuaskan dalam kesemua lima subfaktor iaitu kewangan awam, dasar fiskal, perundangan perniagaan, rangka kerja kemasyarakatan dan rangka kerja institusi. Di samping itu, kedudukan Malaysia dalam UN EGDI OSI turut jatuh ke kedudukan ke-40 daripada 193 negara pada tahun 2016 berbanding kedudukan ke-31 daripada 191 negara pada tahun 2014. Kejatuhan ini disebabkan oleh kekurangan perkhidmatan yang berpaksikan rakyat seperti e-penyertaan, data terbuka dan kebolehcapaian kepada perkhidmatan dalam talian. Reputasi Malaysia semakin terjejas disebabkan pencapaian CPI terburuk pada tahun 2017, yang merosot kepada kedudukan ke-62 daripada 180 negara berbanding kedudukan ke-55 daripada 176 negara pada tahun 2016. Kemerosotan ini antara lain disebabkan oleh persepsi terhadap kegagalan dalam menyelesaikan skandal berkaitan rasuah.

Prestasi Bidang Fokus

Beberapa strategi dan inisiatif di bawah lima bidang fokus telah dilaksana untuk menyokong pencapaian outcome terpilih. Usaha ini termasuk menambah baik penyampaian perkhidmatan yang berpaksikan rakyat, menangani pertindihan struktur, membangunkan bakat yang kompeten, memastikan pelaksanaan projek yang lebih baik serta mempertingkat perkhidmatan PBT. Sorotan pencapaian utama setiap bidang fokus adalah seperti berikut:

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
A Mempertingkat Penyampaian Perkhidmatan dengan Mengutamakan Rakyat	**Menambah baik proses penyampaian** • 7 peraturan sedia ada dikaji semula melibatkan subsektor perkhidmatan pengangkutan udara, pergudangan, kurier, eksport produk makanan diproses, perdagangan runcit, penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih dalam industri minyak dan gas serta akreditasi bagi kursus kejururawatan dalam pendidikan tinggi untuk menggalakkan amalan pengawalseliaan yang baik dan mengurangkan birokrasi • 508 perkhidmatan pelesenan pihak berkuasa digabungkan dalam gerbang tunggal portal MalaysiaBiz yang memberi manfaat kepada lebih 40,000 pelawat bagi mendapatkan maklumat dan perkhidmatan mengenai pendaftaran perniagaan dan pelesenan **Meningkatkan pendigitalan** • 1,802 set data baharu diterbitkan dalam portal Data Terbuka Sektor Awam, menjadikan jumlah keseluruhan set data kepada 2,510 dan memudahkan penggunaan data kerajaan secara inovatif oleh pihak berkepentingan

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
	• 12 agensi terlibat dalam program latihan dan bimbingan untuk BDA dan 6 produk data berjaya dibangunkan, membolehkan agensi yang terlibat untuk melaksana perancangan berasaskan bukti dan menyediakan hala tuju dalam intervensi yang disasarkan melalui perkongsian dan pengoptimuman data • 130 perkhidmatan aplikasi mudah alih baharu tersedia dalam Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia (GAMMA), menjadikan jumlah keseluruhan perkhidmatan aplikasi mudah alih kepada 174 yang menyediakan pilihan alternatif untuk mengakses perkhidmatan kerajaan dan memperluas jangkauan • 376 lokasi institusi pendidikan diliputi oleh *1Gov*Net.EDU* yang telah dinaik taraf dengan lebar jalur yang lebih tinggi sehingga 100 Mbps, membolehkan ketersambungan yang selamat dan boleh dipercayai • 401 aplikasi baharu menggunakan perkhidmatan *1GovCloud* di Pusat Data Sektor Awam seperti portal *1Malaysia Training Centre* (1MTC), portal MAMPU dan portal e-Solat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, menambahkan jumlah aplikasi dalam *1GovCloud* kepada 1,800 dan membolehkan perkongsian data dengan jaminan capaian yang selamat merentas agensi kerajaan **Memperluas jangkauan** • 92% pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Panggilan 1Malaysia (1MOCC), melebihi sasaran KPI sebanyak 80% yang ditetapkan • 11 Pusat Transformasi Bandar (UTC) baharu diwujudkan, meningkatkan jumlah UTC di seluruh negara kepada 21 dan memberi manfaat kepada 57 juta pengunjung • 4 Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) baharu diwujudkan di Bario dan Betong (Sarawak), Rembau (Negeri Sembilan) dan Seberang Perai Selatan (Pulau Pinang), meningkatkan jumlah RTC di seluruh negara kepada 12 dan memberi manfaat kepada 38 juta pengunjung • 400 perkhidmatan disediakan menerusi Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC) dan memberi manfaat kepada 2.6 juta rakyat

Dalam tempoh kajian semula, kemajuan telah dicapai dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan melalui penambahbaikan proses penyampaian, peningkatan pendigitalan dan peluasan jangkauan. Dalam hal ini, agenda pendigitalan kerajaan mencatat kemajuan yang paling ketara menerusi penambahbaikan Gerbang Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan serta pembentukan rangka kerja data raya dan data terbuka. Walau bagaimanapun, penerimagunaan BDA dan inisiatif data terbuka adalah terbatas disebabkan oleh isu operasi serta kekangan sumber. Di samping itu, integrasi perkhidmatan, terutama penyampaian perkhidmatan di barisan hadapan dan konsolidasi proses *back-end* antara agensi memerlukan intervensi yang bersesuaian bagi menyediakan perkhidmatan yang cepat dan berkualiti kepada rakyat. Sementara itu, *Malaysia User Satisfaction Evaluation* (MUSE) 2017 mencatat tahap kepuasan pengguna sebanyak 82%, menunjukkan lebih banyak penambahbaikan diperlukan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan kerajaan dalam talian. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksana, masih terdapat banyak perkara yang perlu ditangani termasuk mengurangkan peranan perkhidmatan awam dalam fungsi bukan teras, menangani isu integriti, akauntabiliti dan ketelusan serta mengatasi ketirisan pada semua peringkat, selain meningkatkan produktiviti.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
B **Merasionalisasikan Institusi Sektor Awam untuk Meningkatkan Produktiviti dan Prestasi**	**Mewajarkan saiz perkhidmatan awam** • 252 skim perkhidmatan dirasionalisasi kepada 240 melalui Pekeliling Perkhidmatan 1/2016: Rasionalisasi Skim Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia untuk menyelaras skim perkhidmatan serta meningkatkan mobiliti dan kemajuan kerjaya penjawat awam • 488 penjawat awam berprestasi rendah yang dikenal pasti melalui Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) telah menjalani penilaian dalam tempoh pemerhatian dan seramai 70 orang ditamatkan perkhidmatan ke arah membentuk sektor awam berprestasi tinggi dan dinamik. Dasar pemisah untuk penjawat awam hanya meliputi penamatan perkhidmatan pegawai berprestasi rendah dan tidak termasuk penamatan disebabkan kes tatatertib

Dalam tempoh kajian semula, usaha bagi merasionalisasi institusi sektor awam untuk meningkatkan penumpuan, fleksibiliti dan prestasi menunjukkan kemajuan yang terbatas memandangkan usaha ini memerlukan komitmen politik yang tinggi. Beberapa kajian telah dijalankan mengenai rasionalisasi sektor awam, namun kajian tersebut tidak bersepadu dan seterusnya kurang berkesan untuk dilaksana. Di samping itu, audit yang menyeluruh dan kajian semula merentas sektor awam untuk mengoptimum struktur, skala dan model operasi tidak dilaksana. Kekangan ini disebabkan oleh halangan tertentu seperti keengganan pihak berkepentingan, sokongan politik dan isu kesesuaian masa.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
C **Memperkukuh Pengurusan Bakat untuk Perkhidmatan Awam Masa Hadapan**	**Mempertingkat pengurusan bakat** • 178 institusi latihan awam menawarkan program latihan untuk pegawai yang sedang berkhidmat. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah menjalankan 1,621 kursus yang memberi manfaat kepada 50,479 penjawat awam • Program cuti belajar dengan biasiswa telah diperkenalkan kepada penjawat awam dalam kalangan kumpulan pelaksana untuk meningkatkan pembangunan kerjaya dengan mengikuti program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), diploma atau ijazah dan telah memberi manfaat kepada 550 penjawat awam • Memperkenalkan tambahan peringkat waktu bekerja melalui Pekeliling Perkhidmatan 4/2017: Penambahbaikan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) di Agensi Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan keseimbangan kerjaya dan kehidupan di samping membolehkan pengurusan masa yang lebih baik • 6 pegawai yang terdiri daripada 2 pegawai marin, 2 pegawai hidupan liar dan 2 jurutera hidrologi telah diiktiraf sebagai pakar bidang khusus berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan 7/2016: Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus *(Subject Matter Expert — SME)* bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan untuk menarik minat, mengekal dan membangunkan kepakaran bidang khusus dalam perkhidmatan awam. Program ini menyediakan peluang kenaikan pangkat yang lebih baik kepada pakar bidang khusus • 16 pegawai telah dikenal pasti sebagai pegawai *fast track* dan dinaikkan pangkat ke gred yang lebih tinggi berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan 8/2016: Kemajuan Kerjaya Laluan Secara Pantas *(Fast Track)* bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Inisiatif ini yang mengenal pasti pegawai berpotensi tinggi menerusi proses penilaian yang ketat untuk dinaikkan pangkat ke gred yang lebih tinggi adalah sebahagian daripada program pembangunan kepimpinan perkhidmatan awam

Pelbagai inisiatif telah dilaksana untuk memperkukuh pengurusan bakat termasuk penawaran bakat, motivasi kerja serta pembangunan kapasiti dan keupayaan. Walau bagaimanapun, inisiatif berkaitan dengan pengurusan prestasi berdasarkan organisasi serta menangani aspek penawaran bakat secara menyeluruh masih belum dilaksanakan. Keadaan ini disebabkan oleh rangka kerja kompetensi yang bersifat generik yang diterima guna pada masa ini dan isu berkaitan penjajaran petunjuk prestasi utama pada peringkat kementerian, jabatan dan individu.
Di samping itu, beberapa institusi latihan awam terus melaksana pelan operasi latihan yang tidak diselaraskan dengan analisis keperluan pembelajaran organisasi yang terkini serta keutamaan Kerajaan yang berubah-ubah.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
D **Mempertingkat Pengurusan Projek untuk Mencapai Outcome yang Lebih Baik dan Cepat**	**Mempertingkat kecekapan** • Pembanding sektor awam telah dibangunkan sebagai mekanisme perbandingan kos antara projek kerajaan dan swasta serta dilaksana secara rintis di 5 kementerian untuk menambah baik proses penilaian dan pemilihan projek • 145 projek bernilai RM44.8 bilion telah selesai menjalani makmal pengurusan nilai dan menghasilkan penjimatan serta nilai ditambah sebanyak 11.9%, melebihi sasaran yang ditetapkan sebanyak 10% • 150 pelan standard yang diluluskan (PAP) meliputi 24 kategori bangunan telah diperkenalkan, tetapi hanya 29% projek pembinaan bangunan kerajaan menggunakan PAP **Menambah baik pemantauan** • Pekeliling Perbendaharaan PK 4.4: Penubuhan dan Tanggungjawab Jawatankuasa *Contract Coordination Panel* telah dikeluarkan bagi menguruskan isu pentadbiran dan pertikaian kontrak secara menyeluruh • 312 pegawai telah menjalani latihan Pengurusan Projek Awam Bersepadu dan 178 daripadanya telah mendapat tauliah, menambah bilangan bakat bagi pengurusan projek dalam perkhidmatan awam

Pelbagai inisiatif telah dilaksana untuk mempertingkat kecekapan dan keberkesanan pengurusan projek, termasuk penilaian berterusan bagi outcome program dan projek. Di samping itu, penilaian outcome bagi 1,808 projek telah dilaksana berdasarkan penambahbaikan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012: Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan melalui Penilaian Outcome. Pelaksanaan garis panduan yang telah ditambah baik tersebut telah menghasilkan peningkatan menyeluruh outcome projek daripada 76.2% pada tahun 2011 kepada 88.3% pada tahun 2017. Antara projek yang telah melepasi sasaran dengan ketara pada tahun 2017 adalah Institut Kanser Negara di Putrajaya, Depot Imigresen Belantik di Kedah dan dana pembangunan produk dan pengkomersialan. Pada masa yang sama, meskipun terdapat prosedur perolehan sedia ada, masih banyak projek dilaksana secara rundingan terus dan tender terhad yang mengakibatkan peningkatan kos dan ketirisan.

Bidang Fokus	Pencapaian Utama, 2016-2017
E **Memanfaatkan Pihak Berkuasa Tempatan bagi Menyediakan Perkhidmatan Berkualiti pada Peringkat Tempatan**	**Memperkasa pihak berkuasa tempatan** • 97 daripada 151 atau 64% pihak berkuasa tempatan (PBT) telah mencapai taraf minimum 4 daripada 5 bintang berdasarkan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT). Komponen ekspektasi komuniti telah dimasukkan ke dalam SPB-PBT untuk meningkatkan libat urus awam pada peringkat tempatan, sebagai tambahan kepada kriteria asal, iaitu pentadbiran, perkhidmatan teras dan pengurusan pelanggan **Memperkukuh penyampaian perkhidmatan** • 10 garis panduan diperkenal untuk memastikan standard dan amalan yang seragam meliputi peningkatan tahap kebersihan di premis perniagaan, penubuhan pusat jagaan kanak-kanak di bangunan berstrata dan pengendalian bahan kimia berbahaya • 968 kawasan sering berlaku jenayah di 45 PBT dilengkapkan dengan sistem pemantauan litar tertutup untuk pencegahan jenayah dan peningkatan keselamatan • Unit perkhidmatan kaunter bergerak disediakan oleh 55 PBT yang menawarkan perkhidmatan seperti pembayaran cukai pintu dan taksiran serta pembaharuan permit dan lesen • Perkhidmatan aplikasi mudah alih iKepoh diperkenalkan secara rintis oleh Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Kota Kinabalu, Perbadanan Labuan, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Perbadanan Putrajaya dan Majlis Bandaraya Shah Alam. Melalui iKepoh, orang ramai boleh membuat aduan serta merta, yang menggalakkan penyertaan aktif masyarakat dan maklum balas yang lebih pantas oleh PBT

Beberapa inisiatif telah dilaksana oleh PBT bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan. Lebih separuh daripada jumlah keseluruhan PBT telah mencapai taraf minimum 4 daripada 5 bintang berdasarkan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT). Di samping itu, bagi meningkatkan kualiti hidup pada peringkat tempatan, garis panduan dan langkah khusus untuk pencegahan jenayah telah diperkenalkan. Selain itu, pengenalan perkhidmatan kaunter bergerak untuk memperluas liputan perkhidmatan bagi jangkauan yang lebih baik kepada komuniti telah meningkatkan tahap keselesaan dan kutipan hasil.

Sementara itu, penggunaan pelbagai saluran komunikasi seperti sesi *town hall*, program *live streaming* dan Radio JKT kendalian Jabatan Kerajaan Tempatan telah mempercepat dan memperluas jangkauan perkhidmatan PBT. Di sebalik pencapaian ini, amalan baik dan dasar semasa perlu diselaraskan dengan agenda reformasi untuk meningkatkan akauntabiliti PBT dan memperkukuh undang-undang berkaitan.

Isu dan Cabaran

Usaha mentransformasi perkhidmatan awam telah dilaksana untuk memperkukuh tadbir urus, meningkatkan akauntabiliti, menambah baik penyampaian perkhidmatan dan menjadikan kerajaan berpaksikan rakyat. Walau bagaimanapun, usaha penambahbaikan belum memadai memandangkan masih terdapat banyak isu berkaitan dengan tadbir urus, ketelusan, integriti dan akauntabiliti. Perubahan yang ketara adalah diperlukan untuk memulihkan kepercayaan dan keyakinan rakyat. Dalam menghadapi isu dan cabaran, strategi dan usaha perlu diperkukuh untuk memastikan perkhidmatan awam mendukung aspirasi Kerajaan dalam memenuhi keperluan dan harapan rakyat.

Maklumat yang tidak tepat dan tidak pasti berkaitan **proses dan prosedur** yang disediakan oleh agensi kerajaan tertentu telah mengakibatkan kekeliruan dan terhakisnya keyakinan dalam kalangan rakyat. Di samping itu, kesedaran yang meningkat dalam kalangan rakyat telah menyumbang kepada permintaan yang lebih tinggi untuk mengakses maklumat serta meningkatkan ekspektasi terhadap perkhidmatan Kerajaan yang berkualiti. Selain itu, data yang tidak bersepadu dan diperoleh daripada sumber yang berbeza merumitkan usaha untuk mendapatkan data daripada sumber tunggal. Kekangan ini telah menjejaskan kerjasama antara agensi bagi mewujudkan integrasi dan perkongsian data yang lebih baik untuk merancang, melaksana dan memantau strategi dengan berkesan.

Usaha untuk menangani pertindihan peranan dan fungsi **institusi sektor awam** kurang mendapat sokongan dan tidak menyeluruh. Agensi dan entiti baharu seperti syarikat berhad menurut jaminan dan syarikat milik kerajaan telah ditubuhkan yang menambah bebanan kewangan Kerajaan. Di samping itu, kurangnya keutamaan dan komitmen politik menghalang usaha reformasi menyeluruh ke atas institusi sektor awam.

Penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan memerlukan **pengurusan bakat** secara strategik serta transformasi minda penjawat awam untuk berfikir, bertindak dan bertindak balas selaras dengan perubahan landskap teknologi dan sosioekonomi. Kementerian dan agensi berhadapan dengan kesukaran untuk memperoleh dan mengekalkan individu yang sesuai untuk sesuatu tugasan memandangkan pengurusan bakat masih dilaksana secara berpusat. Di samping itu, isu integriti masih menjadi kebimbangan utama dan perlu terus ditangani pada semua peringkat dengan kerjasama pihak berkepentingan.

Keputusan **perolehan kerajaan** terdahulu yang dikaitkan dengan campur tangan politik dalam penganugerahan kontrak dan pemilihan projek telah menjejaskan kepercayaan dan persepsi awam terhadap integriti dan akauntabiliti kerajaan. Di samping itu, isu seperti kelewatan, kenaikan kos, pembaziran serta kurang keupayaan dan kompetensi pihak berkaitan yang terlibat terus menghalang keberkesanan pelaksanaan projek. Sementara itu, peningkatan hutang dan tanggungan Kerajaan Persekutuan termasuk liabiliti luar jangka menekankan lagi keperluan untuk meneruskan reformasi fiskal bagi memastikan pengurusan kewangan yang mampan.

Kekangan keupayaan dan kapasiti telah menjejaskan kemampuan **PBT** untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat. PBT sering berhadapan dengan kapasiti teknikal yang terbatas dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan cekap. Ketidakmampuan untuk menangani isu semasa dan kurang kesediaan dalam menghadapi cabaran masa hadapan seperti perubahan demografi dan urbanisasi yang pesat masih menjadi halangan utama ke arah mewujudkan PBT yang mantap. Sementara itu, kebergantungan yang berlebihan terhadap dana Kerajaan Persekutuan terus menjejaskan autonomi kewangan PBT.

Kesimpulan

Pelbagai usaha yang dilaksana sepanjang tempoh kajian semula telah menyumbang kepada penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan awam. Usaha ini termasuk mempercepat pendigitalan, merasionalisasikan institusi awam, memperkukuh pengurusan bakat, menambah baik pengurusan projek dan memanfaatkan PBT untuk penyampaian perkhidmatan yang berkualiti. Namun begitu, proses transformasi telah dicemari oleh kekurangan ketelusan dan akauntabiliti serta terus menghadapi cabaran berikutan harapan rakyat yang meningkat dan jurang bakat yang wujud. Oleh itu, usaha perlu dipergiat untuk mereformasi perkhidmatan awam supaya lebih beretika, dipercayai, berkesan dan terbuka seiring dengan trend teknologi dan sosioekonomi yang berubah.

Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan, 2016-2017

Carta F-1

Peruntukan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Teras Strategik, 2016-2017



Jadual F-1

Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Teras Strategik, 2016-2017

Teras Strategik	Peruntukan[1]		Perbelanjaan	
	RM juta	% daripada Jumlah	RM juta	% daripada Peruntukan
Memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama	15,096	*17.1*	14,836	*98.3*
Meningkatkan kesejahteraan rakyat	19,903	*22.5*	19,618	*98.6*
Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju	10,348	*11.7*	10,097	*97.6*
Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampanan dan daya tahan	4,342	*4.9*	4,298	*99.0*
Memperkukuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi	20,534	*23.3*	20,185	*98.3*
Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran	11,465	*13.0*	11,253	*98.2*
Mentransformasi perkhidmatan awam untuk produktiviti	6,632	*7.5*	6,592	*99.4*
Jumlah	**88,320**	***100.0***	**86,879**	***98.4***

Nota: [1] Peruntukan merujuk kepada peruntukan dipinda.
Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

Jadual F-2

Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Kementerian, 2016-2017

Bil.	Kementerian	Peruntukan[1]		Perbelanjaan	
		RM juta	% daripada Jumlah	RM juta	% daripada Peruntukan
1	Jabatan Perdana Menteri	22,968	*26.0*	22,913	*99.8*
2	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	10,238	*11.6*	10,038	*98.0*
3	Kementerian Kerja Raya	9,026	*10.2*	8,870	*98.3*
4	Kementerian Pertahanan	7,021	*7.9*	6,926	*98.6*
5	Kementerian Pengangkutan	5,460	*6.2*	5,343	*97.9*
6	Kementerian Pengajian Tinggi	4,246	*4.8*	4,217	*99.3*
7	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	3,490	*4.0*	3,374	*96.7*
8	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	2,994	*3.4*	2,967	*99.1*
9	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2,961	*3.4*	2,938	*99.2*
10	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	2,922	*3.3*	2,753	*94.2*
11	Kementerian Kesihatan	2,713	*3.1*	2,614	*96.4*
12	Kementerian Pendidikan	2,491	*2.8*	2,490	*99.9*
13	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	1,770	*2.0*	1,744	*98.5*
14	Kementerian Dalam Negeri	1,768	*2.0*	1,730	*97.9*
15	Kementerian Wilayah Persekutuan	1,884	*2.1*	1,884	*100.0*
16	Kementerian Kewangan	1,058	*1.2*	1,056	*99.8*
17	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	1,047	*1.2*	1,009	*96.3*
18	Kementerian Sumber Manusia	976	*1.1*	966	*99.0*
19	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	821	*0.9*	746	*90.9*
20	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	791	*0.9*	693	*87.7*
21	Kementerian Belia dan Sukan	770	*0.9*	746	*96.9*
22	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan	349	*0.4*	340	*97.6*
23	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	252	*0.3*	227	*90.1*
24	Kementerian Luar Negeri	183	*0.2*	176	*96.4*
25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	121	*0.1*	119	*98.1*
Jumlah		**88,320**	***100.0***	**86,879**	***98.4***

Nota: [1] Peruntukan merujuk kepada peruntukan dipinda.
Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

Jadual F-3

Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Negeri, 2016-2017

Bil.	Negeri	Peruntukan[1]		Perbelanjaan	
		RM juta	% daripada Jumlah	RM juta	% daripada Peruntukan
1	Sarawak	8,427	*9.5*	8,318	*98.7*
2	Sabah	7,704	*8.7*	7,596	*98.6*
3	Wilayah Persekutuan	7,141	*8.1*	7,033	*98.5*
4	Selangor	5,200	*5.9*	5,135	*98.8*
5	Pahang	4,432	*5.0*	4,323	*97.5*
6	Johor	4,136	*4.7*	4,026	*97.3*
7	Perak	2,683	*3.0*	2,641	*98.4*
8	Kelantan	2,250	*2.6*	2,177	*96.8*
9	Kedah	2,040	*2.3*	1,992	*97.6*
10	Terengganu	1,822	*2.1*	1,779	*97.6*
11	Pulau Pinang	1,268	*1.4*	1,222	*96.4*
12	Negeri Sembilan	1,185	*1.3*	1,143	*96.5*
13	Melaka	939	*1.1*	892	*95.0*
14	Perlis	401	*0.5*	358	*89.3*
15	Pelbagai Negeri[2]	38,692	*43.8*	38,244	*98.8*
Jumlah		**88,320**	***100.0***	**86,879**	***98.4***

Nota: [1] Peruntukan merujuk kepada peruntukan dipinda.
[2] Pelbagai Negeri merujuk kepada projek fizikal dan bukan fizikal serta program yang dilaksana merentas negeri.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

bahagian II

HALA TUJU 2018-2020



Bahagian II menggariskan sasaran sosioekonomi yang disemak semula bagi tempoh 2018-2020 serta keutamaan dan penekanan baharu Rancangan Malaysia Kesebelas, yang telah dijajarkan dengan komitmen Kerajaan baharu yang dipilih mengambil alih tampuk pemerintahan pada Mei 2018

9

B A B

Memastikan Pertumbuhan Ekonomi Lebih Bermakna

Pendahuluan

Ekonomi pada dasarnya masih kukuh sehingga akhir tahun 2017, disokong oleh permintaan dalam negeri dan perdagangan luar yang memberangsangkan serta sistem perbankan dan kewangan yang teguh. Inflasi masih terkawal dan stabil sementara ekonomi terus berada dalam keadaan guna tenaga penuh. Akaun semasa imbangan pembayaran kekal dalam lebihan. Walaupun pada peringkat makro ekonomi mencatat prestasi yang baik, beberapa isu yang berlarutan berkaitan ketidaksamaan, ketidaksamarataan dan struktur dalam ekonomi masih wujud. Antara lain, ketidaksamaan pertumbuhan wujud antara negeri dan ketidaksamarataan pendapatan kekal antara kumpulan pendapatan. Selain itu, kadar pengangguran dalam kalangan belia secara relatifnya tinggi, kos sara hidup semakin meningkat dan kebanyakan industri masih berada dalam rantaian nilai pengeluaran yang rendah. Cabaran ini, antara lain telah menjejaskan kuasa beli, menghalang pertumbuhan daripada dinikmati serta menyebabkan matlamat untuk menjadi sebuah negara maju dan inklusif kurang bermakna kepada majoriti rakyat.

Justeru dalam melangkah ke hadapan, keutamaan dasar akan mengimbangkan objektif pengukuhan fiskal dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih inklusif. Reformasi fiskal dan tadbir urus yang serta merta adalah penting untuk mengukuhkan lagi kedudukan fiskal Kerajaan dan mengagihkan sumber yang mencukupi bagi meringankan beban hidup rakyat. Pelaksanaan segera reformasi yang sukar dan penting ini berkemungkinan memberi kesan jangka masa pendek kepada pertumbuhan ekonomi tetapi pengorbanan ini adalah perlu bagi mengekalkan ekonomi pada landasan

pertumbuhan yang mampan. Namun begitu, langkah dasar struktur serta program dan projek pembangunan berimpak tinggi akan terus dilaksana dengan cara yang lebih telus dan mampan dari segi kewangan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih bermakna untuk rakyat.

Dalam tempoh akhir Rancangan, 2018-2020, ekonomi dunia dijangka mengukuh dan harga komoditi semakin stabil. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa risiko kelembapan ekonomi, antara lain, dasar monetari di negara maju yang lebih ketat, ketegangan perdagangan yang semakin meningkat, dasar perlindungan dan dasar pandang ke dalam serta ketidaktentuan geopolitik. Walaupun berhadapan risiko kelembapan ekonomi, strategi ekonomi makro yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas akan diteruskan dengan beberapa penyesuaian bagi memastikan asas ekonomi diperkukuh, sumber pertumbuhan dijamin dan isu struktur ditangani. Strategi juga akan digubal bagi menangani cabaran baharu dan memanfaatkan sumber pertumbuhan baharu termasuk Revolusi Perindustrian Keempat (4IR).

Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020

Ekonomi Malaysia terbukti berdaya tahan di tengah-tengah situasi ekonomi luaran yang tidak menentu. Namun, masih terdapat cabaran yang perlu ditangani pada peringkat makro. Cabaran ini termasuk pertumbuhan produktiviti yang perlahan, ruang fiskal yang terhad, pampasan pekerja yang rendah dan ketidaksamaan pendapatan isi rumah. Sehubungan itu, strategi makro sedia ada akan terus dilaksana dengan beberapa penyesuaian untuk menangani cabaran baharu dan baru muncul. Walaupun matlamat pelbagai dimensi makro masih sama, matlamat ini diperkukuh dengan dimensi kualitatif bagi menangani pelbagai ketidaksamarataan dan ketidaksamaan yang wujud seperti yang diperjelas dalam bab berikutnya. Justeru, ekonomi akan mengekalkan trajektori pertumbuhan dan daya tahan malah menjadi lebih inklusif.

Persekitaran Ekonomi Luaran

Pertumbuhan ekonomi global diunjur mengukuh kepada 3.7% setahun dalam tempoh akhir Rancangan, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 9-1*. Walau bagaimanapun, prestasi yang bercampur adalah dijangkakan merentas rantau dengan pertumbuhan kukuh di rantau Asia Pasifik, pertumbuhan lebih seimbang di Amerika Syarikat (AS) dan pengembangan yang menyederhana di kawasan euro disebabkan United Kingdom menarik diri daripada Kesatuan Eropah. Ekonomi negara maju diunjur berkembang sederhana pada kadar purata sebanyak 2.1% setahun manakala pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun dijangka berkembang pesat sebanyak 3.8% setahun.

Perdagangan dunia dijangka berkembang pesat pada kadar 4.2% setahun, terutama disumbangkan oleh eksport pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun pada kadar 4.8% setahun. Momentum ini akan menyediakan akses yang lebih luas ke pasaran global dan memaksimum potensi pertumbuhan Malaysia. Inflasi dunia juga dijangka meningkat, iaitu sebanyak 3.4% setahun berikutan harga komoditi global yang lebih tinggi. Potensi risiko kelembapan ekonomi merangkumi kemerosotan sokongan terhadap integrasi ekonomi global, peningkatan ketegangan perdagangan dan dasar perlindungan yang diterima guna oleh ekonomi utama serta ketidaktentuan geopolitik.

Paparan 9-1

Prospek Ekonomi Dunia, 2016-2020

Perkara (Pertumbuhan, % setahun)	RMKe-11			
	Anggaran asal	Sebenar	Anggaran dipinda	
	2016-2020	2016-2017	2018-2020	2016-2020
Pengeluaran dunia	***3.9***	***3.5***	***3.7***	***3.6***
Negara maju	*2.1*	*2.0*	*2.1*	*2.1*
Pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun	*5.1*	*4.6*	*3.8*	*4.1*
Perdagangan dunia	***5.0***	***3.7***	***4.2***	***4.0***
• Import				
Negara maju	*4.6*	*3.3*	*3.9*	*3.6*
Pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun	*6.0*	*4.4*	*5.5*	*5.1*
• Eksport				
Negara maju	*4.3*	*3.1*	*3.5*	*3.3*
Pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun	*6.0*	*4.9*	*4.8*	*4.8*
Harga dunia				
Komoditi utama bukan bahan api	*-0.7*	*2.7*	*0.8*	*1.5*
Minyak (AS$ setong)[1]	71	48	68	60
Pertumbuhan (%)	*5.0*	*3.8*	*8.7*	*6.7*
Harga pengguna dunia[2]	***3.5***	***2.9***	***3.4***	***3.2***
Negara maju	*1.9*	*1.3*	*2.0*	*1.7*
Pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun	*4.6*	*4.3*	*4.9*	*4.7*

Nota: [1]Merujuk kepada harga purata bagi tiga minyak mentah - *Dated Brent, West Texas Intermediate* dan *Dubai Fateh*.
[2]Harga pengguna dunia bagi tempoh 2018-2020 adalah berdasarkan *World Economic Outlook* Edisi April 2018.

Sumber: *World Economic Outlook*, Tabung Kewangan Antarabangsa (April 2015; April dan Oktober 2018)

Strategi Ekonomi Makro

Dalam tempoh akhir Rancangan, rangka kerja dasar ekonomi makro akan terus memberi tumpuan kepada peningkatan daya tahan ekonomi untuk memastikan matlamat pelbagai dimensi dapat dicapai. Matlamat tersebut juga diperkukuh dengan pengenalan aspek kualitatif bagi memastikan pertumbuhan lebih inklusif, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 9-2*. Strategi ekonomi makro utama dengan maklumat terperinci ditunjukkan dalam *Paparan 9-3* adalah seperti berikut:

- Memacu produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif
- Menggalakkan pelaburan berkualiti bagi meneraju pertumbuhan ekonomi
- Melaksana inisiatif untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi
- Mengukuhkan eksport dan mengurus import bagi menambah baik imbangan pembayaran
- Memberi penekanan kepada langkah pengukuhan fiskal untuk memastikan kemampanan dalam jangka sederhana

Paparan 9-2

Matlamat Pelbagai Dimensi, 2018-2020 : Sasaran Dipinda dengan Keutamaan dan Penekanan Baharu

Matlamat diperkukuhkan dengan aspek kualitatif melalui tonggak berkaitan



Paparan 9-3

Ringkasan Strategi Ekonomi Makro, Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Strategi utama ekonomi makro disesuaikan untuk mengambil kira perkembangan baharu

Memacu produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif	Mengukuhkan kerjasama antara kerajaan, industri dan akademia bagi memastikan penawaran bakat yang sedia untuk industri adalah mencukupi Menggalakkan pendigitalan operasi perniagaan dan penerimagunaan teknologi secara lebih meluas untuk mengambil manfaat daripada 4IR Mempercepat pelaksanaan reformasi kawal selia bagi memudah cara urusan menjalankan perniagaan Melaksana inisiatif produktiviti pada peringkat sektor dengan penubuhan sembilan Nexus Produktiviti Merangka intervensi yang sistematik dan berstruktur pada peringkat perusahaan melalui program produktiviti perusahaan serta perantara R&D sedia ada
Menggalakkan pelaburan berkualiti bagi meneraju pertumbuhan ekonomi	Menjalankan kajian semula yang menyeluruh ke atas dasar pelaburan meliputi insentif dan struktur cukai Manambah baik pengurusan semua insentif pelaburan sedia ada bagi mengoptimum sumber Menggalakkan pelaburan dalam teknologi berkaitan Industri 4.0 bagi mengurangkan jurang dalam sektor pembuatan
Melaksana inisiatif untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi	Menggalakkan pendigitalan dan inovasi bagi merangsang pertumbuhan Memberi tumpuan kepada perkhidmatan berintensif pengetahuan untuk mengembangkan sektor perkhidmatan moden Mencergaskan sektor pembuatan ke arah menghasilkan produk yang lebih kompleks dan pelbagai Memodenkan pertanian dengan mempercepat penerimagunaan teknologi pertanian dan menggalakkan pendekatan berasaskan kluster melalui integrasi menegak rantaian bekalan bagi tanaman terpilih Memupuk amalan mampan dan meningkatkan kandungan pengetahuan untuk mentransformasi sektor pembinaan
Mengukuhkan eksport dan mengurus import untuk menambah baik imbangan pembayaran	Menambah baik ekosistem eksport Meningkatkan rantaian nilai produk eksport Mempergiat pengantarabangsaan dalam sektor perkhidmatan Menggalakkan lebih banyak penggunaan input tempatan dalam projek infrastruktur utama Menjadualkan import barang modal yang bernilai tinggi *(lumpy)* untuk tempoh yang lebih panjang
Memberi penekanan kepada langkah pengukuhan fiskal untuk memastikan kemampanan dalam jangka sederhana	Meningkatkan hasil daripada cukai tidak langsung dan hasil bukan cukai Memaksimum pemulihan kos aset Kerajaan Mengoptimum dan merasionalisasi perbelanjaan untuk mengimbangkan pertumbuhan ekonomi dan pengukuhan fiskal Menambah baik sistem pengurusan hutang awam

Prospek Ekonomi Makro, 2016-2020



Ekonomi Dalam Negeri

Dalam tempoh kajian semula, 2016-2017, daya tahan ekonomi Malaysia telah memastikan kadar pertumbuhan yang mampan. Walau bagaimanapun, trajektori pertumbuhan bagi tempoh keseluruhan Rancangan telah terjejas berikutan kelembapan ekonomi pada tahun 2016. Oleh itu, adalah penting untuk momentum pertumbuhan dipercepat bagi mencapai objektif dan sasaran ekonomi makro. Namun begitu, reformasi fiskal dan tadbir urus yang dilaksana mulai pertengahan tahun 2018 akan memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi tetapi impak berkenaan dijangka sementara dan terkawal. Pengorbanan pertumbuhan jangka pendek ini adalah perlu untuk terus mengukuhkan ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang lebih bermakna kepada rakyat.

Produktiviti

Dalam tempoh akhir Rancangan, 2018-2020, produktiviti pelbagai faktor (MFP) disasarkan meningkat sebanyak 2% setahun dan sumbangan MFP kepada pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dijangka mencapai 40.9%, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 9-4*. Sasaran ini adalah berdasarkan peningkatan jumlah pekerja mahir dan berpengetahuan dalam tenaga buruh serta penerimagunaan teknologi termaju dan automasi yang lebih meluas oleh industri. Sejajar dengan itu, sumbangan input modal kepada pertumbuhan KDNK disasarkan sebanyak 40.6% dan input buruh sebanyak 18.5%. Secara keseluruhannya, produktiviti buruh disasarkan berkembang pada kadar purata 2.9% setahun bagi mencapai sasaran RM88,450 setiap pekerja pada tahun 2020, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 9-5*. Peningkatan ini didorong oleh aktiviti ekonomi yang bertambah baik dan keadaan guna tenaga yang stabil serta pelaksanaan inisiatif di bawah Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB) yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti negara.

Paparan 9-4

Faktor Pengeluaran, 2016-2020

Pertumbuhan, pada harga malar 2010, % setahun
Bahagian kepada pertumbuhan ditunjukkan dalam kurungan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Paparan 9-5

Produktiviti Buruh, 2015-2020

Produktiviti Buruh,
RM '000 nilai ditambah setiap pekerja, pada harga malar 2010



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Permintaan Agregat

Dalam tempoh akhir Rancangan, sasaran asal pertumbuhan KDNK disemak semula kepada kadar purata antara 4.5% hingga 5.5% setahun, disokong oleh permintaan dalam negeri yang mampan, khususnya daripada perbelanjaan sektor swasta. Berdasarkan sasaran pertumbuhan ini, pendapatan negara kasar (PNK) per kapita dijangka mencecah RM47,720 atau AS$11,700 pada tahun 2020, sejajar dengan kadar inflasi yang menyederhana. Paras ini adalah lebih kurang 6% di bawah anggaran paras pendapatan minimum negara berpendapatan tinggi[1]. Malaysia dijangka mencapai paras pendapatan minimum ini menjelang tahun 2024. Walau bagaimanapun, sasaran menjadi negara berpendapatan tinggi akan dapat dicapai lebih awal sekiranya keadaan pertumbuhan ekonomi bertambah baik dengan ketara berikutan persekitaran ekonomi luaran yang lebih menggalakkan, pertumbuhan dalam negeri yang dinamik dan nilai ringgit yang lebih kukuh. Namun begitu, matlamat untuk menjadi negara maju bukan sekadar mencapai status berpendapatan tinggi kerana pencapaian ini perlu diiringi dengan kuasa beli rakyat yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, aspirasi untuk menjadi negara maju memerlukan Malaysia turut maju dalam pelbagai dimensi lain, seperti ekonomi, politik, budaya, psikologi, rohani dan sosial.

Penggunaan swasta akan terus menjadi sumber utama pertumbuhan dan dijangka berkembang pada kadar purata 7% setahun dengan sumbangan kepada KDNK mencecah 56.9% pada tahun 2020, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 9-6*. Sasaran ini berdasarkan kepada jangkaan keadaan pasaran buruh yang lebih baik dan pertumbuhan pendapatan yang berterusan. Sementara itu, **penggunaan awam** dijangka berkembang pada kadar sederhana sebanyak 0.3% setahun berikutan penekanan untuk mengoptimum perbelanjaan awam tanpa menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

Kerajaan akan memperkukuh lagi ekosistem bagi membolehkan **pelaburan swasta** terus menjadi pemangkin pertumbuhan, dengan sasaran pertumbuhan sebanyak 5.7% setahun dan peningkatan sumbangan kepada KDNK daripada 12.3% pada tahun 2010 kepada

Paparan 9-6

KDNK mengikut Perbelanjaan, 2010-2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

17.8% pada tahun 2020. Usaha akan diterus bagi memastikan pelaburan swasta berkualiti untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkemahiran dengan gaji yang tinggi, terutama dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Oleh itu, langkah bagi menggalakkan pelaburan untuk jentera dan peralatan, khususnya dalam automasi, akan dilaksana bagi meningkatkan kapasiti dan produktiviti perusahaan. Selain itu, usaha akan diambil bagi menarik pelaburan langsung asing yang berkualiti dalam produk dan perkhidmatan mempunyai nilai ditambah yang tinggi, yang menggunakan teknologi terkedepan dan menggalakkan pemindahan teknologi kepada syarikat tempatan.

[1] Bank Dunia mendefinisikan negara berpendapatan tinggi sebagai negara yang mempunyai PNK per kapita sebanyak AS$12,056 atau lebih pada tahun 2017.

Paparan 9-7

Projek Berimpak Tinggi Terpilih yang sedang Dirancang atau Dilaksana, 2018-2020



Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Pelaburan awam dijangka menguncup sebanyak 0.8% setahun, disebabkan semakan semula ke atas beberapa projek infrastruktur utama seperti projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) dan Keretapi Berkelajuan Tinggi (HSR). Walau bagaimanapun, Kerajaan terus komited dalam memenuhi keperluan sosioekonomi rakyat dengan melaksana projek berimpak tinggi, antaranya seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 9-7*. Di samping itu, projek pembinaan sekolah di seluruh negara serta projek bekalan air dan elektrik luar bandar di Sabah dan Sarawak akan terus meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Keluaran mengikut Sektor

Sektor perkhidmatan dan pembuatan akan terus meneraju pertumbuhan dalam tempoh akhir Rancangan, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 9-8*.

Paparan 9-8

KDNK mengikut Sektor Ekonomi, 2016-2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Sektor perkhidmatan disasar untuk mengekalkan momentum pertumbuhan pada kadar purata sebanyak 6.3% setahun, disokong oleh pelbagai inisiatif di bawah Blueprint Sektor Perkhidmatan serta usaha untuk mempromosikan Zon Perdagangan Bebas Digital dan menambah baik produktiviti di bawah MPB. Perkhidmatan berkaitan penggunaan, iaitu subsektor perdagangan runcit, penginapan serta makanan dan minuman dijangka mendapat manfaat daripada pendapatan isi rumah yang lebih tinggi serta perbelanjaan pelancong yang lebih besar. Sumbangan subsektor perkhidmatan moden juga disasar terus berkembang pada tahun 2020, disokong oleh unjuran yang lebih baik dalam perkhidmatan ICT serta subsektor pendidikan dan penjagaan kesihatan swasta.

Sektor pembuatan disasar berkembang pada kadar 4.5% setahun, sebahagian besarnya dipacu oleh peralihan ke arah produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, pelbagai dan kompleks terutama dalam bidang elektrikal dan elektronik, jentera dan peralatan, kimia dan produk kimia, aeroangkasa serta peranti perubatan. Industri berorientasikan eksport akan terus menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan sektor pembuatan, disokong oleh peningkatan permintaan terhadap pusat data awan dan elektronik dalam industri automotif serta aplikasi kecerdasan buatan untuk bandar pintar dan kenderaan berautonomi yang baru muncul.

Sektor pembinaan disasar berkembang secara sederhana pada kadar purata sebanyak 4.3% setahun disebabkan oleh pertumbuhan subsektor hartanah kediaman dan bukan kediaman yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, penerimagunaan sistem bangunan berindustri yang lebih meluas serta projek kejuruteraan awam sedang dilaksana seperti Transit Aliran Massa 2 dan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang di Johor dijangka menyumbang kepada pertumbuhan sektor ini. Namun begitu, momentum pertumbuhan keseluruhan subsektor kejuruteraan awam dijangka perlahan berikutan semakan semula keutamaan projek infrastruktur utama bagi merasionalisasi kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan.

Sektor pertanian disasar mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada kadar 2% setahun disumbang oleh peningkatan pengeluaran minyak sawit, getah dan tanaman makanan. Secara keseluruhannya, komoditi industri terus menjadi penyumbang utama dengan sasaran sebanyak 56.4% daripada jumlah nilai ditambah pada tahun 2020. Di samping itu, sumbangan subsektor agromakanan disasar meningkat dengan penekanan terhadap penambahbaikan produktiviti dan pemodenan serta pengenalan sumber kekayaan baharu seperti pengeluaran buah-buahan bergred premium, varieti kelapa berhasil tinggi dan jagung bijirin berskala besar.

Sektor perlombongan disasarkan meningkat sedikit pada kadar 0.1% berikutan pelanjutan komitmen untuk mengurangkan pengeluaran oleh Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan negara bukan OPEC serta gangguan bekalan gas asli daripada Saluran Paip Gas Sabah-Sarawak pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, pengeluaran gas asli dijangka melonjak berikutan pembinaan fasiliti terapung gas asli cecair 2 milik PETRONAS di lapangan Rotan, luar pesisir Kota Kinabalu, Sabah. Fasiliti ini dijadualkan siap pada tahun 2020 untuk memenuhi jangkaan permintaan global yang lebih tinggi bagi tenaga rendah karbon.

KDNK mengikut Pendapatan

Peningkatan bahagian **pampasan pekerja** (CE) daripada KDNK kekal sebagai keutamaan Kerajaan bagi mengurangkan ketidaksamaan pendapatan antara pemilik modal dan pekerja, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 9-9*. **Lebihan kendalian kasar** (GOS) yang menggabungkan pendapatan pemilik modal dan pendapatan campuran dijangka berkurang kepada 58.2% daripada KDNK pada tahun 2020. Sementara itu, bahagian CE disasarkan mencapai sekurang-kurangnya 38% daripada KDNK, disokong oleh peningkatan gaji pekerja yang berterusan. Namun, bahagian yang disasarkan ini masih belum mencapai kadar di negara berpendapatan tinggi seperti Australia pada 47.3%, Korea Selatan pada 44.4% dan Singapura pada 42.4%.

Paparan 9-9

KDNK mengikut Pendapatan, 2015-2020

RM bilion, pada harga semasa
Bahagian daripada KDNK dalam huruf condong, %



Nota: [1]Pendapatan daripada bekerja sendiri, perniagaan yang tidak didaftarkan dan lain-lain.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

KDNK mengikut Negeri

Dalam tempoh akhir Rancangan, kebanyakan negeri dijangka mencatat kadar pertumbuhan sederhana, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 9-10*. Sektor perkhidmatan dan pembuatan dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi negeri dengan usaha berterusan untuk menarik pelaburan ke semua wilayah. Penekanan yang lebih besar akan diberi untuk memastikan pembangunan wilayah yang seimbang dengan mempelbagaikan lagi asas ekonomi dan membangunkan aktiviti ekonomi berasaskan pengetahuan. Usaha ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan menjana pendapatan yang lebih tinggi. Projek berimpak tinggi akan terus memacu pertumbuhan ekonomi untuk menangani ketidakseimbangan antara negeri dan dalam kalangan wilayah serta menambah baik inklusiviti. Dari segi KDNK per kapita, kebanyakan negeri dijangka dapat merapatkan jurang berbanding paras purata nasional pada tahun 2020, manakala empat negeri dan tiga wilayah persekutuan dijangka melebihi paras tersebut.

Paparan 9-10

KDNK mengikut Negeri, 2016-2020



Nota: [1]Termasuk WP Putrajaya.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Perdagangan Antarabangsa dan Imbangan Pembayaran

Pertumbuhan **eksport kasar** dalam tempoh akhir Rancangan dijangka kekal pada kadar purata sebanyak 6.2% setahun, disokong oleh harga komoditi yang lebih baik dan permintaan yang berterusan daripada rakan dagang. **Import kasar** dianggar meningkat sebanyak 6.1% setahun, dipacu oleh import barangan modal dan perantara. Strategi dan langkah akan dilaksana untuk meningkatkan eksport dan mengurus import bagi memastikan imbangan perdagangan kekal dalam lebihan dengan sasaran sebanyak RM118.3 bilion pada tahun 2020.

Akaun semasa bagi imbangan pembayaran diunjur kekal dalam lebihan, iaitu sebanyak RM39.9 bilion atau 2.5% kepada PNK pada tahun 2020 berbanding dengan RM40.3 bilion atau 3.1% kepada PNK pada tahun 2017. Lebihan yang lebih tinggi dalam akaun barangan dijangka menyumbang kepada peningkatan dalam lebihan akaun semasa walaupun akaun perkhidmatan dan pendapatan mencatatkan defisit yang berterusan. Peningkatan dalam terimaan perjalanan dan penambahbaikan dalam eksport perkhidmatan moden dijangka dapat mengurangkan defisit dalam akaun perkhidmatan. Akaun pendapatan dijangka kekal dalam defisit, berikutan penghantaran balik pendapatan oleh pelabur asing dan kiriman wang oleh pekerja asing di Malaysia yang berterusan.

Kedudukan Fiskal Kerajaan Persekutuan

Dalam tempoh akhir Rancangan, Kerajaan Persekutuan akan mengambil langkah bagi mengukuhkan kedudukan fiskal jangka sederhana, antara lain dengan memastikan defisit fiskal semakin mengecil, memperkukuh pengurusan hutang awam dan mempercepat reformasi institusi. Langkah ini akan diimbangi dengan keperluan untuk mengekalkan pertumbuhan dan menyampaikan perkhidmatan awam yang berkualiti bagi memastikan kesejahteraan rakyat. Walau bagaimanapun, semasa tempoh peralihan bagi pentadbiran baharu, sasaran fiskal akan disesuaikan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Ekonomi mungkin akan terkesan dalam jangka pendek berikutan reformasi fiskal yang serta merta ini. Namun, reformasi ini adalah perlu bagi meletakkan asas yang lebih kukuh untuk pertumbuhan yang lebih mampan dan inklusif.

Dalam tempoh peralihan, defisit fiskal dijangka lebih besar daripada sasaran yang ditetapkan semasa Bajet yang lepas sebelum kembali ke landasan pengukuhan fiskal. Oleh itu, sasaran defisit fiskal dijangka sebanyak 3.2% kepada KDNK pada tahun 2020. Sasaran pengukuhan fiskal ini akan dicapai melalui pelbagai pendekatan bagi mengukuhkan lagi pengurusan fiskal.

Hasil akan terus dipelbagai dengan meningkatkan sumbangan cukai tidak langsung dan hasil bukan cukai seperti lesen, permit, fi dan sewaan. Versi cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang ditambah baik telah menggantikan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada September 2018. Kerajaan akan mengkaji untuk mengenakan cukai ke atas transaksi dalam talian berdasarkan peningkatan e-dagang dan aktiviti berkaitan ekonomi perkongsian. Lebih banyak inisiatif bagi menambah baik pematuhan cukai juga akan dilaksana untuk memastikan kutipan cukai langsung dan tidak langsung dimaksimumkan. Sementara itu, hasil bukan cukai akan dipertingkat, antara lain dengan memaksimum pemulihan kos aset Kerajaan. Dalam hal ini, lebih banyak agensi akan diperkasa untuk menambah baik kadar penggunaan aset. Sehubungan itu, dana terakru akan diguna untuk membiayai kos mengurus, terutama bagi penyenggaraan aset. Usaha ini akan mengurangkan kebergantungan Kerajaan kepada hasil berkaitan minyak yang lazimnya tidak stabil.

Langkah konsolidasi **perbelanjaan mengurus** akan diteruskan dalam tempoh akhir Rancangan, justeru mengekalkan lebihan imbangan akaun semasa. Antara langkah tersebut merangkumi usaha mereformasi agensi Kerajaan, memperkukuh proses perolehan bagi semua bekalan dan perkhidmatan, termasuk pelaksanaan tender terbuka, serta menstruktur semula hutang. Di samping itu, keutamaan program akan disusun semula bagi meningkatkan keberkesanan perbelanjaan Kerajaan. Pengurusan bagi projek pembangunan juga akan dikaji semula, khususnya struktur tadbir urus penilaian dan pemilihan projek untuk mengurangkan risiko kelewatan dan peningkatan kos.

Kerajaan komited untuk menerima pakai kaedah pelaporan pengurusan kewangan awam yang lebih telus dengan mempercepat pelaksanaan sepenuhnya perakaunan akruan. Di bawah kaedah ini, hasil dan perbelanjaan masing-masing akan direkod sebaik sahaja diterima dan ditanggung. Obligasi seperti hutang, liabiliti luar jangka dan pajakan kewangan juga akan diambil kira apabila obligasi tersebut dipersetujui bagi membolehkan pengurusan kewangan awam yang lebih menyeluruh.

Siling **perbelanjaan pembangunan** bagi keseluruhan tempoh Rancangan, 2016-2020 akan dirasionalisasi daripada jumlah asal sebanyak RM260 bilion kepada RM220 bilion untuk mengukuhkan kedudukan fiskal. Usaha ini adalah perlu dengan mengambil kira hasil Kerajaan yang lebih rendah yang sebahagiannya disebabkan oleh ketidakstabilan harga minyak mentah dunia dalam tempoh kajian semula dan pemansuhan GST pada tahun 2018. Namun begitu, penglibatan berterusan sektor swasta dalam memacu ekonomi akan mengurangkan kesan pelaburan sektor awam yang lebih rendah. Pelaburan awam akan ditumpu kepada memperkukuh infrastruktur awam dan membangunkan pemboleh untuk pengembangan ekonomi. Lebih daripada 4,000 projek yang sedang dilaksana di seluruh negara akan tetap diteruskan, antara lain, pembinaan rumah mampu milik, sekolah, hospital dan jalan raya.

Hutang, liabiliti luar jangka dan komitmen yang dibuat melalui projek perkongsian awam swasta oleh Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak 80.3% kepada KDNK pada tahun 2017. Paras ini adalah lebih tinggi daripada 50.8% hutang Kerajaan Persekutuan

berdasarkan laporan rasmi. Dengan mengambil kira kepentingan menilai komitmen melangkaui hutang, inisiatif akan diambil untuk meningkatkan pengurusan kewangan Kerajaan meliputi liabiliti luar jangka dan obligasi lain. Walaupun garis panduan kemampanan fiskal sedia ada adalah ketat, tadbir urus kewangan akan terus ditambah baik bagi memastikan mekanisme semak dan imbang diinstitusikan. Mekanisme tadbir urus kewangan dan sistem pengurusan hutang yang sistematik, menyeluruh dan telus seperti di Indonesia dan Thailand akan dibangunkan di Malaysia. Oleh itu, kedudukan hutang negara akan dilapor secara berkala kepada pihak awam, justeru memperkukuh pengurusan kewangan dan kredibiliti Kerajaan.

Inflasi dan Pasaran Buruh

Kerajaan akan terus memantau pergerakan harga dengan lebih teliti serta menerima pakai dasar monetari yang bersesuaian dan memperkukuh langkah pentadbiran bagi mengekang inflasi. Dalam hal ini, kadar **inflasi** dijangka kekal rendah, dengan purata antara 2% hingga 3% setahun, walaupun harga minyak dan komoditi dijangka meningkat secara sederhana. Langkah juga akan diambil bagi menangani isu kenaikan kos sara hidup untuk mengukuhkan kuasa beli rakyat. Antara langkah tersebut termasuk menggalakkan konsumerisme yang lebih baik, meningkatkan penguatkuasaan peraturan kawalan harga dan menyediakan lebih banyak tempat yang menawarkan barangan dan perkhidmatan pada harga yang mampu dibayar dan berdaya saing kepada rakyat.

Keadaan **pasaran buruh** dijangka kekal stabil dengan guna tenaga penuh pada kadar pengangguran di bawah 3.5% sepanjang tempoh akhir Rancangan. Kadar pengangguran belia yang tinggi akan ditangani dengan mengkaji semula keadaan pasaran buruh. Usaha ini, antara lain merangkumi penyediaan program latihan yang lebih berkualiti dan berimpak tinggi serta peluasan skim Latihan Pekerja Masa Hadapan bagi melengkapkan pencari kerja dengan kemahiran yang bersesuaian untuk memenuhi permintaan industri. Fungsi pusat transformasi bandar dan pusat transformasi luar bandar akan diperluas untuk juga berperanan sebagai pusat sehenti pekerjaan bagi menyediakan khidmat nasihat dan perkhidmatan pemadanan kerja kepada pemohon pekerjaan. Di samping itu, laporan Senarai Pekerjaan Kritikal akan disedia di pusat sehenti tersebut untuk rujukan pelajar dan industri bagi meminimum ketidakpadanan pekerjaan.

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia

Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan diterus bagi memastikan kesejahteraan rakyat bertambah baik seiring dengan pertumbuhan ekonomi. Tumpuan yang lebih akan diberi bagi menangani pelbagai aspek yang menjadi kebimbangan seperti kehidupan keluarga, kesihatan dan alam sekitar. Strategi dan inisiatif, seperti memperkukuh institusi keluarga, memerangi penyakit dan menyediakan persekitaran hidup yang lebih baik, akan dipergiat bagi memastikan pertumbuhan ekonomi adalah bermakna. Oleh itu, Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia disasarkan meningkat sebanyak 1.7% setahun dalam tempoh akhir Rancangan.

Kesimpulan

Matlamat untuk mencapai status negara maju dan inklusif bukan hanya sekadar menjadi negara berpendapatan tinggi, matlamat ini mesti seiring dengan kuasa beli yang lebih tinggi. Di samping itu, aspirasi ini memerlukan Malaysia turut maju dalam pelbagai dimensi lain sebelum dianggap sebagai negara yang benar-benar maju. Sehubungan itu, Kerajaan akan berusaha untuk memastikan pertumbuhan jangka panjang adalah berkualiti, inklusif dan mampan bagi membolehkan rakyat dapat mengecapi kemakmuran dan menikmati hasil pembangunan negara. Walaupun reformasi oleh pentadbiran baharu akan memberi kesan kepada negara dalam jangka pendek, pengorbanan tersebut adalah perlu untuk memacu ekonomi pada landasan yang mampan bagi memastikan pertumbuhan yang lebih bermakna kepada rakyat. Objektif pertumbuhan akan diteruskan serentak dengan pembangunan dalam dimensi sosial dan pengagihan untuk Malaysia menjadi negara maju dan inklusif.

10

B A B

I

TONGGAK

Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

Pendahuluan

Peralihan kepada pentadbiran baharu memberi isyarat bahawa terdapat keperluan untuk mereformasi Kerajaan secara menyeluruh melalui tadbir urus demokratik yang lebih kukuh. Agenda reformasi tersebut memerlukan standard etika, tatakelakuan dan tadbir urus yang tinggi pada semua peringkat untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti bagi memperoleh semula kepercayaan dan keyakinan rakyat. Dalam hal ini, nilai dan prinsip kedaulatan undang-undang, integriti, ekuiti dan inklusiviti akan diterap pada semua peringkat kerajaan. Di samping itu, mekanisme bersesuaian akan dilaksana untuk mencegah penyalahgunaan kuasa. Pada masa yang sama, perkhidmatan awam perlu menyampaikan perkhidmatan yang saksama serta berkualiti secara cekap dan berkesan menerusi usaha bersama, dedikasi dan kreativiti dengan memberi tumpuan kepada perkara yang menjadi keutamaan rakyat.

Dalam tempoh kajian semula, 2016-2017, usaha telah dilaksana untuk mentransformasi penyampaian perkhidmatan awam dengan memberi tumpuan kepada aspek seperti birokrasi, pendigitalan, pengurusan bakat dan projek serta perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT). Walaupun pelbagai usaha telah dilaksana, impak yang dicapai untuk menambah baik perkhidmatan awam secara menyeluruh dan mampan telah dikekang, antaranya oleh tuduhan rasuah, kurang ketelusan dan akauntabiliti serta ketidakcekapan pengurusan sumber dan kewangan. Isu dan cabaran ini telah menjejaskan kredibiliti dan kebolehpercayaan kepada institusi awam. Oleh itu, di bawah pemerintahan Kerajaan baharu, prinsip tadbir urus yang baik, keterbukaan dan agihan secara adil melalui proses demokrasi yang telus akan dijadikan asas penting untuk merencana keutamaan baharu dalam agenda pembangunan.

Dalam tempoh akhir Rancangan, 2018-2020, langkah akan diambil untuk mereformasi pentadbiran Kerajaan yang meliputi pengasingan kuasa antara eksekutif, perundangan dan kehakiman ke arah meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti. Langkah ini adalah bagi memastikan semak dan imbang yang selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Usaha ini akan merangkumi empat bidang keutamaan, iaitu menambah baik tadbir urus pada semua peringkat, meningkatkan integriti dan akauntabiliti, menguatkuasakan pelaksanaan pengurusan kewangan awam yang berhemat dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam. Oleh itu, reformasi secara menyeluruh diperlukan bagi memastikan Kerajaan baharu ini ialah sebuah Kerajaan yang layak mendapat kepercayaan dan keyakinan rakyat.

Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020

Perubahan yang signifikan adalah diperlukan untuk mengembalikan semula kepercayaan dan keyakinan rakyat, mengambil kira isu dan cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan baharu, terutama berkaitan defisit kepercayaan terhadap Kerajaan terdahulu. Oleh itu, Kerajaan akan memperkenalkan reformasi[1] yang menyeluruh untuk memperkukuh kapasiti pentadbiran dan menambah baik tadbir urus. Bidang keutamaan dan strategi untuk mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam dalam tempoh akhir Rancangan adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 10-1.*

Paparan 10-1

Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

Bidang Keutamaan A

Menambah baik tadbir urus pada semua peringkat

Strategi A1
Memperkukuh mekanisme semak dan imbang

Strategi A2
Menambah baik hubungan antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan

Strategi A3
Mereformasi sistem politik

Bidang Keutamaan B

Meningkatkan integriti dan akauntabiliti

Strategi B1
Memperkukuh agenda pencegahan rasuah

Strategi B2
Meningkatkan ketelusan

Strategi B3
Memupuk nilai murni dan amalan kerja beretika



Bidang Keutamaan C

Menguatkuasakan pelaksanaan pengurusan kewangan awam secara berhemat

Strategi C1
Mempertingkat sistem belanjawan

Strategi C2
Menambah baik pengurusan perolehan

Strategi C3
Memperkukuh rangka kerja pengurusan prestasi, pemantauan dan penilaian

Bidang Keutamaan D

Memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam

Strategi D1
Mereformasi institusi sektor awam

Strategi D2
Memperkemas semula perkhidmatan yang disediakan

Strategi D3
Memperkasa pihak berkuasa tempatan

[1] Sebahagian daripada reformasi ini memerlukan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkaitan.

Sasaran Terpilih, 2020

Menambah baik tadbir urus pada semua peringkat

Memperkenalkan semula
Akta Perkhidmatan Parlimen 1963

Meningkatkan integriti dan akauntabiliti

30 terbaik

30 terbaik dalam
Indeks Persepsi Rasuah oleh
Transparency International

Melaksanakan pengurusan kewangan awam secara berhemat

3.2% kepada KDNK

Defisit fiskal
pada kadar 3.2% kepada
keluaran dalam negeri kasar (KDNK)

Memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam

15 terbaik

15 terbaik bagi subindeks
Perkhidmatan Dalam Talian dalam
United Nations
e-Government Development Index

10 terbaik

10 terbaik bagi subindeks
Kecekapan Kerajaan dalam
World Competitiveness Yearbook

90% daripada pihak berkuasa
tempatan mencapai taraf minimum
4 daripada 5 bintang berdasarkan
Sistem Penarafan Bintang
Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT)

Sasaran Asal Sasaran Baharu

Bidang Keutamaan A: Menambah Baik Tadbir Urus pada Semua Peringkat

Struktur institusi sedia ada adalah tidak memadai untuk memastikan semak dan imbang antara kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman selaras dengan peralihan Malaysia ke era politik baharu. Oleh itu, pengasingan kuasa merupakan asas penting dan perlu dilaksana dengan berkesan untuk mengelakkan pemusatan kuasa dalam cabang kerajaan yang tertentu. Pengasingan kuasa ini akan memastikan institusi sektor awam adalah tersusun dan dikendalikan selaras dengan tadbir urus yang baik dan memerlukan pelaksanaan kuasa yang telus dan bertanggungjawab. Dalam tempoh akhir Rancangan, tiga strategi utama untuk menambah baik tadbir urus akan dilaksana seperti berikut:

Strategi A1: Memperkukuh Mekanisme Semak dan Imbang

Dalam tempoh akhir Rancangan, beberapa inisiatif akan dilaksana untuk mempertingkat mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran Kerajaan. Inisiatif ini akan mendukung pengasingan kuasa selaras dengan komponen asas kerajaan demokrasi moden. Dalam hal ini, kuasa Parlimen akan dipertingkat dan peranan Pejabat Peguam Negara akan ditambah baik untuk memastikan tadbir urus demokratik yang lebih mantap dan meningkatkan pentadbiran undang-undang.

Mempertingkat kuasa Parlimen

Parlimen adalah komponen penting dalam sistem tadbir urus demokratik. Parlimen yang berkesan menyumbang secara signifikan ke arah meningkatkan keupayaan, kepantasan bertindak dan akauntabiliti Kerajaan serta memastikan kuasa eksekutif sentiasa dipantau. Pewujudan kuasa autonomi Parlimen adalah penting dari perspektif kewangan dan operasi untuk memastikan pentadbiran, perjawatan dan belanjawan yang lebih baik. Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan pada tahun 1992 akan diperkenalkan semula dengan penambahbaikan selaras dengan persekitaran sosiopolitik dan ekonomi semasa.

Sistem jawatankuasa pemilih yang kukuh dan dianggotai oleh ahli Parlimen merentas parti politik adalah penting bagi memastikan Parlimen dapat berfungsi dengan baik. Langkah akan dilaksana untuk menginstitusikan sistem jawatankuasa pemilih ini dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta memperkasa Jawatankuasa Parlimen untuk memantau kuasa eksekutif. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam mengumpul maklumat, menyiasat dan melaporkan kepada Parlimen mengenai isu yang menjadi kepentingan awam. Sumber yang bersesuaian akan disediakan bagi membolehkan jawatankuasa ini melaksana fungsi secara berkesan.

Dalam meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti serta memantapkan semak dan imbang, suruhanjaya seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) akan bertanggungjawab secara terus kepada Parlimen. Di samping itu, jawatankuasa pemilih perlu mengesahkan

pelantikan jawatan utama, antara lain, termasuk dalam SPRM, SPR, Jabatan Audit Negara (JAN) dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman. Dalam hal ini, usaha akan dipergiat untuk memastikan komitmen tersebut dilaksana.

Memantapkan sistem pentadbiran undang-undang

Dalam sistem pentadbiran undang-undang sedia ada, individu yang sama berperanan sebagai Peguam Negara dan Pendakwa Raya. Demi menjunjung semangat pengasingan kuasa dan kedaulatan undang-undang, adalah penting untuk kedua-dua fungsi ini dilaksana oleh individu yang berlainan. Pengasingan individu ini akan memastikan kedua-dua tugas dapat dijalankan secara bebas dan terhindar daripada persepsi pengaruh politik. Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha bersepadu untuk mengasingkan individu bagi kedua-dua fungsi ini akan dilaksana dengan mengkaji amalan terbaik pada peringkat global.

Strategi A2:
Menambah Baik Hubungan antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan

Sistem pentadbiran Malaysia menerima guna struktur kerajaan tiga peringkat, iaitu Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Peranan dan fungsi ketiga-tiga peringkat kerajaan ini ditakrifkan dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, mengikut amalan semasa, sebahagian besar bidang kuasa adalah dikawal oleh Kerajaan Persekutuan. Keadaan ini mengehadkan kuasa kerajaan negeri untuk melaksana dan memantau aktiviti pembangunan sosioekonomi atau infrastruktur. Perkara ini telah membataskan keupayaan kerajaan negeri untuk menjana lebih banyak pendapatan. Dalam hal ini, hubungan antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan akan ditambah baik bagi mengembalikan semula semangat federalisme.

Mengembalikan semula semangat federalisme

Dalam tempoh akhir Rancangan, prinsip federalisme akan terus diamalkan. Prinsip ini memberikan takrifan yang jelas mengenai pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, kerajaan negeri akan diperkasa untuk melaksana pentadbiran masing-masing melalui pengagihan kuasa pusat bagi beberapa fungsi termasuk pengangkutan awam, perkhidmatan sosial, pembangunan pertanian dan perlindungan alam sekitar. Pada masa yang sama, negeri seperti Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis akan diberi keutamaan dalam pengagihan peruntukan pembangunan untuk menggalakkan pembangunan sosioekonomi yang lebih seimbang.

Strategi A3:
Mereformasi Sistem Politik

Dalam memastikan sistem politik yang mantap dan demokratik, tiga inisiatif akan dilaksana dalam tempoh akhir Rancangan. Inisiatif ini adalah mengehadkan tempoh perkhidmatan bagi Perdana Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar, menambah baik sistem pilihan raya dan memperkenalkan undang-undang bagi mengawal pembiayaan politik. Pelaksanaan inisiatif ini akan menambah baik landskap politik Malaysia dan memastikan ketelusan dan akauntabiliti yang lebih baik.

Mengehadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar

Pemusatan kuasa yang berlebihan kepada Perdana Menteri sebelum ini telah memberi kesan negatif kepada negara dan mengakibatkan defisit kepercayaan dalam kalangan rakyat. Atas kesedaran mengenai kesan negatif pemusatan kuasa ini, usaha akan diambil untuk mengehadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar kepada dua penggal bagi membendung kemungkinan salah guna kuasa dan rasuah. Usaha ini akan memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri berkaitan. Sementara itu, langkah lain termasuk memastikan Perdana Menteri tidak menyandang jawatan menteri lain pada masa yang sama. Dalam hal ini, kajian perbandingan akan dilaksana untuk membangunkan sistem yang mantap dan sesuai dengan keperluan sosiopolitik negara.

Menambah baik sistem pilihan raya

Hak mengundi di Malaysia adalah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Warganegara yang telah mencapai umur 21 tahun, bermastautin di kawasan pilihan raya tertentu dan telah berdaftar sebagai pengundi adalah layak dan mempunyai hak untuk

mengundi. Bagi memastikan penyertaan yang lebih baik terutama dalam kalangan belia, usaha akan dilaksana bagi menurunkan had umur minimum untuk mengundi kepada 18 tahun. Di samping itu, reformasi yang menyeluruh, termasuk membersihkan daftar pemilih, menambah baik pengundian pos dan menyediakan akses yang adil kepada media untuk semua parti yang bertanding akan dilaksana.

Memperkenalkan undang-undang yang mengawal pembiayaan politik

Bagi mengawal pembiayaan politik, undang-undang berkaitan pembiayaan politik akan diperkenalkan untuk menghalang penyandang jawatan daripada menyalahgunakan kuasa. Ketiadaan sistem kawal selia telah menyebabkan berlakunya politik wang dan mewujudkan persaingan yang tidak adil bagi parti politik. Isu pembiayaan politik di Malaysia tidak terhad kepada pergerakan wang kepada atau daripada parti politik atau ahli politik tetapi turut termasuk pembiayaan secara tidak langsung. Rangka kerja yang bersesuaian akan dibangunkan untuk mengelakkan ketidakadilan oleh penyandang yang mempunyai kelebihan serta menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi dalam mengumpul dan membelanjakan dana bagi tujuan politik.

Bidang Keutamaan B: Meningkatkan Integriti dan Akauntabiliti

Sebagai usaha berterusan ke arah meningkatkan tadbir urus yang baik dan kedaulatan undang-undang, isu berkaitan integriti dan akauntabiliti perlu ditangani secara menyeluruh dan konsisten. Dalam tempoh kajian semula, kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) jatuh ke kedudukan ke-62 daripada 180 negara pada tahun 2017 berbanding ke-55 daripada 176 negara pada tahun 2016. Penurunan ini memerlukan pelaksanaan langkah proaktif yang lebih tegas dan teliti untuk mengukuhkan semula komitmen Malaysia ke arah memerangi rasuah. Dalam tempoh akhir Rancangan, tiga strategi utama akan dilaksana untuk meningkatkan integriti dan akauntabiliti seperti berikut:

Strategi B1: Memperkukuh Agenda Pencegahan Rasuah

Dalam memperkukuh agenda pencegahan rasuah, institusi dan undang-undang perlu diperkasa bagi menyokong ekosistem yang kondusif dan berkesan. Dalam tempoh akhir Rancangan, institusi seperti SPRM dan Institut Integriti Malaysia akan direformasi. Langkah ini adalah bagi memastikan agensi atau badan yang terlibat dalam membanteras rasuah memikul tanggungjawab penuh, tidak bertindih dan menyampaikan perkhidmatan dengan berkesan. Sementara itu, undang-undang dan mekanisme sedia ada berkaitan dengan rasuah akan diperkasa untuk meningkatkan keberkesanan dalam memerangi rasuah.

Mereformasi institusi pencegahan rasuah Malaysia

SPRM akan ditransformasi menjadi sebuah badan bebas sepenuhnya bagi memperkasa dan memperkukuh peranannya dalam membanteras rasuah pada semua peringkat. Akta SPRM 2009 akan dikaji semula secara menyeluruh bagi memastikan

bidang kuasa SPRM yang lebih meluas. Sehubungan itu, SPRM akan dapat melaksana usaha memerangi rasuah dengan lebih berkesan dan cekap.

Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan dilaksana bagi meningkatkan keberkesanan dalam memerangi rasuah. Sehubungan itu, Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) yang baru ditubuhkan akan bertanggungjawab untuk merancang, merangka, menyelaras dan menilai dasar serta strategi dalam mengamalkan tadbir urus yang baik, integriti dan toleransi sifar terhadap rasuah. GIACC akan memainkan peranan utama dalam menyelaras dan memantau inisiatif merentas pelbagai agensi secara menyeluruh.

Memperkukuh undang-undang pencegahan rasuah

Undang-undang pencegahan rasuah akan dikaji semula dan diperkukuh secara berterusan bagi memastikan undang-undang tersebut sentiasa relevan dengan perkembangan semasa. Oleh itu, Akta Perlindungan Saksi 2009 dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 akan ditambah baik bagi meningkatkan perlindungan kepada pemberi maklumat berkenaan pendedahan salah laku yang melibatkan kepentingan awam. Di samping itu, libat urus yang meluas dengan semua pihak berkepentingan termasuk masyarakat sivil, ahli akademik dan badan antarabangsa terkemuka akan dilaksana bagi memastikan undang-undang pencegahan rasuah di Malaysia adalah menyeluruh dan setanding dengan amalan terbaik global.

Kajian semula secara menyeluruh akan dilaksana untuk menggubal undang-undang bersesuaian bagi membolehkan tindakan yang lebih tegas dan pengurusan yang lebih baik ke atas salah laku dan kesalahan dalam kalangan pegawai badan awam[2] . Undang-undang baharu tersebut akan diselaraskan dengan Artikel 19 dalam *United Nations Convention Against Corruption (UNCAC)* berkaitan penyalahgunaan kuasa dan kedudukan. Selain itu, peraturan dan undang-undang sedia ada berkaitan tatakelakuan dan disiplin pegawai awam akan disemak semula bagi memastikan keberkesanannya.

Strategi B2: Meningkatkan Ketelusan

Birokrasi perlu diurus dengan berteraskan kepada nilai profesional dan kedaulatan undang-undang di samping mendukung prinsip berkecuali. Campur tangan politik dalam birokrasi tidak akan dibenarkan kerana menjejaskan profesionalisme dan melanggar prosedur dalam pentadbiran. Oleh itu, usaha akan diambil untuk memperbaiki kelemahan dan memperkukuh sistem tadbir urus, di samping meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti. Dalam tempoh akhir Rancangan, beberapa inisiatif akan dilaksana untuk meningkatkan ketelusan seperti membolehkan persekitaran kerajaan yang terbuka dan memperluas pilihan pembayaran tanpa tunai untuk sektor swasta dan awam bagi mengembalikan semula keyakinan rakyat terhadap pentadbiran Kerajaan.

Membolehkan persekitaran kerajaan terbuka

Malaysia komited untuk mengamalkan ketelusan bagi membina keyakinan rakyat dengan menggalakkan persekitaran kerajaan terbuka. Sehubungan itu, Kerajaan akan mengambil bahagian dalam platform antarabangsa yang berkaitan seperti *Open Government Partnership*[3]. Persekitaran kerajaan terbuka akan mewujudkan peluang baharu melalui perkongsian data yang lebih baik serta maklum balas secara interaktif antara Kerajaan dan rakyat. Oleh itu, inisiatif Data Terbuka Kebangsaan sedia ada akan dipergiat dan dilaksana secara menyeluruh bagi menggalakkan penggunaan data Kerajaan secara inovatif melalui langkah berikut:

- Menyemak semula perundangan dan garis panduan yang menghalang pelaksanaan data terbuka
- Mewujudkan rangka kerja data terbuka merentas Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan
- Membangunkan pelan hala tuju pelaksanaan data terbuka sebagai garis panduan kepada agensi

[2] Di bawah Seksyen 3, Akta SPRM 2009 pegawai badan awam ditafsirkan sebagai mana-mana orang yang menjadi anggota, pegawai, pekerja atau pekhidmat sesuatu badan awam, dan termasuklah anggota pentadbiran, ahli Parlimen, ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri, hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, dan mana-mana orang yang menerima apa-apa saraan daripada wang awam, dan jika badan awam itu ialah sesuatu perbadanan seorang, termasuklah orang yang diperbadankan sebagai perbadanan itu.

[3] *Open Government Partnership* dilancarkan pada 20 September 2011 dengan lapan negara pengasas, iaitu Brazil, Indonesia, Mexico, Norway, Filipina, Afrika Selatan, United Kingdom dan Amerika Syarikat melalui penerimaan *Open Government Declaration*.

- Melaksanakan pelan komunikasi untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan agensi dan orang awam
- Menerbitkan lebih banyak data utama untuk kegunaan awam

Dalam tempoh akhir Rancangan, undang-undang untuk menggalakkan kebebasan maklumat akan dikaji bagi membolehkan orang awam diberi hak untuk mengakses maklumat rasmi kerajaan. Sementara itu, usaha akan diambil untuk mengkaji semula Akta Rahsia Rasmi 1972 bagi memastikan Akta tersebut digunakan hanya untuk melindungi keselamatan dan kedaulatan negara. Usaha ini juga akan menjamin supaya keperluan merahsiakan maklumat tidak dibuat secara berlebihan dan disalah guna oleh pegawai awam.

Sistem pengisytiharan harta yang berkesan akan dibangun untuk memastikan pengisytiharan harta dibuat secara lebih baik serta mengesan salah guna kuasa dalam kalangan ahli politik. Di samping itu, Kod Etika bagi pengisytiharan harta dan penerimaan hadiah dalam kalangan ahli Parlimen dan anggota pentadbiran termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri akan dipinda supaya dapat meningkatkan ketelusan dan memulihkan keyakinan rakyat. Keperluan untuk membuat pengisytiharan harta hanya kepada Perdana Menteri seperti yang diamalkan sebelum ini juga akan dibuat kepada SPRM. Dalam hal ini, SPRM akan diberi mandat untuk mengesah dan memantau pengisytiharan harta tersebut. Selain itu, peruntukan undang-undang untuk mewajibkan pengisytiharan harta bagi kumpulan ini akan dimasukkan di bawah Akta SPRM 2009.

Memperluas platform urusan pembayaran tanpa tunai

Harapan yang semakin tinggi dalam kalangan rakyat terhadap transaksi kewangan yang lebih telus menuntut jabatan kerajaan memodenkan mekanisme pembayaran supaya lebih berpaksikan pelanggan, selamat, cekap dan telus. Sistem transaksi pembayaran tanpa tunai akan memastikan ketelusan serta membolehkan pengesanan dan penjejakan transaksi tersebut. Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan dipertingkat untuk memperluas platform e-pembayaran, khususnya dalam transaksi kerajaan ke arah tadbir urus yang lebih baik dan mengurangkan rasuah. Di samping itu, usaha akan dilaksana untuk memanfaatkan potensi penggunaan teknologi lain termasuk *blockchain*.

Strategi B3:
Memupuk Nilai Murni dan Amalan Kerja Beretika

Prinsip bersih, cekap dan amanah perlu diterap pada setiap masa bagi menggalakkan nilai integriti, ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus korporat yang baik. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan penjawat awam dan kakitangan swasta bebas daripada sebarang amalan rasuah dan salah laku bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang sangat berprinsip. Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha untuk memupuk nilai murni dan amalan kerja beretika pada semua peringkat akan dipergiat bagi mendukung integriti dan profesionalisme.

Mendukung integriti pada semua peringkat

Usaha untuk mendukung integriti dan membasmi gejala rasuah yang akan dilaksana secara menyeluruh dan berterusan melibatkan sektor awam dan swasta adalah merangkumi seperti berikut:

- Memperkenalkan persijilan MS ISO 37001 Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) di semua agensi kerajaan dan mencadangkan pensijilan tersebut sebagai satu syarat untuk sektor swasta membida kontrak kerajaan
- Memperluas penyertaan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) dalam semua aktiviti syarikat milik kerajaan[4] (SOE) yang terdedah kepada risiko amalan rasuah
- Mengkaji semula secara menyeluruh pelaksanaan ikrar integriti korporat untuk memudahcara inisiatif pencegahan rasuah
- Mewujudkan perkongsian strategik menerusi libat urus bersama dengan persatuan politik dan organisasi masyarakat sivil bagi melaksana inisiatif kerajaan untuk membina sebuah negara yang bersih dengan toleransi sifar terhadap rasuah
- Menguatkuasakan sistem pusingan kerja secara mandatori bagi penjawat awam yang memegang jawatan sensitif untuk mengelak dan mengurangkan kecenderungan terhadap amalan rasuah

[4] Syarikat milik kerajaan merujuk kepada syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan secara langsung atau tidak langsung dengan pegangan modal saham lebih daripada 50% atau mengawal lebih daripada 50% hak mengundi atau mempunyai kuasa untuk melantik majoriti ahli lembaga pengarah.

- Menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis bagi mendukung integriti dan mencegah salah laku dalam pasukan polis
- Mewujudkan Ombudsman bebas yang melapor kepada Parlimen untuk menangani dan menyiasat aduan berkaitan salah pentadbiran dalam perkhidmatan awam

Menerapkan nilai murni dalam kalangan penjawat awam

Tuntutan untuk meningkatkan ketelusan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam memerlukan usaha secara intensif bagi menerapkan nilai murni dalam kalangan penjawat awam ke arah meningkatkan prestasi dan menggalakkan budaya kerja cemerlang. Dalam hal ini, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama semua kementerian dan agensi akan menerajui usaha, antara lain, seperti berikut:

- Menambah baik program berkaitan etika dan nilai
- Menilai tahap integriti organisasi dan individu berdasarkan kaedah penilaian integriti yang bersesuaian
- Memupuk nilai murni secara berterusan melalui inisiatif perkhidmatan awam sedia ada seperti Tonggak 12 dan Kod Etika
- Memperkukuh penguatkuasaan Sistem Pengurusan Audit Nilai dan melaksana program intervensi yang sewajarnya

Bidang Keutamaan C: Menguatkuasakan Pelaksanaan Pengurusan Kewangan Awam Secara Berhemat

Kerajaan komited untuk melaksana pentadbiran kewangan yang lebih telus dan memastikan dana awam dibelanja secara berhemat. Komitmen ini adalah untuk memastikan pengukuhan kemampanan fiskal dengan defisit disasarkan sebanyak 3.2% kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada tahun 2020. Di samping itu, kaedah baharu dalam pengurusan hutang dan pelaporan yang turut mengambil kira liabiliti daripada pajakan kewangan dan jaminan kerajaan akan diperkenalkan untuk memastikan pengurusan kewangan yang mampan. Sehubungan itu, pengurusan dana awam yang telus dan berhemat akan secara ketara memberikan nilai terbaik untuk wang dan menghasilkan outcome yang lebih baik kepada rakyat.

Reformasi yang menyeluruh akan dilaksana untuk memastikan pengurusan kewangan awam yang berhemat ke arah Kerajaan yang lebih telus dan bertanggungjawab. Usaha akan dipergiat untuk memastikan prinsip akauntabiliti *ex-ante*[5] dan *ex-post*[6] diterap dalam menguruskan dana awam. Usaha ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan dalam mendukung integriti dan meningkatkan produktiviti melalui pengoptimuman sumber. Sehubungan itu, pelaksanaan pengurusan kewangan awam yang berhemat akan dikuat kuasa menerusi strategi seperti berikut:

[5] Akauntabiliti *ex-ante* memerlukan Kerajaan memadankan keutamaan dasar dengan keperluan peruntukan belanjawan.
[6] Akauntabiliti *ex-post* memerlukan Kerajaan memastikan sasaran outcome dicapai.

Strategi C1: Mempertingkat Sistem Belanjawan

Bajet yang lebih bertanggungjawab adalah penting untuk melaksana strategi dan komitmen Kerajaan. Pendedahan penuh mengenai perincian bajet akan disediakan kepada orang awam, yang akan membolehkan peruntukan dan perbelanjaan Kerajaan diteliti. Di samping itu, pelaksanaan penuh sistem perakaunan akruan akan dipercepat untuk menambah baik amalan perakaunan negara. Sementara itu, syor daripada badan antarabangsa termasuk Bank Dunia dan *International Budget Partnership* (IBP) akan terus diambil kira untuk menambah baik sistem belanjawan dan membolehkan orang awam mendapat akses kepada maklumat.

Menambah baik proses belanjawan negara

Berdasarkan *Open Budget Index*[7] (OBI) 2017, Malaysia mencatat nilai skor 46/100, yang menunjukkan maklumat belanjawan yang tersedia untuk orang awam adalah terhad. Skor ini adalah tinggi sedikit berbanding purata global pada nilai 42/100. Malaysia hanya menerbitkan enam daripada lapan dokumen bajet mandatori yang diperlukan oleh IBP, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 10-2*. Lebih banyak langkah akan diambil secara berperingkat untuk memperbaiki skor Malaysia dalam OBI kepada sekurang-kurangnya 61/100 pada kitaran bajet tahun 2021. Langkah ini dilaksana menerusi sesi libat urus yang lebih baik dengan pihak berkepentingan serta dipantau oleh Parlimen dan JAN. Di samping itu, proses belanjawan tahunan akan direkayasa bagi memastikan penyelarasan yang lebih baik dengan rancangan pembangunan lima tahun Malaysia.

Paparan 10-2

Ketersediaan Dokumen Bajet kepada Umum, 2008-2017

DOKUMEN	2008	2010	2012	2015	2017
1. Penyata Pra-Bajet	Tidak diterbitkan	Tidak diterbitkan	Tidak diterbitkan	Tidak diterbitkan	Tidak diterbitkan
2. Cadangan Bajet Eksekutif	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum
3. Bajet yang Diluluskan	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum
4. Bajet untuk Edaran Umum	Tidak diterbitkan	Tidak diterbitkan	Tidak diterbitkan	Tidak diterbitkan	Tersedia kepada umum
5. Laporan Tahunan	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum
6. Semakan Setengah Tahun	Tidak diterbitkan	Tidak diterbitkan	Tidak diterbitkan	Tidak diterbitkan	Tidak diterbitkan
7. Laporan Akhir Tahun	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum
8. Laporan Audit	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum	Tersedia kepada umum

Sumber: *International Budget Partnership*

Tidak diterbitkan Tersedia kepada umum

[7] *Open Budget Index* (OBI) adalah indeks yang dikeluarkan oleh *International Budget Partnership* untuk menilai jumlah dan ketepatan masa bagi pemberian akses maklumat belanjawan kepada orang awam oleh negara yang mengambil bahagian. Setiap negara diberi skor antara 0 hingga 100 yang akan menentukan kedudukan dalam OBI.

Meningkatkan kecekapan dan ketelusan syarikat milik kerajaan

Kajian semula akan dilaksana ke atas peraturan sedia ada yang mentadbir pengoperasian SOE untuk menangani kelemahan dan menambah baik lagi amalan tadbir urus. Di samping itu, semakan berkala ke atas portfolio kerajaan akan dilaksana untuk menilai peranan dan fungsi SOE. Selain itu, satu badan kawal selia akan ditubuh untuk menyatukan maklumat mengenai aset dan liabiliti SOE serta menyedia dan menerbitkan laporan kewangan yang menyeluruh.

Memperluas dan mempercepat pelaksanaan perakaunan akruan

Usaha untuk melaksana perakaunan akruan melalui *Integrated Government Financial Management and Accounting System* (iGFMAS) akan dipercepat dalam tempoh akhir Rancangan. Perakaunan akruan akan menyediakan laporan kewangan yang menyeluruh termasuk jaminan kerajaan, liabiliti luar jangka dan liabiliti masa hadapan serta komitmen lain. Pada masa yang sama, Kerajaan menetapkan matlamat untuk menyatukan akaun kewangan Kerajaan dengan penyata kewangan Menteri Kewangan Diperbadankan melalui perakaunan akruan. Penyatuan akaun ini akan meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan dana dan sumber sektor awam. Selain itu, peruntukan kewangan dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 dan perundangan lain yang berkaitan akan dikaji semula dan dipinda sewajarnya.

Strategi C2: Menambah Baik Pengurusan Perolehan

Perolehan Kerajaan (PK) merupakan satu instrumen penting yang menyumbang sebanyak 15% hingga 20% kepada KDNK, diguna untuk memastikan nilai terbaik untuk wang melalui perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan. PK juga bertujuan untuk merangsang pertumbuhan dan mencapai objektif pembangunan sosioekonomi. Walau bagaimanapun, masih terdapat isu dalam PK, iaitu kurang ketelusan dalam proses perolehan dan kelemahan pengurusan kontrak disebabkan oleh ketidakpatuhan kepada tatacara yang berkuat kuasa. Sehubungan itu, pengukuhan rangka kerja perolehan dan perkongsian awam swasta (PPP) adalah penting bagi mempertingkat pengurusan perolehan untuk memaksimumkan nilai pelaburan awam.

Memperkukuh rangka kerja perolehan

Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan diambil untuk memperkenalkan rangka kerja perundangan berkaitan PK yang menyeluruh dan berkesan. Perundangan mengenai PK akan digubal untuk mengawal selia aktiviti PK, meningkatkan kecekapan penggunaan sumber, menjaga kepentingan awam dan negara serta melindungi hak pihak yang terlibat dengan kontrak. Di samping itu, maklumat terperinci mengenai PK termasuk perancangan perolehan kementerian dan agensi akan dimasukkan dalam portal *MyProcurement* bagi membolehkan penyertaan awam yang lebih luas dalam aktiviti PK.

Sistem ePerolehan yang sedang diguna pakai dalam PK bagi penawaran bekalan dan perkhidmatan bukan perunding akan terus ditambah baik. Sehubungan itu, kajian akan dijalankan untuk menilai keperluan pembangunan sistem perolehan kerja yang bersepadu. Sistem yang ditambah baik ini akan merangkumi perancangan projek, proses perolehan serta pelaksanaan, pemantauan dan pentadbiran kontrak untuk memastikan kitaran projek diliputi secara menyeluruh.

Kerajaan komited untuk mendukung prinsip persaingan terbuka bagi mengelakkan monopoli dalam kontrak dan memaksimumkan nilai untuk wang dalam PK. Usaha ini akan direalisasikan melalui penguatkuasaan pelaksanaan tender terbuka sebagai mekanisme utama. Oleh itu, pelaksanaan tender terhad telah dimansuhkan dan diganti dengan tender terbuka secara prakelayakan. Di samping itu, syarat yang ketat akan dikenakan dalam pemberian kontrak dan tindakan yang sewajarnya akan diambil mengikut terma dan syarat di dalam kontrak untuk membendung aktiviti manipulasi untuk mengaut keuntungan. Tindakan ini termasuk penamatan kontrak yang disebabkan oleh penyerahan projek kepada pihak lain melalui subkontrak atau pemindahan ekuiti syarikat tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Kerajaan. Sementara itu, pengecualian terhadap rundingan terus akan dikaji semula selaras dengan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa, antara lain, termasuk perjanjian berkaitan PK di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia.

Modal insan yang kompeten adalah penting dalam rantaian nilai perolehan bagi memastikan tadbir urus yang baik dan cekap. Sehubungan itu, pegawai yang menguruskan PK akan mengikuti latihan di bawah program *Chartered Institute of Procurement and*

Supply untuk meningkatkan keupayaan dan kompetensi pegawai tersebut. Usaha ini akan memastikan pakar perolehan yang mempunyai kelayakan bertaraf antarabangsa menguruskan PK di pelbagai kementerian dan agensi.

Di samping itu, usaha berterusan akan dilaksana untuk mempertingkat kemahiran dan kebolehan kontraktor melalui latihan kemahiran kompetensi dan akreditasi. Program penarafan untuk menilai kompetensi dan kapasiti kontraktor yang melaksana projek Kerajaan akan terus diperkukuh. Oleh itu, projek kerajaan akan ditawar berdasarkan penarafan dan akreditasi kontraktor.

Memperkukuh rangka kerja perkongsian awam swasta

Kerajaan akan mengkaji semula rangka kerja PPP sedia ada bagi pelaksanaan projek secara PPP. Di samping itu, jumlah komitmen projek PPP akan ditentukan bagi mengawal tahap tanggungan dan komitmen tahunan Kerajaan. Penetapan had komitmen tahunan akan membantu Kerajaan untuk meminimumkan risiko fiskal. Sementara itu, audit forensik akan dipergiat untuk projek PPP terpilih bagi menambah baik rangka kerja sedia ada.

Strategi C3: Memperkukuh Rangka Kerja Pengurusan Prestasi, Pemantauan dan Penilaian

Rangka kerja pengurusan prestasi, pemantauan dan penilaian adalah penting dalam menentukan keutamaan perbelanjaan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan program dan projek. Komponen pemantauan dan penilaian dalam kitaran pengurusan projek adalah tidak mencukupi untuk memberi gambaran prestasi sebenar dalam proses membuat keputusan yang lebih baik. Dalam tempoh akhir Rancangan, tiga inisiatif akan dilaksana, iaitu mempertingkat pengurusan prestasi, menambah baik mekanisme pemantauan dan penyelarasan serta memperkukuh pengurusan projek bagi memanfaatkan pendekatan berasaskan outcome.

Mempertingkat pengurusan prestasi

Bagi menangani cabaran fiskal dalam tempoh jangka pendek, Kerajaan akan memperkenalkan *zero-based budgeting* sebagai kaedah untuk mengawal perbelanjaan dengan rapi. Pada masa yang sama, bagi memastikan perbelanjaan mencapai outcome yang ditetapkan, pelaksanaan bajet berasaskan outcome (OBB) akan diperkukuh sebagai satu kaedah bersepadu bagi pengukuran prestasi. Kaedah ini adalah untuk memastikan pengurusan perbelanjaan awam yang lebih cekap dan berkesan. OBB akan menyediakan platform bagi menyelaras outcome nasional dengan program dan peruntukan bajet kementerian serta meningkatkan akauntabiliti pada semua peringkat. Di samping itu, prestasi program dan aktiviti akan diukur berdasarkan petunjuk prestasi utama yang disesuaikan dengan peranan dan fungsi kementerian. Sehubungan itu, langkah akan diambil bagi memastikan pelaporan prestasi yang sebenar dan tepat pada masanya, membangunkan keupayaan teknikal serta menggalakkan budaya yang mengguna pakai maklumat prestasi.

Menambah baik mekanisme pemantauan dan penyelarasan

Sistem *MyResult*, iaitu alat untuk pemantauan, penilaian dan pelaporan yang sistematik dan menyeluruh, akan ditambah baik bagi menghasilkan laporan yang lengkap pada peringkat kementerian dan nasional. Sementara itu, Sistem Pemantauan Projek II akan ditambah baik bagi memantau secara menyeluruh kitaran pengurusan projek. Sehubungan itu, Arahan No.1, 2010: Majlis Tindakan Negara akan dikaji semula untuk memperkukuh mekanisme penyelarasan dan pelaksanaan projek pada peringkat Persekutuan, negeri dan daerah untuk pelaksanaan yang lebih cekap dan berkesan. Di samping itu, modul pelan pengurusan risiko akan diambil kira dalam semua projek kerajaan.

Memperkukuh pengurusan projek

Dalam tempoh akhir Rancangan, kementerian dan agensi perlu menyusun projek pembangunan mengikut keutamaan dengan mematuhi pendekatan OBB. Penggunaan pelan standard yang diluluskan (PAP) dan sistem binaan berindustri (IBS) akan diberi penekanan dalam projek kerajaan untuk mempercepat pelaksanaan projek serta memastikan nilai terbaik untuk wang. Seterusnya, penggunaan PAP akan diperluas menerusi pengenalan kategori baharu dan pilihan reka bentuk tambahan yang bersesuaian dengan kehendak dan keperluan kementerian dan agensi. Sementara itu, katalog IBS akan disesuaikan dengan koleksi reka bentuk pemodelan maklumat bangunan bagi meningkatkan ketepatan perancangan dan kerjasama semua pihak dalam rantaian nilai proses pembinaan.

Di samping itu, penggunaan pembanding sektor awam sebagai kaedah untuk membandingkan kos akan diperluas kepada semua kementerian dan agensi, menjadi sebahagian daripada proses penilaian dan pemilihan projek.

Penilaian formatif akan dilaksana untuk memastikan intervensi yang tepat pada masanya boleh diambil di sepanjang kitaran projek untuk kejayaan pelaksanaan projek dan pencapaian outcome. Sehubungan itu, projek yang sedang dilaksana akan dipantau melalui usaha secara bersama dan terselaras oleh kementerian dan agensi. Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian akan dimanfaatkan untuk memantau dan menilai kemajuan fizikal dan outcome serta keberhasilan program dan projek.

Bidang Keutamaan D: Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Awam

Kerajaan baharu akan melaksana reformasi menyeluruh terhadap semua dasar dan amalan pentadbiran untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik dan pantas kepada rakyat dan komuniti perniagaan. Di samping itu, perkhidmatan awam perlu menyediakan perkhidmatan yang pantas dan lancar, tersedia di mana sahaja dan setiap masa (sama ada melalui saluran fizikal, mudah alih atau dalam talian) dan mengoptimumkan pengalaman pengguna pada harga yang munasabah. Perkhidmatan awam juga perlu lebih fleksibel, inovatif dan responsif untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Dalam hal ini, rasionalisasi struktur sedia ada akan diteruskan secara agresif untuk kedinamikan dan pengoptimuman sumber. Pengurusan bakat pula akan dipertingkat bagi menyediakan kumpulan bakat yang diperlukan. Sementara itu, inisiatif sedia ada akan dipergiat untuk memperkemas semula dan menjadikan penyampaian perkhidmatan awam lebih berinovasi dengan memberi penekanan kepada pemerkasaan PBT. Sehubungan itu, beberapa strategi telah dikenal pasti untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan awam seperti berikut:

Strategi D1: Mereformasi Institusi Sektor Awam

Perkhidmatan awam akan mengoptimum struktur, saiz dan model operasi sedia ada untuk meningkatkan fleksibiliti dan prestasi institusi. Di samping itu, usaha secara intensif akan dilaksana untuk mempertingkat pengurusan bakat dalam perkhidmatan awam. Oleh itu, dalam tempoh akhir Rancangan, inisiatif bagi mereformasi institusi sektor awam akan dipergiat untuk mewajarkan saiz perkhidmatan awam dan mempertingkat pengurusan bakat. Inisiatif ini termasuk merasionalisasi institusi sektor awam, memperkukuh pengurusan bakat, melaksana penyesuaian penilaian prestasi, menggalakkan pembangunan kerjaya serta menambah baik keseimbangan antara kerja dan kehidupan bagi penjawat awam.

Merasionalisasi institusi sektor awam

Rasionalisasi institusi sektor awam akan diteruskan dalam tempoh akhir Rancangan dengan menubuhkan satu pasukan petugas khas untuk melaksana audit dan kajian menyeluruh merentas institusi

dan agensi sektor awam. Pasukan ini akan diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara untuk menilai peranan dan fungsi pelbagai entiti termasuk badan berkanun dan SOE. Reformasi institusi sektor awam juga merangkumi rasionalisasi pejabat perwakilan Malaysia di luar negara. Usaha rasionalisasi ini akan melibatkan kajian semula struktur, perjawatan dan fungsi sedia ada pelbagai pejabat perwakilan Malaysia di seluruh dunia. Tujuan utama rasionalisasi ini adalah untuk mewajarkan saiz dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam menerusi penggunaan sumber secara optimum.

Syarat kemasukan ke perkhidmatan awam akan disemak semula supaya selaras dengan reformasi perkhidmatan awam untuk menarik minat calon yang sesuai dan terbaik. Syarat kemasukan akan diteliti dan diperkukuh untuk memastikan calon yang dilantik memiliki integriti dan kompetensi yang tinggi. Langkah ini akan menyokong keupayaan perkhidmatan awam dalam menjayakan keutamaan Kerajaan baharu.

Dalam melaksana reformasi perkhidmatan awam, Kerajaan akan memperkenalkan undang-undang untuk mengawal selia perkhidmatan awam. Undang-undang tersebut bertujuan untuk membolehkan penjawat awam berkhidmat dengan telus dan penuh tanggungjawab kepada Kerajaan, Parlimen dan rakyat. Undang-undang ini juga akan memperkasa penjawat awam untuk melaksana tugas dan tanggungjawab tanpa rasa takut atau cenderung kepada mana-mana pihak.

Memperkukuh pengurusan bakat dalam perkhidmatan awam

Dasar latihan sektor awam akan dikaji semula dan satu dasar pembangunan sumber manusia (HRDP) yang strategik dan menyeluruh akan dibangunkan. Dasar baharu ini akan memperkasa kementerian dan agensi untuk merancang dan melaksana latihan modal insan berdasarkan keperluan. Dalam hal ini, pembangunan kapasiti akan memberikan tumpuan, antara lain, untuk mempelbagai kemahiran serta latihan dalam bidang dan pengkhususan baharu. HRDP akan menggariskan prinsip dan pendekatan asas bagi membangunkan modal insan dalam perkhidmatan awam untuk mewujudkan tenaga kerja masa hadapan yang dinamik, dengan kemahiran berfikir aras tinggi dan mempunyai kompetensi digital. Di samping itu, HRDP juga akan mewujudkan peluang kepada penjawat awam untuk merancang keperluan pembangunan latihan individu bagi pembangunan kerjaya masa hadapan.

Pengurusan program pembangunan bakat secara berpusat akan dikurangkan dan diganti dengan pendekatan *bottom-up*. Dalam hal ini, kementerian dan agensi akan diperkasa untuk merancang dan menentukan penempatan bakat serta menyesuaikan pengurusan bakat berdasarkan keperluan dan keutamaan. Oleh itu, garis panduan khusus akan disediakan bagi memastikan program pembangunan bakat adalah seiring dengan keutamaan negara.

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) akan mengkaji semula kurikulum sedia ada bagi menggabung dan menawarkan kursus yang akan memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran kepimpinan serta fungsi utama kementerian dan agensi. Di samping itu, INTAN akan bekerjasama dengan institusi latihan awam (ILA) yang lain bagi membangunkan pelan pembangunan latihan yang mampan dan menyeluruh untuk pelbagai skim perkhidmatan. Pada masa yang sama, INTAN juga akan mengukuhkan jalinan kerjasama dengan institusi latihan tempatan dan antarabangsa bagi mempertingkat pembangunan modal insan dalam perkhidmatan awam.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif Kerajaan untuk membangunkan model pengoperasian kerajaan digital, rangka kerja *Digital Government Competency and Capability Readiness* (DGCCR) akan diterap ke dalam perkhidmatan awam. Rangka kerja DGCCR akan diguna sebagai pendekatan berstruktur dan menyeluruh bagi menyediakan pengurusan bakat yang lengkap. Sehubungan itu, Kluster Inovasi Teknologi Pengurusan (i-IMATEC) sedia ada di INTAN akan ditransformasi sebagai Kluster Pembelajaran Digital (DLC) bagi melaksana inisiatif DGCCR. DLC akan melaksana pembelajaran berkaitan digital yang standard bagi membangunkan keupayaan digital dalam perkhidmatan awam.

Pada masa ini terdapat 178 ILA yang dikendalikan oleh pelbagai kementerian dan agensi. Peranan ILA akan diperkemaskan dengan memberi tumpuan kepada bidang khusus dan fungsi yang berkaitan. Dalam hal ini, Majlis Latihan Sektor Awam (MLSA) akan diperkasa untuk memperkemas ILA dan memainkan peranan penting dalam membangunkan dasar latihan awam di samping menilai keperluan mewujudkan ILA yang baharu pada masa hadapan.

Pelantikan secara kontrak untuk memperoleh bakat terbaik telah dilaksana sama ada melalui *contract for service* atau *contract of service*. Dalam tempoh akhir Rancangan, penekanan akan diberi kepada pelantikan bakat khusus bagi jawatan kritikal seperti pemeriksa pengendali penerbangan, pemeriksa keselamatan terbang yang berterusan dan pegawai pakar perubatan dengan struktur gaji yang menarik mengikut harga pasaran. Sehubungan itu, dasar pengambilan sedia ada akan dikaji semula bagi menarik minat dan mengekalkan bakat yang mempunyai kepakaran khusus.

Melaksanakan penyesuaian penilaian prestasi

Usaha akan diambil bagi memperkenalkan model baharu pengurusan prestasi perkhidmatan awam. Sehubungan itu, kementerian dan agensi akan dapat melaksanakan penilaian prestasi yang bersesuaian berdasarkan peranan dan fungsi masing-masing. Penilaian prestasi yang bersesuaian ini akan melengkapkan sistem penilaian sedia ada, yang akan ditambah baik lagi bagi membolehkan pemberian ganjaran yang lebih baik kepada penjawat awam berprestasi tinggi melalui insentif berasaskan prestasi yang dilaksana secara tidak berpusat.

Menggalakkan pembangunan kerjaya

Kemajuan kerjaya dan kenaikan pangkat pada masa hadapan dalam perkhidmatan awam akan lebih telus berdasarkan merit dan prestasi. Di samping itu, laluan kerjaya penjawat awam akan dirangka untuk menyediakan prospek masa hadapan bagi menarik minat dan mengekalkan bakat dalam perkhidmatan awam. Oleh itu, kompetensi dan prestasi yang diperlukan untuk maju ke peringkat seterusnya akan dikenal pasti dengan sewajarnya. Di samping itu, langkah akan diambil untuk mempergiat peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula bagi kumpulan pelaksana dalam perkhidmatan awam untuk menjadikan mereka sebagai tenaga kerja yang mempunyai pelbagai kemahiran. Langkah ini akan meningkatkan peluang pembangunan kerjaya dengan membolehkan kumpulan pelaksana menjawat jawatan sehingga ke peringkat pengurusan dan profesional atau melaksanakan pelbagai tugas.

Menambah baik keseimbangan antara kerja dan kehidupan

Langkah untuk menggabung dan mengukuhkan inisiatif ke arah menambah baik keseimbangan antara kerja dan kehidupan penjawat awam akan dipergiat. Aturan kerja sedia ada akan ditambah baik untuk mewujudkan keseimbangan kerja dan kehidupan yang lebih baik dengan memberikan lebih fleksibiliti, seterusnya meningkatkan produktiviti dalam perkhidmatan awam. Beberapa langkah yang sedang dipertimbang adalah bekerja dari rumah, masa bekerja anjal dan waktu kerja padat untuk jenis pekerjaan tertentu. Sementara itu, skim bekerja secara sambilan akan diperkenalkan untuk mengekalkan kepakaran, mengurangkan ketirisan dan meminimumkan pengambilan baharu.

Strategi D2: Memperkemas Semula Perkhidmatan yang Disediakan

Objektif Kerajaan dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan awam adalah untuk meningkatkan kecekapan, mengurangkan kos dan meningkatkan kepuasan pelanggan. Perkhidmatan awam akan utuh semula melalui pendekatan kreatif dan inovatif untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian. Tumpuan akan diberi untuk mewujudkan kerajaan yang berpaksikan rakyat dalam menyediakan perkhidmatan yang lancar melalui pendekatan keseluruhan kerajaan dengan konsultasi awam dan libat urus yang berterusan. Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan diambil untuk memperkemas semula perkhidmatan yang disediakan bagi meningkatkan kebolehcapaian, kecekapan dan kepuasan pelanggan.

Mengurangkan birokrasi dan mengintegrasi peningkatan produktiviti

Prosedur dan proses kerja akan dikaji semula untuk menghapuskan pertindihan dan kerenah birokrasi yang tidak selaras dengan keperluan dan kemajuan teknologi semasa. Sehubungan itu, proses kerja agensi barisan hadapan termasuk PBT akan ditambah baik untuk mempercepat penyampaian perkhidmatan. Di samping itu, pengintegrasian perkhidmatan di barisan hadapan dengan proses *back-end* antara agensi akan dipergiat untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Initiatif ini akan menyokong amalan pengawalseliaan yang baik untuk memudah cara urusan menjalankan perniagaan dan membantu melengkapkan inisiatif produktiviti pada peringkat sektor menerusi sembilan *nexus* produktiviti.

Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan diteruskan bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam perkhidmatan awam. Sehubungan itu, usaha mengadaptasi model kecemerlangan perniagaan yang dibangunkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia akan diteroka sebagai instrumen analisis prestasi untuk mengenal pasti peluang penambahbaikan oleh kementerian dan agensi. Kaedah yang bersesuaian juga akan dipertimbang bagi mengukur produktiviti dalam merangka KPI untuk ketua setiausaha kementerian, ketua jabatan dan agensi. Di samping itu, kementerian dan agensi juga perlu menyemak semula aliran kerja dan proses dalaman untuk memudah dan menambah baik kualiti, mengurangkan kos dan mempertingkat keberkesanan perkhidmatan.

Memperluas agenda pendigitalan

Dalam tempoh akhir Rancangan, agenda pendigitalan akan dilaksana secara agresif bagi memastikan penerimagunaan digital yang lebih meluas dalam perkhidmatan awam. Dalam hal ini, tadbir urus digital dalam sektor awam akan dipertingkatkan pada peringkat kebangsaan dan kementerian untuk menyokong agenda pendigitalan negara. Di samping itu, Gerbang Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan akan diperluas untuk menawarkan akses kepada pelbagai perkhidmatan kerajaan dalam talian melalui portal tunggal. Pada masa yang sama, pelbagai kaedah digital akan diguna pakai dalam pelaksanaan agenda pendigitalan Kerajaan. Antara langkah yang akan diambil untuk meningkatkan usaha pendigitalan kerajaan dan menggalakkan penggunaan perkhidmatan dalam talian adalah seperti berikut:

- Menyedia dan menggunakan pelbagai saluran penyampaian perkhidmatan dengan tumpuan kepada platform mudah alih
- Memperkukuh perlindungan keselamatan siber
- Menawarkan lebih banyak perkhidmatan menerusi kaedah *single sign-on*
- Melaksana peralihan daripada pendekatan penyampaian berasaskan agensi kepada berasaskan perkhidmatan dan maklumat
- Meningkatkan dan memperkemas pelaksanaan perkhidmatan e-pembayaran
- Mewujudkan Identiti Digital Malaysia
- Memperluaskan perkhidmatan *Government Secured Private Cloud*
- Meningkatkan pelaksanaan *enterprise architecture*

Perkongsian data merentas agensi terus menjadi pemacu utama bagi membolehkan proses membuat keputusan berasaskan maklumat dan menyediakan penyampaian perkhidmatan yang lancar. Sehubungan itu, analitis data raya (BDA) akan terus dimanfaat untuk menambah baik perancangan dasar dan strategi serta pelaksanaan program intervensi. Sementara itu, Pelan Pembangunan BDA Sektor Awam yang merangkumi mekanisme tadbir urus, pelan komunikasi dan pembangunan keupayaan akan disemak untuk dijadikan panduan bagi meneruskan pelaksanaan BDA dalam perkhidmatan awam. Di samping itu, untuk mengukuhkan keupayaan saling kendali perkhidmatan kerajaan dan perkongsian data, undang-undang sedia ada mengenai perkongsian maklumat, termasuk data peribadi, akan dikaji semula. Kajian semula ini adalah untuk melengkapkan usaha pendigitalan untuk memudahkan interaksi dan kebolehcapaian dalam kalangan agensi tanpa menjejaskan keselamatan dan kerahsiaan maklumat.

Menerapkan inovasi ke arah perkhidmatan yang lebih berkualiti

Penerapan budaya pemikiran inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan awam akan terus dipergiat menerusi inisiatif seperti *Civil Service IdeaConnect*. *Civil Service IdeaConnect online web* dan *mobile platform* akan diguna sepenuhnya bagi mempercepat penglibatan dan menggalakkan penjawat awam untuk berfikir di luar kotak. Penggunaan platform ini akan menggalakkan perkongsian idea inovatif dan kreatif berimpak tinggi yang dapat membantu meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam.

Mengurangkan peranan kerajaan dalam perkhidmatan bukan teras

Sebagai usaha meningkatkan fungsi sebagai pemudah cara, peranan kerajaan dalam perkhidmatan bukan teras akan dikurangkan melalui penswastaan dan penyumberan luar. Sehubungan itu, mekanisme penyampaian perkhidmatan alternatif (ASD) akan dilaksana secara berfasa dimulai dengan projek rintis penjagaan warga emas di Rumah Seri Kenangan Seri Iskandar, Perak. Sementara itu, ASD bagi pemulihan penagihan dadah akan dijayakan dengan memperkasa penglibatan masyarakat untuk turut serta dalam inisiatif pemulihan ini. Kerajaan akan terus meneroka perkhidmatan lain yang boleh dilaksana melalui mekanisme ASD. Dalam hal ini, kajian kemungkinan akan dijalankan untuk mengenal pasti perkhidmatan yang boleh dilaksana menerusi penswastaan atau penyumberan luar. Pada masa yang sama, kawalan ke atas perkhidmatan bukan teras yang terpilih akan dikurangkan secara berperingkat untuk membolehkan pengawalseliaan kendiri atau bersama. Langkah ini akan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, memberikan lebih fleksibiliti dan mengurangkan kos pelaksanaan, menghasilkan struktur Kerajaan yang lebih kejat selain mewujudkan peluang perniagaan bagi sektor swasta.

Menambah baik dan berkongsi sumber kerajaan

Kerajaan akan terus menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang diperlukan untuk menyokong aktiviti operasi dan menawarkan persekitaran kerja yang kondusif untuk penjawat awam. Sehubungan itu, infrastruktur[8] dan kemudahan kerajaan sedia ada akan dinaik taraf atau diperluas bagi membolehkan penjawat awam memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pihak berkepentingan yang disasarkan. Sementara itu, garis panduan perkongsian sumber dalam kalangan agensi kerajaan akan disediakan. Perkongsian sumber ini termasuk ruang pejabat, kemudahan dan agihan aset merangkumi, antara lain, seperti kelengkapan pejabat dan kenderaan untuk memastikan penggunaan sumber yang optimum. Selain itu, satu sistem seragam untuk fungsi generik juga akan dibangunkan dengan menggunakan kepakaran dalaman dan mengoptimumkan Pusat Data Sektor Awam. Di samping itu, garis panduan yang standard bagi ruang pejabat akan dipinda untuk mengoptimumkan penggunaan ruang.

Strategi D3: Memperkasa Pihak Berkuasa Tempatan

PBT sebagai kerajaan pada peringkat ketiga dan paling dekat dengan rakyat perlu terus meningkatkan penyampaian perkhidmatan seiring dengan kemajuan sosioekonomi dan teknologi. Walau bagaimanapun, PBT menghadapi kesukaran dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan tepat pada masanya yang memenuhi harapan rakyat berikutan kekangan kewangan dan keupayaan. Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan diambil untuk memperkasa PBT bagi meningkatkan kepantasan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan untuk mencapai outcome pembangunan yang berkesan.

Meningkatkan akauntabiliti pihak berkuasa tempatan

PBT akan terus mempergiat libat urus bersama komuniti setempat dan pertubuhan bukan kerajaan untuk menyediakan semak dan imbang dalam pentadbiran dan membolehkan penyertaan komuniti yang lebih baik dalam proses membuat keputusan. Usaha ini akan dilaksana melalui pelbagai mekanisme seperti sesi *town hall*, perbicaraan awam dan media sosial. Sementara itu, PBT akan meningkatkan penguatkuasaan untuk memastikan projek awam dan swasta mematuhi Penilaian Impak Alam Sekitar dan Penilaian Impak

[8] Bangunan kerajaan yang menempatkan jabatan dan kakitangan yang berkaitan untuk tujuan pentadbiran, tidak termasuk hospital, sekolah, universiti dan infrastruktur kebajikan sosial yang lain.

Sosial. Hasilnya, PBT akan menjadi lebih telus melalui pelaksanaan langkah tersebut, seterusnya memperkukuh keyakinan rakyat.

Inisiatif untuk memastikan PBT menerima pakai dan mematuhi semua garis panduan dan prosedur operasi standard yang diluluskan oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan akan dilaksana. Inisiatif ini adalah untuk memastikan pemakaian garis panduan dan prosedur yang seragam dalam kalangan PBT di seluruh negara. Sementara itu, penarafan PBT akan terus dilaksana berdasarkan kebolehan dan keupayaan dalam penyampaian perkhidmatan. Penarafan ini akan menjadi antara faktor dalam penentuan peruntukan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan bagi memastikan kemampanan PBT.

Memperkukuh penyampaian perkhidmatan oleh pihak berkuasa tempatan

Usaha untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan oleh PBT akan dipertingkat secara berterusan melalui penambahbaikan sistem dan proses. Libat urus antara Kerajaan Persekutuan, negeri dan PBT serta sektor swasta akan dipergiat untuk memastikan projek pembangunan negara dijajarkan dan sesuai dengan kepentingan setempat. Libat urus awam oleh PBT adalah penting untuk memperoleh maklum balas komuniti dalam mewujudkan projek pembangunan baharu. Penguatkuasaan melalui kerjasama yang lebih erat bersama agensi berkaitan akan terus dilaksana untuk memastikan pematuhan peraturan.

Standard perkhidmatan PBT perlu ditambah baik untuk memastikan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan diambil untuk memastikan perkhidmatan PBT selaras dengan komitmen di bawah Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Sementara itu, satu kajian akan dijalankan bagi mengenal pasti standard perkhidmatan antarabangsa lain dan amalan terbaik untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat.

Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) akan terus dimanfaatkan sebagai kaedah penilaian untuk menilai kecekapan perkhidmatan PBT. Penilaian ini akan membolehkan PBT mencontohi dan mengguna pakai amalan dan inovasi yang baik daripada PBT lain untuk memperkukuh penyampaian perkhidmatan. Sehubungan itu, indikator bagi SPB-PBT akan terus diperkukuh untuk menilai keberkesanan perkhidmatan semua PBT.

Usaha untuk menambah baik perkongsian data akan dipertingkat untuk memastikan data dapat diakses oleh rakyat. Data ini termasuk maklumat mengenai kemudahan awam, perumahan dan premis perniagaan serta data sosioekonomi di kawasan PBT. Sehubungan itu, langkah untuk memperkasa Jabatan Perangkaan Malaysia sebagai agensi rujukan tunggal bagi menyediakan capaian data kepada agensi kerajaan dan rakyat akan dikaji dalam tempoh akhir Rancangan. Ketersediaan data akan membolehkan PBT meningkatkan kapasiti perancangan, pelaksanaan dan pemantauan.

Memperkukuh kerjasama untuk merangsang pembangunan ekonomi tempatan

Kerajaan tempatan perlu melakukan perubahan dan memperkemas semula strategi untuk menjadi lebih relevan, berupaya dan berdaya tahan dalam usaha untuk mengekalkan penduduk dan perniagaan sedia ada. Langkah ini juga akan turut menarik penduduk dan perniagaan yang baharu. Kerjasama antara PBT dan komuniti perniagaan akan dipergiat untuk menggalakkan pelaburan dan meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi. PBT akan meningkatkan usaha untuk merancang, memudah cara dan mengawal selia aktiviti perniagaan. Sehubungan itu, langkah akan diambil untuk terus menambah baik infrastruktur dan utiliti serta perkhidmatan sokongan lain bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif. Sementara itu, ketelusan dan penguatkuasaan akan dipertingkat bagi memastikan komuniti dan perniagaan setempat mendapat manfaat sepenuhnya daripada pembangunan ekonomi. Pada masa yang sama, struktur tadbir urus PBT akan diperkukuh untuk memastikan semak dan imbang serta menghapuskan penyalahgunaan kuasa yang boleh mengurangkan kos untuk menjalankan perniagaan.

Kesimpulan

Reformasi tadbir urus pada pelbagai peringkat melambangkan satu jenama baharu Kerajaan Malaysia yang akan dibina atas dasar keyakinan, integriti dan keupayaan tertinggi untuk memenuhi keperluan dan harapan rakyat. Matlamat ini akan dicapai dengan menegakkan prinsip ketelusan dan akauntabiliti dalam menyediakan perkhidmatan awam yang lebih mudah diakses, cekap dan efektif. Di samping itu, perkhidmatan awam yang didukung oleh integriti, keterbukaan dan inovasi akan diperkukuh untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan yang lebih mantap, dinamik dan responsif. Dalam melangkah ke hadapan, Kerajaan yang telus dan bertanggungjawab adalah penting untuk memastikan rakyat adalah penerima sebenar manfaat dan menikmati kemakmuran Malaysia Baharu.

11

B A B

II

TONGGAK

Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

Pendahuluan

Dalam tempoh akhir Rancangan, 2018-2020, pendekatan pembangunan inklusif akan terus dilaksana dengan penekanan kepada pertumbuhan dengan ekuiti. Pendekatan ini akan terus dipergiat untuk meningkatkan kesejahteraan semua rakyat Malaysia tanpa mengira jantina, kaum, status sosioekonomi dan lokasi geografi. Langkah bersepadu akan diambil terutama dalam membantu isi rumah miskin[1] dan berpendapatan rendah[2] serta kumpulan lain yang disasarkan dalam masyarakat. Pendekatan pembangunan inklusif adalah berteraskan kepada beberapa prinsip utama, iaitu ketelusan, berdasarkan keperluan dan merit, mesra pasaran, mampan dan menyokong pertumbuhan.

Berdasarkan semangat inklusiviti, rakyat akan mempunyai peluang yang saksama untuk menyertai dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara tanpa mengira latar belakang. Peningkatan pendapatan akan menjadi strategi utama dalam mempertingkat tahap kemakmuran dan kesejahteraan rakyat serta menangani ketidaksamarataan sosioekonomi. Bagi mengurangkan ketidaksamarataan pendapatan yang masih wujud dalam masyarakat, langkah akan dipergiat untuk meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan isi rumah berpendapatan pertengahan rendah[3] daripada kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40).

[1] Isi rumah miskin merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (PPIR & KA) 2016, PGK nasional ialah sebanyak RM980.

[2] Isi rumah berpendapatan rendah merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan antara PGK dan separuh daripada pendapatan penengah bulanan isi rumah nasional (RM980 – RM2,614). Berdasarkan PPIR & KA 2016, pendapatan penengah bulanan isi rumah nasional ialah sebanyak RM5,228.

[3] Isi rumah berpendapatan pertengahan rendah merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan antara separuh daripada pendapatan penengah bulanan isi rumah nasional dan pendapatan penengah bulanan isi rumah nasional (RM2,614 – RM5,228).

Di samping itu, kumpulan yang terpinggir akan terus disokong untuk hidup berdikari dengan lebih bermaruah serta membolehkan peningkatan mobiliti sosial. Langkah ini juga akan menggabungkan keperluan untuk menganjak minda dan mengubah nilai rakyat daripada bergantung kepada bantuan Kerajaan supaya berdikari, inovatif dan rajin berusaha. Sementara itu, usaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat termasuk meningkatkan kuasa beli, menyediakan perumahan mampu milik dan berkualiti, memperkukuh sistem penyampaian penjagaan kesihatan, menjadikan negara lebih selamat dan terjamin serta menggalakkan nilai murni dan gaya hidup aktif.

Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020

Usaha untuk memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat akan dipergiat dalam tempoh akhir Rancangan. Langkah pembangunan inklusif bertujuan mewujudkan masyarakat yang lebih saksama khususnya dengan meningkatkan pendapatan dan kuasa beli isi rumah B40 serta kumpulan sasar bagi mengurangkan ketidaksamarataan sosioekonomi.

Kesejahteraan rakyat pula akan dipertingkat untuk menambah baik kualiti kehidupan sejajar dengan pertumbuhan ekonomi. Bidang keutamaan dan strategi ke arah memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 11-1*.

Paparan 11-1

Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

Sasaran Terpilih, 2020

Menambah baik ketidakseimbangan pendapatan secara keseluruhan

0.385

Pekali Gini

Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah

RM 4,430

Pendapatan purata bulanan isi rumah B40

RM 4,790

Pendapatan penengah bulanan isi rumah B40

0.67%

Insiden Kemiskinan Pelbagai Dimensi

Menangani keperluan kumpulan sasar khusus

8 daripada 10

Skor purata Indeks Kesejahteraan Keluarga

56.5%

Kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja

75.2

Skor purata Indeks Belia Malaysia

Memperkukuh Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) untuk meningkatkan pemilikan kekayaan

sekurang-kurangnya 60%

Penyertaan Bumiputera dalam kategori pekerjaan mahir

sekurang-kurangnya 75%

Isi rumah Bumiputera memiliki seunit kediaman

sekurang-kurangnya 11%

Pertumbuhan tahunan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera

Sasaran Asal | Sasaran Dipinda | Sasaran Baharu

Sasaran Terpilih, 2020

Peningkatan keseluruhan dalam Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI[1])

1.4%

Menyediakan perumahan mampu milik dan berkualiti

200,000

2018-2020

Rumah yang dibina untuk isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana[2]

Memperkukuh sistem penyampaian penjagaan kesihatan

2.0

Nisbah katil hospital bagi setiap 1,000 penduduk

1:450

Nisbah doktor kepada penduduk

8 minit

Pengoptimuman masa respons kecemasan

Menjadikan negara lebih selamat dan terjamin

60.0%

Persepsi rasa selamat

342 kes

Kes jenayah indeks bagi setiap 100,000 penduduk (paras)

8 minit

Pengoptimuman masa respons polis

Menggalakkan nilai murni dan gaya hidup aktif

6,800

Bilangan sekolah menubuhkan Kelab Rukun Negara

50.0%

Peratusan rakyat Malaysia membudayakan sukan

Sasaran Asal | Sasaran Dipinda | Sasaran Baharu

Nota: [1] MyWI bukan sebahagian daripada sasaran terpilih.
[2] Berdasarkan Buku Harapan, sasaran untuk membina 1 juta rumah dalam 2 penggal (2018-2028).

Bidang Keutamaan A: Memperkukuh Inklusiviti ke arah Masyarakat yang Saksama

Objektif utama pembangunan inklusif adalah menangani ketidaksamarataan sosioekonomi bagi menambah baik integrasi sosial dan menggalakkan perpaduan yang lebih erat. Bagi tujuan ini, Kerajaan komited untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat melalui langkah yang membolehkan lebih banyak penyertaan dalam aktiviti ekonomi. Di samping itu, langkah akan diambil untuk menangani keperluan kanak-kanak, belia, wanita, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan keluarga. Dalam tempoh akhir Rancangan, empat strategi utama untuk memperkukuh inklusiviti akan dilaksana seperti berikut:

Strategi A1: Meningkatkan Pendapatan dan Kuasa Beli Isi Rumah B40

Dalam tempoh akhir Rancangan, beberapa inisiatif akan dilaksana bagi meningkatkan pendapatan dan kuasa beli isi rumah B40 dan mengurangkan ketidaksamarataan sosioekonomi. Inisiatif tersebut bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan isi rumah ini supaya dapat meningkatkan peluang mendapatkan pekerjaan, menggalakkan keusahawanan dan meningkatkan produktiviti. Di samping itu, langkah untuk meningkatkan sistem perlindungan sosial akan dilaksana bagi memastikan kualiti hidup golongan ini tidak terjejas dalam menghadapi ketidaktentuan sosioekonomi. Sementara itu, penerimagunaan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) akan membantu memperlengkap dan memperkukuh sistem penyampaian dan pemantauan inisiatif ini.

Usaha untuk meningkatkan kesejahteraan isi rumah B40 akan diperkukuh dengan mengambil kira keperluan khusus dalam pelbagai dimensi bagi setiap subkumpulan pendapatan. Pendekatan ini perlu kerana setiap subkumpulan pendapatan mempunyai ciri dan keperluan yang berbeza. Subkumpulan pendapatan isi rumah B40 adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan 11-2*.

Meningkatkan pendapatan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah

Dalam tempoh akhir Rancangan, bantuan akan terus diberikan kepada kumpulan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah untuk meningkatkan pendapatan, kuasa beli dan kesejahteraan hidup. Sehubungan itu, program peningkatan pendapatan serta penyediaan keperluan asas yang meliputi aspek perumahan, pendidikan dan kesihatan akan terus dilaksana. Akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran akan diperkukuh sebagai inisiatif utama dalam peningkatan mobiliti sosial. Di samping itu, bantuan pendidikan seperti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, Rancangan Makanan Tambahan dan Biasiswa Kecil Persekutuan akan diperluas bagi meringankan beban isi rumah miskin dan berpendapatan rendah. Pada masa yang sama, skim pembiayaan mikro kredit dan program bimbingan usahawan juga akan diteruskan bagi menggalakkan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah menceburi bidang perniagaan.

Paparan 11-2

Kategori Pendapatan dan Subkumpulan Pendapatan Isi Rumah B40, 2016



Nota: Berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah & Kemudahan Asas (PPIR & KA) 2016, pendapatan penengah bulanan isi rumah nasional ialah sebanyak RM5,228. Masyarakat kelas menengah merujuk kepada isi rumah berpendapatan pertengahan yang memperoleh pendapatan antara separuh dan dua kali pendapatan penengah bulanan isi rumah nasional (RM2,614 – RM10,456).

Meningkatkan keupayaan mendapat pekerjaan

Dalam meningkatkan keupayaan isi rumah B40 mendapatkan pekerjaan terutama bagi pekerjaan berpendapatan tinggi, keutamaan akan diberi untuk membina kapasiti dan keupayaan melalui pendidikan dan latihan kemahiran. Sehubungan itu, akses kepada pendidikan berkualiti dalam kalangan pelajar daripada isi rumah B40 akan dipertingkat pada semua peringkat iaitu pendidikan awal, rendah, menengah dan tertiari. Usaha untuk meningkatkan akses kepada pendidikan awal termasuk menyediakan lebih banyak pusat penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) dan pendidikan prasekolah pada kos yang berpatutan. Usaha ini akan membantu kanak-kanak daripada kalangan isi rumah B40 bersedia untuk mengikuti pendidikan formal.

Selain itu, pelajar daripada kalangan isi rumah B40 akan diberi lebih keutamaan untuk memasuki Maktab Rendah Sains MARA dan Sekolah Berasrama Penuh. Langkah ini merupakan penambahbaikan dengan mengambil kira latar belakang sosioekonomi berbanding amalan semasa yang hanya berasaskan merit. Sementara itu, kelayakan khas kemasukan, kuota kemasukan dan kemudahan kewangan akan terus diberi kepada pelajar daripada kalangan isi rumah B40 yang memenuhi syarat minimum untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dan menjalani kursus profesional. Di samping itu, isi rumah B40 akan digalak untuk menyertai Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi meningkatkan tahap kemahiran.

Menggalakkan keusahawanan

Bagi menggalakkan keusahawanan, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah ditubuhkan semula untuk menerajui program pembangunan keusahawanan secara menyeluruh dan bersepadu. Program ini meliputi latihan khusus untuk isi rumah B40 meneroka peluang perniagaan dalam talian, termasuk penggunaan platform media sosial dan mekanisme mudah perbankan sebagai kaedah mempromosikan e-usahawan. Di samping itu, penekanan akan diberikan terhadap latihan penyimpanan rekod kewangan dan dokumentasi urus niaga yang betul bagi membolehkan usahawan dalam kalangan isi rumah B40 menyimpan rekod kewangan dengan lebih baik. Penyimpanan rekod adalah penting untuk usahawan mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan. Semua program latihan keusahawanan akan menerapkan aspek perubahan minda untuk membina sikap berdikari dan sifat keusahawanan.

Lebih banyak ruang pemasaran akan disediakan menerusi pusat sehenti dan tapak perniagaan sementara seperti pasar tani serta fasiliti bergerak termasuk *agro-caravan* dan *food truck*. Pada masa yang sama, ekonomi perkongsian[4] dan keusahawanan sosial[5] akan terus digalakkan, terutama di kawasan yang mempunyai peluang pekerjaan terhad. Langkah penguatkuasaan juga akan dipertingkat untuk mengawal kegiatan perniagaan warga asing yang mengambil peluang usahawan B40.

Meningkatkan produktiviti

Penggunaan teknologi dan amalan terbaik akan terus digalak dalam kalangan isi rumah B40 untuk meningkatkan produktiviti dan menjana lebih pendapatan. Isi rumah terutama yang terlibat dalam aktiviti pertanian dan perikanan akan digalak untuk memanfaatkan teknologi bagi meningkatkan produktiviti. Sementara itu, pekebun kecil getah dan kelapa sawit akan digalak untuk menggabungkan aktiviti menerusi pengurusan berasaskan komuniti bagi menjamin jualan secara pukal untuk menikmati faedah ekonomi bidangan.

Meningkatkan sistem perlindungan sosial

Satu rangka kerja bagi sistem perlindungan sosial bersepadu dan komprehensif akan diwujudkan dalam meningkatkan perlindungan dan kesejahteraan, khususnya isi rumah B40. Pelaksanaan program perlindungan sosial oleh pelbagai agensi akan diselaras melalui majlis di peringkat pusat. Majlis tersebut akan mendapatkan maklumat daripada pelbagai pangkalan data dan dibantu oleh input daripada industri dan akademia. Di samping itu, analitis data raya akan diguna untuk menjana maklumat bernilai dan memberi gambaran yang jelas bagi meningkatkan tahap lantai perlindungan sosial[6]. Penentuan penerima yang layak mendapat bantuan akan ditambah baik supaya lebih berasaskan keperluan termasuk faktor sosiodemografi dan geografi. Selain itu, beberapa mekanisme akan dikenal pasti untuk memperluas perlindungan keselamatan sosial kepada isi rumah yang bekerja dalam sektor tidak formal.

Menambah baik pengukuran kemiskinan

Model Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa akan dikaji semula untuk lebih menggambarkan corak penggunaan dan keperluan serta demografi semasa isi rumah. Sementara itu, MPI akan diguna sebagai pelengkap kepada PGK ke arah pengukuran kemiskinan yang lebih inklusif selaras dengan amalan antarabangsa. Model MPI Malaysia bukan sahaja mengambil kira dimensi pendidikan, kesihatan dan taraf hidup tetapi juga pendapatan. Maklumat lanjut adalah seperti ditunjukkan dalam *Kotak 11-1*.

---

[4] Ekonomi perkongsian merujuk kepada aktiviti penyewaan jangka pendek bagi lebihan barangan atau perkhidmatan yang tidak digunakan oleh pemilik untuk menjana pendapatan.
[5] Keusahawanan sosial merujuk kepada entiti yang menjalankan misi sosial dengan menggunakan model perniagaan yang mampan. Entiti ini berhasrat untuk memberikan impak yang mampan bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat dalam aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar.
[6] Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial, Universiti Malaya mendefinisi lantai perlindungan sosial sebagai beberapa set jaminan asas perlindungan sosial bertujuan untuk mencegah atau membasmi kemiskinan, keadaan mudah terjejas dan peminggiran sosial menurut definisi peringkat nasional.

Kotak 11-1

Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi

Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) akan melengkapi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) untuk mengukur dan memantau kemiskinan dalam perspektif pelbagai dimensi. Berbeza dengan PGK yang mengukur kemiskinan mutlak hanya berdasarkan dimensi pendapatan, MPI pula mengukur kemiskinan dalam pelbagai dimensi. MPI mencerminkan insiden ketersisihan pelbagai dimensi (jumlah isi rumah yang mengalami ketersisihan dalam pelbagai aspek kehidupan pada tempoh tertentu dalam populasi tertentu) dan ketersisihan (bilangan ketersisihan purata yang dialami oleh isi rumah pada tempoh tertentu). Indeks ini membolehkan analisis dilaksana berdasarkan insiden dan intensiti yang sekali gus dapat mengenal pasti jurang pembangunan dengan lebih jelas. Analisis ini membolehkan pihak berkepentingan membangunkan intervensi yang lebih bersepadu bagi meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan kumpulan sasar

Insiden dan Agihan Ketersisihan, 2014 dan 2016 (% isi rumah)

Dimensi	Indikator	Garis Ketersisihan	Insiden Ketersisihan (%)		Agihan Ketersisihan (%)			
			Nasional		Bandar		Luar Bandar	
			2014	2016	2014	2016	2014	2016
Pendidikan	Jumlah tahun persekolahan	Semua ahli isi rumah berumur antara 13 hingga 60 tahun mempunyai kurang daripada 6 tahun persekolahan	1.13	1.22	0.59	0.72	0.54	0.50
	Kehadiran ke sekolah	Kanak-kanak di umur persekolahan (berumur 6-16) yang tidak bersekolah	0.60	0.42	0.42	0.30	0.18	0.12
Kesihatan	Akses kepada kemudahan penjagaan kesihatan	Jarak ke kemudahan kesihatan melebihi 5 kilometer dan tiada kemudahan kesihatan bergerak disediakan	5.84	6.84	1.85	3.12	3.99	3.72
	Akses kepada air bersih	Selain daripada bekalan air paip terawat dalam rumah dan paip air/pili awam	4.90	4.07	0.95	0.73	3.95	3.34
Taraf Hidup	Keadaan tempat kediaman	Usang atau mulai rosak	3.03	2.88	1.54	1.52	1.49	1.36
	Kesesakan bilik (bilangan bilik tidur)	Melebihi 2 ahli isi rumah bagi setiap bilik tidur	14.01	12.03	9.13	7.92	4.88	4.11
	Kemudahan tandas	Selain tandas curah atau tandas tarik	0.50	0.34	0.17	0.15	0.33	0.19
	Kemudahan kutipan sampah	Tiada kemudahan kutipan sampah	16.15	14.95	5.07	4.78	11.08	10.17
	Pengangkutan	Kesemua ahli isi rumah tidak menggunakan pengangkutan persendirian atau pengangkutan awam	0.34	0.46	0.19	0.26	0.15	0.20
	Peralatan komunikasi asas	Tidak mempunyai telefon talian tetap atau telefon bimbit secara konsisten	1.65	1.44	0.85	0.70	0.80	0.74
Pendapatan	Pendapatan purata bulanan isi rumah	Pendapatan purata bulanan isi rumah kurang daripada PGK	0.64	0.36	0.26	0.13	0.38	0.23
Keseluruhan			**32.57**	**30.51**	**17.10**	**16.52**	**15.47**	**13.98**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Insiden ketersisihan keseluruhan di peringkat nasional telah bertambah baik daripada 32.57% pada tahun 2014 kepada 30.51% pada tahun 2016. Pada tahun 2014 dan 2016, agihan ketersisihan menunjukkan kejadian ketersisihan adalah lebih tinggi di kawasan bandar berbanding kawasan luar bandar

- Insiden ketersisihan dalam kebanyakan indikator telah bertambah baik dalam tempoh 2014-2016, kecuali bagi tiga indikator iaitu akses kepada kemudahan kesihatan, jumlah tahun persekolahan dan pengangkutan. Ini menunjukkan langkah pembasmian kemiskinan telah dilaksana secara berkesan berdasarkan keperluan isi rumah

- Indikator yang mempunyai insiden ketersisihan tertinggi pada tahun 2016 ialah kemudahan kutipan sampah, diikuti oleh kesesakan bilik (bilangan bilik tidur), akses kepada kemudahan penjagaan kesihatan dan akses kepada air bersih. Ini menunjukkan indikator ini memerlukan intervensi susulan bagi membasmi kemiskinan pelbagai dimensi

Insiden Kemiskinan Pelbagai Dimensi, Intensiti Ketersisihan dan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI), 2014 dan 2016

Wilayah/Strata	Insiden Kemaskini Pelbagai Dimensi (H)%		Purata Intensiti Ketersisihan Isi Rumah Miskin Pelbagai Dimensi (A)%		Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (M)[1]	
	2014	2016	2014	2016	2014	2016
Nasional	1.10	0.86	39.66	38.90	0.0044	0.0033
Strata						
Bandar	0.19	0.13	39.02	38.64	0.0007	0.0005
Luar Bandar	4.14	3.50	39.75	38.94	0.0165	0.0136
Wilayah						
Semenanjung Malaysia	0.25	0.19	37.72	36.89	0.0010	0.0007
Sabah & W.P. Labuan	6.34	4.95	42.55	41.70	0.0270	0.0206
Sarawak	4.82	3.76	37.41	36.77	0.0180	0.0138

Nota: [1] M = H% x A%, M ialah indeks yang mempunyai nilai antara 0 hingga 1, dengan nilai "1" bermaksud tersisih sepenuhnya, manakala "0" tiada ketersisihan.

- Pada peringkat nasional, insiden kemiskinan pelbagai dimensi telah berkurangan daripada 1.10% pada tahun 2014 kepada 0.86% pada tahun 2016. Purata intensiti ketersisihan juga berkurang daripada 39.66% kepada 38.9% dalam tempoh yang sama

- Kebanyakan Isi rumah miskin pelbagai dimensi mengalami ketersisihan dalam indikator kemudahan kutipan sampah, kesesakan bilik (bilangan bilik tidur) dan akses kepada kemudahan penjagaan kesihatan

- MPI telah berkurangan daripada 0.0044 pada tahun 2014 kepada 0.0033 pada tahun 2016. Pengurangan ini menunjukkan program pembasmian kemiskinan telah dilaksana dengan berkesan dan mengambil kira aspek pelbagai dimensi

- MPI mengesahkan bahawa bukan sahaja bilangan isi rumah miskin pelbagai dimensi telah berkurangan pada tahun 2016, kualiti hidup golongan miskin juga telah bertambah baik seperti ditunjukkan oleh pengurangan dalam purata intensiti ketersisihan dalam pelbagai dimensi

Perbezaan antara Insiden Kemiskinan Mutlak dan Insiden Kemiskinan Pelbagai Dimensi, 2014 dan 2016

Wilayah/Strata	Insiden Kemiskinan Mutlak[1] %		Insiden Kemiskinan Pelbagai Dimensi (H)[2] %	
	2014	2016	2014	2016
Nasional	0.64	0.36	1.10	0.86
Strata				
Bandar	0.34	0.17	0.19	0.13
Luar Bandar	1.65	1.04	4.14	3.50
Wilayah				
Semenanjung Malaysia	0.32	0.11	0.25	0.19
Sabah & W.P. Labuan	3.91	2.82	6.34	4.95
Sarawak	0.95	0.61	4.82	3.76

Nota: [1] Insiden .kemiskinan mutlak diukur menggunakan PGK.

[2] Isi rumah dianggap miskin pelbagai dimensi sekiranya isi rumah tersebut mengalami ketersisihan sekurang-kurangnya 30% daripada indikator berwajaran.

- Insiden kemiskinan mutlak dan insiden kemiskinan pelbagai dimensi telah bertambah baik antara tahun 2014 dan 2016

- Walau bagaimanapun, insiden kemiskinan pelbagai dimensi adalah lebih tinggi berbanding insiden kemiskinan mutlak kerana insiden kemiskinan pelbagai dimensi turut mengambil kira dimensi bukan pendapatan. Namun, terdapat pengecualian di kawasan bandar yang mana insiden kemiskinan mutlak adalah lebih tinggi daripada insiden kemiskinan pelbagai dimensi disebabkan oleh akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan, air bersih dan kemudahan lain yang lebih baik

Strategi A2: Memperkukuh Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC)

Cabaran dalam meningkatkan Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) adalah termasuk bilangan penyertaan yang rendah dalam pekerjaan mahir dan profesional, pemilikan ekuiti korporat yang rendah serta kekangan kapasiti dan keupayaan untuk bersaing di pasaran terbuka. Sehubungan itu, Kerajaan komited untuk meneruskan agenda Bumiputera pada peringkat nasional melalui pelaksanaan dasar dan inisiatif inklusif, termasuk penekanan terhadap perubahan minda. Selain itu, tumpuan akan diberi kepada penerapan nilai moral dan etika yang baik seperti bekerja bersungguh-sungguh, berdisiplin dan berdikari dalam meningkatkan status sosioekonomi serta memastikan kejayaan BEC. Agenda Bumiputera merupakan salah satu agenda nasional yang penting untuk memastikan inklusiviti dan kesejahteraan ekonomi rakyat. Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan dipergiat untuk memperkukuh keberkesanan institusi dan program Bumiputera, memperkasa pendidikan dan modal insan serta meningkatkan kawalan efektif dan kemampanan dalam pemilikan ekuiti korporat. Di samping itu, usaha akan diambil untuk meningkatkan pemilikan kekayaan dan membina BEC yang berdaya tahan dan mampan.

Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018 (KBN 2018) yang telah diadakan pada bulan September 2018 menjadi platform penting kepada Kerajaan baharu untuk memperbaharui agenda pemerkasaan Bumiputera. Kongres tersebut telah menghasilkan 63 resolusi di bawah empat bidang fokus, iaitu nilai etika dan moral; penciptaan dan pemilikan kekayaan; perniagaan dan keusahawanan; dan pendidikan dan modal insan. Kerajaan akan mengkaji dan memperhalusi pelaksanaan resolusi ini ke dalam pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang.

Memperkukuh keberkesanan institusi dan program

Dalam meningkatkan tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan institusi Bumiputera, pelantikan lembaga pengarah dan pengurusan tertinggi organisasi pembangunan keusahawanan (EDO) dan syarikat milik Kerajaan (SOE) akan dibuat berdasarkan pengalaman, merit dan kelayakan. Peranan strategik dan model perniagaan EDO dan SOE juga akan disemak semula, sementara prestasi institusi ini akan dinilai berdasarkan fungsi yang dimandatkan dan petunjuk prestasi utama berasaskan outcome. Selain itu, peranan dan fungsi agensi Bumiputera seperti Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan diselaras untuk memperkukuh penyampaian agenda Bumiputera. Sementara itu, penubuhan semula MED pada tahun 2018 akan memperkukuh penyampaian dan penyelarasan program keusahawanan di seluruh negara, termasuk untuk Bumiputera.

Perusahaan Bumiputera akan terus menerima bantuan berdasarkan merit dan pertimbangan perniagaan, sekaligus menghapuskan sokongan politik. Di samping itu, portal sehenti yang interaktif akan dibangun untuk memudahkan BEC mengakses maklumat dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan, terutama berkaitan pendidikan dan latihan, keusahawanan serta hartanah. Portal ini juga akan membantu Kerajaan untuk membangunkan program yang lebih baik berdasarkan keperluan serta mengelak pemberian pelbagai faedah kepada penerima yang sama.

Memperkasa pendidikan dan modal insan

Usaha akan dipergiat untuk memperkasa modal insan Bumiputera dengan menyediakan lebih banyak peluang untuk pendidikan dan latihan. Sehubungan itu, akses kepada pendidikan yang berkualiti dalam kalangan pelajar Bumiputera daripada latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah dan mempunyai persekitaran mencabar akan dipertingkat. Program bantuan pendidikan seperti biasiswa, program pemupukan dan pembangunan serta bimbingan akan diteruskan. Sementara itu, usaha untuk menyediakan lebih banyak pusat ECCE dan pendidikan prasekolah akan dipergiat dengan memberi tumpuan kepada kanak-kanak daripada isi rumah B40, terutama dalam kalangan Bumiputera. Dari segi peningkatan latihan, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) akan mewujudkan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk melaksanakan program latihan pada peringkat menengah dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM). Program ini bertujuan untuk memupuk minat dan membolehkan pelajar Bumiputera memperoleh pengetahuan

dan kemahiran berkaitan STEM, terutama dalam kemunculan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR). Langkah bersepadu ini akan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam tenaga buruh, terutama dalam pekerjaan bergaji tinggi.

Modul keusahawanan dan kemahiran insaniah akan dijadikan sebahagian daripada program latihan di institusi seperti GIATMARA dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) untuk meningkatkan kebolehpasaran dan mewujudkan BEC yang lebih kompetitif. Antara modul kemahiran insaniah yang akan dilaksana adalah kemahiran interpersonal dan komunikasi serta penguasaan bahasa Inggeris. Kaedah pemilihan termasuk ujian psikometrik akan diguna untuk memadankan minat dan kecenderungan pelatih Bumiputera dengan program latihan yang sesuai. Di samping itu, program latihan industri berstruktur dengan persijilan antarabangsa akan ditawarkan oleh institusi latihan kemahiran.

Penekanan juga akan diberi ke arah menggalakkan lebih ramai Bumiputera memperoleh akreditasi profesional. Sehubungan itu, MARA dan YPPB akan terus melaksana program akreditasi profesional untuk meningkatkan jumlah profesional Bumiputera seperti akauntan, penganalisis kewangan dan pengurus risiko kewangan. Dalam menyokong inisiatif ini, sumber dana alternatif akan diteroka menerusi kerjasama strategik antara agensi, SOE dan sektor swasta. Di samping itu, inisiatif untuk menghasilkan individu berkemahiran teknikal dan profesional dalam kalangan *huffaz*[7] akan dipergiat. Oleh itu, institusi latihan Bumiputera akan membangunkan sistem pembelajaran yang bersepadu dan seimbang berdasarkan Al-Quran dan Sunnah untuk mempersiap *huffaz* dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi meningkatkan kebolehpasaran *huffaz*.

Meningkatkan kawalan efektif dan kemampanan dalam pemilikan ekuiti korporat

Institusi Bumiputera akan terus memainkan peranan penting dalam meningkatkan kawalan efektif dan kemampanan pemilikan ekuiti korporat. Penekanan akan diberi untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan Bumiputera dalam pelaburan strategik dengan pulangan yang lebih tinggi ke arah mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti korporat. Dalam hal ini, institusi Bumiputera akan terus melabur dalam syarikat yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia serta meneroka peluang melabur dalam syarikat berpotensi sebagai pemegang saham minoriti. Institusi Bumiputera juga akan meneroka dan melabur dalam industri halal dengan kerjasama pihak berkepentingan yang berkaitan. Di samping itu, inisiatif untuk menggalakkan syarikat Bumiputera yang berpotensi untuk disenaraikan di Bursa Malaysia akan diteruskan. Selain itu, insentif kewangan baharu akan ditawar kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera yang berkelayakan untuk disenaraikan di *Leading Entrepreneur Accelerator Platform* di Bursa Malaysia.

SOE akan memperoleh pegangan saham bagi mendapatkan kawalan ke atas syarikat Bumiputera yang berpotensi, khususnya dalam industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan baru muncul. Kawalan ini bertujuan untuk memacu prestasi dan meningkatkan nilai syarikat sebelum pegangan tersebut dilupuskan kepada pelabur Bumiputera yang berpotensi. Sehubungan itu, pasukan kepimpinan dan pengurusan berwibawa dengan penetapan minda yang bersesuaian akan dilantik dalam syarikat yang dikenal pasti untuk memastikan sasaran tercapai. Bantuan kewangan dan khidmat nasihat perniagaan akan disediakan bagi menyokong inisiatif ini. Sementara itu, SOE akan terus melabur dalam syarikat yang berkembang pesat dan tersenarai di Bursa Malaysia bagi memperoleh kawalan yang berkesan dalam syarikat berkenaan. Langkah ini akan membolehkan SOE melaksana inisiatif dan program yang berkesan dan memberi faedah kepada Bumiputera. Selain itu, SOE yang terpilih akan mempergiat aktiviti *management buy-out* untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera.

Agensi amanah Bumiputera seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Pelaburan MARA Berhad akan mengenal pasti lebih banyak produk kewangan yang inovatif supaya dapat memberi pulangan yang menarik dan lebih tinggi kepada pemegang unit amanah saham Bumiputera. Di samping itu, PNB akan terus melabur dalam instrumen yang dapat memberi pulangan yang

[7] Orang Islam yang telah menghafal keseluruhan Al-Quran.

tinggi serta meningkatkan pelaburan dalam aset persendirian dan global untuk menjana pulangan yang mampan dan berdaya saing kepada pemegang saham, khususnya Bumiputera. Amanah Saham Nasional Berhad yang diuruskan oleh PNB juga akan melabur dalam sektor hartanah bagi mempelbagai portfolio pelaburan.

Meningkatkan pemilikan kekayaan

Dalam mempertingkat pemilikan kekayaan Bumiputera, usaha bersepadu akan dilaksana untuk meningkatkan aset bukan kewangan dalam bentuk hartanah komersial, industri dan kediaman terutama di lokasi utama dan strategik. Sehubungan itu, Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) akan menambah saiz dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) untuk memiliki dan membangunkan lebih banyak hartanah komersial dan projek pembangunan bercampur bagi memberi pulangan pelaburan yang lebih baik kepada pelabur. PHB juga akan membangunkan model perniagaan baharu berasaskan kepada perkongsian strategik dengan institusi kewangan, rakan kongsi projek dan EDO untuk memperoleh premis perniagaan yang strategik, terutama di pusat bandar. Premis tersebut akan disewakan kepada usahawan Bumiputera dengan pilihan untuk dibeli.

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) akan menyedia rangka kerja menyeluruh bagi meneroka potensi pembangunan tanah wakaf melalui kerjasama dengan Yayasan Waqaf Malaysia, majlis agama Islam negeri (MAIN) dan kerajaan negeri. Di samping itu, wakaf dalam bentuk sumbangan wang tunai akan terus ditingkatkan melalui sumbangan dana awam, manakala sijil wakaf akan dikeluarkan terutama untuk meningkatkan penyertaan masyarakat bagi menambah bilangan harta wakaf. Selain itu, garis panduan mengenai sukuk akan dikaji semula untuk memudahkan penjanaan dana bagi pembangunan tanah wakaf yang lebih baik.

Membina Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) yang berdaya tahan dan mampan

Usaha untuk membina BEC yang lebih berdaya tahan dan mampan termasuk mengubah minda usahawan Bumiputera yang cenderung bergantung kepada bantuan Kerajaan. Antara usaha tersebut adalah mendorong sikap berdikari, menguatkuasakan dasar pemisah, menggalakkan budaya prestasi tinggi dan meningkatkan produktiviti serta menyediakan bantuan berdasarkan merit dan keperluan. Di samping itu, usahawan akan digalak untuk bekerjasama dengan peserta industri lain untuk meletakkan perniagaan pada kedudukan yang lebih baik dan mampan dalam dan luar negara. Perkongsian antara usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera juga akan digalakkan untuk mewujudkan perniagaan yang tulen dan bukannya aktiviti manipulasi untuk mengaut keuntungan. Sementara itu, perkongsian strategik antara SOE dan pusat penyelidikan dan pembangunan dengan PKS Bumiputera juga akan dipergiat untuk meningkatkan penciptaan produk dan perkhidmatan yang inovatif.

Program pembangunan usahawan bersepadu akan terus dilaksana untuk menyokong pembentukan BEC yang berdaya tahan dan mampan. Dalam hal ini, institusi Bumiputera akan terus menyediakan bantuan, termasuk membeli atau mengambil alih dan membangunkan premis perniagaan untuk disewa oleh usahawan Bumiputera. Selain itu, pusat jualan berkonsepkan *souq* atau bazar akan dibangunkan, terutama di pusat bandar untuk memanfaatkan akses pasaran yang lebih besar dan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti perniagaan. Pusat ini akan dipromosi sebagai pusat tarikan baharu kepada pelancong. Dalam menggalakkan lebih banyak Bumiputera menyertai industri strategik dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi, EDO dan SOE akan terus membantu usahawan yang berpotensi termasuk belia untuk meneroka industri seperti minyak dan gas, automotif serta aeroangkasa dan pertahanan. Di samping itu, dana wakaf akan dimanfaat untuk meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam aktiviti perniagaan termasuk industri halal. Inisiatif ini akan melengkapkan usaha Kerajaan dalam membiayai program keusahawanan Bumiputera.

Penyertaan usahawan Bumiputera dalam ekonomi digital akan terus dimudah cara menerusi pembangunan kapasiti dan peningkatan akses kepada dana. Bagi tujuan ini, lebih banyak program latihan, pembiayaan dan khidmat nasihat kepada usahawan Bumiputera akan diperkenal untuk meningkatkan penyertaan dalam e-dagang. Program ini juga akan memperluas capaian pasaran usahawan Bumiputera dengan memanfaatkan platform dalam talian. Di samping itu, platform sumbangan dana awam dalam talian yang boleh dipercayai akan dikaji sebagai mekanisme alternatif bagi membiayai perniagaan Bumiputera.

Garis panduan dan rangka kerja Program Pembangunan Vendor akan dikaji semula untuk mengukuhkan outcome program pembangunan usahawan Bumiputera yang kompetitif, mampan dan berprestasi tinggi dalam pasaran domestik dan global. Kajian ini termasuk memperkukuh kriteria pemilihan dan modul latihan serta melaksana dasar pemisah yang ketat pada pelbagai peringkat perniagaan. Sementara itu, dasar *carve-out and compete* ke atas kontrak akan dipertingkat untuk memastikan penyertaan yang berkesan oleh syarikat Bumiputera dalam projek besar Kerajaan dan di sepanjang rantaian bekalan yang berkaitan. Di samping itu, syarat yang ketat akan dilaksana dalam pemberian kontrak Kerajaan dan permit eksport dan import (AP) termasuklah mengkaji proses pemilihan dan memperkukuh mekanisme pemantauan serta memperkenal undang-undang yang berkaitan. Langkah ini bertujuan untuk memastikan peluang yang diberi kepada Bumiputera diusahakan dengan sewajarnya. Kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas termasuklah membatalkan secara automatik pemberian kontrak dan AP sekiranya dijual atau dipindah milik kepada orang lain.

Usaha akan dipergiat untuk memperkemas inisiatif dalam menggalakkan lebih banyak enterpris Bumiputera berskala mikro dan kecil untuk beralih ke tahap yang lebih tinggi. Inisiatif ini akan dilaksana dengan memanfaatkan kerjasama dalam kalangan EDO untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan usahawan. Bagi menyokong inisiatif ini, insentif dan bantuan yang sesuai termasuk khidmat nasihat dan pembiayaan perniagaan akan disediakan kepada usahawan yang berpotensi. Sementara itu, dasar peluang kedua akan diperkenal untuk membantu usahawan Bumiputera yang pernah gagal disebabkan oleh keadaan luar jangka untuk meneruskan perniagaan. Bantuan ini bertujuan untuk mengatasi stigma kegagalan kali pertama yang menghindar usahawan daripada terus berkecimpung dalam perniagaan.

Strategi A3: Memperkasa Kumpulan Minoriti

Beberapa kumpulan minoriti terutama Orang Asli di Semenanjung Malaysia serta Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak di kawasan pedalaman masih dibelenggu kemiskinan disebabkan ketinggalan dalam aspek pendidikan, kemahiran dan keusahawanan berikutan akses yang terhad kepada peluang dan kemudahan asas. Sementara itu, masih terdapat isu berkaitan akses kepada peluang pekerjaan dan kemudahan pinjaman mikro untuk perniagaan bagi isi rumah India dan Cina yang berpendapatan rendah. Oleh itu, beberapa inisiatif akan dilaksana untuk memperkasa kumpulan minoriti ke arah mewujudkan masyarakat yang saksama.

Mengupayakan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak

Dalam meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran, pengambilan pelajar berpotensi untuk kemasukan ke sekolah berprestasi tinggi akan dipertingkat bagi komuniti Orang Asli serta golongan yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak. Keutamaan juga akan diberi untuk meningkatkan pengambilan pelajar dalam kalangan Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak ke institusi latihan kemahiran seperti KKTM dan Institut Kemahiran MARA. Sementara itu, program keusahawanan akan memberi fokus kepada pemupukan kemahiran keusahawanan dalam kalangan masyarakat Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak. Program tersebut akan direka bentuk berdasarkan bakat intrinsik kumpulan sasar dan akan dilengkapi dengan bantuan seperti kemudahan pembiayaan serta pembungkusan dan pemasaran produk. Sehubungan itu, program ini menyasarkan untuk mengoptimumkan penggunaan sumber asli dan meningkatkan status ekonomi kumpulan sasar. Di samping itu, proses pemberian hak milik tanah kepada Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak akan terus dipercepat bagi membolehkan golongan ini mengusahakan tanah tersebut. Langkah ini akan membolehkan tanah tersebut dapat dimanfaatkan untuk aktiviti ekonomi dengan bantuan daripada agensi yang berkaitan.

Meningkatkan taraf isi rumah India dan Cina yang berpendapatan rendah

Dalam usaha meningkatkan taraf isi rumah India dan Cina yang berpendapatan rendah, bantuan akan terus disalurkan melalui program isi rumah B40. Isi rumah India berpendapatan rendah akan digalak untuk memanfaat kemudahan pembiayaan mikro di bawah Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India bagi menceburi bidang perniagaan. Lebih banyak peluang akan diberikan kepada anak muda India untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang

lebih tinggi dan menjalani program TVET bagi meningkatkan peluang mendapatkan pekerjaan. Sementara itu, bagi isi rumah Cina berpendapatan rendah di kampung baru, bantuan akan terus diberikan melalui skim pembiayaan mikro, bayaran premium tanah dan naik taraf rumah di bawah Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru Cina, dengan lebih daripada 90% dana disalur untuk skim pembiayaan mikro.

Strategi A4: Menangani Keperluan Kumpulan Sasar Khusus

Pelbagai inisiatif akan terus diambil bagi menangani keperluan kumpulan sasar khusus iaitu kanak-kanak, belia, wanita, warga emas, OKU dan keluarga. Inisiatif ini bertujuan untuk menyokong keperluan dan kepentingan kanak-kanak, membangun potensi belia, meningkatkan peranan wanita dalam pembangunan, menambah baik persekitaran kehidupan warga emas, memperkasa OKU dan memperkukuh institusi keluarga. Pelaksanaan inisiatif ini akan menyumbang kepada pengukuhan inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama.

Menyokong keperluan dan kepentingan kanak-kanak

Kesejahteraan kanak-kanak akan dipertingkat bagi menyediakan persekitaran pembesaran yang lebih selamat dan sihat. Sehubungan itu, Pelan Hala Tuju Kesejahteraan Kanak-kanak sedang dirangka bagi menangani isu-isu kritikal seperti pemakanan, pendidikan, kemiskinan dan persekitaran termasuk perkara berkaitan penjagaan kanak-kanak. Pelan hala tuju ini juga akan menangani isu berkaitan hak dan perlindungan kanak-kanak terhadap keganasan, penderaan dan pengabaian. Selain itu, perkhidmatan penjagaan kanak-kanak bersubsidi akan diperluas kepada semua agensi kerajaan manakala insentif akan diberi kepada badan korporat yang menyediakan perkhidmatan ini. Sementara itu, kurikulum ECCE akan diperkemas bagi meningkatkan kualiti dan standard keseluruhan, seterusnya memperkukuh proses pembangunan kanak-kanak.

Membangun potensi belia

Pelbagai usaha akan diambil bagi mengasah bakat, meningkatkan jati diri dan menyemai nilai murni dalam kalangan belia. Program pembangunan dan pemerkasaaan belia akan diteruskan dengan fokus kepada bidang utama seperti pendidikan, kepimpinan, patriotisme dan kesukarelawanan. Usaha ini bertujuan untuk membentuk belia menjadi warganegara yang lebih berdaya tahan, berpengetahuan dan bertanggungjawab. Selain itu, langkah akan diperkukuh untuk menangani cabaran sosioekonomi yang dihadapi oleh belia melalui pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan, terutama melalui aktiviti keusahawanan dan penyediaan dana.

Meningkatkan peranan wanita dalam pembangunan

Pemerkasaan wanita merupakan komponen penting di bawah agenda pembangunan inklusif, mengambil kira perbezaan sosioekonomi dan budaya. Selaras dengan ini, usaha bersepadu antara agensi kerajaan, sektor swasta dan organisasi berasaskan komuniti (CSO) akan diperkukuh dalam 13 teras strategik[8] di bawah Dasar Wanita Negara. Sehubungan itu, hak dan kepentingan wanita akan terus dilindungi bagi memastikan program pembangunan dan inisiatif mengambil kira kesaksamaan gender. Penyertaan wanita dalam tenaga kerja akan dipertingkat dengan menggalakkan aturan kerja fleksibel serta inisiatif bekerja dari rumah dan kembali bekerja seperti portal *flexWorkLife* dan program *Career Comeback*. Selain itu, usaha sama antara agensi kerajaan dan pertubuhan sivil akan dipertingkat bagi mendidik wanita dan kanak-kanak perempuan terhadap kepentingan penjagaan kesihatan serta hak dan perlindungan wanita terhadap keganasan.

Menambah baik persekitaran kehidupan warga emas

Dalam menuju ke arah negara tua[9] menjelang tahun 2030, pelbagai langkah akan diambil bagi memenuhi keperluan warga emas. Langkah ini termasuk memperkukuh program pembangunan komuniti sukarelawan dan inisiatif penuaan aktif bagi meningkatkan persekitaran kehidupan. Usaha untuk mempromosi kesedaran sosial

[8] 13 teras strategik tersebut adalah ekonomi; kemiskinan; undang-undang; keganasan terhadap wanita; kesihatan; pendidikan dan latihan; sains dan teknologi; media; alam sekitar; sukan; agama, budaya, seni dan warisan; pembuatan keputusan dan politik; dan mekanisme, jentera dan institusi pembangunan.
[9] Berdasarkan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara, negara tua didefinisikan sebagai negara yang mempunyai 15% populasi berumur 60 tahun dan ke atas.

dalam kesukarelawanan akan dipergiat bagi menggalak penyertaan komuniti terutama belia dalam aktiviti sukarela untuk warga emas. Inisiatif seperti komuniti mesra warga emas, pembelajaran sepanjang hayat dan konsep desa persaraan akan digalakkan sebagai sebahagian daripada usaha mempromosi penuaan aktif[10]. Inisiatif ini akan membolehkan warga emas menyumbang pengetahuan dan pengalaman kepada komuniti, meneruskan pembelajaran dan memperoleh pengetahuan dan kemahiran serta mempromosi kehidupan berdikari. Selain itu, langkah akan diambil untuk menggalakkan penyertaan warga emas dalam tenaga kerja serta memelihara kebajikan golongan tersebut. Di samping itu, kelayakan peringkat pendidikan tertiari berkaitan penjagaan geriatrik akan dipertingkat untuk melahirkan lebih ramai penjaga dan profesional yang bertauliah dalam bidang ini.

Memperkasa orang kurang upaya

Pembangunan dan peningkatan kualiti kehidupan dan kesejahteraan OKU adalah penting bagi menggalakkan inklusiviti dalam komuniti. Sehubungan itu, usaha untuk meningkatkan tahap kesedaran awam mengenai keperluan dan hak OKU akan dipergiat melalui program pendidikan dan kesedaran. Kajian semula yang menyeluruh akan dilaksana terhadap dasar dan perundangan berkaitan OKU termasuk menjadikan reka bentuk sejagat sebagai mandatori. Pelaksanaan kajian ini adalah melalui sesi libat urus dan rundingan dengan pihak berkepentingan termasuk pertubuhan sivil dan persatuan OKU. Kajian ini adalah bagi memastikan penguatkuasaan garis panduan reka bentuk sejagat terhadap bangunan awam dan swasta serta infrastruktur dapat dilaksanakan sewajarnya. Sementara itu, inisiatif bagi meningkatkan akses kepada bidang utama seperti pendidikan, TVET, penjagaan kesihatan dan pemulihan dalam komuniti juga akan diteruskan. Dasar pengambilan dan program pemadanan kerja akan ditambah baik bagi menggalakkan penyertaan OKU dalam tenaga kerja.

Memperkukuh institusi keluarga

Tumpuan yang lebih besar akan diberi untuk memperkukuh kesejahteraan institusi keluarga. Sehubungan itu, program pembangunan keibubapaan dalam bidang seperti kemahiran keibubapaan, perancangan keluarga dan kesihatan serta pengurusan kewangan akan diperkukuh bagi memberi tumpuan kepada kepentingan perkongsian peranan dan mempertingkat daya tahan keluarga terhadap cabaran sosioekonomi. Langkah percukaian yang berkaitan juga akan disemak bagi terus memperkukuh kesejahteraan institusi keluarga. Sementara itu, akses kepada perkhidmatan reproduktif dan kesihatan keluarga seperti pemeriksaan mammogram dan vaksinasi *human papilloma virus* (HPV) akan dipertingkat melalui kerjasama yang lebih meluas antara agensi kerajaan, komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Selain itu, usaha untuk meningkatkan pembangunan sosial dan psikologi golongan remaja akan dimulakan daripada peringkat awal perkembangan kanak-kanak lelaki dan perempuan melalui pendidikan mengenai kepentingan peranan gender dan hak sosial.

Bidang Keutamaan B: Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

Kerajaan komited untuk memastikan pembangunan yang seimbang dalam aspek pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Sehubungan itu, usaha akan dipergiat untuk meningkatkan kualiti hidup bagi kesejahteraan rakyat yang lebih baik melalui pelaksanaan beberapa strategi dan inisiatif. Dalam tempoh akhir Rancangan, lima strategi utama untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat akan dilaksana seperti berikut:

[10] Berdasarkan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara, penuaan aktif merujuk kepada proses untuk mengoptimumkan peluang dan pendayaupayaan warga emas dalam keluarga dan masyarakat ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup.

Strategi B1: Meningkatkan Kuasa Beli Rakyat

Kenaikan harga barangan dan perkhidmatan menyumbang kepada peningkatan kos sara hidup yang menjejaskan kuasa beli rakyat terutama dalam kalangan isi rumah B40. Mengambil kira situasi ini, inisiatif akan dilaksana untuk menangani herotan pasaran dengan menggalakkan lebih banyak persaingan yang mewujudkan lebih banyak ruang penawaran barangan dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan dan kompetitif. Selain itu, penguatkuasaan ke atas peraturan kawalan harga dan tahap konsumerisme akan dipertingkat. Subsidi juga akan hanya diberi kepada kumpulan sasar bagi barangan asas terpilih berdasarkan prinsip keperluan. Semua inisiatif ini bertujuan untuk mengurangkan beban rakyat dalam menghadapi kos sara hidup yang meningkat.

Menangani herotan pasaran dengan menggalakkan lebih banyak persaingan

Persaingan adalah teras kepada pasaran yang dinamik dan cekap yang akan menggalakkan inovasi, meningkatkan produktiviti dan memperkukuh pertumbuhan ekonomi. Persaingan juga akan mendorong kepada kecekapan pasaran yang meningkatkan kepuasan dan kesejahteraan pengguna. Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan diambil untuk menghapuskan pelbagai bentuk herotan pasaran supaya persaingan dapat dipertingkat untuk memastikan barangan dan perkhidmatan dapat disediakan kepada rakyat pada harga yang berpatutan dan mampu bayar. Sehubungan itu, jawatankuasa khas peringkat menteri akan mengkaji semula amalan monopoli serta hak dan keistimewaan, termasuk dalam pemberian konsesi dan perolehan Kerajaan. Kajian semula ini mensasarkan untuk mengembalikan persaingan yang adil dan menggalakkan kecekapan pasaran bagi melindungi kepentingan pengguna untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat terutama dalam kalangan isi rumah B40.

Menyediakan lebih banyak ruang yang menawarkan barangan dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan dan kompetitif

Subsidi ke atas barangan keperluan yang terpilih akan diteruskan walaupun usaha untuk meningkatkan kecekapan pasaran sedang dilaksana. Lebih banyak ruang yang menawarkan barangan dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan akan disedia untuk mengurangkan beban rakyat. Selain kedai yang dimiliki oleh syarikat dan milikan persendirian, koperasi akan digalak untuk mengendali kedai harga patut untuk faedah ahli dan komuniti setempat. Pada masa yang sama, entiti wakaf dan koperasi juga akan menawarkan perkhidmatan pada harga yang berpatutan seperti penjagaan kesihatan primer, farmasi dan perhotelan. Kerajaan juga akan mengkaji pelbagai mod pelaksanaan subsidi petrol secara bersasar. Harga barangan bersubsidi antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia juga akan terus diseragamkan. Tambahan pula, pengenalan semula Cukai Jualan Dan Perkhidmatan (SST) bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bertujuan untuk mengurangkan beban rakyat.

Mempergiat penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga

Penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 akan diteruskan untuk mencegah amalan pencatutan. Sehubungan itu, penguatkuasaan dan pemantauan harga akan terus dipertingkat. Sebagai tambahan, Skuad Tindakan Aduan dan Resolusi serta Skuad Tindakan Khas akan terus mempercepat proses penyelesaian aduan pengguna. Cadangan pewujudan ombudsman akan dikaji untuk memperkukuh perlindungan kepada pengguna. Sementara itu, Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah ditubuhkan sebagai badan utama bagi menangani isu dan cabaran berkaitan peningkatan kos sara hidup yang menjejaskan kesejahteraan rakyat.

Mempertingkat tahap konsumerisme

Pengguna juga akan digalak untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam melaporkan amalan perniagaan tidak beretika melalui pelbagai saluran termasuk Skuad Pengguna, persatuan pengguna, *Friends of KPDNHEP* dan sistem EZ Adu. Di samping itu, kesedaran berkaitan konsumerisme yang lebih baik akan diterap dalam kalangan pelajar melalui Kelab Pengguna Sekolah dan Gerakan Pengguna Siswa. Selain itu, peranan persatuan pengguna akan diperkukuh untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan perkongsian maklumat dalam kalangan pengguna bagi mempertingkat tahap konsumerisme. Dengan asas konsumerisme yang kukuh, pengguna tidak akan mudah terpedaya dengan golongan peruncit yang licik.

Strategi B2:
Menyediakan Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti

Penyediaan perumahan mampu milik dan berkualiti adalah penting untuk meningkatkan kualiti hidup isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana. Dalam tempoh akhir Rancangan, Kerajaan akan terus memudah cara dan menyediakan persekitaran yang menggalakkan pembangunan perumahan mampu milik dengan penglibatan yang lebih luas daripada sektor swasta. Oleh itu, tumpuan akan diberi bagi memperkukuh pengurusan perumahan mampu milik, meningkatkan kemampuan dan akses kepada perumahan untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana serta menggalakkan penyediaan kemudahan yang mesra persekitaran untuk daya huni yang lebih baik.

Memperkukuh pengurusan perumahan mampu milik

Usaha untuk meningkatkan bilangan rumah mampu milik akan dipergiat melalui mekanisme perancangan dan pelaksanaan yang lebih baik. Majlis Perumahan Mampu Milik Negara akan ditubuhkan untuk mengawasi pelaksanaan perumahan mampu milik di seluruh negara. Sehubungan itu, sebanyak 200,000 unit rumah mampu milik disasarkan untuk dibina dalam tempoh akhir Rancangan, melibatkan program perumahan oleh agensi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serta pemaju swasta. Kerjasama kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan akan ditambah baik bagi membendung kenaikan kos pembinaan rumah mampu milik termasuk projek Program Perumahan Rakyat. Sebagai tambahan, pelbagai inisiatif perumahan mampu milik awam[11] oleh beberapa kementerian dan agensi akan dirasionalisasi di bawah Kementerian

[11] Inisiatif perumahan mampu milik awam merujuk kepada program di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan program lain seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Perumahan Penjawat Awam Malaysia (dahulunya dikenali sebagai PPA1M), Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dan Program Bantuan Rumah (PBR).

Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Proses rasionalisasi ini akan membolehkan pelaksanaan program perumahan mampu milik dipercepat untuk manfaat rakyat.

Kajian semula ke atas subsidi bagi program perumahan mampu milik akan dilaksana untuk memastikan kemampanan program serta mengoptimum sumber kerajaan dan mengurangkan pergantungan kepada peruntukan Kerajaan. Di samping itu, langkah akan dipergiat untuk meningkatkan penawaran perumahan mampu milik di atas tanah wakaf dan baitulmal. Sehubungan itu, JAWHAR akan meningkatkan kerjasama melalui inisiatif perkongsian pintar dengan MAIN, pemaju swasta dan institusi kewangan untuk membangunkan lebih banyak rumah mampu milik di atas tanah wakaf dan baitulmal.

Sistem Bank Data Perumahan Negara telah dibangunkan sebagai pangkalan data bersepadu bagi penawaran dan permintaan perumahan dalam negara. Sistem ini akan menambah baik pengumpulan data dengan menghubungkan pangkalan data pelbagai agensi persekutuan dan negeri seperti Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Perangkaan Malaysia dan pemaju swasta. Sistem ini bertujuan untuk menambah baik perancangan dasar secara menyeluruh dan memantau pelaksanaan projek perumahan.

Meningkatkan akses kepada perumahan mampu milik untuk kumpulan sasar

Selaras dengan objektif untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, usaha akan dipergiat untuk menyediakan perumahan mampu milik dan berkualiti serta meningkatkan pemilikan rumah. Sehubungan itu, insentif yang sesuai akan dipertimbang untuk pemaju yang menyediakan perumahan mampu milik, terutama untuk memenuhi permintaan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Pemaju perumahan akan digalakkan menggunakan teknologi seperti sistem binaan berindustri (IBS) dan mengguna pakai reka bentuk standard untuk perumahan mampu milik bagi mengurangkan kos. Institusi kewangan juga akan digalak untuk menyediakan akses yang lebih baik kepada pembeli rumah pertama dengan memperkenal skim pembiayaan yang lebih fleksibel dan inovatif. Di samping itu, skim pembiayaan perumahan sedia ada akan ditambah baik untuk menyediakan penyelesaian yang mampan kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah mampu milik. Sehubungan itu, Program Sewa-Beli Rumah akan diperkukuh untuk meningkatkan pemilikan rumah bagi membolehkan kumpulan sasar menyewa dan mempunyai pilihan untuk membeli rumah dalam tempoh penyewaan yang ditetapkan.

Menggalakkan penyediaan kemudahan yang mesra persekitaran untuk menambah baik daya huni

Usaha akan dipergiat untuk memastikan 1% daripada jumlah unit rumah mampu milik yang dibina bagi setiap projek perumahan awam disediakan kepada kumpulan sasar khusus, terutama OKU, warga emas dan ibu tunggal. Pemaju swasta juga akan digalak untuk menerima pakai kadar agihan ini. Perancangan perumahan dan kawasan tempatan akan ditambah baik bagi mewujudkan masyarakat yang lebih cergas dan cemerlang. Penambahbaikan ini juga akan memastikan rumah mampu milik dibina berdekatan dengan terminal transit dan kemudahan awam untuk memudahkan mobiliti dan ketersambungan yang lebih baik. Sementara itu, lebih banyak kemudahan mesra persekitaran seperti taman dan ruang rekreasi akan dibina di sekitar kawasan perumahan yang berkepadatan tinggi.

Inisiatif akan dipergiat untuk menggalakkan budaya penyelenggaraan bagi memastikan rakyat menikmati persekitaran yang selesa dan berdaya huni. Kerja pembaikan dan penyelenggaraan utama di perumahan kos rendah dan sederhana awam dan swasta akan dipergiat menggunakan dana penyelenggaraan sedia ada[12], dengan syarat penghuni turut menampung sebahagian daripada kos kerja berkenaan. Selain itu, program dan kempen kesedaran akan dilaksana bagi memupuk rasa pemilikan bersama dan mengurangkan kejadian vandalisme terutama dalam kalangan penghuni perumahan awam.

[12] Dana penyelenggaraan awam sedia ada adalah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia bagi perumahan kos rendah dan sederhana swasta dan Program Penyenggaraan Perumahan bagi perumahan kos rendah dan sederhana awam.

Strategi B3:
Memperkukuh Sistem Penyampaian Penjagaan Kesihatan

Penyediaan penjagaan kesihatan yang berkualiti dengan kos berpatutan adalah penting bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan dipertingkat untuk mewujudkan sistem kesihatan yang mampan, mengoptimum penggunaan sumber kewangan untuk penjagaan kesihatan, memperkukuh kesihatan penduduk dan mempererat kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan. Pelaksanaan inisiatif ini adalah penting kerana penduduk yang sihat adalah perlu untuk pembangunan dan kesejahteraan negara.

Mewujudkan sistem kesihatan yang mampan

Dasar Kesihatan Negara (DKN) akan diperkenal untuk menetapkan hala tuju pembangunan sektor penjagaan kesihatan selaras dengan aspirasi global oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), khususnya Kesihatan dalam Semua Dasar dan Setiap Sektor adalah Sektor Kesihatan. DKN akan memberi tumpuan kepada kesihatan penduduk serta kemampanan sistem dan industri penjagaan kesihatan. Dalam hubungan ini, DKN bertujuan untuk memudah cara kerjasama dalam kalangan Kerajaan, rakyat dan organisasi untuk membangunkan sektor penjagaan kesihatan.

Sistem penyampaian penjagaan kesihatan akan diperkukuh bagi penyelarasan dan penguatkuasaan yang lebih baik pada peringkat nasional, wilayah dan negeri. Bidang penjagaan kesihatan yang akan diliputi termasuk kesihatan persekitaran, kebersihan dan sanitasi serta keselamatan makanan dan pemakanan untuk pengurusan kesihatan awam yang lebih baik. Di samping itu, Kerajaan akan meneroka skim penjagaan kesihatan ke arah mewujudkan skim pembiayaan kesihatan nasional. Skim ini akan menyediakan bantuan perawatan penjagaan primer kepada isi rumah B40 untuk memastikan liputan kesihatan yang menyeluruh.

Kemudahan dan perkhidmatan kesihatan awam yang tidak mencukupi, terutama di kawasan bandar terus menjadi kebimbangan dalam memenuhi keperluan penjagaan kesihatan penduduk. Situasi ini, sebahagiannya disebabkan oleh kos penjagaan kesihatan swasta yang lebih tinggi secara relatif, mengakibatkan lebih ramai pesakit mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan awam. Sehubungan itu, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan primer dan perkhidmatan berasaskan komuniti untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan melalui libat urus yang lebih baik dengan pihak berkepentingan. Sebagai tambahan, lebih banyak hospital dan klinik akan dibina untuk menambah baik akses kepada penjagaan kesihatan berkualiti dan meningkatkan nisbah katil hospital kepada penduduk. Kemudahan kesihatan sedia ada juga akan dinaik taraf. Sementara itu, lebih banyak hospital bukan pakar akan menyediakan perkhidmatan kepakaran secara berjadual iaitu pakar akan bertugas di hospital berkenaan secara berkala. Antara bidang perkhidmatan kepakaran yang ditawarkan ialah perkhidmatan penjagaan geriatrik, penjagaan paliatif dan pemulihan. Pembangunan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang baharu akan diselaras dengan keperluan sumber manusia.

Kekurangan kemudahan perhubungan dan kekerapan yang rendah bagi klinik bergerak serta ketidakcukupan kemudahan kesihatan masih menjadi cabaran dalam penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan di kawasan luar bandar dan terpencil. Sehubungan itu, liputan perkhidmatan penjagaan kesihatan primer akan diperluas lagi melalui penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih dekat dengan komuniti, kediaman dan individu. Perkhidmatan tersebut meliputi penjagaan kesihatan domisiliari, penjagaan paliatif, klinik bergerak serta program jangkauan penjagaan kesihatan oral dan karnival saringan mata. Di samping itu, perkhidmatan sedia ada termasuk intervensi pencegahan kesihatan secara komprehensif merangkumi imunisasi, pemakanan, sanitasi, penjagaan antenatal dan perinatal akan diperkukuh.

Sejak kebelakangan ini, produk dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang dijual secara dalam talian telah meningkat dengan cepat dan sebahagian daripadanya membawa kesan buruk kepada pengguna. Produk dan perkhidmatan ini tidak dipantau atau dikawal selia dalam aspek keselamatan, kualiti, keberkesanan dan

etika. Oleh itu, dasar dan peraturan baharu akan digubal bagi mengawal selia produk dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dalam talian. Peraturan ini bertujuan untuk melindungi pengguna serta memastikan keselamatan, kualiti dan pematuhan kepada standard dalam kalangan penggiat industri. Selain itu, rangka kerja kawal selia dan dasar bagi perancangan kehadapan akan dirangka untuk mengambil kira perkhidmatan dan teknologi baru muncul seperti perkhidmatan penjagaan kesihatan digital, analisa data raya, *blockchain* dan kecerdasan buatan.

Mengoptimum sumber kewangan untuk penjagaan kesihatan

Dalam menangani peningkatan beban kewangan dalam sektor penjagaan kesihatan awam, mekanisme pembiayaan alternatif dan mampan seperti dana antarabangsa dan wakaf dalam penjagaan kesihatan akan dipergiat. Kerjasama antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan MAIN seperti penyediaan Pusat Pembedahan Katarak MAIWP-Hospital Selayang dan Pusat Bersalin Berisiko Rendah MAIWP-Hospital Putrajaya akan diperluas ke seluruh Malaysia. Selain itu, sektor swasta dan NGO akan digalak untuk menubuhkan lebih banyak kemudahan kesihatan yang memenuhi keperluan isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial.

Memperkukuh kesihatan penduduk

Ekosistem kesihatan yang lebih baik akan dibangunkan sebagai tindak balas kepada peningkatan insiden penyakit berjangkit (CD) dan penyakit tidak berjangkit (NCD). Ekosistem ini akan memberi fokus kepada beberapa faktor termasuk amalan sihat, persekitaran fizikal, penjagaan klinikal dan sosioekonomi. Dalam konteks ini, usaha untuk memerangi CD akan dipergiat menerusi pelbagai inisiatif kesihatan seperti penyelidikan dan pembangunan, program imunisasi, saringan kesihatan dan kesedaran kesihatan. Langkah bagi mencegah NCD pula termasuk program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) dan Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBI) akan terus diperkukuh. Di samping itu, pelaksanaan pelbagai dasar seperti Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia III (2016-2025), Akta Air Minum yang Selamat 2017, Pelan Strategik Kebangsaan untuk Gaya Hidup Aktif (2017-2025) dan Pelan Strategik Malaysia Penyakit Baru Muncul dan Kejadian Kecemasan Kesihatan Awam (2017-2021) akan terus dipergiat. Dalam tempoh akhir Rancangan, pusat kawalan dan pencegahan penyakit kebangsaan akan dibangunkan untuk mengesan, mencegah dan mengatasi ancaman pelbagai penyakit. Sementara itu, dua institusi perubatan khusus iaitu Kompleks Endokrin di Hospital Putrajaya dan Pusat Kardiologi di Hospital Serdang akan ditubuh dan dijangka siap pada tahun 2022. Kompleks Endokrin akan menyediakan perkhidmatan perubatan khusus dan pembedahan kepada pesakit endokrin[13] serta menjalankan penyelidikan dan latihan. Manakala Pusat Kardiologi akan menambah baik perkhidmatan kardiologi sedia ada di Hospital Serdang termasuk pembedahan kardiotorasik[14]. Selain itu, pusat kanser baharu di wilayah utara akan dibina sebagai pelengkap kepada Institut Kanser Negara. Sementara itu, Institut Kesihatan Negara yang merupakan pusat tumpuan dalam penyelidikan kesihatan dan perubatan akan distruktur semula dan diperkasa bagi meningkatkan peranannya.

Kesihatan mental merupakan masalah kesihatan awam yang kompleks dan rumit yang memberi impak kepada psikologi, emosi, sosial dan ekonomi. Mengambil kira kepentingan untuk mengekalkan kesejahteraan mental, pelan tindakan kesihatan mental akan dirangka untuk mempromosi kesedaran kesihatan mental. Pelan tindakan ini akan meliputi enam bidang utama dalam kesihatan mental, iaitu perkhidmatan dan penjagaan kesihatan mental, kerjasama merentas sektor, pembangunan sumber manusia, promosi kesihatan mental dalam kalangan komuniti serta penyelidikan dan pengawasan. Di samping itu, usaha akan dipergiat untuk menambah baik perkhidmatan kesihatan mental.

---

[13] Endokrin/endokrinologi merujuk kepada bidang subkepakaran perubatan berkaitan sistem endokrin, penyakit berkaitan dan rembesan khusus yang dikenali sebagai hormon. Subkepakaran ini melibatkan pengurusan penyakit gangguan hormon kelenjar endokrin yang merangkumi hipotalamus, kelenjar pituitari, kelenjar pineal, tiroid, paratiroid, pankreas, kelenjar adrenal, testis dan ovari serta pengurusan gangguan metabolik seperti obesiti dan gangguan lemak darah.

[14] Kardiotorasik merujuk kepada pembedahan yang dilakukan ke atas organ dalaman di bahagian toraks atau dada, secara umumnya adalah rawatan untuk masalah jantung dan vaskular yang merangkumi aorta dan vena kava serta penyakit paru-paru.

Nisbah kematian ibu mengandung semakin membimbangkan terutama disebabkan oleh embolisme obstetrik, pendarahan teruk selepas bersalin dan masalah perubatan yang berkaitan. Sehubungan itu, usaha untuk mengelakkan kematian ibu bersalin yang boleh dicegah akan dipertingkat dengan memastikan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi semasa mengandung dan melahirkan anak. Di samping itu, perkhidmatan intervensi kesihatan seperti akses kepada perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif dan perancangan keluarga akan terus disediakan.

Mempererat kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan

Usaha menambah baik perkhidmatan kesihatan awam terutama semasa bencana dan wabak oleh pelbagai sektor dalam kalangan kementerian dan agensi serta NGO akan terus dipertingkat. Sehubungan itu, kerjasama antara agensi akan diperkukuh dan dipertingkat melalui penyelarasan yang lebih teratur dengan menggembleng agensi kerajaan dan CSO yang berkaitan. Kerjasama ini akan memberi tumpuan kepada penambahbaikan masa respons kecemasan, pencegahan wabak, kesiapsiagaan terhadap bencana termasuk respons dan mitigasi serta rehabilitasi awal.

Perkhidmatan penjagaan kesihatan di rumah yang kebanyakannya disediakan oleh sektor swasta adalah mahal dan tidak mampu dibayar oleh majoriti rakyat. Sehubungan itu, sektor swasta dan NGO akan digalak untuk menyediakan lebih banyak khidmat sosial bagi memenuhi keperluan pesakit dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana, yang memerlukan rawatan jangka panjang. Di samping itu, perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan seperti Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Domisiliari dan Program Khidmat Bantu di Rumah akan terus diperkukuh melalui penyertaan yang lebih meluas daripada sektor swasta, CSO, NGO dan sukarelawan.

Strategi B4: Menjadikan Negara Lebih Selamat dan Terjamin

Keselamatan dan ketenteraman awam merupakan keutamaan bagi memastikan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat yang lebih baik. Dalam tempoh akhir Rancangan, pelaksanaan inisiatif akan ditumpu kepada usaha meningkatkan sumber dan kapasiti agensi penguatkuasaan dan keselamatan serta mempergiat langkah pencegahan jenayah. Komuniti akan digalak untuk memainkan peranan yang lebih besar bagi meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam dalam melengkapkan usaha Kerajaan tersebut.

Memperkukuh agensi penguatkuasaan dan keselamatan

Kebolehan dan keupayaan anggota penguat kuasa dan keselamatan terutama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) akan terus dipertingkat melalui latihan yang lebih sistematik dan kursus khusus yang terkini seperti analisis jenayah dan penyiasatan. Selain itu, anggota akan dilengkapi dengan peralatan yang bersesuaian bagi pengumpulan maklumat perisikan, penyiasatan, penganalisisan bukti dan pendakwaan. Usaha ini akan meningkatkan kecekapan anggota penguat kuasa dan keselamatan serta persepsi awam terhadap keselamatan.

Keselamatan negara akan diperkukuh melalui peningkatan kawalan dan pengawasan sempadan yang berterusan, terutama menggunakan teknologi dan peralatan terkini bagi mengekang pencerobohan sempadan. Sementara itu, kawalan di pintu masuk dan keluar negara akan dipertingkat untuk menghalang sebarang kemasukan yang menyalahi undang-undang dan aktiviti haram termasuk pergerakan pengganas. Usaha ini termasuk operasi dan rondaan bersama oleh pelbagai agensi penguat kuasa sempadan seperti ATM, PDRM, Agensi Kawalan Sempadan Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Kerjasama antarabangsa melalui persefahaman dua hala dan pelbagai hala dengan negara lain dan badan kepolisan antarabangsa akan dipergiat untuk menangani isu jenayah rentas sempadan, jenayah siber, keganasan dan jenayah terancang. Persefahaman ini termasuk perkongsian pintar, penempatan pegawai, perkongsian maklumat dan risikan serta amalan terbaik. Selain itu, kerjasama dengan agensi respons kecemasan siber pada peringkat antarabangsa akan diperkukuh bagi mengesan amaran awal terhadap bentuk ancaman siber baharu.

Mempergiat usaha pencegahan jenayah

Langkah untuk membanteras jenayah oleh PDRM akan dipergiat melalui Program *Omnipresence* dengan menempatkan semula lebih ramai anggota polis untuk mencegah jenayah. Sehubungan itu, usaha akan dipertingkat untuk mengukuhkan libat urus dan meningkatkan penyertaan orang awam dalam pencegahan jenayah. Selain itu, orang awam akan digalak untuk mengamalkan *self-policing* dan memasang sistem pencegahan kecurian di tempat kediaman bagi mencegah jenayah. Sektor swasta juga akan digesa untuk menyokong usaha pencegahan jenayah sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat bagi mewujudkan persekitaran yang lebih selamat.

Program pembudayaan dan kesedaran mengenai pencegahan jenayah akan diperluas melalui media sosial, dengan memberi tumpuan kepada golongan berisiko tinggi seperti kanak-kanak dan belia. Pencegahan penglibatan juvana dalam penagihan dadah dan kegiatan jenayah akan dilaksana melalui program kaunseling dan pendidikan. Selain itu, pendekatan bersepadu akan dilaksana untuk mendidik remaja mengenai pencegahan penagihan dadah, hubungan seks sebelum perkahwinan dan jenayah berkaitan seks, *Human Immunodeficiency Virus* (HIV)/*Acquired Immune Deficiency Syndrome* (AIDS) dan jenayah lain. Usaha ini akan melibatkan pelbagai agensi seperti PDRM, Kementerian Pendidikan Malaysia, KKM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta NGO melalui pelaksanaan pelbagai kempen dan program.

Penglibatan NGO dan orang awam akan dipertingkat dalam program rawatan, pemulihan dan pascapemulihan; mengenal pasti kes baharu penyalahgunaan dadah; serta pelaksanaan program jangkauan dan sokongan komuniti. NGO dan masyarakat juga digalak untuk membantu bekas banduan dan penagih dadah mendapatkan pekerjaan dan menyesuaikan diri dalam masyarakat. Selain itu, Dasar Dadah Negara 2017 yang menggariskan pendekatan strategik bagi menangani isu berkaitan dadah akan dilaksana dalam tempoh akhir Rancangan. Dasar ini merangkumi lima teras iaitu pencegahan, rawatan dan pemulihan, penguatkuasaan, pengurangan kemudaratan dan kerjasama antarabangsa.

Pengukuran jenayah indeks dalam Rancangan Malaysia Kesebelas sebelum ini adalah berdasarkan kepada jumlah kes jenayah indeks yang dilaporkan, iaitu dengan sasaran pengurangan sebanyak 5% setiap tahun. Pengukuran ini akan diganti dengan menetapkan sasaran baharu iaitu jumlah jenayah indeks tidak melebihi had 342 kes bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2020. Sasaran baharu ini menetapkan nilai asas pada 352 kes bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2016 akan mengambil kira pertambahan penduduk selaras dengan amalan antarabangsa.

Strategi B5: Menggalakkan Nilai Murni dan Gaya Hidup Aktif

Masyarakat penyayang yang menjiwai nilai murni dan mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat adalah lambang sebuah masyarakat yang maju. Oleh itu, dalam tempoh akhir Rancangan, tumpuan akan diberi untuk menggalakkan nilai murni, memupuk budaya kebangsaan serta kesepaduan sosial dan perpaduan nasional di samping menggalakkan amalan gaya hidup aktif dan sihat dalam kalangan rakyat. Inisiatif ini akan memastikan pembangunan fizikal seiring dengan pembangunan kerohanian bagi meningkatkan kesejahteraan secara menyeluruh.

Menggalakkan nilai murni

Nilai etika dan moral yang teguh adalah penting dalam membina masyarakat Malaysia yang progresif dan bersatu seperti yang dihasratkan dalam Wawasan 2020. Nilai unggul dalam lima prinsip Rukun Negara khususnya kepercayaan agama, tingkah laku dan nilai moral yang baik akan menjadi asas dalam membangunkan sebuah

masyarakat penyayang dan beretika. Sehubungan itu, usaha akan dipergiat untuk menyemai nilai murni seperti jujur, sopan, hormat, sabar serta integriti dalam kalangan rakyat melalui program pendidikan dan kempen kesedaran.

Memupuk budaya kebangsaan

Usaha dan inisiatif akan terus diperkukuh untuk mengekalkan kepelbagaian budaya masyarakat dan membentuk identiti Malaysia. Sehubungan itu, peranan keluarga, sekolah dan komuniti akan diperkukuh dalam membentuk nilai dan membina jati diri generasi muda Malaysia yang utuh. Inisiatif mempromosi warisan negara, nilai budaya dan elemen sejarah masyarakat Malaysia yang berbilang kaum akan diteruskan bagi meningkatkan pemahaman mengenai pembinaan negara bangsa. Di samping itu, tumpuan akan diberi untuk menggalakkan seni, budaya dan industri kreatif bagi mempromosi nilai murni dan memupuk budaya kebangsaan.

Memupuk kesepaduan sosial dan perpaduan nasional

Dalam meletakkan Malaysia pada peringkat global sebagai sebuah negara yang mementingkan keharmonian dan kemakmuran masyarakat, majlis perundingan keharmonian akan ditubuhkan. Dasar dan inisiatif untuk memperkukuh integrasi sosial dan perpaduan nasional akan dipertingkat untuk interaksi, libat urus dan kerjasama yang lebih baik dalam kalangan rakyat. Kerajaan juga akan menerajui usaha untuk menggubal undang-undang berkaitan keharmonian negara bagi memastikan kesaksamaan dan menghapuskan diskriminasi. Di samping itu, indeks perpaduan nasional akan dibangun untuk berfungsi sebagai instrumen pemantauan bagi mengukur tahap perpaduan dan keharmonian negara. Sementara itu, program bertemakan perpaduan menggunakan platform sukan, kesukarelawanan, seni dan budaya serta komuniti akan terus digalak untuk mempromosi detik perpaduan dan memperkukuh semangat patriotisme.

Menggalakkan amalan gaya hidup aktif dan sihat

Sukan akan terus kekal sebagai elemen penting dalam menggalakkan gaya hidup yang aktif dan sihat ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat meskipun terdapat cabaran dalam memupuk budaya bersukan. Sehubungan itu, lebih banyak kemudahan sukan dan rekreasi akan dibangun dan dinaik taraf termasuk laluan basikal dan kawasan rekreasi hijau di bandar, infrastruktur sukan-eko, litar lumba motosikal serta industri e-sukan melalui kerjasama antara Kerajaan dengan sektor korporat dan persatuan sukan kebangsaan. Sementara itu, orang awam akan digalak untuk menggunakan kemudahan sukan di sekolah kerajaan serta institusi pendidikan tinggi dan institusi latihan awam.

Pendekatan baharu keseluruhan sukan di Malaysia akan digabungkan dalam merangka pelan hala tuju sukan negara bagi menggalakkan gaya hidup sihat dan kecemerlangan bersukan. Program pembangunan bakat sukan akan dipergiat dalam mengenal pasti dan membimbing atlet yang berpotensi pada peringkat sekolah dan pendidikan tertiari. Teras pendekatan ini adalah pembangunan rangka kerja sukan negara yang bersepadu dan efektif untuk meningkatkan inklusiviti dan integrasi sosial serta pembinaan kapasiti dan penambahbaikan tadbir urus pelbagai organisasi sukan. Di samping itu, sokongan kepada atlet elit melalui pelbagai program sukan berprestasi tinggi akan diteruskan untuk Sukan SEA 2019. Inisiatif ini juga akan meningkatkan peluang Malaysia untuk memenangi pingat emas Olimpik yang pertama pada Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Kesimpulan

Dalam tempoh akhir Rancangan, pendekatan pembangunan inklusif akan dipergiat untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh sejajar dengan pertumbuhan ekonomi. Seiring dengan prestasi yang telah dicapai, usaha akan dilipat ganda untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli isi rumah B40, memperkukuh Komuniti Ekonomi Bumiputera serta memperkasa golongan minoriti dan kumpulan sasar khusus. Sementara itu, kualiti hidup rakyat akan ditambah baik melalui langkah untuk meningkatkan kuasa beli, akses kepada perumahan mampu milik dan berkualiti dan penjagaan kesihatan serta keselamatan dan ketenteraman negara. Pada masa yang sama, nilai murni dan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat akan terus disemai untuk memupuk kesepaduan sosial dan perpaduan nasional yang lebih utuh, manakala sukan dan gaya hidup aktif akan digalak untuk membina masyarakat yang sihat dan sejahtera. Pelaksanaan inisiatif yang telah dikenal pasti secara efektif adalah kunci untuk mencapai semua outcome yang disasarkan, selaras dengan Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

12

BAB

III

TONGGAK

Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang

Pendahuluan

Pembangunan wilayah bermatlamat untuk mengurangkan ketidakseimbangan melalui pengagihan manfaat sosioekonomi yang lebih baik dalam kalangan wilayah dan merentas semua negeri bagi menggalakkan pertumbuhan saksama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Walaupun terdapat usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan wilayah, ketidaksamaan antara negeri serta di dalam negeri dan wilayah terus wujud, manakala jurang antara bandar dan luar bandar masih berterusan. Oleh itu, dalam tempoh akhir Rancangan, 2018-2020, usaha akan dilaksana untuk mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar. Antara lain, usaha tersebut termasuk meningkatkan akses dan ketersambungan serta menambah baik infrastruktur dan kemudahan asas untuk menjana lebih banyak aktiviti ekonomi di kawasan yang kurang membangun. Kerjasama antara negeri juga akan dipertingkat untuk merangsang pertumbuhan ekonomi, terutama di kawasan sempadan dalam wilayah berkaitan melalui penggunaan sumber yang lebih baik. Bandar utama dan pusat pertumbuhan di kawasan luar bandar akan dimanfaatkan untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi ke arah pembangunan wilayah yang seimbang.

Di samping mengimbangkan pembangunan wilayah dalam negeri, kerjasama dengan negara jiran akan turut dipergiat melalui kerjasama serantau ASEAN[1]. Pembangunan sosioekonomi kawasan yang kurang membangun akan dipercepat di sepanjang sempadan antarabangsa. Kerjasama ini akan menggalakkan sinergi dengan mengoptimumkan asas yang saling melengkapi dan faedah berbanding dalam kalangan negara jiran.

[1] Kerjasama serantau ASEAN termasuk Kawasan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT), Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA), Jawatankuasa Malaysia-Thailand bagi Strategi Pembangunan Bersama Kawasan Sempadan (JDS) dan Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri antara Malaysia-Singapura bagi Iskandar Malaysia (JMCIM).

Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020

Usaha untuk menangani ketidakseimbangan wilayah akan dipergiat untuk merapatkan jurang pembangunan sosioekonomi antara wilayah dan negeri bagi merangsang aktiviti ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dalam menangani ketidakseimbangan wilayah, negeri dikategori mengikut kluster berdasarkan sempadan geografi seperti berikut:

Dalam mencapai pertumbuhan inklusif, pelbagai langkah akan dilaksana untuk mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar. Oleh itu, bidang keutamaan dan strategi bagi menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang adalah seperti yang ditunjukkan di *Paparan 12-1*.

Paparan 12-1

Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang



Sasaran Terpilih, 2020

Memperkukuh pembangunan ekonomi wilayah

Rangka kerja pembangunan wilayah (SDG 10)

Kajian rangka kerja pembangunan wilayah bersepadu

6 bandar (SDG 11)

Kajian Pelan Induk Daya Saing Bandar

Merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar

1:0.67

Nisbah ketidaksamaan pendapatan isi rumah antara bandar dan luar bandar

3,000 km (SDG 9)

Pembinaan jalan berturap

60,000 (SDG 6)

Tambahan rumah menerima bekalan air bersih dan terawat

41,160 (SDG 7)

Tambahan rumah dengan bekalan elektrik

300 (SDG 9)

Menara baharu

1,000 (SDG 9)

Menara dinaik taraf

Menara telekomunikasi luar bandar di seluruh negara

Mempercepat pembangunan di Sabah dan Sarawak

99.0% (SDG 7)

Liputan bekalan elektrik

106 (SDG 9)

Menara baharu

400 (SDG 9)

Menara dinaik taraf

Menara telekomunikasi

51,000 hektar

Sabah

225,600 hektar

Sarawak

Pemetaan tanah di bawah Hak Tanah Adat (NCR)

Sasaran Asal | Sasaran Dipinda | Sasaran Baharu

Bidang Keutamaan A: Memperkukuh Pembangunan Ekonomi Wilayah

Ketidaksamaan sosioekonomi dalam kalangan wilayah, seperti yang ditunjukkan dalam *Kotak 12-1*, akan ditangani dalam tempoh akhir Rancangan bagi mencapai pembangunan wilayah yang seimbang untuk memberi manfaat kepada rakyat. Sehubungan itu, usaha akan dipergiat untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi dan menangani ketidakseimbangan antara dan dalam wilayah. Empat strategi yang dikenal pasti untuk menyokong bidang keutamaan ini adalah seperti berikut:

Kotak 12-1

Ketidaksamaan Sosioekonomi dalam kalangan Wilayah

Ketidaksamaan sosioekonomi dalam kalangan wilayah dan negeri, seperti ditunjukkan dalam *Graf A,* terus wujud walaupun pelbagai usaha telah dilaksana untuk mengurangkan jurang pembangunan wilayah. Kemajuan yang tidak sekata di wilayah Sabah, Timur dan Utara ditunjukkan melalui keluaran dalam negeri kasar (KDNK) per kapita yang secara relatif adalah rendah berbanding purata nasional sebanyak RM38,915 pada tahun 2016. Wilayah Sabah merekodkan KDNK per kapita terendah iaitu sebanyak RM22,098, wilayah Timur RM23,392 dan wilayah Utara RM29,725 pada tahun 2016. Selain itu, kadar kemiskinan yang tinggi di wilayah Sabah dan Sarawak turut menggambarkan ketidakseimbangan sosioekonomi ini. Walaupun kadar kemiskinan mutlak di Sabah berkurang dengan ketara daripada 19.7% pada tahun 2009 kepada 2.9% pada tahun 2016, kadar ini masih lebih tinggi berbanding purata nasional sebanyak 0.4%. Pada peringkat daerah, malah terdapat insiden kemiskinan pada kadar dua digit di Sabah, seperti di daerah Tongod sebanyak 14.6% dan Beluran sebanyak 12.1%.

Dalam Malaysia berusaha menjadi sebuah negara yang inklusif, pembangunan yang seimbang dan mampan perlu digalakkan merentas wilayah. Berdasarkan sumbangan mengikut wilayah kepada pertumbuhan ekonomi negara, seperti yang ditunjukkan dalam *Graf B*, kadar pertumbuhan wilayah Sabah, Tengah dan Selatan adalah lebih tinggi daripada purata nasional sebanyak 5.1% dalam tempoh 2016-2017. Wilayah Sabah telah menunjukkan peningkatan pertumbuhan KDNK yang ketara daripada 4.2% dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh kepada 6.4% dalam tempoh 2016-2017. Walaupun koridor ekonomi wilayah telah diwujudkan untuk melonjakkan aktiviti ekonomi, wilayah Sarawak, Timur dan Utara mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih rendah berbanding purata nasional dalam tempoh 2016-2017. Wilayah ini yang banyak bergantung kepada komoditi industri, terutama kelapa sawit dan getah, telah terjejas kesan daripada fenomena El-Nino pada tahun 2016.

Graf A

KDNK per Kapita, 2010 & 2016 dan Kadar Kemiskinan Mutlak mengikut Negeri, 2009 & 2016



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Graf B

Sumbangan Wilayah kepada Pertumbuhan Ekonomi Negara, 2015-2017

Pertumbuhan KDNK mengikut wilayah, % setahun
(pada harga 2010)



Bahagian kepada KDNK mengikut wilayah
(pada harga 2010)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Wilayah Tengah terus menyumbang peratusan tertinggi kepada KDNK, diikuti dengan wilayah Utara, Sarawak, Selatan, Timur dan Sabah, seperti yang ditunjukkan dalam *Graf B*. Walaupun beberapa wilayah seperti wilayah Selatan dan Sabah mencatat pertumbuhan KDNK yang lebih tinggi, pertumbuhan tersebut tidak mencukupi untuk meningkatkan sumbangan seiring dengan wilayah Tengah dan Utara.

Jurang pendapatan antara wilayah masih menjadi kebimbangan walaupun terdapat peningkatan yang berterusan dalam pendapatan penengah bulanan isi rumah pada peringkat nasional kepada RM5,228 pada tahun 2016. Wilayah Tengah dan Selatan terus mencatat pencapaian yang ketara dengan masing-masing sebanyak RM6,616 dan RM5,652. Wilayah Timur mencatat pendapatan penengah bulanan isi rumah yang paling rendah, iaitu sebanyak RM3,917, dengan Kelantan mencatat nilai terendah dalam kalangan negeri, iaitu sebanyak RM3,079. Negeri Kedah dalam wilayah Utara mencatat pendapatan kedua terendah, iaitu sebanyak RM3,811.

Ketidaksamaan antara wilayah kekal menjadi cabaran meskipun pelbagai usaha telah dilaksana bagi mengurangkan ketidakseimbangan. Sehubungan itu, strategi pembangunan wilayah yang menyeluruh bagi mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah adalah amat penting terutama bagi wilayah yang kurang membangun. Pelaksanaan langkah khusus yang berkesan bagi menangani ketidaksamaan sosioekonomi dalam kalangan wilayah amat penting untuk mencapai pembangunan wilayah yang seimbang.

Strategi A1:
Memperkukuh dan Memperkemas Perancangan Pembangunan Negeri dan Wilayah

Penyelarasan yang kurang dalam perancangan sosioekonomi pada pelbagai peringkat memberi cabaran dalam melaksana pembangunan wilayah yang bersepadu dan mampan. Sehubungan itu, usaha yang lebih gigih diperlukan untuk memperkemas perancangan pembangunan pada peringkat nasional, wilayah dan negeri. Dalam tempoh akhir Rancangan, kerjasama dalam wilayah dan antara negeri akan diperkukuh untuk membina sinergi bagi menggalakkan pertumbuhan seimbang. Sementara itu, agensi kerajaan negeri perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam merangsang pembangunan ekonomi pada peringkat negeri. Dalam hal ini, beberapa inisiatif akan dilaksana bagi menyediakan rangka kerja pembangunan wilayah yang bersepadu, memastikan pengagihan peruntukan pembangunan yang lebih baik kepada negeri kurang membangun, meningkatkan peranan perbadanan kemajuan ekonomi negeri (PKEN) dan menggalakkan penyelarasan antara negeri dalam penyediaan infrastruktur.

Menyediakan rangka kerja pembangunan wilayah bersepadu

Perancangan pembangunan akan memanfaatkan kelebihan dan sumber dalam setiap wilayah bagi memacu potensi pertumbuhan dalam bidang terpilih. Pada masa yang sama, kelebihan antara wilayah akan dimanfaatkan untuk saling melengkapi dan membentuk sinergi bagi pembangunan seterusnya. Sumber pertumbuhan baharu di dalam kluster industri juga akan diteroka untuk terus merangsang pembangunan ekonomi dalam wilayah. Dalam hal ini, kajian mengenai rangka kerja pembangunan wilayah yang bersepadu akan dijalankan untuk memperkemas dasar, pelan induk dan strategi supaya sejajar dengan perancangan spatial negara. Rangka kerja ini juga akan memastikan penyelarasan antara dan dalam negeri yang lebih baik dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan.

Memastikan pengagihan peruntukan pembangunan yang lebih baik kepada negeri kurang membangun

Peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan diagih secara lebih baik dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun dalam tempoh akhir Rancangan. Negeri tersebut adalah Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Agihan peruntukan ini adalah bagi memastikan pertumbuhan yang lebih seimbang antara negeri.

Meningkatkan peranan perbadanan kemajuan ekonomi negeri

PKEN mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negeri. Sehubungan itu, peranan PKEN akan terus dipertingkat untuk memudah cara aktiviti ekonomi pada peringkat negeri dan wilayah. Pengenalan Program Transformasi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri pada tahun 2017 akan membolehkan reformasi PKEN dalam memperkukuh tadbir urus korporat dan melaksana model perniagaan yang mampan. Reformasi ini akan meningkatkan daya maju dan daya saing PKEN dalam jangka panjang. Di samping itu, PKEN akan bekerjasama dengan agensi kerajaan berkaitan pada peringkat wilayah dan sektor swasta secara lebih terselaras dan bersepadu untuk merangsang pembangunan wilayah. Kerjasama tersebut akan menyumbang kepada pertumbuhan yang saksama serta peluang pelaburan dan pekerjaan, terutama dalam wilayah yang kurang membangun.

Menggalakkan penyelarasan antara negeri dalam penyediaan infrastruktur

Ketersambungan yang lebih meluas dan penyediaan infrastruktur yang lebih baik akan meningkatkan pergerakan penduduk, barangan dan perkhidmatan serta menambah baik kualiti hidup. Sehubungan itu, penyelarasan dan kerjasama bagi melaksana projek antara negeri akan diperkukuh untuk mempertingkat rangkaian antara wilayah dalam menggalakkan aktiviti ekonomi. Dalam hal ini, jawatankuasa peringkat atasan akan ditubuhkan bagi mempertingkat penyelarasan perancangan antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri. Projek antara negeri seperti jalan, utiliti dan infrastruktur tebatan banjir, memerlukan penyelarasan yang rapi dalam kalangan negeri bagi memastikan penggunaan sumber yang optimum serta merangsang aktiviti ekonomi dalam wilayah.

Strategi A2: Memoden dan Mempelbagai Asas Ekonomi

Daya saing wilayah dan keupayaan untuk menarik pelabur telah terjejas akibat kekurangan ekosistem sokongan untuk menggalak dan mengekalkan aktiviti ekonomi yang berasaskan pengkhususan dan kluster di setiap wilayah. Di samping itu, kemahiran dan tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan masyarakat setempat telah mengakibatkan kurang penyertaan dalam industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan berintensif pengetahuan. Oleh itu, lebih banyak usaha akan dilaksana untuk memperkukuh ekosistem bagi menggalakkan aktiviti nilai ditambah yang tinggi yang membolehkan pemindahan teknologi dan menggalakkan inovasi. Usaha akan turut dipergiat untuk menggalakkan aktiviti ekonomi khusus yang memanfaatkan penggunaan sumber yang tersedia dalam wilayah. Oleh itu, dalam tempoh akhir Rancangan, inisiatif akan dilaksana bagi memperkukuh ekosistem untuk aktiviti ekonomi, memberi tumpuan kepada aktiviti kluster terpilih serta meningkatkan kemahiran dan pembangunan modal insan.

Memperkukuh ekosistem untuk aktiviti ekonomi

Usaha akan dipergiat untuk memperkukuh ekosistem dan meningkatkan keseluruhan rantaian nilai kluster ekonomi. Usaha ini termasuk meningkatkan pembangunan modal insan, menambah baik infrastruktur, utiliti dan kemudahan logistik serta memperkukuh rangkaian rantaian bekalan. Penyediaan infrastuktur dan utiliti yang baik, termasuk menambah baik liputan jalur lebar, akan memastikan ketersambungan yang lebih baik serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Sementara itu, perkhidmatan logistik yang cekap adalah penting untuk membolehkan pergerakan barangan dan sumber yang cepat. Pengukuhan rangkaian rantaian bekalan akan juga termasuk usaha untuk meningkatkan hubung kait antara pelabur dan pembekal tempatan serta menyediakan sokongan institusi, terutama yang memudah cara pelaburan. Di samping itu, langkah akan dipergiat untuk menarik pelaburan berkualiti dengan memberi tumpuan kepada industri yang berasaskan nilai ditambah yang tinggi, teknologi termaju dan inovasi serta berintensif pengetahuan. Ekosistem yang kukuh akan merangsang pertumbuhan dan meningkatkan daya saing ekonomi.

Memberi tumpuan kepada aktiviti kluster terpilih

Usaha akan digalakkan untuk menarik lebih banyak pelaburan, terutama untuk program dan projek berimpak tinggi dalam aktiviti kluster terpilih yang dikenal pasti, berdasarkan kelebihan daya saing enam wilayah tersebut. Di samping itu, kerjasama akan dipergiat untuk mewujudkan sinergi dan meningkatkan manfaat ekonomi yang dikongsi bersama antara negeri dan dalam kalangan wilayah. Negeri perlu menerima pakai pendekatan berpaksikan wilayah untuk melengkap dan memanfaatkan kelebihan, keunikan dan sumber tersedia bagi pertumbuhan ekonomi. Sehubungan itu, setiap wilayah digalakkan untuk melaksana bidang fokus utama seperti berikut:

WILAYAH UTARA

- Pembuatan (elektrik & elektronik, jentera & peralatan, bioindustri, aeroangkasa dan peralatan perubatan)
- Logistik (pengangkutan dan penyimpanan)
- Pelancongan (seni, hiburan dan rekreasi)
- Pertanian (padi dan perikanan)

WILAYAH TIMUR

- Perlombongan dan pengkuarian (minyak & gas)
- Pertanian (perhutanan dan perikanan)
- Pembuatan (petrokimia)
- Logistik (pengangkutan dan penyimpanan)
- Pelancongan (seni, hiburan dan rekreasi)

WILAYAH TENGAH

- Perdagangan borong & runcit
- Penginapan dan makanan & minuman
- Kewangan & insurans
- Pelancongan (seni, hiburan dan rekreasi)
- Hartanah & perkhidmatan perniagaan
- Pembuatan (aeroangkasa)

WILAYAH SELATAN

- Pembuatan (elektrik & elektronik, petrokimia, pemprosesan berasaskan pertanian)
- Perlombongan dan pengkuarian (minyak & gas)
- Pelancongan (seni, hiburan dan rekreasi)
- Logistik (pengangkutan dan penyimpanan)
- Hartanah
- Pendidikan
- Pertanian (tanaman makanan)



WILAYAH SABAH

- Pertanian (perhutanan, perikanan dan kelapa sawit)
- Perlombongan dan pengkuarian (minyak & gas)
- Logistik (pengangkutan dan penyimpanan)
- Pelancongan (seni, hiburan dan rekreasi)
- Pendidikan

WILAYAH SARAWAK

- Pertanian (perhutanan, perikanan dan kelapa sawit)
- Pembuatan (aluminium, kaca, keluli, produk berasaskan kayu, produk marin)
- Perlombongan dan pengkuarian (minyak & gas)
- Teknologi maklumat dan komunikasi

Wilayah akan digalakkan untuk memoden dan mempelbagai asas ekonomi bagi melonjakkan aktiviti nilai ditambah yang tinggi dan mendorong pertumbuhan yang lebih tinggi, terutama wilayah yang sangat bergantung kepada pertanian. Usaha untuk memodenkan sektor pertanian akan dipergiat, termasuk dengan memperluas aktiviti hiliran melalui pengunaan teknologi moden bagi menggalakkan produk nilai ditambah yang tinggi. Sebagai contoh, pembangunan *Kedah Rubber City* di wilayah Utara yang menumpu kepada industri getah, seperti produk lateks dan getah khusus serta produk getah kejuruteraan tepat, akan membolehkan pengeluaran produk nilai ditambah yang tinggi. Sementara itu, *Palm Oil Industrial Cluster* (POIC) di Sandakan dan Lahad Datu di wilayah Sabah akan dimanfaat untuk melonjakkan pelaburan dalam aktiviti pemprosesan hiliran yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi. Usaha ini akan merangsang aktiviti sosioekonomi termasuk pewujudan pekerjaan baharu kepada penduduk setempat, mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah.

Meningkatkan kemahiran dan pembangunan modal insan

Pekerja mahir adalah amat penting untuk menarik pelaburan dan menggalakkan peningkatan aktiviti ekonomi di wilayah. Bilangan pekerja mahir adalah tertumpu di wilayah Tengah dan Utara, seperti yang ditunjukkan dalam *Kotak 12-2*. Penumpuan ini menunjukkan ketidakseimbangan wilayah dalam mewujudkan pekerjaan mahir. Oleh yang demikian, wilayah akan membangunkan strategi yang bersasar untuk menarik pelaburan yang akan mewujudkan pekerjaan mahir berdasarkan keperluan industri.

Kotak 12-2

Guna Tenaga Mengikut Kategori Kemahiran dan Wilayah

Jumlah guna tenaga yang meliputi kategori mahir, separuh mahir dan berkemahiran rendah telah meningkat di semua wilayah antara tahun 2015 dengan tahun 2017. Bahagian pekerja mahir kepada jumlah guna tenaga di semua wilayah menunjukkan peningkatan pada tahun 2017. Wilayah Tengah mencatat bahagian tertinggi sebanyak 39%. Walau bagaimanapun, bahagian pekerja mahir di wilayah lain masih kekal di bawah purata nasional, iaitu sebanyak 28%. Sementara itu, pada peringkat nasional, bahagian pekerja separuh mahir terus mendominasi iaitu sebanyak 60% daripada jumlah guna tenaga. Bahagian pekerja separuh mahir di empat wilayah adalah lebih tinggi daripada purata nasional dengan wilayah Timur mencatat sebanyak 67% daripada keseluruhan guna tenaga dalam wilayah tersebut dan wilayah Utara sebanyak 65% manakala wilayah Sarawak dan Selatan masing-masing sebanyak 64%. Sebaliknya, bahagian pekerja separuh mahir di wilayah Tengah mencatat sebanyak 52% manakala wilayah Sabah mencatat sebanyak 59%. Bagi kategori berkemahiran rendah, wilayah Sabah mencatat sebanyak 26% daripada keseluruhan guna tenaga dalam wilayah tersebut, diikuti oleh wilayah Sarawak sebanyak 17% dan wilayah Timur sebanyak 14%. Kebergantungan terhadap pekerja berkemahiran rendah dalam wilayah ini menggambarkan kebergantungan kepada aktiviti berintensifkan buruh, terutama dalam sektor pertanian. Keadaan ini memerlukan semua wilayah mempergiat usaha untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja di samping menarik pelaburan berkualiti yang akan mewujudkan lebih banyak pekerjaan mahir.

Guna Tenaga mengikut Kategori Kemahiran dan Wilayah, 2015 dan 2017



Kategori kemahiran mengikut wilayah, % bahagian	Wilayah Sarawak		Wilayah Selatan		Wilayah Timur		Wilayah Sabah		Wilayah Utara		Wilayah Tengah		Malaysia	
	2015	2017	2015	2017	2015	2017	2015	2017	2015	2017	2015	2017	2015	2017
Mahir	19	19	22	25	18	19	14	15	22	25	37	39	26	28
Separuh mahir	65	64	66	64	67	67	59	59	67	65	53	52	60	60
Berkemahiran rendah	16	17	12	11	15	14	27	26	11	10	10	9	14	12
Jumlah	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan swasta akan dimanfaatkan untuk mewujudkan pekerjaan mahir dan meningkatkan kemahiran modal insan di kawasan kurang membangun selaras dengan langkah untuk memoden dan mempelbagai asas ekonomi. Sehubungan itu, usaha untuk memenuhi permintaan industri termasuk peningkatan kemahiran dan latihan semula kemahiran tenaga kerja sedia ada melalui pembudayaan inovasi dan peningkatan penggunaan teknologi maklumat. Usaha ini akan dilaksana melalui program latihan khusus oleh institusi latihan tempatan dengan kerjasama pihak industri. Peningkatan kemahiran ini akan menambah baik daya saing dan mempercepat pertumbuhan merentas wilayah dalam usaha menggalakkan pembangunan wilayah yang seimbang.

Strategi A3: Menggalakkan Bandar yang Berdaya Saing

Urbanisasi yang pesat memberi cabaran dalam memastikan segenap lapisan masyarakat dapat mendiami bandar yang berdaya huni dan menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Walaupun terdapat pertumbuhan ekonomi yang rancak di bandar, faktor seperti densiti yang rendah, rumah mampu milik yang kurang, perkhidmatan penjagaan kesihatan awam yang tidak mencukupi dan ketersambungan pengangkutan awam yang tidak lengkap serta lalu lintas yang sesak terus menjejaskan daya saing bandar. Pertumbuhan bandar dan luar bandar yang dinamik amat diperlukan dalam mengurangkan jurang antara bandar

dan luar bandar serta memastikan pembangunan wilayah yang seimbang. Dalam hal ini, bandar akan menjadi pemangkin utama dalam menyediakan peluang pelaburan dan perdagangan serta meningkatkan ketersambungan dengan kawasan luar bandar serta pinggir bandar di wilayah tersebut. Dalam tempoh akhir Rancangan, beberapa inisiatif akan dilaksana untuk menambah baik potensi bandar utama bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi wilayah, meningkatkan daya saing bandar serta mempercepat pembangunan di kawasan pertumbuhan yang dikenal pasti.

Menambah baik potensi bandar utama bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi wilayah

Persaingan global antara bandar untuk menarik pelaburan dan bakat terus meningkat. Oleh itu, Kerajaan akan terus memanfaatkan empat bandar utama yang telah dikenal pasti iaitu Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi. Bandar utama ini akan dibangunkan untuk menjadi lebih aktif, produktif dan berdaya huni untuk menarik dan mengekalkan bakat dan firma, dan pada masa yang sama meningkatkan hubung kait dan akses antara bandar dan luar bandar. Keutamaan akan diberi kepada pelaksanaan program dan inisiatif yang dikenal pasti dalam Pelan Induk Daya Saing Bandar (CCMP) bagi empat bandar utama dengan memberi penekanan kepada bidang fokus utama. Bidang ini, antara lain, termasuk perancangan dan pembangunan bandar, penyediaan pengangkutan awam dan perumahan mampu milik serta penambahbaikan ketersambungan digital. Dalam tempoh akhir Rancangan, kajian CCMP untuk bandar Georgetown dan Kuantan akan dijalankan.

Meningkatkan daya saing bandar untuk kehidupan dan ketersambungan yang lebih baik

Bandar merupakan pusat tumpuan penduduk dan pertumbuhan ekonomi yang seharusnya mempunyai perkhidmatan bandar yang cekap dan memenuhi harapan rakyat. Usaha akan dipergiat untuk menangani isu seperti perebakan bandar yang semakin meningkat, mobiliti dan ketersambungan bandar yang lemah serta kebergantungan kepada kenderaan persendirian yang tinggi dan kesesakan lalu lintas yang meruncing. Usaha tersebut termasuk penambahbaikan garis panduan perancangan bandar yang akan memberi tumpuan kepada pengoptimuman sumber. Di samping itu, tumpuan akan diberi untuk meningkatkan daya huni dan inklusiviti dalam kalangan penduduk bandar, khususnya isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) di bandar melalui peningkatan kualiti hidup. Sehubungan itu, penduduk bandar akan memperoleh akses yang lebih baik kepada peluang ekonomi, pengangkutan awam yang cekap, perumahan mampu milik, perkhidmatan dan kemudahan penjagaan kesihatan yang bertambah baik serta kawasan hijau dan lapang yang lebih banyak. Kerajaan akan terus memberi tumpuan untuk menambah baik perkhidmatan bandar melalui pembangunan Pusat Transformasi Bandar (UTC) bagi menyediakan perkhidmatan kerajaan dan sektor swasta secara berpusat kepada masyarakat bandar. Tiga UTC baharu akan dilancarkan di Pulau Pinang, Bintulu di Sarawak dan Sandakan di Sabah.

Mempercepat pembangunan di kawasan pertumbuhan yang dikenal pasti

Selain bandar utama, usaha akan ditumpukan untuk mempercepat pembangunan di kawasan pertumbuhan yang dikenal pasti, termasuk kawasan konurbasi[2], zon promosi pembangunan (ZPP) dan pusat katalis, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 12-2*. Kawasan pertumbuhan ini akan menjadi hab pemangkin pertumbuhan ekonomi dengan menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan terpilih di wilayah berkenaan. Di bawah Rancangan Fizikal Negara 3 (RFN3), enam konurbasi, 17 ZPP dan 48 pusat katalis akan terus dimanfaatkan bagi mewujudkan peluang pelaburan untuk memacu ekonomi bandar. Pembangunan kawasan pertumbuhan yang dikenal pasti akan menyumbang kepada pembangunan wilayah yang seimbang.

Tumpuan akan diberi kepada usaha mempercepat pembangunan di kawasan tertentu di Sarawak yang mempunyai potensi ekonomi yang tinggi tetapi ketinggalan dari segi kemajuan sosioekonomi. Bagi menangani ketidakseimbangan pembangunan wilayah di Sarawak, tiga subwilayah telah dikenal pasti, iaitu *Highland Area, Upper Rajang Area* dan *Northern Area*. Strategi pembangunan akan dirangka bagi kawasan subwilayah ini untuk mengoptimumkan potensi ekonomi dan menjana peluang pekerjaan bagi penduduk setempat.

[2] Konurbasi merujuk kepada kawasan pertumbuhan ekonomi bandar yang merangkumi bandar, kawasan utama bandar dan kawasan bandar yang dihubungkan secara fizikal, mempunyai hubungan ekonomi dan mengalami pertumbuhan penduduk bagi membentuk kawasan pembangunan yang bergabung.

Paparan 12-2

Kawasan Pertumbuhan yang Dikenal Pasti

Konurbasi	Zon Promosi Pembangunan (ZPP)	Pusat Katalisp	
○ 4 konurbasi di Semenanjung Malaysia ○ 1 konurbasi di Sabah ○ 1 konurbasi di Sarawak	○ 12 ZPP di Semenanjung Malaysia ○ 5 ZPP di Sabah dan Labuan ○ 3 subwilayah di Sarawak	○ 37 Pusat Katalis di Semenanjung Malaysia ○ 11 Pusat Katalis di Sabah	
Semenanjung Malaysia 1. Konurbasi Nasional (WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan sebahagian Negeri Selangor termasuk daerah Klang, Petaling, Gombak, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang) 2. Konurbasi Selatan (sekitar Johor Bahru termasuk Iskandar Puteri, Senai, Kulai, Skudai, Pasir Gudang, Tanjung Pelepas, Pontian, Kota Tinggi, Desaru dan Pengerang) 3. Konurbasi Utara (Pulau Pinang dan sebahagian Seberang Perai) 4. Konurbasi Timur (sekitar Kuantan, Pekan dan Gambang) **Sabah** 1. Konurbasi Kota Kinabalu (sekitar Bandaraya Kota Kinabalu, Tuaran, Putatan dan Papar) **Sarawak** 1. Konurbasi Kuching (sekitar Bandaraya Kuching)	**Semenanjung Malaysia** 1. Padang Besar-Lembah Chuping 2. Kangar-Arau-Kuala Perlis 3. Alor Setar-Jitra 4. Sungai Petani 5. Ipoh 6. Lumut-Sitiawan-Seri Manjung 7. Kota Bharu 8. Kuala Terengganu 9. Seremban-Nilai-Port Dickson 10. Melaka Bandaraya Bersejarah 11. Bandar Maharani Bandar Diraja 12. Bandar Penggaram-Kluang **Sabah dan Labuan** 1. Keningau 2. Sandakan 3. Lahad Datu 4. Tawau 5. Labuan **Sarawak[1]** 1. *Highland Area*-Bario dan Mulu 2. *Upper Rajang Area*-Belaga, Bukit Mabong, Murum, Bakun, Kapit, Song dan Kanowit 3. *Northern Area*-Limbang, Lawas dan Bakelalan	**Semenanjung Malaysia** 1. Kaki Bukit-Wang Kelian 2. Beseri 3. Pauh Putra 4. Kuah 5. Bukit Kayu Hitam 6. Kulim 7. Parit Buntar 8. Kamunting-Taiping 9. Gerik 10. Lenggong 11. Teluk Intan 12. Tanjung Malim 13. Tumpat 14. Rantau Panjang 15. Tok Bali 16. Jeli 17. Machang 18. Gua Musang 19. Jerteh 20. Kerteh 21. Chukai 22. Jerantut 23. Bandar Tun Abdul Razak (Jengka) 24. Bentong 25. Bandar Muadzam Shah 26. Temerloh-Mentakab	27. Sungai Besar 28. Kuala Selangor 29. Kuala Kubu Bharu 30. Seri Jempol 31. Gemas 32. Tampin 33. Pulau Sebang 34. Kuala Linggi 35. Sungai Rambai 36. Segamat 37. Mersing **Sabah** 1. Kudat 2. Kota Belud 3. Kota Marudu 4. Ranau 5. Kimanis 6. Beaufort 7. Tenom 8. Sipitang 9. Kota Kinabatangan 10. Tongod 11. Semporna

Nota: [1] Pembangunan subwilayah di *Highland Area, Upper Rajang Area* dan *Northern Area* di Sarawak tertakluk di bawah Ordinan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (Pindaan) 2017.

Sumber: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (Rancangan Fizikal Negara 3) dan Unit Perancang Negeri Sarawak

Strategi A4: Memperkukuh Kerjasama Serantau ASEAN

Platform kerjasama serantau ASEAN masih belum dimanfaatkan sepenuhnya bagi mempercepat dan membantu pembangunan ekonomi, terutama di kawasan sempadan. Di samping itu, perhubungan antara penduduk dan aktiviti ekonomi untuk meningkatkan pembangunan masih kurang. Keadaan ini menjadi cabaran dan pada masa yang sama memberi peluang kepada Kerajaan, perniagaan dan rakyat. Dalam tempoh akhir Rancangan, inisiatif akan dilaksana bagi mempercepat pembangunan di Zon Ekonomi Khas (SEZ) serta meningkatkan ketersambungan serantau dalam Kawasan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA).

Mempercepat pembangunan di Zon Ekonomi Khas

Kerjasama dalam IMT-GT akan dipertingkat bagi mempercepat pembangunan SEZ di Bukit Kayu Hitam, Kedah dengan Songkhla, Thailand serta cadangan SEZ baharu di Arun, Tanjung Api-Api dan Sei Mangkei, Indonesia. Inisiatif yang dilaksana melalui IMT-GT akan meningkatkan lagi kerjasama dengan wilayah Songkhla, Narathiwat, Satun dan Yala di selatan Thailand. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan aktiviti perdagangan, menambah baik perniagaan tempatan serta mewujudkan pekerjaan di kawasan sempadan Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Usaha akan turut dilaksana melalui BIMP-EAGA bagi meningkatkan pembangunan perdagangan sempadan, iaitu penaiktarafan pos sempadan Tebedu, Sarawak dan Entikong, Kalimantan Barat kepada pintu masuk antarabangsa.

Meningkatkan ketersambungan serantau dalam IMT-GT dan BIMP-EAGA

Usaha untuk meningkatkan ketersambungan serantau dalam IMT-GT dan BIMP-EAGA akan terus dilaksana untuk menggalakkan mobiliti dan memacu pertumbuhan ekonomi di negeri dan wilayah yang kurang membangun. Sembilan projek infrastruktur telah dikenal pasti sebagai *IMT-GT Physical Connectivity Projects* untuk memudah cara aktiviti perdagangan di sempadan dan menambah baik ketersambungan. Projek tersebut termasuk pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan yang baharu di Bukit Kayu Hitam, Kedah. Selain itu, pembinaan dua jambatan baharu akan meningkatkan perhubungan antara Rantau Panjang, Kelantan dengan Sungai Golok, Narathiwat serta mewujudkan hubungan darat antara Pengkalan Kubor, Kelantan dan Tak Bai, Narathiwat. Di samping itu, negara anggota IMT-GT sedang memuktamadkan memorandum persefahaman mengenai hubungan udara yang akan membolehkan ketersambungan yang lebih baik di kawasan serantau.

Malaysia akan memberi tumpuan kepada tujuh projek dalam *BIMP-EAGA Priority Infrastructure Projects* untuk meningkatkan perdagangan dan ketersambungan dengan negara anggota. Antara lain, Kota Kinabalu, Sabah telah dikenal pasti sebagai hab penerbangan serantau untuk menampung peningkatan penumpang dan perkhidmatan pengangkutan fret. Pembinaan Lapangan Terbang Mukah di Sarawak yang sedang dalam pelaksanaan pula akan memastikan ketersambungan udara yang lancar. Sementara itu, perkhidmatan feri *roll on-roll off* antara Sabah dan Palawan, Filipina akan dilancarkan bagi menambah baik ketersambungan laut, meningkatkan pelancongan dan memperkukuh aktiviti perdagangan sempadan. Di samping itu, peluasan Pelabuhan Kontena Teluk Sapangar, Sabah akan merancakkan industri logistik di kawasan tersebut. Dalam aspek ketersambungan pengangkutan darat, pembinaan Lebuhraya Pan-Borneo akan merancakkan pembangunan di Sabah dan Sarawak.

Bidang Keutamaan B: Merapatkan Jurang Pembangunan antara Bandar dan Luar Bandar

Usaha mencapai pembangunan yang seimbang antara bandar dan luar bandar akan terus menjadi bidang keutamaan dalam mengurangkan ketidakseimbangan dalam kalangan wilayah. Langkah akan diambil untuk mengurangkan ketidaksamaan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar dalam setiap negeri dan wilayah. Penekanan juga akan diberi untuk

membangunkan pusat pertumbuhan luar bandar dengan mewujudkan aktiviti menjana pendapatan bagi menambah baik ketidaksamaan pendapatan antara isi rumah bandar dan isi rumah luar bandar daripada 1:0.57 pada tahun 2016 kepada 1:0.67 pada tahun 2020. Penekanan ini akan menambah baik jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar serta meningkatkan kesejahteraan rakyat. Tiga strategi bagi menyokong bidang keutamaan ini adalah seperti berikut:

Strategi B1: Mempertingkat infrastruktur luar bandar

Kawasan luar bandar meliputi hampir 75% daripada keseluruhan keluasan Malaysia. Walaupun usaha yang berterusan telah dilaksana, akses kepada infrastruktur asas seperti jalan luar bandar, bekalan air terawat dan elektrik di kawasan luar bandar masih lagi terhad, terutama di kawasan pedalaman. Keadaan ini adalah disebabkan oleh kos pembangunan yang lebih tinggi berikutan bentuk muka bumi yang mencabar. Bentuk muka bumi ini membatasi akses ke tapak projek serta meningkatkan kos pengangkutan dan bahan binaan. Walau bagaimanapun, pelaburan dalam penyediaan infrastruktur asas, utiliti dan perkhidmatan yang berkualiti di luar bandar masih diperlukan untuk menambah baik akses dan mengurangkan jurang antara bandar dan luar bandar. Dalam tempoh akhir Rancangan, inisiatif akan dilaksana untuk meningkatkan penyediaan rangkaian jalan raya serta akses kepada bekalan air dan elektrik di samping menambah baik infrastruktur digital.

Meningkatkan penyediaan rangkaian jalan raya

Liputan jalan luar bandar akan diperluas bagi meningkatkan akses masyarakat luar bandar, termasuk Orang Asli, bertujuan untuk menyediakan peluang sosioekonomi yang lebih banyak. Walaupun kebanyakan kawasan luar bandar adalah dihubungkan melalui jalan, tidak semua jalan tersebut diturap dan berkeadaan baik. Oleh itu, pembinaan dan naik taraf baki 1,458 kilometer jalan berturap di kawasan luar bandar, terutama di Sabah dan Sarawak akan diteruskan bagi mencapai sasaran 3,000 kilometer pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, disebabkan jumlah jalan luar bandar yang perlu dinaik taraf dan dibina adalah besar, garis masa pelaksanaan akan dirancang sewajarnya dengan mengambil kira keutamaan negeri dan kedudukan kewangan kerajaan. Sementara itu, ketahanan dan keselamatan jalan luar bandar sedia ada akan dipastikan melalui penyenggaraan jalan yang dilaksana secara berterusan. Penyediaan jalan luar bandar akan meningkatkan ketersambungan dan mobiliti masyarakat dan barangan, dan seterusnya memacu aktiviti ekonomi dalam dan antara wilayah. Usaha ini akan menyumbang kepada pengurangan jurang pembangunan antara wilayah.

Memperluas liputan bekalan air

Akses kepada bekalan air bersih dan terawat di kawasan luar bandar masih menjadi cabaran. Pada tahun 2016, Kelantan mencatat peratusan akses kepada bekalan air bersih dan terawat yang terendah, iaitu sebanyak 67.7%[3], diikuti oleh Sabah sebanyak 79% dan Sarawak sebanyak 80.4%, berbanding dengan negeri lain yang

[3] Peratusan liputan di Kelantan adalah rendah kerana sumber alternatif lain digunakan walaupun terdapat akses kepada bekalan air bersih dan terawat.

telah mencapai akses lebih daripada 90%. Sehubungan itu, usaha untuk menambah baik akses kepada bekalan air bersih dan terawat akan dipergiat melalui penaiktarafan paip dan sistem retikulasi sedia ada. Sementara itu, lebih daripada 30% isi rumah luar bandar di Kelantan memilih sumber bekalan air alternatif seperti perigi, telaga tiub dan sistem air graviti. Oleh itu, sumber bekalan air alternatif akan terus diperluas untuk menampung keperluan isi rumah luar bandar. Langkah ini adalah bagi memastikan sasaran 99% liputan bekalan air bersih di luar bandar dapat dicapai.

Meningkatkan liputan bekalan elektrik

Akses kepada bekalan elektrik luar bandar di Sarawak adalah yang terendah, iaitu sebanyak 85.4% manakala di Sabah sebanyak 92.4% pada tahun 2017. Oleh itu, tumpuan bekalan elektrik luar bandar akan diteruskan melalui penjanaan luar grid untuk kawasan pedalaman dan terpencil. Pembangunan sistem alternatif seperti hibrid solar serta hidro mikro dan piko akan menyokong rangkaian luar grid untuk memastikan liputan yang lebih luas. Penyediaan kemudahan bekalan elektik kepada tambahan 41,160 buah rumah di kawasan luar bandar akan memastikan sasaran liputan 99% dapat dicapai. Akses kepada bekalan elektrik luar bandar yang lebih luas akan membantu mengurangkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar.

Menambah baik infrastruktur digital

Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) akan dimanfaatkan sebagai satu daripada alat strategik untuk memperkasa sosioekonomi masyarakat luar bandar bagi merapatkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar. Dalam tempoh akhir Rancangan, infrastruktur digital seperti 1,000 menara telekomunikasi akan dinaik taraf dan 300 menara baharu akan dibina untuk meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di kawasan luar bandar. Di samping itu, kemudahan dan perkhidmatan *telecentre* akan dioptimum untuk memperkasa masyarakat ke arah transformasi digital. Inisiatif ini akan merapatkan jurang pembangunan ekonomi digital antara kawasan bandar dan luar bandar.

Strategi B2:
Menambah Baik Hubung Kait antara Bandar dan Luar Bandar

Kebanyakan kawasan luar bandar masih belum memaksimumkan manfaat daripada pusat bandar yang berhampiran disebabkan oleh hubung kait antara bandar dan luar bandar yang lemah. Hubung kait yang lemah ini telah mengakibatkan kadar migrasi luar bandar ke bandar yang tinggi, seterusnya menjejaskan aktiviti ekonomi, produktiviti dan pendapatan masyarakat luar bandar. Sehubungan itu, hubung kait antara bandar dan luar bandar akan diperkukuh untuk menggalakkan integrasi ekonomi yang lebih baik serta memperluas perkhidmatan ke kawasan luar bandar. Dalam tempoh akhir Rancangan, inisiatif akan dilaksana untuk mempertingkat ketersambungan dan pergerakan bagi memperkukuh ekonomi luar bandar serta memperluas akses kepada perkhidmatan asas.

Mempertingkat ketersambungan dan pergerakan bagi memperkukuh ekonomi luar bandar

Pengangkutan awam akan dipertingkat untuk menyediakan ketersambungan yang lebih baik antara kawasan bandar, bandar kecil dan luar bandar dalam setiap negeri dan wilayah. Lebih banyak bas akan disediakan bagi laluan ulang-alik di kawasan luar bandar untuk meningkatkan ketersambungan dengan pusat bandar. Pada masa yang sama, sistem pengangkutan awam berasaskan komuniti akan dikaji untuk meningkatkan lagi perkhidmatan pengangkutan di kawasan luar bandar. Usaha ini akan meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam yang cekap, mampu dibayar dan selamat untuk menghubungkan kawasan luar bandar dengan pusat bandar.

Memperluas akses kepada perkhidmatan asas

Liputan dan akses kepada pelbagai kemudahan sosial dan ameniti asas di luar bandar akan dipertingkat melalui penambahbaikan perkhidmatan asas seperti pendidikan, penjagaan kesihatan primer serta penyediaan rumah mampu milik dan berkualiti. Di samping itu, pusat sehenti pelbagai perkhidmatan dan perniagaan di luar bandar, iaitu Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan mini RTC, akan menyediakan peluang ekonomi kepada usahawan

luar bandar untuk mempromosi dan memasarkan produk. Pusat ini akan dijenamakan semula, dengan fungsi dan lokasi RTC dikaji semula dan peranan mini RTC dipertingkat. Langkah ini adalah bagi memastikan penyediaan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat luar bandar melalui pengoptimuman ruang dan pengurangan pertindanan fungsi antara agensi. Selain itu, cadangan untuk menggalakkan penyedia perkhidmatan kurier memperluas perkhidmatan ke kawasan luar bandar akan turut diteroka.

Strategi B3: Mewujudkan Aktiviti Ekonomi Setempat di Luar Bandar

Penyertaan sektor swasta dalam aspek pelaburan dan menerajui aktiviti ekonomi di luar bandar masih di tahap yang rendah. Di samping itu, penerimagunaan ICT yang lemah dalam pembangunan perniagaan dan peluang sosioekonomi serta tahap pencapaian pendidikan dan kemahiran yang rendah telah menjadikan masyarakat luar bandar kurang mendapat faedah. Dalam tempoh akhir Rancangan, beberapa inisiatif akan dilaksana untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta dan aktiviti ekonomi luar bandar, memperluas pelaksanaan inisiatif di bawah konsep kampung maju, memanfaatkan ekonomi digital serta menambah baik keupayaan mendapatkan pekerjaan.

Mengalakkan lebih banyak pelaburan swasta

Penyertaan sektor swasta di kawasan luar bandar akan dipertingkat bagi menarik pelaburan bernilai lebih tinggi serta melaksana program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk terus membangunkan usahawan luar bandar. Dalam hal ini, beberapa pelabur swasta telah berjaya melaksana aktiviti perniagaan dengan penyertaan usahawan luar bandar. Oleh itu, syarikat peneraju yang berwibawa akan terus digalakkan untuk menerajui keseluruhan rantaian nilai, termasuk menyediakan latihan kemahiran kepada usahawan luar bandar. Langkah ini akan mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada penduduk setempat dan akan memberi faedah kepada kumpulan isi rumah B40.

Menggalakkan aktiviti ekonomi luar bandar yang mampan

Aktiviti ekonomi luar bandar yang mampan seperti industri asas tani dan ekopelancongan akan digalak untuk mengurangkan jurang pendapatan. Aktiviti lain dalam sektor pembuatan dan pertanian akan dipergiat melalui pembangunan industri berasaskan sumber dengan memanfaatkan kelebihan setempat. Usahawan mikro serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan disokong untuk menjalankan perniagaan di kawasan luar bandar. Kepelbagaian aktiviti ekonomi dan penyediaan sokongan yang diperlukan akan merangsang ekonomi di negeri yang kurang maju dan mengurangkan ketidaksamaan pembangunan dalam kalangan wilayah.

Memperluas pelaksanaan inisiatif di bawah konsep Kampung Maju Abad Ke-21

Inisiatif Kampung Maju Abad Ke-21 akan diperkukuh melalui program perkongsian strategik dengan syarikat swasta dan anak syarikat kerajaan. Inisiatif ini bertujuan untuk mewujudkan dan membantu pembangunan perniagaan 200 koperasi kampung pada tahun 2020. Pelaksanaan inisiatif kampung maju merentas wilayah akan memesatkan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan jurang pendapatan khususnya dalam kalangan isi rumah B40. Kerjasama dalam pembangunan luar bandar antara perusahaan sosial dengan agensi berkaitan akan diperkukuh untuk membangunkan kemahiran usahawan mikro dan PKS dalam membuat keputusan perniagaan, meningkatkan pembangunan kapasiti dan memupuk kesedaran mengenai kualiti produk. Sementara itu, PKS di kawasan luar bandar akan dibantu dalam mengkomersialkan produk berinovatif dan mendapatkan akses kepada pembiayaan terutama pada peringkat awal perniagaan. Pelaksanaan inisiatif di bawah konsep ini termasuk meningkatkan aktiviti pelancongan luar bandar seperti inap desa, ekopelancongan dan agropelancongan untuk menjana pendapatan tambahan dan mewujudkan peluang perniagaan kepada masyarakat luar bandar.

Memanfaatkan ekonomi digital

Ekonomi digital akan dimanfaatkan bagi peluasan dan kemampanan perniagaan di kawasan luar bandar untuk meningkatkan daya saing dan kapasiti usahawan luar bandar serta merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar. Sehubungan itu, penerapan ICT akan dipertingkat dengan memperluas penerimagunaan teknologi digital, menggunakan perkhidmatan pengkomputeran awan, menjayakan mekanisme e-bayaran, mempertingkat perdagangan melalui e-dagang dan menggalakkan penggunaan hab *fulfilment*. Di samping itu, usaha akan diambil untuk memastikan inisiatif dalam Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan (NeSR) dilaksana. NeSR menyediakan program pembangunan keupayaan yang menyeluruh untuk secara efektif mempromosi dan menggalakkan perniagaan, terutama PKS, supaya dapat menceburi perniagaan dalam talian serta membolehkan akses ke pasaran yang lebih luas. Inisiatif ini akan membantu usahawan luar bandar melonjakkan kapasiti perniagaan bagi mengatasi perbezaan dalam perkhidmatan yang ditawarkan antara wilayah.

Mempertingkat pengetahuan dan kemahiran untuk menambah baik keupayaan mendapatkan pekerjaan

Dalam meningkatkan keupayaan modal insan masyarakat luar bandar, usaha akan dipergiat melalui peningkatan pengetahuan dan latihan kemahiran bagi menambah baik keupayaan mendapatkan pekerjaan. Program latihan berstruktur akan terus dipertingkat bagi membangunkan kemahiran keusahawanan dan pengurusan untuk membantu usahawan luar bandar. Di samping itu, institusi latihan akan dilengkapi dengan kemudahan yang mencukupi bagi menyokong peningkatan kemahiran belia luar bandar.

Bidang Keutamaan C: Mempercepat Pembangunan di Sabah dan Sarawak

Pembangunan inklusif dan saksama akan diperkukuh di wilayah Sabah dan Sarawak untuk memberi manfaat kepada rakyat. Sehubungan itu, langkah akan dilaksana untuk mempercepat pertumbuhan dan mengurangkan jurang pembangunan dengan wilayah lain. Pembangunan ekonomi akan memanfaatkan sumber kekayaan dan bidang terpilih di kedua-dua wilayah. Dalam tempoh akhir Rancangan, strategi yang dikenal pasti di bawah bidang keutamaan ini adalah seperti berikut:

Strategi C1:
Mempergiat Pertumbuhan Ekonomi dan Perancangan Pembangunan

Sabah dan Sarawak menawarkan peluang yang besar untuk pertumbuhan ekonomi memandangkan kedua-dua wilayah tersebut akan mampu memanfaatkan kekayaan sumber asli. Walau bagaimanapun, sumber asli ini masih belum dioptimum disebabkan keadaan geografi yang mencabar dan populasi yang berselerak. Dalam tempoh akhir Rancangan, beberapa inisiatif akan dilaksana untuk meningkatkan peranan agensi pembangunan di Sabah dan Sarawak, membangunkan sektor ekonomi terpilih, menyedia agihan hasil petroleum secara wajar serta menambah baik perkhidmatan bekalan tenaga.

Meningkatkan peranan agensi pembangunan di Sabah dan Sarawak

Sabah menetapkan sasaran untuk mempergiat pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan kadar kemiskinan melalui penggubalan Pelan Tindakan Strategik Jangka Panjang Sabah (Sabah LEAP), 2016-2035. Melalui pelan tindakan ini, pelbagai strategi pembangunan telah dirangka untuk menggalakkan pertumbuhan sektor utama dan meningkatkan kualiti hidup, terutama masyarakat luar bandar. Antara strategi tersebut termasuk meningkatkan kesejahteraan sosial dan kemampanan alam sekitar untuk menggalakkan pembangunan seimbang. Di samping itu, usaha akan diperkukuh untuk memudah cara dan menggalakkan pelaburan, terutama untuk menyokong usahawan tempatan.

Peranan agensi pembangunan di Sarawak akan diperkukuh untuk menerajui usaha pembangunan ekonomi melalui rangka kerja perancangan yang menyeluruh untuk mempergiat pertumbuhan. Tiga agensi pembangunan yang baru ditubuhkan, iaitu *Highland Development Agency, Upper Rajang Development Agency* dan *Northern Region Development Agency* akan mempercepat pembangunan di kawasan luar bandar. Agensi pembangunan ini akan memanfaatkan potensi pertumbuhan dan melonjakkan transformasi luar bandar di Baram[4] di kawasan *highland* Sarawak, Bahagian Kapit dan Daerah Kanowit di *Upper Rajang* serta Bahagian Limbang di utara Sarawak. Tumpuan pembangunan di kawasan ini adalah untuk menambah baik infrastruktur termasuk jalan, air dan ketersambungan jalur lebar. Kluster tumpuan khusus, terutama dalam sektor pertanian komersial dan pelancongan akan dipergiat untuk melonjakkan pembangunan ekonomi dengan mengambil manfaat daripada kekayaan sumber di kawasan tersebut.

Membangunkan sektor ekonomi terpilih

Sektor ekonomi terpilih akan terus dibangunkan dengan memanfaatkan kekayaan sumber yang dimiliki oleh Sabah dan Sarawak yang boleh meningkatkan potensi ekonomi. Industri berasaskan kelapa sawit kekal sebagai industri utama, manakala perkhidmatan berkaitan pelancongan dan industri asas tani juga telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada keluaran dalam negeri kasar bagi negeri Sabah. Di samping itu, penekanan akan diberi untuk meningkatkan aspek ketenteraman dan keselamatan di pantai timur Sabah bagi memastikan industri pelancongan terus berkembang. Sementara itu, Sarawak akan memanfaatkan taman perindustrian, iaitu Taman Perindustrian Samalaju di Bintulu dan Taman Perindustrian Matadeng di Mukah serta bandar baharu Tunoh di Kapit untuk menarik lebih banyak pelaburan. Pelaburan di kawasan ini akan membolehkan kemajuan sosioekonomi penduduk setempat melalui pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan, terutama di kawasan yang kurang membangun.

Menyedia agihan hasil petroleum secara wajar

Kerajaan akan menyedia agihan hasil minyak dan gas secara wajar mengikut perundangan sedia ada dalam memastikan kemakmuran masyarakat Sabah dan Sarawak. Pada masa yang sama, satu jawatankuasa khas kabinet akan ditubuhkan bagi mengkaji semula dan memantau pelaksanaan yang wajar bagi Perjanjian Malaysia 1963. Usaha ini akan memastikan penyelesaian yang telus dan inklusif, terutama kepada isu berbangkit mengenai industri minyak dan gas bagi kedua-dua negeri ini.

[4] Kawasan Baram termasuk Marudi, Mulu, Bario, Telang Usan dan Long Lama.

Menambah baik perkhidmatan bekalan tenaga

Sabah akan digalakkan untuk merangka strategi perancangan tenaga yang menyeluruh, terutama bagi meningkatkan jaminan bekalan, menilai semula struktur tarif dan menambah baik kualiti perkhidmatan. Strategi ini bertujuan untuk mewujudkan industri elektrik yang giat di negeri ini dengan memastikan grid kuasa yang berdaya tahan dan kewangan yang berdaya maju. Di samping itu, *Sabah Electricity Sendirian Berhad* (SESB) perlu melaksana reformasi yang bersesuaian, termasuk struktur tarif, untuk mampan dari segi kewangan. Sementara itu, usaha akan dipergiat untuk menangani kekurangan bekalan elektrik di kawasan pantai timur Sabah, terutamanya menerusi pengukuhan grid sedia ada. Di samping itu, *Southern Link* akan dibina untuk menyediakan lingkaran penghantaran yang lengkap dalam grid negeri. Penambahbaikan grid ini akan meningkatkan kestabilan dan memastikan lebihan penjanaan di kawasan barat dapat disalurkan ke kawasan pantai timur Sabah.

Strategi C2:
Mempertingkat Infrastruktur untuk Menambah Baik Ketersambungan

Kawasan luar bandar dan pedalaman di Sabah dan Sarawak masih mempunyai akses yang terhad kepada infrastruktur asas yang penting untuk pembangunan. Kesannya, taraf hidup belum meningkat dengan ketara manakala aktiviti perniagaan tidak dapat berkembang disebabkan ketersambungan dan pergerakan penduduk, barangan dan perkhidmatan yang terhad. Dalam tempoh akhir Rancangan, beberapa inisiatif akan dilaksana untuk meningkatkan liputan dan ketersambungan jalan raya. Pada masa yang sama, usaha akan diambil untuk meningkatkan kapasiti dan kecekapan lapangan terbang dan pelabuhan bagi meningkatkan ketersambungan ke seluruh negeri. Di samping itu, mod pengangkutan yang lain akan diteroka bagi kawasan yang mempunyai ketersambungan jalan yang terhad atau tidak dapat disedia.

Meningkatkan liputan dan ketersambungan jalan raya

Liputan dan ketersambungan jalan raya bagi menghubungkan semua bandar utama, bandar dan kampung di wilayah Sabah dan Sarawak masih tidak mencukupi. Sehubungan itu, usaha akan dipergiat untuk memperluas rangkaian jalan raya termasuk pembinaan jalan luar bandar dan jalan ke empangan hidro serta menaik taraf bekas jalan balak. Sementara itu, pembinaan lebuh raya Pan Borneo yang sedang dalam pelaksanaan akan meningkatkan lagi ketersambungan dan mobiliti merentas wilayah Sabah dan Sarawak. Ketersambungan jalan raya yang lebih baik akan menghubungkan penempatan luar bandar serta merangsang aktiviti ekonomi setempat, terutama pertanian komersial. Usaha ini akan meningkatkan status sosioekonomi rakyat serta mengurangkan jurang pembangunan di wilayah tersebut.

Meningkatkan kapasiti dan kecekapan lapangan terbang dan pelabuhan

Usaha akan dilaksana untuk meningkatkan kapasiti dan kecekapan lapangan terbang dan pelabuhan bagi mempertingkat ketersambungan antara dan dalam negeri serta meningkatkan daya saing negeri dalam persekitaran perniagaan pada peringkat wilayah. Sehubungan itu, pembinaan lapangan terbang baharu di Mukah akan membantu mempertingkat ketersambungan dan mobiliti ke kawasan pesisir pantai Sarawak. Di Sabah, Pelabuhan Kontena Teluk Sapangar akan diperluas untuk menjadi hab pemunggahan di kawasan serantau BIMP-EAGA. Kapasiti dan kecekapan lapangan terbang dan pelabuhan yang ditambah baik akan mengurangkan masa perjalanan dan kos pengangkutan, seterusnya memudahkan lagi perdagangan di wilayah tersebut.

Strategi C3:
Memperluas Akses kepada Infrastruktur, Ameniti dan Perkhidmatan Asas

Peluasan infrastruktur asas seperti bekalan air dan elektrik serta akses kepada perumahan mampu milik dan perkhidmatan termasuk pendidikan dan penjagaan kesihatan, adalah penting dalam mempercepat pembangunan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Walaupun usaha yang berterusan telah dilaksana, akses kepada infrastruktur dan perkhidmatan asas masih lagi terhad disebabkan oleh keadaan geografi yang mencabar dan populasi yang berselerak, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Dalam tempoh akhir Rancangan, beberapa inisiatif akan dilaksana untuk mempertingkat akses kepada bekalan air dan elektrik, meningkatkan liputan jalur lebar serta menyediakan akses yang lebih baik kepada perumahan mampu milik serta perkhidmatan pendidikan dan penjagaan kesihatan.

Mempertingkat akses kepada bekalan air dan elektrik

Liputan bekalan air dan elektrik di Sabah dan Sarawak masih kekal lebih rendah berbanding negeri lain meskipun peningkatan yang marginal dicapai pada tahun 2016. Liputan bekalan air di Sabah telah meningkat daripada 87.9% pada tahun 2015 kepada 89.4% pada tahun 2016, manakala liputan di Sarawak meningkat daripada 94.2% pada tahun 2015 kepada 94.5% pada tahun 2016. Dari segi bekalan elektrik, liputan di Sabah telah meningkat daripada 91.7% pada tahun 2016 kepada 92.4% pada tahun 2017, manakala liputan di Sarawak meningkat daripada 83.8% pada tahun 2016 kepada 85.4% pada tahun 2017. Sehubungan itu, lebih banyak usaha akan dilaksana bagi meningkatkan penyediaan bekalan air dan elektrik.

Usaha untuk menambah baik akses kepada bekalan air akan termasuk menggalakkan lebih banyak syarikat swasta dan badan bukan kerajaan untuk membantu menyediakan bekalan air bersih melalui program CSR serta meneroka sumber bekalan air alternatif di kawasan pedalaman. Sementara itu, sistem bekalan elektrik di Sabah dan Sarawak akan diperkukuh melalui pembinaan dan menaik taraf rangkaian penjanaan, penghantaran dan pengagihan, seterusnya meningkatkan fleksibiliti operasi. Di samping itu, penggunaan tenaga boleh baharu seperti solar, hidro mikro dan piko serta biojisim akan digalakkan, terutama di kawasan terpencil. Pelaksanaan program ini bertujuan untuk meningkatkan liputan bekalan elektrik di Sabah dan Sarawak kepada 99% pada tahun 2020.

Meningkatkan liputan jalur lebar

Usaha akan diteruskan bagi meningkatkan liputan dan kapasiti jalur lebar di seluruh negara untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Pada tahun 2017, kadar penembusan jalur lebar di Sabah adalah sebanyak 64.5 per 100 penduduk[5] dan Sarawak pada kadar 106.5. Kedua-dua negeri ini mencatat kadar yang lebih rendah berbanding purata nasional, iaitu sebanyak 117.3. Kadar yang lebih rendah ini disebabkan oleh pelaburan swasta yang terhad dan prosedur pihak berkuasa tempatan (PBT) yang rumit. Sehubungan itu, usaha akan dipergiat untuk meningkatkan kerjasama antara Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan kerajaan negeri serta PBT untuk perancangan dan pelaksanaan pemasangan infrastruktur jalur lebar yang lebih cekap. Selain itu, 106 menara telekomunikasi akan dibina dan 400 menara telekomunikasi akan dinaik taraf di Sabah dan Sarawak untuk menambah baik perkhidmatan jalur lebar. Pada masa yang sama, penglibatan sektor swasta dalam pembangunan infrastruktur digital juga akan digalakkan.

Menyediakan akses yang lebih baik kepada perumahan mampu milik serta perkhidmatan pendidikan dan penjagaan kesihatan

Penyediaan akses yang lebih baik kepada perumahan mampu milik serta perkhidmatan pendidikan dan penjagaan kesihatan akan terus menjadi keutamaan di Sabah dan Sarawak. Usaha yang berterusan akan dilaksana untuk menyediakan kemudahan pendidikan yang berkualiti bagi meningkatkan pembangunan modal insan. Penekanan akan diberi untuk menaik taraf sekolah daif berdasarkan keperluan. Selain itu, kemudahan seperti akses kepada internet dan bekalan elektrik juga akan dipertingkat di lebih banyak sekolah khususnya di kawasan luar bandar bagi menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif.

Penyediaan rumah mampu milik di Sabah dan Sarawak akan menjadi sebahagian daripada sasaran sebanyak 200,000 rumah mampu milik yang akan dibina dalam tempoh akhir Rancangan. Majlis Perumahan Mampu Milik Negara akan memantau pelaksanaan inisiatif ini. Kerajaan Persekutuan akan terus melaksana program perumahan sedia ada dengan kerjasama kerajaan negeri. Program ini akan mengambil kira rasionalisasi pelbagai inisiatif penyediaan rumah mampu milik awam dan semakan semula subsidi perumahan. Selain itu, kerajaan negeri akan digalakkan untuk mempercepat pelaksanaan program rumah mampu milik dan memastikan pemaju perumahan swasta mematuhi kuota pembinaan rumah mampu milik.

Dalam aspek perkhidmatan penjagaan kesihatan, usaha akan dilaksana untuk meningkatkan liputan penjagaan kesihatan primer seperti klinik dan klinik desa serta menaik taraf kemudahan kesihatan. Tiga buah hospital sedia ada di Papar, Miri dan Lawas juga akan dinaik taraf. Perkhidmatan penjagaan kesihatan seperti perkhidmatan doktor udara dan klinik bergerak akan diteruskan untuk meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan di kawasan

[5] Kadar ini dikira dengan membahagi jumlah langganan jalur lebar tetap dan mudah alih dengan jumlah keseluruhan penduduk dan didarab dengan 100.

pedalaman. Inisiatif ini akan mengurangkan jurang pembangunan dengan wilayah lain di Malaysia dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Strategi C4: Menambah Peluang Pekerjaan

Permintaan terhadap pekerja mahir terus meningkat selaras dengan peningkatan aktiviti ekonomi yang semakin kompleks, terutama dengan kemunculan teknologi baharu. Jumlah pekerja mahir dengan kemahiran dan kepakaran khusus masih tidak mencukupi, terutama di Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, usaha akan dilaksana untuk memastikan pewujudan peluang pekerjaan baharu dengan meningkatkan kemahiran dan latihan kemahiran semula modal insan serta meningkatkan kemahiran dalam industri khusus.

Meningkatkan kemahiran dan latihan kemahiran semula modal insan

Dalam usaha untuk memenuhi permintaan industri, tumpuan akan diberi untuk meningkatkan kemahiran dan latihan kemahiran semula pekerja tempatan melalui penyediaan latihan kemahiran insaniah dan praktikal bagi meningkatkan kualiti pekerja. Sehubungan itu, sebanyak 52 institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) awam di Sabah dan 54 di Sarawak akan ditambah baik untuk menyediakan program latihan yang perlu berasaskan permintaan industri. Kemahiran yang diperoleh akan meningkatkan kebolehpasaran, tahap pendapatan pekerja dan seterusnya produktiviti.

Meningkatkan kemahiran dalam industri khusus

Usaha untuk meningkatkan kemahiran masyarakat setempat akan dipergiat bagi memenuhi keperluan kluster ekonomi khusus. Dalam industri pelancongan sebagai contoh, kemahiran terpilih dalam bidang hospitaliti dan pengurusan akan terus diperkukuh. Latihan kemahiran ini akan merangkumi kemahiran asas bahasa dan kemahiran memandu pelancong bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelancong serta memasarkan produk tempatan. Pemilik inap desa dan penduduk setempat akan dilatih untuk memanfaatkan platform yang dikongsi bersama untuk memperluas liputan pasaran kepada pelancong antarabangsa. Usaha ini akan meningkatkan prospek guna tenaga dan memupuk usahawan kecil, terutama isi rumah B40, bagi merangsang pertumbuhan ekonomi di kedua-dua negeri dan merapatkan ketidaksamaan pendapatan.

Strategi C5: Meningkatkan Pembangunan Tanah Adat

Pembangunan tanah adat adalah penting untuk mewujudkan aktiviti ekonomi dan menjana pendapatan masyarakat setempat di Sabah dan Sarawak. Kerjasama antara Kerajaan Negeri, agensi berkaitan, pemilik tanah dan pelabur akan meningkatkan kesejahteraan rakyat, khususnya isi rumah B40 di kedua-dua negeri. Dalam tempoh akhir Rancangan, inisiatif akan dilaksana untuk mempergiat aktiviti pengukuran dan pemetaan tanah serta mempercepat pembangunan tanah Hak Tanah Adat (NCR).

Mempergiat aktiviti pengukuran dan pemetaan tanah

Pengukuran dan pemetaan tanah adat bagi menentukan sempadan tanah NCR akan dipercepat. Dalam tempoh kajian semula, sejumlah 30,702 hektar tanah NCR di Sabah dan sejumlah 95,796 hektar di Sarawak telah diukur. Dalam tempoh akhir Rancangan, pemetaan tanah NCR akan meliputi tambahan kawasan seluas 51,000 hektar di Sabah dan seluas 225,600 hektar di Sarawak. Penyiapan pengukuran parameter tanah NCR ini adalah penting bagi membolehkan pembangunan tanah dimulakan dan memperbaiki daya maju ekonomi.

Mempercepat pembangunan tanah NCR

Kebanyakan tanah NCR di Sabah dan Sarawak akan terus dibangunkan secara komersial bagi aktiviti pertanian melalui pelbagai mekanisme. Mekanisme ini termasuk usaha sama dengan pelabur swasta, pajakan, perladangan kontrak dan perladangan persendirian. Inisiatif ini akan menyediakan peluang kepada masyarakat setempat untuk mengoptimum pembangunan tanah bagi tujuan ekonomi. Melalui inisiatif ini, pertumbuhan ekonomi di kedua-dua negeri akan diperkukuh manakala ketidaksamaan antara bandar dan luar bandar akan dapat dikurangkan.

Kesimpulan

Strategi dan inisiatif yang menyeluruh akan terus dilaksana dalam tempoh akhir Rancangan. Usaha ini adalah untuk memastikan pembangunan wilayah lebih seimbang, yang akan menyumbang kepada pertumbuhan negara. Pembangunan negeri dan wilayah yang kurang membangun akan dipercepat untuk mengurangkan lagi ketidaksamaan antara wilayah. Di samping itu, hubung kait antara bandar dan luar bandar akan diperkukuh bagi merangsang aktiviti ekonomi dan mentransformasi kawasan luar bandar untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat. Bandar juga akan dimanfaatkan bagi mempercepat pertumbuhan ekonomi wilayah dan negara. Pada masa yang sama, pembangunan di wilayah Sabah dan Sarawak akan terus menjadi keutamaan bagi mengurangkan jurang dengan wilayah lain. Pelaksanaan pelbagai strategi pembangunan wilayah yang selari dengan Agenda 2030 Pembangunan Mampan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan tema tiada sesiapa tertinggal, akan menyumbang ke arah menyediakan peluang pekerjaan dan mencapai pertumbuhan inklusif.

13

B A B

IV

TONGGAK

Memperkasa Modal Insan

Pendahuluan

Modal insan yang berpengetahuan dan berinovatif merupakan faktor penting untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, meningkatkan pembangunan modal insan akan terus menjadi keutamaan dalam tempoh akhir Rancangan, 2018-2020. Usaha pembangunan modal insan akan meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan serta menyediakan peluang pekerjaan yang berkualiti ke arah membina negara yang lebih inklusif, saksama dan makmur.

Inisiatif akan dipergiat untuk meningkatkan akses kepada pendidikan yang berkualiti dan menambah baik program latihan. Pada masa yang sama, reformasi pasaran buruh akan dilaksana bagi memastikan pekerjaan berkualiti yang menawarkan gaji dan upah yang tinggi serta terma dan syarat pekerjaan yang lebih baik. Usaha akan diambil untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti buruh. Langkah penambahbaikan ini akan memastikan pekerja pada masa hadapan dilengkapi dengan kemahiran yang relevan untuk pekerjaan yang berkualiti.

Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020

Tumpuan akan diberi kepada reformasi pasaran buruh untuk menghasilkan tenaga kerja yang cekap dan mahir ke arah menyokong pertumbuhan ekonomi. Reformasi ini adalah perlu bagi menangani ketidakpadanan pekerjaan yang mengakibatkan guna tenaga tidak penuh dalam kalangan siswazah, kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan belia dan pertumbuhan gaji yang perlahan serta kebergantungan yang tinggi kepada pekerja asing berkemahiran rendah. Usaha akan diambil bagi memastikan lebih banyak pekerjaan berkemahiran diwujudkan dan menyediakan peluang kepada rakyat Malaysia untuk mendapat gaji dan upah yang tinggi dengan persekitaran kerja yang lebih baik. Di samping itu, outcome pelajar dan penglibatan industri akan dipertingkat bagi membangunkan bakat bertaraf dunia. Bidang keutamaan dan strategi ke arah memperkasa modal insan adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 4-1*.

Paparan 4-1

Memperkasa Modal Insan



Sasaran Terpilih, 2020

Mereformasi pasaran buruh

2.9%
2018-2020
Pertumbuhan produktiviti buruh

38.0%
Pampasan pekerja kepada KDNK

RM 2,400
Gaji penengah bulanan

Menambah baik kecekapan dan produktiviti buruh

Setara dengan piawaian antarabangsa
Kajian semula Undang-Undang Perburuhan:
Akta Kerja 1955, Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967

Meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan yang berkualiti

Setara dengan purata antarabangsa
Malaysia mensasarkan untuk berada sekurang-kurangnya setara dengan purata antarabangsa dalam penilaian TIMSS dan PISA

Enrolmen sejagat (≥95%)
Enrolmen pendidikan prasekolah dan menengah

225,000
Pengambilan lepasan SPM ke aliran TVET

Memupuk jalinan industri-akademia yang lebih kukuh

2 dalam 100 teratas
2 universiti dalam kalangan 100 teratas *QS World University Rankings*

85.0%
Lepasan TVET mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian

Sasaran Asal | Sasaran Dipinda | Sasaran Baharu

Bidang Keutamaan A: Mereformasi Pasaran Buruh

Kecekapan pasaran buruh merupakan penyumbang penting untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, pasaran buruh perlu direformasi, terutama bagi memastikan kualiti pekerjaan, gaji dan upah yang tinggi serta menyediakan persekitaran kerja yang lebih kondusif. Dalam tempoh akhir Rancangan, empat strategi utama yang akan dilaksana untuk mereformasi pasaran buruh adalah seperti berikut:

Strategi A1: Menjana Pekerjaan Berkemahiran

Komposisi pekerjaan di Malaysia adalah lebih tertumpu dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah. Pelbagai inisiatif akan dilaksana dalam tempoh akhir Rancangan untuk menjana peluang pekerjaan mahir dengan memberi tumpuan kepada penggalakan automasi dan inovasi, mengenal pasti kemahiran kritikal serta menangani kekurangan kemahiran. Pelaksanaan inisiatif ini akan membantu menggalakkan pertumbuhan ekonomi ke arah mencapai status negara maju.

Menggalakkan inovasi dan automasi

Usaha akan dilaksana bagi menggalakkan inovasi, automasi, menerima guna teknologi baharu dan pengkomersialan harta intelek untuk menjana pekerjaan mahir dengan gaji dan upah yang lebih tinggi. Dalam hal ini, pelaburan berkualiti tinggi akan diberi keutamaan untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan mahir dalam ekonomi. Senarai industri yang layak mendapat insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 akan dikaji semula untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi.

Mengenal pasti kemahiran kritikal bagi keperluan industri

Jawatankuasa Kemahiran Industri (JKI) akan mengenal pasti kemahiran kritikal yang diperlukan oleh industri dan memudah cara intervensi dasar untuk menangani kekurangan kemahiran yang kritikal. Dalam hal ini, senarai pekerjaan yang kritikal (COL) telah dibangunkan oleh Jawatankuasa Jurang Kemahiran Kritikal di bawah JKI dalam menangani ketidakseimbangan kemahiran dan ketidakpadanan pekerjaan. Laporan COL akan terus dikemaskini untuk mengenal pasti kekurangan pekerja dalam pekerjaan kritikal yang akan memberi kesan ke atas ekonomi. Kerajaan akan melaksana intervensi berdasarkan laporan COL dengan menyusun semula keutamaan bidang pengajian dan memanfaatkan diaspora Malaysia.

Menangani kekurangan kemahiran

Kekurangan kemahiran kritikal akan ditangani melalui program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula untuk melengkapkan siswazah dengan kemahiran khusus yang diperlukan

oleh industri. Bagi menangani kekurangan kemahiran secara lebih mampan, kurikulum Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan pendidikan tinggi akan dikaji secara berterusan supaya selaras dengan keperluan dan permintaan industri yang dinamik. Usaha ini adalah penting terutama bagi menghadapi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dalam keadaan permintaan kemahiran oleh pasaran buruh yang sentiasa berubah.

Strategi A2: Meningkatkan Gaji dan Upah

Kajian[1] yang dijalankan pada tahun 2016 menunjukkan bahawa majoriti lepasan TVET memperoleh pendapatan di bawah RM1,500 sebulan manakala Kajian Pengesanan Graduan Tahun 2017 pula menunjukkan hampir separuh daripada jumlah siswazah memperoleh pendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan. Oleh itu, Kerajaan komited untuk menangani isu ini melalui inisiatif seperti semakan secara berterusan ke atas dasar gaji minimum dan pembangunan Indeks Gaji Kebangsaan (NWI). Di samping itu, peluasan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS) dan pelaksanaan menyeluruh program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula akan dipergiat untuk meningkatkan produktiviti buruh ke arah meningkatkan gaji dan upah.

Mengkaji semula dasar gaji minimum secara berterusan

Kerajaan komited untuk mengkaji semula dasar gaji minimum setiap dua tahun sekali dan menangani isu berkaitan perbezaan kadar gaji minimum antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini, gaji minimum bulanan akan diseragamkan kepada RM1,050 di seluruh negara mulai 1 Januari 2019. Penguatkuasaan akan dipertingkat bagi memastikan pematuhan dasar ini.

Membangunkan Indeks Gaji Kebangsaan

Selain gaji minimum, terdapat juga kebimbangan bahawa gaji permulaan pekerja adalah tidak setimpal dengan tahap kelulusan, terutama bagi yang mempunyai pendidikan tertiari. Oleh yang demikian, Kerajaan akan melancarkan NWI pada tahun 2019 sebagai panduan dan penanda aras kepada majikan dalam menentukan tahap gaji yang sesuai, selaras dengan tahap kelayakan dan kemahiran pekerja. NWI akan dibangun dengan menggabungkan data upah dari pelbagai sumber supaya dapat memberi gambaran yang lebih baik.

Meningkatkan produktiviti buruh

Usaha bersepadu akan diambil bagi memperluas pelaksanaan PLWS untuk memastikan upah adalah setimpal dengan produktiviti yang lebih tinggi. Di samping itu, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) akan terus memberi tumpuan kepada program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula. PSMB akan memperluas liputan sektor yang layak untuk pembiayaan bagi membolehkan lebih ramai pekerja dilatih. Program latihan ini bertujuan untuk mewujudkan pekerja mahir yang lebih produktif dan memperoleh upah yang lebih tinggi.

Strategi A3: Menambah Baik Pengurusan Pekerja Asing

Beberapa sektor masih terus menggaji sebahagian besar pekerja asing berkemahiran rendah walaupun terdapat pengurangan jumlah keseluruhan pekerja asing yang berdaftar. Sektor ini termasuk pembinaan, pertanian dan pembuatan. Dalam tempoh akhir Rancangan, langkah yang akan dilaksana termasuk mengurangkan kebergantungan dan meningkatkan pengurusan pekerja asing berkemahiran rendah.

Mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah

Usaha untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah akan dipergiat, antara lain, dengan menggalakkan automasi dan mekanisasi terutama dalam sektor pembuatan dan pertanian. Bagi sektor pembinaan, pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri (IBS) akan terus digalakkan bertujuan untuk mengurangkan jumlah pekerja asing berkemahiran rendah. Sistem levi berperingkat yang progresif berasaskan kepada jumlah pekerja asing yang digaji akan dilaksana untuk mengurang dan mengawal selia bilangan pekerja asing dengan lebih ketat. Di samping itu, kajian akan dilaksana bagi menganalisis kesan penggajian pekerja asing berkemahiran rendah ke atas sosioekonomi.

[1] Berdasarkan kajian *Study on the Demand and Supply of Human Capital Requirements on TVET, 2016.*

Meningkatkan pengurusan pekerja asing

Inisiatif Aku Janji Majikan akan dikuatkuasakan untuk membolehkan pengurusan yang lebih baik dan melindungi kebajikan pekerja asing. Inisiatif ini, antara lain, akan menetapkan agar majikan bertanggungjawab ke atas pembayaran levi, penyediaan perumahan dan kemudahan asas serta memastikan pekerja asing pulang ke negara asal selepas tamat kontrak pekerjaan. Selain itu, Akta Kerja 1955 akan dipinda bagi menetapkan keperluan mandatori kepada majikan agar gaji pekerja asing dibayar melalui sistem perbankan. Langkah ini akan membolehkan pengurusan yang lebih baik seperti mencegah eksploitasi serta memantau pengiriman wang oleh pekerja asing.

Strategi A4: Menambah Baik Keadaan Pasaran Buruh

Malaysia terus mengekalkan guna tenaga penuh sejak tahun 1992. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur 15 hingga 24 tahun masih tinggi, terutama bagi belia yang mempunyai pendidikan tertiari. Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh ketidakpadanan antara kemahiran yang dimiliki oleh siswazah dan yang diperlukan oleh industri. Dalam tempoh akhir Rancangan, terdapat keperluan bagi menambah baik keadaan pasaran buruh melalui penubuhan pusat sehenti perkhidmatan pekerjaan dan menambah baik pangkalan data pasaran buruh.

Menubuhkan pusat sehenti perkhidmatan pekerjaan

Dalam menangani masalah ketidakpadanan pasaran buruh, fungsi pusat transformasi bandar dan pusat transformasi luar bandar akan diperluas sebagai pusat sehenti bagi pencari pekerjaan dengan menggabungkan latihan dan perkhidmatan pemadanan pekerjaan. Pusat sehenti ini juga akan menyediakan khidmat nasihat dan maklumat mengenai peluang latihan dan pekerjaan. Di samping itu, laporan COL akan disediakan di setiap pusat sehenti perkhidmatan pekerjaan sebagai rujukan kepada pelajar dan industri bagi meminimumkan ketidakpadanan pekerjaan.

Menambah baik pangkalan data pasaran buruh

Langkah akan diambil untuk menyediakan data pasaran buruh yang menyeluruh dan tepat pada masanya bagi mengenal pasti serta memahami isu pasaran buruh, menentukan hala tuju masa hadapan dan membuat keputusan mengenai dasar negara berasaskan maklumat yang tepat. Pangkalan data Biro Statistik Buruh Malaysia akan diperkukuh dengan mengintegrasi data daripada pelbagai agensi Kerajaan untuk memudahkan proses membuat keputusan dan penilaian dasar yang berasaskan bukti. Data tersebut akan dikumpul daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Bidang Keutamaan B: Menambah Baik Kecekapan dan Produktiviti Buruh

Persekitaran kerja yang kondusif adalah penting untuk memastikan pekerjaan yang berkualiti yang akan menyumbang kepada kecekapan dan produktiviti yang lebih baik. Dalam hal ini, langkah untuk menambah baik keadaan pekerjaan termasuk usaha memastikan pekerja mempunyai hak dan perwakilan yang mencukupi bagi berurusan dengan majikan. Pada masa yang sama, penyertaan wanita dalam pasaran buruh akan dipertingkat untuk memanfaatkan potensi kemahiran bakat dan meningkatkan inklusiviti dalam tenaga kerja. Dalam tempoh akhir Rancangan, keutamaan akan diberi untuk melaksanakan strategi berikut:

Strategi B1: Memperkukuh Hak Pekerja

Pampasan pekerja (CE) di Malaysia adalah rendah, menunjukkan pampasan pekerja yang diperoleh tidak setimpal berbanding dengan peningkatan produktiviti. Keadaan ini ditunjukkan melalui peningkatan yang marginal dalam sumbangan CE kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK), iaitu daripada 33.6% pada tahun 2013 kepada 35.2% pada tahun 2017. Selain itu, sumbangan CE di Malaysia adalah lebih rendah secara relatif berbanding di Singapura dan Republik Korea. Tahap CE yang lebih rendah di Malaysia sebahagiannya disebabkan oleh kuasa rundingan yang lemah dalam kalangan pekerja. Dalam tempoh akhir Rancangan, hak pekerja akan diperkukuh melalui kajian semula undang-undang perburuhan dan pelaksanaan secara menyeluruh Sistem Insurans Pekerjaan (SIP).

Mengkaji semula undang-undang perburuhan

Kerajaan akan terus mendukung hak pekerja, setara dengan standard antarabangsa dan meningkatkan pematuhan kepada standard Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Dalam hal ini, Malaysia akan menggalakkan prinsip dan hak dalam beberapa isu seperti kebebasan berkesatuan, hak untuk rundingan kolektif, penghapusan buruh paksa dan penghapusan diskriminasi dalam pekerjaan. Langkah ini juga bertujuan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif berkaitan dengan upah minimum, tempoh bekerja serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ke arah ini, beberapa akta akan dikaji semula termasuk Akta Kerja 1955, Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Melaksana secara menyeluruh Sistem Insurans Pekerjaan

Kerajaan akan mengambil pendekatan yang menyeluruh untuk mengukuhkan sistem perlindungan sosial untuk pekerja, terutama dalam menghadapi cabaran masa hadapan. Kemunculan 4IR akan membawa perubahan pesat kepada teknologi yang berkemungkinan menyebabkan pemberhentian pekerja. Dalam hal ini, pelaksanaan SIP bermula 1 Januari 2018 menyediakan jaringan keselamatan untuk semua pekerja tempatan dalam sektor swasta sekiranya berlaku kehilangan pekerjaan di luar jangkaan. Pekerja yang diinsuranskan akan menerima manfaat yang merangkumi, antara lain, elaun mencari pekerjaan, latihan, penempatan pekerjaan dan kaunseling kerjaya. Pengenalan SIP memberi gambaran terdapat perubahan penting dalam pendekatan, daripada melindungi pekerjaan kepada melindungi pekerja. Dalam tempoh akhir Rancangan, tumpuan akan diberi kepada pelaksanaan SIP yang cekap dan berkesan di samping menambah baik pengurusan dana.

Strategi B2: Meningkatkan Penyertaan Wanita dalam Tenaga Buruh

Kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh (FLFPR) adalah secara ketara lebih rendah daripada lelaki meskipun enrolmen wanita lebih tinggi di universiti awam. FLFPR di Malaysia juga lebih rendah daripada negara lain di rantau ini seperti di Singapura, Thailand dan Vietnam. Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan ditumpu bagi meningkatkan FLFPR melalui pelaksanaan aturan kerja yang fleksibel serta peluasan kadar minimum cuti bersalin dan penyediaan kemudahan penjagaan yang lebih baik bagi kanak-kanak.

Melaksana aturan kerja yang fleksibel

Kajian[2] yang dilaksana pada tahun 2014 mendapati bahawa FLFPR yang lebih rendah adalah disebabkan oleh kesukaran dalam mengimbangi komitmen di rumah dan tempat kerja. Dalam hal ini, beberapa majikan sektor swasta telah melaksana aturan kerja yang fleksibel untuk lebih menarik minat dan mengekalkan bakat wanita. Akta Kerja 1955 dan kedua-dua Ordinan Buruh Sabah dan Sarawak membolehkan pelaksanaan aturan kerja yang fleksibel tertakluk kepada persetujuan bersama antara pekerja dengan majikan. Oleh yang demikian, pelaksanaan aturan kerja yang fleksibel akan terus digalakkan dalam sektor swasta dan awam.

[2] Berdasarkan kajian *Study to Support the Development of National Policies and Programmes to Increase and Retain the Participation of Women in the Malaysian Labour Force: Key Findings and Recommendations* oleh Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat dan *United Nations Development Programme* (2014).

Meluaskan kadar minimum cuti bersalin dan meningkatkan peranan wanita dalam kepimpinan

Akta Kerja 1955 akan dipinda untuk meningkatkan bilangan minimum hari cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari untuk terus menyokong ibu yang bekerja di sektor swasta. Di samping itu, peraturan kemudahan penjagaan kanak-kanak akan dikaji semula untuk memudahkan majikan menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja atau di kawasan berhampiran. Sementara itu, mulai Januari 2019 semua agensi Kerajaan perlu menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak. Bagi meningkatkan peranan wanita dalam kepimpinan dan penggubalan dasar, usaha juga akan diteruskan untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30% penglibatan wanita dalam lembaga pengarah syarikat milik kerajaan (SOE), badan berkanun dan syarikat awam tersenarai menjelang tahun 2020.

Bidang Keutamaan C: Meningkatkan Akses kepada Pendidikan dan Latihan yang Berkualiti

Usaha akan dipergiat dalam pelaburan modal insan bagi memastikan akses yang saksama kepada pendidikan dan latihan yang berkualiti untuk rakyat. Pelajar akan dilengkapkan dengan pengetahuan yang mantap dan kemahiran yang pelbagai pada setiap peringkat pendidikan bagi meningkatkan peluang pekerjaan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Dalam tempoh akhir Rancangan, keutamaan akan diberi untuk melaksana tiga strategi seperti berikut:

Strategi C1: Meningkatkan Kualiti Pendidikan

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) dan PPPM 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), pembaharuan sistem pendidikan memberi penekanan terhadap kualiti, ekuiti, akses, perpaduan, kecekapan dan inklusif. Oleh itu, untuk meningkatkan kualiti pendidikan asas yang meliputi pendidikan prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah, inisiatif akan ditumpu kepada peningkatan pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) serta penguasaan kemahiran Bahasa Inggeris. Inisiatif lain akan juga termasuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran, menggalakkan persekitaran pembelajaran maya dan mempergiat pembangunan profesionalisme berterusan untuk guru. Sementara

itu, sektor pendidikan tinggi akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kualiti siswazah dan program akademik serta mencapai kecemerlangan dalam tadbir urus institusi pendidikan tinggi (IPT). Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengkaji semula kedua-dua PPPM untuk terus menambah baik ekosistem pendidikan bagi memenuhi cabaran masa kini dan akan datang. Kajian semula ini akan memberi tumpuan terhadap strategi untuk menjadikan sekolah awam sebagai pilihan utama rakyat dan memperkasa IPT bagi penambahbaikan berterusan. Langkah ini bukan sahaja akan memastikan standard pendidikan yang lebih tinggi, malah menerap nilai murni dan budaya kerja yang positif seperti yang diamalkan di Jepun.

Pendidikan Asas

Mempertingkat pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik

Salah satu keutamaan untuk mengukuhkan kualiti pendidikan asas adalah untuk terus mempertingkat pembelajaran STEM berdasarkan konsep kehidupan sebenar dan aktiviti amali. Pusat STEM Kebangsaan akan membangunkan kaedah pengajaran dan pembelajaran terkini bagi melatih guru untuk menjadi pakar STEM. Kaedah ini akan menggabungkan komponen inkuiri, penaakulan, kolaborasi dan penerokaan untuk membangun kebolehan murid dalam mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran. Amali sains akan diperkenalkan semula untuk membolehkan murid mendapat pengalaman secara langsung dan pemahaman yang lebih baik mengenai pembelajaran STEM.

Meningkatkan penguasaan kemahiran Bahasa Inggeris

Bagi meningkatkan penguasaan kemahiran Bahasa Inggeris di sekolah, kurikulum berasaskan modular akan diberi lebih penekanan untuk menerapkan sikap positif terhadap pembelajaran dan penggunaan Bahasa Inggeris. Di samping itu, penguasaan Bahasa Inggeris dan kemahiran mengajar dalam kalangan guru akan dipergiat. Sementara itu, lebih banyak sekolah akan digalakkan untuk melaksana Program Dwibahasa (DLP) melalui pengajaran mata pelajaran matematik dan sains dalam Bahasa Inggeris. DLP menyediakan opsyen kepada ibu bapa untuk menentukan bahasa pilihan bagi pendidikan kanak-kanak.

Mempertingkat kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran

Pengajaran dan pembelajaran akan memberi penekanan terhadap KBAT dan menerima pakai pendekatan yang lebih inovatif untuk membangun kemahiran abad ke-21 seperti kemahiran kolaboratif, celik digital, pemikiran kritis serta kemahiran menyelesaikan masalah. Dalam hal ini, pentaksiran berasaskan sekolah akan mengandungi lebih banyak soalan berkaitan KBAT. Soalan berkaitan KBAT yang memerlukan pemikiran analitik dan aplikasi pengetahuan akan ditingkatkan secara beransur-ansur dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), daripada 20% kepada 40% menjelang tahun 2020.

Menggalakkan persekitaran pembelajaran maya

Persekitaran pembelajaran maya di sekolah akan dipertingkat melalui pembangunan bahan e-pembelajaran yang lebih baik dengan kerjasama IPT, agensi kerajaan dan institusi swasta. Dalam hal ini, modul Teknologi Maklumat dan Komunikasi di sekolah akan dikaji semula secara berterusan agar selaras dengan perkembangan teknologi terkini. Di samping itu, kesedaran mengenai perlindungan dan keselamatan siber akan diterap dalam kurikulum sekolah. Guru akan turut dilatih dengan kemahiran dan pengetahuan yang mencukupi untuk mereka bentuk dan membangun bahan e-pembelajaran yang akan disesuaikan secara khusus mengikut keperluan pembelajaran di sekolah.

Mempergiat pembangunan profesionalisme berterusan untuk guru

Usaha untuk mempertingkat kompetensi pengasuh di pusat penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) serta guru pada semua peringkat sekolah akan dilaksana melalui penyediaan program latihan khusus dan profesional. Di samping itu, guru prasekolah awam dan swasta perlu memiliki sekurang-kurangnya diploma dalam ECCE menjelang tahun 2020. Program pembangunan profesionalisme berasaskan kompetensi juga akan dilaksana bagi guru dalam perkhidmatan untuk menambah baik kemahiran pengurusan, pedagogi dan insaniah. Selain itu, kursus Kelayakan Profesional Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan akan diteruskan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan bakal guru besar dan pengetua sekolah.

Pendidikan Tinggi

Meningkatkan kualiti siswazah dan program akademik

Selaras dengan PPPM 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), usaha bersepadu akan ditumpu ke arah meningkatkan kualiti siswazah dan program akademik serta memperkukuh keupayaan penyelidikan. Pelan ini mensasarkan untuk mempertingkat kualiti siswazah berdasarkan enam atribut utama, iaitu etika dan kerohanian, kemahiran kepimpinan, identiti kebangsaan, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan. Sasaran ini akan dapat dicapai menerusi pelbagai pendekatan termasuk meningkatkan kemahiran insaniah, memperluas pendidikan keusahawanan, mempergiat penglibatan industri dalam pembangunan kurikulum dan latihan amali serta memperkukuh *Massive Open Online Courses* (MOOC)[3]. Inisiatif utama bagi terus memperkukuh dan meningkatkan kualiti siswazah dan program akademik adalah termasuk menjajar semula dan menghapuskan program berimpak rendah, mempergiat penglibatan pemain industri dalam pembelajaran dan pengajaran serta melaksana *Integrated Graduate Employability Structured Programme* (i-GESP). Di samping itu, usaha juga akan ditumpukan untuk mempertingkat pelaksanaan program latihan industri dan pensijilan industri untuk pelajar. Inisiatif tersebut akan memperlengkap pelajar universiti dengan kemahiran yang diperlukan bagi membina daya tahan dan meningkatkan kebolehpasaran. Selain itu, usaha untuk memupuk kemahiran keusahawanan akan dipergiat bagi mengubah pemikiran siswazah daripada pencari pekerjaan kepada pencipta pekerjaan. Di samping itu, inisiatif bagi memperkukuh keupayaan penyelidikan di IPT akan dilaksana dengan meningkatkan fungsi Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE)[4], menambah pengkomersialan output penyelidikan, pembangunan dan inovasi (R&D&I) dan memastikan penyelidikan yang dipacu permintaan.

Bagi memastikan modal insan masa hadapan memenuhi keperluan serta berupaya menghadapi cabaran dan mengambil peluang yang diwujudkan oleh 4IR, rangka kerja yang menyeluruh bagi pendidikan tinggi, iaitu *Framing Malaysian Higher Education 4.0: Future-Proof Talents* telah diperkenalkan. Tujuan rangka kerja ini adalah untuk melahirkan warganegara yang beretika dan bermoral dengan nilai kerohanian yang kukuh untuk memenuhi keperluan 4IR. Rangka kerja ini juga memberi tumpuan kepada mod kurikulum yang lebih fleksibel dan dinamik yang boleh disesuaikan dengan mengambil kira keperluan yang berubah dalam industri. Dalam hal ini, IPT akan diberi kebenaran untuk menawarkan 30% daripada kurikulum dalam mod tersebut. Pada masa yang sama, kaedah penyampaian pembelajaran dan pengajaran yang dibuat perubahan merangkumi pembelajaran kendiri pelajar, pembelajaran berorientasikan rakan sebaya, pembelajaran secara maya dan pembelajaran berasaskan pengalaman akan diperkenalkan.

Mencapai kecemerlangan tadbir urus bagi institusi pendidikan tinggi

Universiti awam telah menunjukkan kemajuan ketara dalam kedudukan antarabangsa, terutama dalam *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2018/2019*. Semua universiti penyelidikan menunjukkan peningkatan memberangsangkan dalam kedudukan antarabangsa. Universiti Malaya telah berjaya mencapai kedudukan dalam 100 universiti teratas di dunia, iaitu berada di tangga ke-87. Sementara itu, Universiti Kebangsaan Malaysia telah mencapai kedudukan dalam 200 universiti teratas di dunia, berada di tangga ke-184.

Dalam melangkah ke hadapan, universiti awam akan digalakkan untuk memanfaat status autonomi dan mencapai kedudukan kewangan yang mampan. Inisiatif bagi mempelbagai sumber pendapatan termasuk mewujudkan kumpulan wang endowmen dan menyediakan perkhidmatan perundingan. Satu mekanisme pembiayaan berasaskan prestasi, keutamaan nasional dan inovasi akan diperkenalkan. Mekanisme ini akan memastikan penggunaan sumber yang lebih optimum ke arah memberi keutamaan kepada outcome pelajar dan meningkatkan kecemerlangan universiti.

---

[3] Inisiatif MOOC bertujuan untuk menggalakkan pembelajaran secara atas talian dan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan rakyat Malaysia melalui kepelbagaian pengalaman dalam kelas serta interaksi tanpa had dengan penggunaan internet. Program MOOC bukan sahaja boleh diakreditasi di Malaysia tetapi juga boleh diakreditasi oleh penyedia MOOC antarabangsa.

[4] Status HICoE diberikan kepada pusat kecemerlangan yang mempunyai potensi dan keupayaan dari segi kepakaran, infrastruktur dan penghasilan output untuk memperluas lagi penyelidikan khusus dalam bidang tujahan HICoE.

Peruntukan pembiayaan ini akan ditentukan oleh empat komponen utama, iaitu pembiayaan berdasarkan jumlah pelajar, insentif berkaitan petunjuk prestasi utama, insentif inisiatif khas dan insentif inovasi. Sementara itu, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 akan dikaji semula dengan hasrat untuk memansuh dan menggantikan dengan perundangan baharu yang menyeluruh dan lebih baik. Kajian semula ini adalah untuk menjamin kualiti pendidikan tinggi yang lebih baik dan memberi lebih kebebasan akademik serta kebebasan bersuara dan berpersatuan. Kesatuan pelajar juga akan diperkasa untuk beroperasi secara bebas tanpa campur tangan seperti amalan di negara maju.

Strategi C2: Mengutamakan Kualiti Berbanding Kuantiti dalam TVET

Terdapat ketidakpadanan antara permintaan industri terhadap kemahiran teknikal dan vokasional dengan kemahiran yang dimiliki oleh pelajar daripada institusi TVET. Dalam tempoh akhir Rancangan, tumpuan akan diberikan untuk mengkaji semula penawaran program TVET, melaksanakan sistem akreditasi yang diharmoni dan memperkukuh TVET sebagai laluan pendidikan pilihan. Pelaksanaan inisiatif ini akan memastikan penyampaian program TVET yang berkualiti dan seterusnya meningkatkan tarikan terhadap TVET.

Mengkaji semula penawaran program

Institusi TVET awam akan terus mengkaji semula program sedia ada dengan menghentikan program berimpak rendah, memberi tumpuan kepada program yang mempunyai kebolehpasaran tinggi dan mengkhusus kepada bidang tujahan. Sehubungan itu, tumpuan akan diberikan untuk menaik taraf peralatan dan mesin berbanding membina institusi baharu. Pusat kecemerlangan juga akan diwujudkan bagi membolehkan pemain industri bekerjasama dan berkongsi peralatan, bahan guna habis dan kemudahan lain serta bekerjasama membangunkan program latihan yang memenuhi keperluan industri. Usaha menyeluruh akan dipergiat untuk membolehkan kerjasama industri, terutama dalam mereka bentuk kurikulum dan penyampaian program latihan untuk memastikan lepasan TVET dilengkapi dengan lebih kemahiran amali dan bersedia menyertai industri. Usaha bersepadu akan dilaksana dalam melangkah ke hadapan untuk merasionalisasi TVET, termasuk mengoptimumkan kapasiti institusi TVET sedia ada.

Melaksana sistem akreditasi yang diharmoni

Sistem akreditasi yang diharmoni dan jaminan kualiti akan dilaksana melalui penggunaan Kod Amalan Akreditasi Program TVET di bawah Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang telah disemak semula. MQF tersebut akan memberi tumpuan kepada tiga komponen utama, iaitu syarat kemasukan ke peringkat tertiari, penglibatan industri serta reka bentuk dan penyampaian kurikulum yang membolehkan mobiliti pelajar dalam institusi TVET termasuk Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). Oleh itu, pelaksanaan sistem akreditasi yang diharmoni akan memberi peluang kepada lepasan TVET untuk melanjutkan pelajaran serta membolehkan pelajar beralih daripada aliran TVET ke akademik. Di samping itu, individu yang mempunyai pengalaman kerja tetapi tidak memiliki kelayakan akademik formal akan berpeluang melanjutkan pelajaran. Sementara itu, pengharmonian pelbagai sistem penarafan merentas institusi TVET awam dan swasta akan diperkukuh bagi meningkatkan kebolehbandingan antara institusi. Sistem tersebut akan menilai kualiti institusi dan program berdasarkan kepada petunjuk outcome seperti penglibatan industri, kebolehpasaran lepasan TVET dan gaji yang diterima.

Memperkukuh TVET sebagai laluan pendidikan pilihan

Kerjasama yang lebih erat antara sektor awam dan swasta diperlukan untuk menambah baik persepsi terhadap TVET sebagai pilihan utama. Sehubungan ini, aktiviti promosi yang berkesan akan dipergiat untuk meningkatkan daya tarikan pekerjaan berkaitan teknikal dan vokasional, terutama dalam kalangan generasi muda. Peluang kerjaya yang baik dan perkongsian mengenai kisah kejayaan TVET akan diketengahkan untuk meningkatkan imej TVET. Selain itu, industri akan dilibatkan dalam pengambilan pelajar dan penempatan pekerjaan untuk menjamin lepasan TVET mendapat pekerjaan. Aliran TVET juga akan diperkukuh dengan menyediakan laluan pendidikan yang lebih baik untuk pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi. Bilangan kursus di institusi MTUN akan diselaras untuk memenuhi permintaan terhadap TVET. Ke arah ini, bilangan program sarjana muda MTUN dalam

kejuruteraan teknologi akan ditingkatkan daripada 50% kepada 75% menjelang tahun 2020 bagi menyediakan peluang yang lebih luas kepada siswazah diploma TVET untuk melanjutkan pelajaran.

Strategi C3: Menambah Baik Pendidikan untuk Semua Rakyat

Malaysia telah mencapai kemajuan dalam menyediakan pendidikan asas untuk rakyat dengan pendidikan rendah telah mencapai kadar enrolmen sejagat[5]. Walau bagaimanapun, usaha yang berterusan adalah penting untuk menambah baik akses kepada pendidikan berkualiti bagi setiap kanak-kanak, terutama yang kurang bernasib baik dan memerlukan pendidikan khusus. Dalam tempoh akhir Rancangan, penekanan akan diberi ke arah memperkukuh usaha bagi meningkatkan prestasi sekolah dan menambah baik infrastruktur sekolah, termasuk di kawasan pedalaman serta terpencil, untuk pembelajaran murid yang lebih baik. Di samping itu, tumpuan akan diberi untuk mengurangkan kadar keciciran dan menambah baik pendidikan bagi murid pendidikan khas.

Memperkukuh usaha meningkatkan prestasi sekolah

Inisiatif untuk menambah baik outcome murid, terutama di kawasan pedalaman dan terpencil, turut melibatkan penempatan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah+ (SISC+) dan Rakan Peningkatan Sekolah+ (SIPartners+). SISC+ akan membantu guru menambah baik kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam menyampaikan pedagogi abad ke-21 bagi membolehkan guru memudah cara murid dalam pembelajaran aktif. Sementara itu, SIPartners+ mempertingkat kemahiran pengurusan pemimpin sekolah bagi memastikan setiap sekolah memiliki pemimpin yang berkualiti tinggi dan pasukan kepimpinan yang berkeupayaan dan menyokong dalam meningkatkan prestasi sekolah.

Menambah baik infrastruktur sekolah untuk pembelajaran murid yang lebih baik

Sejumlah lebih kurang 400 sekolah daif di kawasan luar bandar, terutama di Sabah dan Sarawak, telah dikenal pasti untuk ditambah baik atau dinaik taraf dalam tempoh akhir Rancangan bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang selamat dan kondusif untuk semua murid. Di samping itu, sekolah agama yang daif akan dikenal pasti dan didaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan bagi membolehkan sekolah tersebut menerima bantuan dan mempertingkat kualiti pendidikan. Usaha ini bagi memastikan penekanan diberi untuk menambah baik infrastruktur di sekolah sedia ada dan tidak memberi tumpuan secara berterusan untuk membina sekolah baharu.

Mengurangkan kadar keciciran

Pendekatan kolaboratif dengan pihak berkuasa tempatan dan pemimpin komuniti akan dilaksana untuk membantu sekolah dalam usaha mengurangkan kadar keciciran dan mengenal pasti kanak-kanak umur persekolahan yang tidak pernah bersekolah. Program intervensi akan dilaksana untuk membawa kanak-kanak yang tercicir kembali ke sekolah. Di samping itu, murid yang berisiko untuk tercicir juga akan dikenal pasti dan inisiatif akan dilaksana untuk mengekalkan murid dalam sistem persekolahan. Usaha akan turut dipergiat untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa mengenai manfaat menghantar anak ke sekolah bagi mengikuti pendidikan wajib selama enam tahun untuk semua kanak-kanak warganegara Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Sementara itu, pedagogi Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral akan ditambah baik secara berterusan untuk menyemai nilai murni dan memperkukuh sikap positif, integriti dan akauntabiliti dalam kalangan murid. Program di sekolah seperti perhimpunan mingguan dan aktiviti kokurikulum akan memberi penekanan terhadap tanggungjawab sosial dan khidmat komuniti untuk memupuk persahabatan dan hubungan lebih erat dalam kalangan murid dan komuniti.

[5] Enrolmen sejagat merujuk kepada enrolmen yang telah mencapai sekurang-kurangnya 95% berdasarkan definisi oleh *Institute of Statistics* di bawah Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)

Menambah baik pendidikan bagi murid pendidikan khas

Tumpuan akan diberi bagi meningkatkan kapasiti dalam mendidik murid pendidikan khas[6] di sekolah pendidikan khas, program pendidikan khas integrasi dan program pendidikan inklusif. Kerajaan juga akan menilai ketersediaan kemudahan sedia ada untuk membolehkan murid pendidikan khas menerima pendidikan yang sesuai berdasarkan keperluan pembelajaran. Di samping itu, usaha untuk mempertingkat pendidikan khas akan turut melibatkan intervensi awal, latihan untuk guru dan penyediaan peralatan di bilik darjah.

Bidang Keutamaan D: Memupuk Jalinan Industri-Akademia yang Lebih Kukuh

Kerjasama industri dan akademia yang lebih baik diperlukan untuk meningkatkan mutu pendidikan dan latihan bagi menghasilkan modal insan yang berkualiti. Kerjasama ini akan membantu dalam memadankan penawaran dengan permintaan bagi memastikan kecekapan pasaran buruh. Ke arah ini, keutamaan akan diberi untuk melaksana strategi berikut:

Strategi D1: Membangunkan Kemahiran yang Relevan dengan Industri

Usaha akan dilaksana untuk memastikan siswazah dilengkapi dengan kemahiran berkaitan industri bagi melahirkan modal insan berkualiti yang memenuhi permintaan industri. Dalam tempoh akhir Rancangan, pelbagai inisiatif akan dilaksana untuk menambah baik program berasaskan industri, meningkatkan kebolehpasaran siswazah dan mengiktiraf teknologis sebagai profesional untuk sektor TVET. Di samping itu, IPT akan memberi tumpuan kepada usaha mempergiat kerjasama industri-akademia manakala PSMB akan memperluas skim Latihan Bakal Pekerja (FWT).

Menambah baik program berasaskan industri

Program latihan akan dilaksana berdasarkan kursus modular dan latihan jangka pendek, khususnya persijilan profesional yang diiktiraf oleh industri. Program *bridging* akan diteruskan untuk menyediakan lepasan TVET dengan latihan dalam pekerjaan bagi melengkapkan lepasan TVET dengan kemahiran serta pengalaman yang diperlukan untuk meningkatkan kebolehpasaran. Lebih banyak kempen akan dilaksana untuk mempromosi program *bridging* bagi menggalakkan lagi penyertaan pihak industri dan lepasan TVET. Institusi TVET awam akan digalakkan untuk melibatkan industri secara aktif dalam melaksana kursus modular dan program latihan yang fleksibel melalui program pembiayaan kompetitif dan geran padanan. Sistem Latihan Dual Nasional akan diperluas kepada lebih banyak institusi TVET awam untuk memacu kerjasama yang lebih erat dengan industri. Disamping itu, institusi TVET akan digalakkan untuk mempelajari dan menerima pakai amalan terbaik daripada Jepun, khususnya melalui penerapan pengetahuan dan kemahiran mengenai teknologi terkini dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, Kerajaan akan terus menggalakkan industri untuk menyediakan lebih banyak program latihan perantisan kepada pelajar TVET ke arah menghasilkan lepasan TVET yang bersedia menyertai industri.

[6] Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan tiga opsyen persekolahan untuk murid pendidikan khas:
i) Sekolah pendidikan khas adalah untuk murid pendidikan khas yang meliputi murid kurang upaya pendengaran, penglihatan dan masalah pembelajaran;
ii) Program pendidikan khas integrasi untuk murid pendidikan khas di sekolah arus perdana; dan
iii) Program pendidikan inklusif untuk murid pendidikan khas yang ditempatkan bersama murid lain dalam kelas biasa di sekolah arus perdana.

Meningkatkan kebolehpasaran lepasan TVET

Kualiti lepasan TVET masih belum memenuhi keperluan industri walaupun terdapat permintaan yang tinggi terhadap pekerja mahir. Sistem Kajian Pengesanan Graduan TVET akan digunakan untuk mengumpul data, antaranya, seperti data kebolehpasaran lepasan TVET, trend gaji dan pilihan pekerjaan. Dapatan ini akan membantu dalam pembangunan dasar berkaitan TVET dan juga untuk menentukan agihan peruntukan. Dalam hal ini, sasaran 85% kebolehpasaran lepasan TVET akan ditetapkan untuk mengukur kualiti dan prestasi institusi TVET awam dalam melahirkan lepasan TVET yang berkemahiran. Di samping itu, adalah penting untuk melengkapkan pelajar TVET dengan kemahiran insaniah dan sikap bekerja yang positif untuk meningkatkan kebolehpasaran. Komponen keusahawanan juga akan diterap sebagai sebahagian daripada modul pembelajaran bagi menyediakan lepasan TVET dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi pencipta pekerjaan.

JKI dan pusat pembangunan kemahiran negeri akan mengenal pasti kompetensi yang bersesuaian dan mendapat permintaan tinggi melalui kerjasama berterusan dengan industri, khususnya, dalam reka bentuk dan penyampaian kurikulum TVET, untuk mengurangkan ketidakpadanan kemahiran dan menyediakan bakat masa hadapan. Di samping itu, program Latihan Sangkutan Industri untuk tenaga pengajar TVET yang diperkenalkan pada tahun 2017 akan diperluas untuk mewujudkan lebih ramai tenaga pengajar yang dinamik serta mempunyai pendedahan industri. Program tersebut akan meningkatkan lagi kompetensi tenaga pengajar TVET.

Mengiktiraf teknologis sebagai profesional

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) akan terus menaik taraf kompetensi pengamal TVET, terutama tenaga pengajar TVET, melalui pensijilan profesional yang diiktiraf. MBOT akan mempergiat usaha untuk menggalakkan latihan pendidikan dan profesional dalam bidang berkaitan teknologi dan teknikal. MBOT juga akan berfungsi sebagai platform perhubungan yang menggalakkan kerjasama dan perkongsian dalam kalangan ahli. Di samping itu, Panel Pakar Teknologi di bawah MBOT akan diperkasa untuk menggalakkan penglibatan industri dalam perundingan teknologi dan mempromosi mobiliti bakat menerusi kerjasama antarabangsa yang lebih kukuh.

Mempergiat kerjasama industri-akademia

Sektor pendidikan tinggi juga akan mempergiat kerjasama industri-akademia selaras dengan model *quadruple helix* yang merupakan perkongsian antara universiti, industri, Kerajaan dan komuniti. Kerjasama industri-akademia akan diteruskan terutama dalam meningkatkan kebolehpasaran siswazah, penyelidikan dan pembangunan, jangkauan kepada komuniti dan kemampanan kewangan universiti. Dalam hal ini, universiti awam akan terus memperluas program seperti Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE)[7] dan Rangkaian Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN). Program PPRN akan memberi tumpuan untuk menghubungkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan IPT terpilih atau vendor rantaian bekalan yang berpotensi bagi menambah baik produk dan perkhidmatan untuk memperluas pasaran. Oleh itu, peningkatan PKS akan membuka peluang pekerjaan baharu kepada siswazah. Di samping itu, kerjasama ini akan mempermudah proses bagi membolehkan PKS memanfaatkan IPT dalam mendapatkan penyelesaian menerusi R&D&I.

Memperluas skim Latihan Bakal Pekerja

Skim FWT di bawah PSMB akan diperluas untuk menggalakkan latihan prapekerjaan, memberi tumpuan kepada teknologi baru muncul yang berkaitan dengan 4IR. Oleh itu, PSMB akan bekerjasama dengan industri bagi melengkapkan bakal pekerja dengan kemahiran yang relevan untuk memenuhi permintaan industri. Tumpuan khas akan diberikan kepada program latihan berkaitan pendigitalan, automasi dan mekanisasi.

[7] Program ICoE menyediakan ruang kepada pemain industri untuk mewujudkan makmal dan kemudahan pengajaran dalam universiti bagi memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai penggunaan teknologi terkini.

Strategi D2:
Menggalakkan Sumbangan Masyarakat dan Industri

Usaha akan dilaksana untuk melibatkan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta sebagai rakan dalam pendidikan. Tumpuan adalah untuk memanfaatkan kelebihan daya saing pihak yang berbeza bagi menyampaikan pendidikan yang berkualiti secara bersepadu, berkesan dan cekap. Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan ditumpukan ke arah meningkatkan penglibatan sektor swasta bagi melengkap dan menyokong inisiatif Kerajaan. Usaha ini termasuk memperkukuh sokongan masyarakat untuk pendidikan, memperluas kerjasama awam dan swasta serta memanfaatkan sumbangan dan membangunkan wakaf yang mampan untuk IPT.

Memperkukuh sokongan masyarakat untuk pendidikan

Kerajaan akan memperkukuh kerjasama yang lebih erat dengan sektor swasta, termasuk perusahaan sosial dan masyarakat sivil, selaras dengan objektif dan keutamaan negara, terutama melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR). Aktiviti CSR akan terus digalakkan untuk menyokong program pengayaan dan aktiviti kokurikulum tambahan seperti bengkel motivasi dan pembinaan pasukan serta kesedaran terhadap alam sekitar. Di samping itu, penglibatan persatuan ibu bapa dan guru serta alumni sekolah akan mempertingkat keberkesanan program sekolah dari segi pembiayaan, kerja sukarela dan khidmat pakar.

Memperluas kerjasama awam-swasta

Program Sekolah Amanah, merupakan kerjasama antara sektor awam dan swasta, bertujuan untuk mengubah ekosistem pendidikan bagi mempertingkat tadbir urus serta kaedah pengajaran dan pembelajaran. Program ini akan diperluas kepada sekurang-kurangnya 90 sekolah menjelang tahun 2020 untuk meningkatkan prestasi murid. Program Sekolah Amanah juga akan diguna pakai di sekolah awam melalui program Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Kerajaan menetapkan sasaran untuk memperluas program TS25 kepada 1,000 sekolah menjelang tahun 2020 dan semua sekolah menjelang tahun 2025.

Memanfaatkan sumbangan dan membangunkan wakaf yang mampan

Universiti awam akan digalakkan untuk meneruskan jangkauan ke industri dan alumni untuk memanfaatkan sumbangan untuk kursi penyelidikan dan membangunkan wakaf bagi mengukuhkan kemampanan kewangan. Pendekatan seperti pemberian hak penamaan bangunan dan geran padanan akan diperluas sebagai insentif untuk menggalakkan lebih banyak sumbangan kepada IPT. Di samping itu, usaha untuk membangunkan wakaf yang mampan dan mampu menjana pendapatan bagi menampung sebahagian perbelanjaan universiti awam akan dipergiat dengan dipandu oleh *University Transformation Programme: Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf (UniTP Purple Book)*. *UniTP Purple Book* ini menyediakan langkah melaksana wakaf dan mencadangkan model tadbir urus wakaf di universiti awam.

Kesimpulan

Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan dipergiat untuk menggalakkan kualiti pekerjaan melalui reformasi pasaran buruh serta meningkatkan kecekapan dan produktiviti buruh. Usaha ini melibatkan beberapa strategi termasuk menjana pekerjaan berkemahiran, meningkatkan gaji dan upah, menambah baik pengurusan pekerja asing, menambah baik keadaan pasaran buruh dan meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh. Sementara itu, penekanan akan diberi untuk meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan berkualiti, menambah baik kualiti TVET dan memupuk jalinan industri-akademia yang kukuh. Strategi ini bertujuan untuk memperkasa modal insan serta menghasilkan bakat yang berdaya saing dan berdaya tahan bagi menyokong aspirasi nasional untuk menjadi negara yang inklusif dan maju.

14

B A B

V

TONGGAK

Mempertingkat Kemampanan Alam Sekitar melalui Pertumbuhan Hijau

Pendahuluan

Pembangunan mampan adalah prinsip menyeluruh yang disokong oleh inisiatif pertumbuhan hijau bagi mempertingkat kemampanan alam sekitar. Pada masa yang sama, pembangunan mampan juga membolehkan pencapaian pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dan peningkatan daya tahan negara terhadap perubahan iklim dan bencana. Pertumbuhan hijau akan diteruskan bagi mencapai ekonomi yang berdaya tahan, rendah karbon dan cekap sumber. Inisiatif pertumbuhan hijau akan dipergiat bagi melindungi khazanah semula jadi untuk generasi masa kini dan masa hadapan, mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (GHG) dan meningkatkan kualiti alam sekitar untuk kesejahteraan yang lebih baik. Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksana dalam tempoh kajian semula, masih terdapat isu dan cabaran yang perlu ditangani. Isu dan cabaran ini termasuk tadbir urus yang kurang bersepadu, teknologi dan produk hijau yang terhad, degradasi sumber asli dan isu berkaitan alam sekitar seperti pencemaran, perubahan iklim dan risiko bencana.

Dalam tempoh akhir Rancangan, 2018-2020, langkah untuk mempertingkat pertumbuhan hijau akan dilaksana dengan memperkukuh tadbir urus, menambah baik pemuliharaan sumber asli dan biodiversiti serta meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam. Sehubungan itu, dasar dan perundangan akan dikaji semula sewajarnya, manakala keupayaan institusi dipertingkat bagi memastikan pematuhan dan penguatkuasaan yang lebih baik. Di samping itu, tumpuan yang lebih akan diberi untuk memulihara kawasan perlindungan sedia ada dan memulihkan ekosistem yang terosot serta meningkatkan punca pendapatan orang asli dan masyarakat setempat (ILC). Sementara itu, keutamaan akan diberi kepada tindakan mitigasi dan

adaptasi perubahan iklim serta pengurangan risiko bencana. Langkah ini adalah selaras dengan pelbagai perjanjian multilateral berkaitan alam sekitar yang diratifikasi oleh Malaysia, yang menunjukkan komitmen negara dalam menangani isu alam sekitar dan pada masa yang sama mencapai matlamat pembangunan.

Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020

Usaha ke arah pertumbuhan hijau akan terus dipergiat bagi mempertingkat kemampanan alam sekitar. Dalam hal ini, pertumbuhan ekonomi akan diharmoni dengan kemampanan alam sekitar, termasuk menambah baik kecekapan sumber dan meminimumkan pencemaran. Dalam tempoh akhir Rancangan, bidang keutamaan dan strategi ke arah mempertingkat kemampanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 14-1*.

Paparan 14-1

Mempertingkat Kemampanan Alam Sekitar melalui Pertumbuhan Hijau



Sasaran Terpilih, 2020

Memperkukuh tadbir urus

Akta Perlindungan Alam Sekitar

Penggubalan akta bagi mempertingkat tadbir urus alam sekitar

Memulihara sumber asli

SDG 14

Sekurang-kurangnya **10%**

Kawasan pesisir pantai dan marin diwartakan sebagai kawasan perlindungan

SDG 15

Sekurang-kurangnya **17%**

Kawasan terestrial dan air daratan diwartakan sebagai kawasan perlindungan

Sasaran Asal | Sasaran Dipinda | Sasaran Baharu

Sasaran Terpilih, 2020

Menangani perubahan iklim dan mengurangkan risiko bencana

45.0%

Pengurangan intensiti pelepasan GHG kepada KDNK menjelang tahun 2030[1] berbanding tahap pada tahun 2005

Pelan Induk DSM

Penggubalan pelan induk pengurusan permintaan tenaga (DSM) yang menyeluruh

8,885 MW

Kapasiti terpasang tenaga boleh baharu

Sekurang-kurangnya **20%**

Perolehan hijau Kerajaan bagi produk dan perkhidmatan hijau terpilih

30.0%

Kadar kitar semula sisa isi rumah

Sistem bersepadu ramalan cuaca dan banjir serta amaran awal banjir

Pembangunan sistem bersepadu bagi memperkukuh pengurusan risiko bencana

2 juta

Rakyat dilindungi melalui projek tebatan banjir

Sasaran Asal | Sasaran Dipinda | Sasaran Baharu

Nota: [1] Selaras dengan komitmen Malaysia kepada Perjanjian Paris di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) untuk mengurangkan sebanyak 45% daripada intensiti pelepasan GHG kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) menjelang tahun 2030 berbanding tahap pada tahun 2005.

Bidang Keutamaan A: Memperkukuh Tadbir Urus

Tadbir urus alam sekitar pada masa ini adalah tidak bersepadu dan kurang terselaras yang seterusnya menghalang usaha untuk mencapai pembangunan mampan. Dalam hubungan ini, Kerajaan komited untuk memudah cara peralihan ke arah pertumbuhan hijau dan membolehkan pengurusan sumber yang lebih baik. Dalam tempoh akhir Rancangan, tiga strategi utama untuk memperkukuh tadbir urus alam sekitar akan dilaksana seperti berikut:

Strategi A1: Memperkukuh Rangka Kerja Dasar, Perundangan dan Institusi

Pelaksanaan dasar nasional berkaitan alam sekitar serta matlamat dan obligasi perjanjian antarabangsa mengenai alam sekitar adalah bergantung kepada tadbir urus yang berkesan. Pengurusan alam sekitar yang terletak di bawah bidang kuasa pelbagai kementerian dan agensi telah mengakibatkan perancangan yang tidak terselaras dan pelaksanaan tidak berkesan. Dalam tempoh akhir Rancangan, tumpuan akan diberi bagi mempertingkat dasar dan peraturan berkaitan alam sekitar serta memperkukuh rangka kerja institusi untuk memastikan kesepaduan dasar dan penyelarasan yang lebih baik.

Mempertingkat dasar dan perundangan berkaitan alam sekitar

Kajian semula ke atas dasar, perundangan, standard dan garis panduan sedia ada akan dilaksana secara berterusan dan ditanda aras dengan standard dan amalan terbaik antarabangsa supaya selaras dengan perkembangan terkini dan keperluan masa hadapan. Sementara itu, dasar, perundangan, peraturan, garis panduan dan pelan tindakan yang baharu akan digubal untuk membolehkan pengurusan yang menyeluruh mengenai alam sekitar, sumber asli dan risiko bencana. Kajian semula dan penggubalan ini, antara lain adalah seperti berikut:

Kajian Semula Dasar dan Perundangan

- **Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) dan Akta Perhutanan Negara 1984 untuk merangkumi perlindungan sumber hutan bagi pemeliharaan biodiversiti dan kestabilan alam sekitar**
- **Dasar Alam Sekitar Negara 2002 untuk merangkumi pelan tindakan yang menyeluruh, meliputi isu alam sekitar yang baru muncul**
- **Dasar Sumber Air Negara 2012 untuk memperkemas dan mengukuhkan pengurusan sumber air**

Penggubalan Dasar dan Perundangan

- Dasar mengenai pengurusan maklumat geospatial
- Dasar mengenai pembangunan zon pesisir pantai
- Dasar mengenai pengurusan risiko bencana
- Perundangan mengenai perlindungan alam sekitar untuk menggantikan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sedia ada
- Perundangan mengenai pengurusan taman laut yang mampan
- Peraturan mengenai buangan peralatan elektrik dan elektronik terjadual
- Peraturan mengenai kawalan pencemaran tanah
- Peraturan mengenai penguatkuasaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam:
  - Sisa daripada aktiviti pembinaan
  - Sisa daripada aktiviti komersial, industri dan institusi
  - Pelesenan untuk perkhidmatan pemungutan sisa pembinaan
  - Pelesenan untuk perkhidmatan pemungutan sisa bagi aktiviti komersial, industri dan institusi
- Garis panduan mengenai strategi pelupusan bagi pengurusan sisa terjadual kenderaan terbiar
- Garis panduan mengenai pengumpulan dan kitar semula buangan peralatan elektrik dan elektronik terjadual
- Garis panduan yang selaras dengan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang ditetapkan) 2015 untuk menambah baik Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA)
- Pelan tindakan mengenai mitigasi dan adaptasi perubahan iklim

Memperkukuh rangka kerja institusi

Rangka kerja institusi akan diperkukuh untuk menambah baik penyelarasan dalam pengurusan alam sekitar dan sumber asli pada peringkat Persekutuan, negeri dan tempatan. Dalam hal ini, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah ditubuhkan untuk memastikan penyelarasan yang lebih baik berhubung perkara berkaitan tenaga, alam sekitar, perubahan iklim dan teknologi hijau. Di samping itu, struktur dan fungsi Majlis Teknologi Hijau Negara dan Perubahan Iklim akan dikaji semula untuk menambah baik penyelarasan mengenai tindakan perubahan iklim pada semua peringkat. Sementara itu, penubuhan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli akan memastikan pengurusan yang lebih menyeluruh mengenai sumber asli dan perkara berkaitan air. Struktur dan fungsi Majlis Sumber Air Negara juga akan dikaji semula dan majlis pada peringkat negeri akan ditubuh untuk memastikan pendekatan yang lebih bersepadu dalam pengurusan sumber air dan lembangan sungai. Kajian semula ini juga akan meneliti kaedah untuk mengoptimum penggunaan infrastruktur berkaitan air yang akan disokong oleh pangkalan data spatial perkhidmatan air.

Strategi A2: Menambah Baik Kapasiti dan Keupayaan, Penguatkuasaan dan Pemantauan

Kapasiti dan keupayaan agensi yang terhad telah mengekang usaha untuk membolehkan pengurusan alam sekitar yang lebih cekap dan berkesan. Dalam tempoh akhir Rancangan, tumpuan akan diberi untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan, mempergiat penguatkuasaan dan pematuhan serta menambah baik pemantauan, penilaian dan pelaporan. Inisiatif ini akan menambah baik kualiti alam sekitar melalui pelaksanaan yang berkesan ke arah mencapai pertumbuhan hijau.

Mempertingkat kapasiti dan keupayaan

Keberkesanan institusi akan diperkukuh melalui pembangunan kompetensi, kepakaran penyelidikan dan teknikal serta pengetahuan baharu dan saintifik dalam bidang berkaitan alam sekitar. Bidang tersebut, antara lain meliputi model dan ramalan berkaitan iklim dan sumber air; pengurusan risiko bencana; pengurusan sumber asli yang mampan; penilaian alam sekitar; dan maklumat spatial mengenai kawasan tadahan air dan sistem sungai. Kepakaran dalam bidang ini adalah penting bagi memastikan pendekatan yang lebih menyeluruh dalam perancangan dan pelaksanaan inisiatif ke arah mencapai pembangunan mampan. Sementara itu, kapasiti dan keupayaan institusi juga akan dipertingkat melalui pemindahan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan agensi untuk memperkasa personel pada semua peringkat serta mengoptimum penggunaan sumber bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan agenda negara. Selain itu, kerjasama dengan agensi antarabangsa akan diperkukuh untuk menggalakkan pembangunan kapasiti dalam bidang yang berkaitan termasuk penggunaan dan pengeluaran mampan (SCP), pengurusan risiko bencana serta pengurusan bahan kimia dan sisa.

Mempergiat penguatkuasaan dan pematuhan

Usaha penguatkuasaan akan dipergiat untuk memastikan pematuhan terhadap perundangan dan peraturan. Usaha penguatkuasaan secara bersama antara agensi alam sekitar dan pihak berkuasa lain yang berkaitan akan diperkukuh untuk memastikan penguatkuasaan yang berkesan serta menangani isu sumber manusia dan peralatan yang terhad. Di samping itu, pematuhan kendiri terpimpin dalam kalangan industri akan diperluas kepada bidang lain seperti pencemaran bunyi dan tanah, selain daripada pencemaran udara, air dan sisa berbahaya sedia ada untuk memastikan pematuhan terhadap standard alam sekitar yang lebih meluas. Dalam hal ini, mekanisme penalti dan tarif yang berkaitan akan dikaji semula untuk menyediakan langkah pencegahan yang berkesan terhadap kesalahan alam sekitar.

Menambah baik data berkaitan alam sekitar untuk pelaporan, pemantauan dan penilaian

Pelaporan, pemantauan dan penilaian akan dipertingkat melalui pembangunan mekanisme yang bersesuaian dan penambahbaikan indikator berkaitan. Ketersediaan data akan membolehkan pemantauan dan penilaian inisiatif secara lebih baik, seterusnya memantapkan proses membuat keputusan bagi perkara berkaitan alam sekitar. Dalam hal ini, repositori data secara berpusat mengenai sumber asli, alam sekitar, bencana dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) akan diwujudkan untuk meningkatkan ketersediaan dan kebolehcapaian data. Justeru, semua agensi dan pihak berkuasa berkaitan dikehendaki mengemas kini dan berkongsi data secara berkala bagi tujuan ini. Sementara itu, faktor pelepasan GHG mengikut sektor pelepasan utama khusus bagi Malaysia akan dibangunkan untuk menambah baik anggaran inventori GHG.

Strategi A3:
Meningkatkan Kesedaran dan Memupuk Rasa Tanggungjawab Bersama

Usaha ke arah meningkatkan kesedaran berkaitan pemuliharaan alam sekitar dan seterusnya diterjemah sebagai amalan akan terus dipergiat. Penglibatan komuniti dan rasa tanggungjawab bersama terhadap alam sekitar masih rendah walaupun pelbagai program kesedaran telah dilaksana. Dalam tempoh akhir Rancangan, langkah akan dilaksana untuk meningkatkan komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) serta penglibatan pihak berkepentingan dalam menggalakkan perubahan tingkah laku terhadap pemeliharaan alam sekitar.

Mempertingkat komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam

Program CEPA akan dipergiat untuk meningkatkan kesedaran mengenai sumber asli dan isu berkaitan alam sekitar serta bencana alam dalam kalangan pelbagai pihak berkepentingan. Program kesedaran juga akan mendidik orang awam mengenai pemeliharaan alam sekitar, terutama di kawasan semula jadi seperti air terjun, pantai dan hutan. Sementara itu, pendidikan mengenai pembangunan mampan akan terus dilaksana di sekolah, institusi pendidikan tinggi dan pusat latihan guru untuk mempertingkat pemahaman mengenai isu alam sekitar ke arah memupuk gaya hidup mampan.

Menggalakkan penglibatan pihak berkepentingan

Penglibatan pihak berkepentingan memainkan peranan penting dalam pengurusan risiko bencana serta perancangan dan tadbir urus alam sekitar. Penglibatan yang lebih meluas daripada sektor swasta, akademia, masyarakat sivil dan komuniti setempat akan menjurus kepada proses membuat keputusan yang lebih baik dan peningkatan sokongan bagi pelaksanaan projek yang berkesan. Dalam hal ini, usaha bersama dalam memantau dan melaporkan aktiviti yang merosakkan alam sekitar akan dilaksana secara lebih cekap dan berkesan. Sementara itu, mekanisme untuk menggalakkan penglibatan aktif pihak berkepentingan terutama dalam pengurusan sumber akan dikaji.

Bidang Keutamaan B: Memulihara Sumber Asli

Pemuliharaan sumber asli bertujuan untuk melindungi, memelihara, mengurus dan memulihkan sumber asli bagi memastikan kemampanan perkhidmatan ekosistem[1]. Pemuliharaan ini juga adalah penting untuk memastikan generasi masa kini dan masa hadapan terus mendapat akses kepada sumber asli tersebut. Dalam tempoh akhir Rancangan, tiga strategi untuk memulihara sumber asli akan dilaksana seperti berikut:

Strategi B1:
Memulihara Kawasan Terestrial dan Air Daratan

Percanggahan keutamaan antara pembangunan sosioekonomi dan perlindungan alam sekitar telah mengakibatkan sumber asli terosot dan konflik antara manusia dan hidupan liar. Perlindungan

[1] Berdasarkan *United Nations Environment Programme* (UNEP), perkhidmatan ekosistem adalah manfaat yang masyarakat peroleh daripada ekosistem. Manfaat ini termasuk daripada penyediaan sumber seperti makanan dan air; khidmat kawalan seperti kawalan banjir dan penyakit; khidmat budaya kehidupan seperti manfaat rohani, rekreasi dan budaya; dan perkhidmatan sokongan seperti kitaran nutrien yang mengekalkan keadaan hidup di muka bumi.

alam sekitar memerlukan mekanisme pembiayaan yang mampan dan inovatif untuk memenuhi kos pemuliharaan sumber asli yang semakin meningkat. Dalam tempoh akhir Rancangan, inisiatif akan diambil untuk melindungi kawasan terestrial dan air daratan, memulihara dan memulihkan khazanah strategik negara serta mengurangkan konflik antara manusia dengan hidupan liar bagi memastikan kemampanan perkhidmatan ekosistem.

Melindungi kawasan terestrial dan air daratan

Kerajaan akan mewartakan lebih banyak kawasan sebagai kawasan perlindungan bagi melindungi kawasan terestrial dan air daratan untuk pemuliharaan dan penggunaan sumber asli secara mampan. Peluasan kawasan perlindungan ini adalah seperti yang disyorkan di bawah Rancangan Fizikal Negara bagi Semenanjung Malaysia, Rancangan Struktur Sabah, Strategi Biodiversiti Sabah dan Pelan Induk Hidupan Liar Sarawak. Kawasan perlindungan ini akan meliputi zon penampan, empangan, sungai, akuifer dan kawasan tadahan air di seluruh negara. Di samping itu, bagi kawasan perlindungan terestrial merentas sempadan, usaha akan diambil untuk mengukuhkan kerjasama dengan Brunei dan Indonesia serta menjalin kerjasama dengan Thailand. Sementara itu, pelan tindakan akan dirangka untuk memperkukuh rangkaian kawasan perlindungan negara, terutama kawasan tanah lembap dan kawasan sensitif alam sekitar.

Penguatkuasaan melalui program *Malaysia Biodiversity Enforcement Operation Network* (MBEON[2]) akan dipergiat untuk mengekang pencerobohan dan pemburuan haram dalam kawasan perlindungan. Dalam hal ini, perundangan akan diperkemas untuk membolehkan sumber daripada agensi berkaitan digerakkan dalam aktiviti penguatkuasaan. Di samping itu, siasatan forensik alam sekitar, pemulihan tapak, sokongan perundangan serta sumber akan diperkukuh untuk memastikan kejayaan sabitan kes terhadap aktiviti haram.

Mekanisme pembiayaan yang mampan bagi kawasan perlindungan terestrial dan air daratan akan diteroka untuk membiayai pemuliharaan biodiversiti. Penemuan awal daripada kajian inisiatif pembiayaan biodiversiti menganggarkan sejumlah RM19 bilion diperlukan untuk pelaksanaan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan, 2016-2025 bagi tempoh 2018 hingga 2025. Dalam hal ini, pelan mobilisasi sumber kewangan akan dirangka untuk mengenal pasti mekanisme pembiayaan yang sesuai bagi pemuliharaan biodiversiti. Sementara itu, mekanisme pembayaran bagi perkhidmatan ekosistem akan ditambah baik dan diperluas ke seluruh negara bagi mengiktiraf sumber asli sebagai aset kepada negeri. Dalam hal ini, kerajaan negeri akan digalakkan untuk menerima guna mekanisme yang melibatkan pembayaran bagi penggunaan sumber asli, sebagai contoh pembayaran oleh penyedia utiliti[3] kepada kerajaan negeri dalam projek hidro mikro untuk tujuan pemuliharaan.

Caj dan fi yang berkaitan dengan penggunaan sumber asli seperti bayaran masuk ke taman negara akan dikaji semula untuk pemuliharaan dan pengurusan sumber asli dan perkhidmatan ekosistem yang lebih baik. Inisiatif ini juga dijangka mendorong orang awam untuk lebih menghargai alam sekitar. Sementara itu, program dan aktiviti di bawah Tabung Konservasi Sumber Asli Nasional akan dipakej semula berdasarkan kepentingan penderma untuk menggalakkan lebih banyak sumbangan.

Memulihara dan memulihkan khazanah strategik negara

Usaha penanaman semula hutan akan diperluas untuk memulihkan kawasan hutan terosot, antara lain, melalui program penanaman pokok di kawasan seluas 1,640 hektar. Di samping itu, program pengayaan hutan akan diteruskan dalam koridor ekologi[4] untuk meningkatkan dan menambah baik ketersambungan laluan hidupan liar melalui projek *Central Forest Spine* dan *Heart of Borneo*. Flora dan fauna liar akan terus dilindungi dengan meningkatkan usaha

[2] Program MBEON menerima guna pendekatan pengoptimuman kos melalui kerjasama dan perkongsian sumber untuk menjalankan rondaan bersama di taman negara bagi mengawal pemburuan haram hidupan liar dan memelihara biodiversiti. Kementerian dan agensi yang terlibat termasuk Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Perbadanan Taman Negara Johor dan Perbadanan Taman Negeri Perak.
[3] Tenaga Nasional Berhad membayar Kerajaan Negeri Perak untuk penggunaan air dalam projek hidro mikro bagi membiayai usaha pemuliharaan di kawasan tersebut.
[4] Koridor ekologi ialah kawasan habitat yang dapat menghubungkan populasi hidupan liar yang terpisah akibat aktiviti manusia atau pembalakan atau struktur seperti jalan raya dan pembangunan.

pemuliharaan dalam habitat semula jadi (in situ) dan di luar habitat semula jadi (eksitu). Usaha pemuliharaan ini akan dilaksana, antara lain, melalui program pengayaan hutan serta pembiakan dan penambahan semula spesies flora dan fauna terancam yang terpilih[5]. Sementara itu, teknologi yang sesuai seperti teknologi pembiakan termaju akan digunakan untuk menguruskan populasi hidupan liar dengan lebih baik. Di samping itu, *national red list index* untuk spesies terancam serta pangkalan data hidupan liar akan terus dikemas kini.

Pengurusan hutan mampan akan dipergiat dengan memperkukuh pembangunan kapasiti dalam pensijilan perhutanan serta sistem pengurusan kualiti dan standard. Di samping itu, teknologi termaju akan diterima guna untuk meningkatkan keberkesanan pemantauan dan penguatkuasaan bagi mengurangkan pembalakan haram. Selain itu, libat urus antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan dipergiat bagi meningkatkan pematuhan kepada kuota pembalakan yang ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara.

Kerjasama antara pihak yang berkaitan akan dipertingkat untuk menggalakkan lebih banyak taman alam semula jadi disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia di bawah Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO). Sementara itu, usaha akan diambil untuk meningkatkan pemuliharaan dan pemulihan kawasan tadahan air melalui inisiatif Pengurusan Sumber Air Bersepadu dan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu bagi menguruskan sumber air dan lembangan sungai dengan lebih baik. Di samping itu, reka bentuk infrastruktur air seperti empangan, baraj, struktur tebatan banjir serta loji rawatan air dan pembentungan akan dikaji semula untuk mengoptimum faedah kepada sektor berkaitan.

Mengurangkan konflik antara manusia dengan hidupan liar

Fragmentasi hutan[6] berpotensi mewujudkan konflik antara manusia dengan hidupan liar akibat pencerobohan ke dalam habitat semula jadi hidupan liar. Dalam hal ini, pelan pengurusan konflik spesies akan dirangka untuk menyediakan rangka kerja yang menyeluruh bagi agensi berkaitan. Sementara itu, lebih banyak santuari hidupan liar akan diwujudkan dan program pengayaan hutan secara in situ akan dilaksana untuk meningkatkan sumber makanan bagi memulihara hidupan liar dalam habitat semula jadi. Di samping itu, lebih banyak koridor ekologi akan diwujud untuk memastikan kawasan perlindungan adalah terhubung dengan baik bagi membentuk kawasan perlindungan yang bersepadu dan tersambung. Langkah lain bagi menangani konflik antara manusia dan hidupan liar termasuk menjamin laluan bagi haiwan seperti pelarasan jajaran jalan raya dan pembinaan jejambat atau terowong. Selain itu, aspek pengurusan hutan rentas sempadan, khidmat nasihat dan kempen kesedaran serta program translokasi hidupan liar dan pagar elektrik berasaskan komuniti akan ditambah baik.

Strategi B2: Memulihara Ekosistem Pesisir Pantai dan Marin

Ekosistem pesisir pantai dan marin telah menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi dan menyediakan keselamatan persekitaran dengan bertindak sebagai penampan semula jadi bagi menghalang hakisan pantai, ombak besar dan peningkatan aras laut. Walau bagaimanapun, amalan yang tidak mampan, penguatkuasaan yang tidak mencukupi dan aktiviti pembangunan yang tidak terkawal sejak sekian lama telah menyebabkan kemerosotan ekosistem pesisir pantai dan marin. Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan dilaksana untuk memperkukuh tadbir urus serta melindungi dan memulihara ekosistem pesisir pantai dan marin untuk memastikan penggunaan sumber lautan yang mampan.

Memperkukuh tadbir urus ekosistem pesisir pantai dan marin

Pengurusan ekosistem pesisir pantai dan marin yang mampan memerlukan pendekatan yang bersepadu dalam perancangan pembangunan dan proses membuat keputusan antara kementerian dengan agensi serta kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Program libat urus bersama pihak berkepentingan akan dipergiat

[5] Spesies flora terancam yang terpilih termasuk keruing layang, asam batu dan *slipper orchid*, manakala fauna termasuk gajah, harimau dan seladang.
[6] Fragmentasi hutan adalah pemecahan kawasan berhutan yang luas dan tersambung kepada bahagian yang lebih kecil akibat jalan raya, pertanian, koridor utiliti, pecah sempadan atau pembangunan lain.

untuk memudah cara dan menyelaras semua isu yang berkaitan dengan lautan. Selain itu, dasar lautan nasional akan dikaji bagi memastikan pemuliharaan sumber lautan yang mampan. Sementara itu, pelan pembangunan spatial marin juga akan dikaji untuk mengambil kira keperluan pembangunan pelbagai sektor secara menyeluruh bagi memastikan penggunaan sumber marin yang mampan.

Penilaian ke atas had daya tampung pulau peranginan dan taman laut terpilih seperti Pulau Tenggol di Terengganu, Pulau Besar di Melaka dan Pulau Payar di Kedah akan dilaksana untuk memastikan pembangunan yang mampan di pulau berkenaan. Selain itu, aktiviti penguatkuasaan akan diperkukuh dengan mempergiat program kerjasama dalam kalangan agensi yang berkaitan serta menambah baik kapasiti dan keupayaan anggota penguatkuasa. Penalti akan disemak semula bagi mengurangkan aktiviti haram dan memudaratkan yang boleh mengancam kawasan pesisir pantai dan marin. Di samping itu, kempen kesedaran akan dipergiat untuk mendidik pelancong dan masyarakat setempat mengenai kepentingan memulihara ekosistem pesisir pantai dan marin.

Melindungi dan memulihara ekosistem pesisir pantai dan marin

Usaha untuk mewarta kawasan perlindungan marin (MPA) akan dipergiat melalui rundingan yang berterusan dengan kerajaan negeri. Pelan pengurusan untuk kawasan larangan perikanan dan untuk MPA yang baharu akan dirangka bagi memastikan kemampanan pertumbuhan populasi spesies yang disasar. Sementara itu, pendekatan berasaskan ekosistem bagi pengurusan perikanan akan digalakkan bagi memastikan kemampanan stok ikan. Penyelidikan dan pembangunan (R&D) mengenai hidupan marin juga akan dipergiat untuk meningkatkan hasil sumber biodiversiti marin. Selain itu, laluan migrasi bagi hidupan marin terpilih akan dikenal pasti, dipetakan dan dilindungi untuk memastikan kemandirian spesies tersebut. Dalam hal ini, pelan tindakan akan dirangka untuk memperkukuh jaringan MPA yang memberi tumpuan kepada peluasan beberapa ekosistem yang kurang diberi perhatian seperti ekosistem terumbu karang, hamparan rumput laut dan pantai pendaratan penyu. Sementara itu, pelaksanaan Inisiatif Segitiga Terumbu Karang (CTI) akan dipergiat untuk memperkukuh kerjasama rentas sempadan mengenai MPA dengan negara yang terlibat[7].

Strategi B3: Meningkatkan Punca Pendapatan dan Kapasiti Orang Asli dan Masyarakat Setempat

Sebahagian besar ILC yang tinggal berhampiran kawasan hutan, tadahan air, sungai dan marin amat bergantung kepada sumber asli sebagai punca pendapatan, memberi tekanan ke atas sumber tersebut. Sementara itu, ILC yang terlibat secara aktif dalam pemuliharaan sumber asli memerlukan sokongan daripada organisasi awam, swasta dan antarabangsa. Dalam tempoh akhir Rancangan, inisiatif akan dilaksana untuk menggalakkan punca pendapatan alternatif bagi ILC untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber asli serta menggalakkan usaha pemuliharaan dalam kalangan ILC.

Menggalakkan punca pendapatan alternatif untuk orang asli dan masyarakat setempat

Punca pendapatan alternatif untuk ILC akan digalakkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber asli dengan menyediakan sumber pendapatan baharu. Kursus pemandu pelancong berkaitan alam semula jadi dan program pembangunan koperasi usahawan yang sedang dilaksana akan diperluas dengan melibatkan lebih banyak ILC sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperkasa ILC dalam menjana pendapatan tambahan. Di samping itu, penguatkuasaan Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017[8] akan diperkukuh untuk memastikan keuntungan yang diperoleh daripada pengkomersialan sumber asli dan pengetahuan tradisional dikongsi dengan ILC.

[7] Negara yang terlibat ialah Indonesia, Papua New Guinea, Filipina, Kepulauan Solomon dan Timor Leste.
[8] Di bawah Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017, permit diperlukan untuk mengakses sumber biologi atau pengetahuan tradisional yang berkaitan dengan sumber biologi tersebut bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan. Sekiranya sumber biologi atau pengetahuan tradisional digunakan untuk tujuan komersial, perjanjian perkongsian manfaat mesti ditandatangani antara pembekal sumber dan pengguna sumber.

Menggalakkan pemuliharaan sumber asli dalam kalangan orang asli dan masyarakat setempat

Program pembangunan kapasiti dan kesedaran oleh organisasi awam, swasta dan antarabangsa akan terus digalakkan untuk menyokong ILC yang terlibat secara aktif dalam pemuliharaan sumber asli. Di samping itu, jaguh tempatan dalam kalangan ILC akan dikenal pasti bagi memacu usaha pemuliharaan. Sementara itu, ILC juga akan bertindak sebagai pemberi maklumat dan dilantik sebagai warden dan renjer kehormat bagi hidupan liar sebagai pelengkap dalam usaha penguatkuasaan untuk melindungi flora dan fauna liar. Selain itu, anugerah untuk mengiktiraf sumbangan ILC dalam melindungi spesies flora dan fauna liar akan dikaji.

Bidang Keutamaan C: Menangani Perubahan Iklim dan Mengurangkan Risiko Bencana

Malaysia terus memberi penekanan yang besar ke atas tindakan mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim. Malaysia memberi komitmen untuk mengurangkan sebanyak 45% daripada intensiti pelepasan GHG kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) menjelang tahun 2030 berbanding tahap pada tahun 2005. Komitmen ini diberikan dengan meratifikasi Perjanjian Paris di bawah Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim. Selain itu, Rangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana, 2015-2030 (Rangka Kerja Sendai) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah diratifikasi akan diterima guna sebagai panduan strategik untuk pengurusan risiko bencana. Sementara itu, langkah untuk meningkatkan daya tahan dan kapasiti adaptasi terhadap perubahan iklim akan melengkapi langkah pengurangan risiko bencana. Pelaksanaan langkah ini akan mengurangkan kerugian ekonomi dan sosial serta menyediakan pendekatan pelbagai disiplin untuk menangani perubahan iklim dan mengurangkan risiko bencana secara menyeluruh. Dalam tempoh akhir Rancangan, tiga strategi utama akan dilaksana seperti berikut:

Strategi C1: Mempergiat Tindakan Mitigasi Perubahan Iklim

Dalam tempoh akhir Rancangan, langkah mitigasi bagi menangani perubahan iklim akan terus dipergiat melalui pengurangan pelepasan GHG dalam sektor utama pelepasan, iaitu tenaga, pengangkutan, sisa, industri pemprosesan dan penggunaan produk serta pertanian, perhutanan dan guna tanah yang lain (AFOLU). Langkah ini termasuk memperluas penggunaan tenaga boleh baharu (TBB), mengoptimum pengurusan permintaan tenaga (DSM), serta menggalak mobiliti rendah karbon dan pembinaan bangunan mesra alam. Penerimagunaan konsep SCP dalam memperluas pasaran hijau dan pengurusan sisa yang lebih baik ke arah *circular economy*[9] akan menyumbang kepada pengurangan pelepasan GHG. Dalam memastikan pelaksanaan tindakan mitigasi yang merentas pelbagai sektor lebih terselaras, pelan tindakan mitigasi peringkat nasional akan dirangka.

[9] Dalam *circular economy,* nilai sesuatu produk dan bahan dikekalkan selama mungkin. Sisa dan penggunaan sumber diminimumkan, dan apabila sesuatu produk mencapai tempoh hayat, ia akan diguna semula untuk terus menghasilkan nilai.

Meningkatkan sumbangan tenaga boleh baharu dalam penjanaan elektrik

Subsektor elektrik sangat bergantung kepada sumber bahan api fosil, terutama arang batu dan gas. Penggunaan bahan api fosil ini menyumbang lebih 50% daripada pelepasan karbon dalam profil pelepasan GHG negara. Dalam hal ini, bagi mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil, sumber baharu TBB akan diteroka, selain daripada sumber sedia ada yang terdiri daripada biojisim, biogas, hidro mini dan solar fotovoltan (PV). Penerokaan ini termasuk mengkaji daya maju teknikal dan potensi aplikasi komersial teknologi TBB baharu seperti grid mikro dan penyimpanan tenaga dalam bateri.

Pelaksanaan program solar berskala besar serta program *net energy metering* akan diteruskan untuk meningkatkan sumbangan TBB dalam sistem grid. Sementara itu, usaha akan diambil untuk menggalakkan penjanaan elektrik daripada biojisim dan biogas, terutama daripada sisa kelapa sawit dan sisa pepejal bandaran. Penekanan ke atas TBB adalah seiring dengan komitmen negara untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG kepada KDNK sebanyak 45% menjelang tahun 2030.

Pekerja yang cekap dan mahir adalah penting untuk menyokong pertumbuhan industri TBB. Dalam hal ini, usaha akan ditumpu ke arah meningkatkan kerjasama antara institusi latihan awam dan swasta bagi mengeluarkan 28,000 pekerja mahir dan separuh mahir pada tahun 2020. Di samping itu, Kerajaan akan terus menyediakan latihan kepada lebih daripada 1,000 personel yang akan melahirkan pakar dalam bidang biojisim, biogas, hidro mini dan solar PV. Peserta akan terdiri daripada pihak industri seperti pemaju projek TBB, institusi kewangan dan penyedia perkhidmatan yang berpotensi.

Mengoptimum penggunaan tenaga melalui amalan pengurusan permintaan tenaga

Pelan induk DSM menyeluruh yang merangkumi keseluruhan spektrum tenaga termasuk tenaga elektrik dan termal serta penggunaan tenaga dalam sektor pengangkutan akan dirangka. Pelan induk ini akan mengandungi perundangan berkaitan kecekapan dan penjimatan tenaga untuk menguruskan penggunaan sumber tenaga secara cekap. Perundangan ini sedang digubal dan dijadualkan selesai pada tahun 2019. Di samping itu, program DSM sedia ada untuk bangunan, industri dan komersial akan diteruskan. Inisiatif untuk meningkatkan kecekapan tenaga dalam bangunan termasuk menggalakkan pelaksanaan *energy performance contracting* untuk mengurangkan penggunaan tenaga. Sementara itu, penerimagunaan reka bentuk cekap tenaga akan diwajibkan bagi semua bangunan Kerajaan yang akan dibina. Pada masa yang sama, kerajaan negeri akan digalakkan untuk memasukkan Standard Malaysia: Kod Amalan Kecekapan Tenaga dan Tenaga Boleh Baharu bagi Bangunan Bukan Kediaman (MS1525) sebagai sebahagian daripada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) negeri masing-masing.

Pelaksanaan tarif Pengoptimuman Masa Penggunaan Tenaga (EToU) bagi industri akan diteruskan untuk menggantikan *Special Industrial Tariff* (SIT[10]), yang akan dikurangkan secara berperingkat pada kadar 2% setahun dan dimansuhkan pada tahun 2020. EToU menawarkan tarif yang kompetitif bagi tiga zon masa, iaitu waktu puncak, waktu pertengahan puncak dan waktu luar puncak sebagai pilihan kepada pengguna komersial voltan pertengahan dan pengguna industri voltan tinggi. Sementara itu, penguatkuasaan Standard Prestasi Tenaga Minimum dan pelabelan tenaga untuk peralatan elektrik bagi kediaman akan diperkukuh.

Menggalakkan mobiliti rendah karbon

Usaha untuk menggalakkan mobiliti rendah karbon akan ditumpu kepada penambahbaikan sistem pengangkutan awam di seluruh negara bagi mengurangkan pencemaran udara, pelepasan GHG dan kesesakan lalu lintas. Bagi mengurangkan pencemaran, penggunaan pengangkutan cekap tenaga seperti bas hibrid dan elektrik akan digalakkan, di samping mempertingkat kecekapan pengangkutan awam. Langkah untuk menggalakkan mobiliti tidak bermotor seperti berbasikal dan berjalan kaki akan dipergiat melalui penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal yang lebih selamat. Pada masa yang sama, pembangunan berorientasikan transit akan terus digalakkan untuk mengurangkan perebakan bandar dan kesesakan lalu lintas serta memudahkan perhubungan dan mobiliti.

[10] SIT telah diperkenal oleh Suruhanjaya Tenaga pada tahun 1996 untuk industri. Syarikat yang menggunakan elektrik melebihi 5% daripada kos operasi tahunan layak mendapat kadar tarif elektrik yang lebih rendah.

Langkah untuk meningkatkan kualiti udara akan diteruskan dengan penguatkuasaan standard bahan api yang lebih baik untuk sektor pengangkutan. Standard EURO 5 bagi diesel dijadual untuk diterima guna sepenuhnya pada tahun 2020. Pelaksanaan ini akan membolehkan pelepasan asap daripada ekzos kenderaan mengandungi sulfur tidak melebihi 10 bahagian per juta (ppm), selaras dengan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) (Pindaan) 2015. Sementara itu, penggunaan biodiesel yang pada masa ini berasaskan B7, dengan campuran 7% metil ester berasaskan sawit dan 93% diesel, akan ditingkatkan melalui peralihan kepada B10, dengan campuran 10% metil ester berasaskan sawit dan 90% diesel, pada tahun 2020. Inisiatif ini akan membekalkan sumber tenaga yang lebih mampan dan mesra alam.

Menggalakkan pembinaan bangunan mesra alam

Pembinaan bangunan baharu yang mesra alam termasuk bangunan kediaman dan komersial akan terus digalakkan melalui penerimagunaan *Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool* (MyCREST) untuk menyokong pembangunan bandar hijau. Bangunan baharu ini akan dibina dengan ciri-ciri dan reka bentuk mesra alam serta menggunakan bahan yang mesra alam. Prestasi bangunan ini akan dipantau untuk mengira pelepasan GHG serta penjimatan penggunaan elektrik dan air. Pada masa yang sama, pewujudan *green lungs* dan pemuliharaan hutan bandar akan terus digalakkan untuk menyokong pembangunan bandar hijau.

Memperkukuh pengurusan sisa

Pelaksanaan program kurangkan, guna semula dan kitar semula sisa (3R) dan penguatkuasaan pengasingan sisa di punca akan dipergiat untuk mengurangkan sisa di punca dan mencegah pelupusan sisa yang tidak terkawal. Program ini termasuk pengurangan penggunaan plastik sekali guna seperti beg plastik, pembungkus makanan dan penyedut minuman. Langkah ini akan memastikan daratan, sungai dan laut bebas daripada pencemaran serta meningkatkan inisiatif untuk merubah sisa kepada kekayaan dan sisa kepada tenaga. Usaha ini akan menyokong pencapaian sasaran kitar semula sisa isi rumah yang telah ditetapkan sebanyak 30% pada tahun 2020.

Penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) bagi produk yang boleh dikitar semula akan dipertingkat untuk menyokong peluasan pasaran kitar semula. Di samping itu, sektor swasta akan digalakkan untuk mengurang, mengguna semula dan mengitar semula sisa melalui penguatkuasaan peraturan mengenai sisa pepejal bagi aktiviti komersial, industri dan institusi serta peraturan mengenai sisa pepejal bagi aktiviti pembinaan. Lokasi kemudahan kitar semula dan punca penjanaan sisa juga akan dipetakan untuk menyediakan maklumat ketersediaan bahan kitar semula. Pada masa yang sama, pelaksanaan instrumen kewangan yang menyokong pengurusan sisa, seperti *extended producer responsibility*[11] dan *take-back system* serta *user-pay* dan *polluter-pay principles* akan diperluas.

Kitar semula biopepejal, bioefluen dan biogas daripada loji rawatan kumbahan, sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk merubah sisa kepada kekayaan, akan terus digalakkan sebagai sumber pendapatan bukan tarif untuk operator. Sebagai contoh, air sisa kumbahan terawat boleh digunakan dalam industri bukan makanan, biopepejal untuk penjanaan TBB dan sebagai baja serta biogas untuk sumber elektrik. Inisiatif untuk merubah sisa kepada kekayaan akan mewujudkan peluang perniagaan dalam keseluruhan rantaian bekalan air dan pendekatan pemerolehan semula sumber serta menggalakkan aktiviti R&D.

Mekanisme dan garis panduan baharu akan dirangka untuk mempertingkat pengurusan buangan peralatan elektrik dan elektronik (*e-waste*) terjadual daripada isi rumah. Usaha ini akan mewujudkan sistem pengurusan *e-waste* yang lengkap dan mesra alam merangkumi pengumpulan, pelaporan, kitar semula dan pelupusan *e-waste*. Dalam usaha untuk mengurangkan risiko kepada kesihatan manusia dan alam sekitar, peraturan mengenai *e-waste* daripada isi rumah akan digubal bagi membolehkan pengurusan *e-waste* dilaksana secara teratur dan menyeluruh. Sementara itu, bagi mempertingkat kesihatan dan keselamatan awam, teknologi sedia ada bagi rawatan sisa klinikal akan ditambah baik dengan teknologi baharu yang dapat menyahaktif mikroorganisma berjangkit.

[11] Berdasarkan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), *extended producer responsibility* merupakan satu pendekatan dasar yang meletakkan tanggungjawab yang penting ke atas pengeluar, dalam bentuk kewangan dan/atau fizikal untuk melaksana rawatan atau pelupusan produk yang telah diguna.

Memperluas pasaran hijau

Dalam tempoh akhir Rancangan, inisiatif perolehan hijau Kerajaan (GGP) pada peringkat Persekutuan akan diteruskan bagi menggalakkan pasaran hijau. Dalam hal ini, kriteria alam sekitar dan analisis kos kitaran hayat akan diberi penekanan dalam proses perolehan. GGP bagi produk dan perkhidmatan hijau terpilih disasarkan mencapai 20% menjelang tahun 2020. Inisiatif ini akan diperluas kepada kerajaan negeri dan kerajaan tempatan serta syarikat milik kerajaan selari dengan pelan tindakan jangka panjang GGP yang sedang dirangka. Sementara itu, bilangan produk dan perkhidmatan hijau terpilih untuk GGP akan ditambah secara berperingkat.

Standard dan sistem penarafan hijau yang telah diselaras dengan standard antarabangsa akan diperkukuh untuk menyokong pasaran hijau dan membantu industri tempatan menembusi pasaran global. Selain itu, portal MyHijau akan dinaik taraf sebagai platform bagi pembekal dan pelanggan menyatakan minat dan keperluan mengenai produk dan perkhidmatan hijau. Di samping itu, industri akan digalak untuk menjalankan audit tenaga dan mengukur pelepasan GHG serta jejak karbon dan jejak air.

Pilihan teknologi hijau yang lebih banyak dalam pasaran akan menggalakkan penggunaan teknologi hijau yang lebih luas, sekali gus memacu peralihan industri ke arah pengeluaran yang lebih bersih dan pertumbuhan hijau. Oleh itu, pembangunan teknologi hijau tempatan akan dipergiat dengan menjalankan lebih banyak R&D&C&I. Usaha ini akan disokong oleh Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP) yang akan membantu mengarusperdanakan pembangunan teknologi hijau dalam enam sektor utama iaitu tenaga, pembuatan, pengangkutan, bangunan, sisa dan air. Pelan tindakan teknologi hijau akan dirangka untuk menyokong pelaksanaan GTMP.

Mekanisme pembiayaan untuk menyokong pembangunan projek, teknologi dan industri hijau akan terus dipertingkat. Pembiayaan sukuk hijau akan terus digalakkan sebagai satu kaedah inovatif untuk membiayai pembangunan projek hijau. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) 2.0 akan diteruskan untuk menyedia pembiayaan bagi pembangunan teknologi dan industri hijau.

Mempergiat aktiviti pertanian, perhutanan dan guna tanah yang lain secara mampan

Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan diteruskan untuk mengurangkan pelepasan GHG daripada aktiviti AFOLU. Usaha ini antara lain akan dilaksana dengan menambah baik pengurusan baja nitrogen, membangunkan sistem pertanian rendah karbon untuk tanaman dan ternakan serta menganalisis sekuestrasi karbon oleh tanaman. Di samping itu, pendekatan REDD+ (*reducing emissions from deforestation and forest degradation and enhance the role of conservation, sustainable management of forests and enhancement of forest carbon stocks*) akan dilaksana. Usaha ini akan menyumbang ke arah aktiviti AFOLU yang mampan dan seterusnya menangani perubahan iklim.

Strategi C2: Mempertingkat Tindakan Adaptasi Perubahan Iklim

Dalam tempoh sedekad lalu, Malaysia telah mengalami lebih banyak kejadian cuaca melampau. Banjir besar telah berlaku pada tahun 2010, 2012, 2014 dan 2017, dengan banjir monsun timur laut pada tahun 2014 menjadi antara bencana yang terburuk dalam sejarah. Di samping itu, kesan El-Nino 2016 telah mengakibatkan tempoh cuaca kering dan gelombang haba yang berpanjangan. Sehubungan itu, langkah adaptasi akan dipertingkat dan diperluas terutama dalam sektor mudah terjejas untuk meningkatkan daya tahan terhadap impak perubahan iklim dan meminimumkan kerosakan.

Mempertingkat langkah adaptasi

Langkah adaptasi bagi meningkatkan daya tahan dan kapasiti adaptasi terhadap impak perubahan iklim akan dilaksana bagi sektor mudah terjejas seperti air, pertanian, infrastruktur, bandar dan penempatan, serta kesihatan awam. Sehubungan itu, aktiviti R&D akan terus dilaksana untuk mengenal pasti mekanisme yang bersesuaian bagi meningkatkan daya tahan dan kapasiti adaptasi sektor tersebut. Sementara itu, penyediaan peta jangkaan kawasan limpahan banjir di pesisir pantai dan daratan serta peta jangkaan tempoh kering dan taburan hujan bermusim akan memudah cara usaha menangani impak perubahan iklim pada masa hadapan.

Sumber air alternatif seperti air yang dikitar semula, air bawah tanah, tasik dan takungan akan diteroka melalui Sistem Pengurusan Imbangan Air Negara. Di samping itu, R&D bagi memanfaatkan air hujan, larian air ribut dan kumbahan akan dipergiat. Usaha ini menyumbang kepada peningkatan daya tahan dan kemampanan sektor air. Pada masa yang sama, pelan tindakan adaptasi nasional akan dirangka sebagai panduan dalam perancangan dan penyelarasan langkah adaptasi, manakala indeks adaptasi akan disediakan bagi mengukur tahap kerentanan negara terhadap impak perubahan iklim.

Strategi C3: Memperkukuh Pengurusan Risiko Bencana

Maklumat yang tidak lengkap dan kurangnya pengetahuan mengenai risiko bencana telah menyukarkan usaha untuk mengenal pasti kerentanan negara terhadap pelbagai bencana. Dalam hal ini, penekanan kurang diberikan kepada langkah sebelum bencana berbanding selepas bencana walaupun langkah untuk meningkatkan daya tahan dan melindungi hasil pembangunan adalah lebih penting. Oleh itu, dalam tempoh akhir Rancangan, pengurusan risiko bencana, termasuk usaha pengurangan risiko akan dipergiat dengan mempertingkat integrasi inisiatif pengurangan risiko bencana, memperkukuh kesiapsiagaan menghadapi bencana dan meningkatkan kapasiti tindak balas semasa bencana.

Mempertingkat integrasi pengurangan risiko bencana

Komuniti akan dilindungi dengan lebih baik daripada bahaya akibat bencana alam melalui langkah meminimumkan risiko bencana. Bagi meningkatkan usaha sebelum bencana, elemen pengurangan risiko bencana akan terus diintegrasi dalam perancangan, reka bentuk dan pelaksanaan pembangunan merentas semua sektor. Standard dan kod bangunan juga akan dikaji semula bagi membolehkan pengurangan risiko diambil kira dalam pembangunan pada masa hadapan. Di samping itu, dasar akan digubal sebagai panduan untuk menyokong dan memperkukuh pengurusan risiko bencana, termasuk pengurangan risiko ke arah memastikan negara mempunyai daya tahan terhadap bencana. Indikator berkaitan bencana akan dibentuk berdasarkan indikator yang diterima guna di bawah Rangka Kerja Sendai bagi memudah cara proses membuat keputusan dan pelaporan nasional mengenai pengurusan bencana. Sementara itu, Platform Kebangsaan mengenai Pengurangan Risiko Bencana akan diperkukuh sebagai jawatankuasa penyelaras pelbagai sektor bagi memantau, mengkaji semula dan mengemas kini pelaksanaan Rangka Kerja Sendai.

Meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana

Sistem bersepadu bagi ramalan cuaca dan banjir serta amaran awal banjir sedang dibangunkan. Sementara itu, sistem amaran awal untuk pemantauan tsunami dan gempa bumi akan dipertingkat. Sistem ramalan dan amaran awal ini akan membolehkan penyampaian maklumat dengan lebih sistematik dan tepat pada masanya kepada agensi berkaitan bencana dan penduduk yang terjejas. Di samping itu, profil risiko bencana akan disedia untuk mengenal pasti kawasan cenderung bencana. Profil ini akan membolehkan program pengurangan risiko dan adaptasi direka bentuk dengan lebih baik, lebih bersasar, dan khusus mengikut lokasi.

Pemetaan bahaya dan risiko bagi kawasan cenderung bencana akan terus dilaksana untuk memudah cara proses membuat keputusan bagi pembangunan masa hadapan. Sistem ramalan iklim mengikut musim akan diwujud untuk menjana ramalan cuaca jangka panjang lebih awal, iaitu antara satu hingga enam bulan. Di samping itu, langkah pengurangan risiko bencana akan menggabungkan pendekatan yang seimbang antara langkah struktur fizikal seperti pembinaan tembok penahan dan empangan, dan langkah struktur bukan fizikal seperti penyediaan peta bahaya banjir dan amaran awal. Pelaksanaan sistem saliran yang mampan akan dipertingkat selaras dengan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) bagi pengurusan larian air ribut untuk pengawalan di punca dan semasa aliran puncak.

Meningkatkan kapasiti dalam tindak balas bencana

Dalam memperkukuh pengurusan risiko bencana pada peringkat komuniti, latihan menghadapi bencana dan latihan lain berkaitan pengurusan risiko bencana berasaskan komuniti akan diadakan secara berkala untuk penduduk yang tinggal di kawasan cenderung bencana. Latihan ini akan memperkasa komuniti yang terjejas untuk mengambil tindak balas awal ketika bencana melanda. Sementara itu, dalam meningkatkan keupayaan tindak balas personel setempat berkaitan bencana, latihan *tabletop* dan latihan di lapangan mengenai banjir, tanah runtuh, gempa bumi dan tsunami akan diteruskan melalui simulasi dengan pegerak balas pada peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Di samping itu, prosedur operasi standard sedia ada bagi pengurusan bencana alam iaitu kemarau, gempa bumi, banjir, jerebu dan tsunami akan dikaji semula untuk menambah baik langkah tindak balas terhadap bencana.

Kesimpulan

Pertumbuhan hijau bukan sahaja akan memastikan pencapaian objektif pembangunan mampan tetapi juga mengekalkan pertumbuhan ekonomi, mempertingkat kemampanan alam sekitar dan menggalakkan kesejahteraan yang lebih baik. Tadbir urus yang lebih kukuh akan membolehkan peluasan pertumbuhan hijau dalam semua sektor ekonomi, termasuk pasaran hijau. Ekonomi yang cekap sumber dan cekap tenaga akan dapat meminimumkan pelepasan GHG, pencemaran dan sisa serta mempertingkat jaminan bekalan air, makanan dan tenaga. Tambahan pula, pemuliharaan habitat marin dan terestrial menjamin perkhidmatan ekosistem yang berterusan untuk generasi masa kini dan masa hadapan. Sementara itu, langkah mitigasi dan adaptasi serta pengurangan risiko bencana yang dipergiat akan meningkatkan daya tahan negara terhadap kesan perubahan iklim dan bencana alam. Di samping itu, rasa memiliki dalam kalangan semua lapisan masyarakat adalah amat penting dalam memupuk sifat tanggungjawab bersama untuk mengekalkan khazanah semula jadi negara.

15

B A B

VI

TONGGAK

Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi

Pendahuluan

Prestasi ekonomi Malaysia dalam tempoh kajian semula, 2016-2017, adalah berdaya tahan, didukung oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan pelaburan yang meningkat. Pengembangan ekonomi ini disokong oleh pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan. Pertumbuhan juga disokong oleh sektor luaran yang bertambah baik dengan peningkatan eksport barangan pembuatan. Sektor ekonomi lain mencatat perkembangan sederhana, kecuali sektor pertanian yang mencatat pertumbuhan lebih perlahan. Walaupun pertumbuhan adalah stabil dan menyeluruh, sektor ekonomi terus menghadapi cabaran struktur seperti sektor perkhidmatan yang tidak bersepadu, aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang rendah dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan kebergantungan kepada pekerja berkemahiran rendah. Di samping itu, inovasi dan penerimagunaan teknologi yang rendah, infrastruktur yang tidak mencukupi dan rangka kerja kawal selia yang kompleks terus mengekang prestasi ekonomi.

Dalam tempoh akhir Rancangan, 2018-2020, langkah untuk menyokong pengembangan ekonomi akan memberi tumpuan kepada mengukuhkan pertumbuhan sektor dan mereformasi struktur, mempercepat inovasi dan penerimagunaan teknologi serta menyediakan infrastruktur yang berkualiti. Sehubungan itu, usaha akan dipertingkat untuk menggalakkan lebih banyak inovasi dan pemodenan serta membangunkan tenaga kerja berintensif pengetahuan dan mahir, terutama dalam sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan. Tumpuan juga akan diberi untuk membangunkan sektor pertanian yang moden dan produktif. Sementara itu, penyediaan infrastruktur yang

berkualiti akan dipertingkat bagi menyokong dan memudah cara aktiviti ekonomi. Selain itu, usaha akan dilaksana untuk menambah baik iklim perniagaan serta menangani kekurangan infrastruktur fizikal dan digital. Keutamaan akan diberi untuk mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing, khususnya dalam kalangan PKS. Oleh itu, semua sektor ekonomi dijangka menyumbang kepada pengembangan ekonomi dalam negeri melalui peningkatan pelaburan berkualiti dan penambahbaikan produktiviti.

Keutamaan dan Penekanan Baharu, 2018-2020

Dalam tempoh akhir Rancangan, momentum pertumbuhan ekonomi akan dipercepat dengan merangsang aktiviti bagi meningkatkan rantaian nilai dan menggalakkan pelaburan swasta. Tumpuan akan diberi kepada pengukuhan asas ekonomi bagi melonjakkan Malaysia menjadi negara maju dan inklusif berlandaskan inovasi, kreativiti dan aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi untuk memacu produktiviti. Bidang keutamaan dan strategi untuk mengukuhkan pertumbuhan adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan 15-1.*

Paparan 15-1

Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi

BIDANG KEUTAMAAN A

Memperkukuh pertumbuhan sektoral dan mereformasi struktur

Strategi A1
Mempertingkat pertumbuhan sektoral melalui peningkatan produktiviti

Strategi A2
Meningkatkan kapasiti eksport

Strategi A3
Menambah baik kecekapan pasaran

Strategi A4
Memudah cara urusan menjalankan perniagaan

BIDANG KEUTAMAAN B

Mempercepat inovasi dan penerimagunaan teknologi

Strategi B1
Memanfaatkan Revolusi Perindustrian Keempat

Strategi B2
Meningkatkan penerimagunaan teknologi

Strategi B3
Menjajarkan penyelidikan dan inovasi

Strategi B4
Meningkatkan pembangunan kapasiti

BIDANG KEUTAMAAN C

Menyediakan infrastruktur berkualiti

Strategi C1
Membangunkan sistem pengangkutan bersepadu

Strategi C2
Memperkukuh logistik dan fasilitasi perdagangan

Strategi C3
Menambah baik infrastruktur digital

Strategi C4
Menambah baik perkhidmatan air

Strategi C5
Memampankan bekalan tenaga

Sasaran Terpilih, 2020

Memperkukuh pertumbuhan sektoral dan mereformasi struktur



Mempercepat inovasi dan penerimagunaan teknologi

Sasaran Asal Sasaran Dipinda Sasaran Baharu

Menyediakan infrastruktur berkualiti

Dasar Pengangkutan Negara

Menyedia rangka kerja dasar bagi sistem pengangkutan yang mampan

95.0% SDG 9

Kawasan berpenduduk mendapat liputan infrastruktur jalur lebar

1.0%

PNK per kapita bagi kos langganan jalur lebar talian tetap

98.0%

Liputan televisyen terestrial digital seluruh negara

7.3%

Pertumbuhan subsektor pengangkutan dan penyimpanan 2018-2020

31.0% SDG 6

Kadar air tidak berhasil

80.0% SDG 6

Liputan perkhidmatan pembetungan bersambung terutama di bandar utama

7,626 MW[1] SDG 9

Kapasiti terpasang baharu penjanaan elektrik di Semenanjung Malaysia

300,000 TSH[2]

Kapasiti tambahan penapisan minyak

Nota: [1] MW-megawatt
[2] TSH-tong sehari

Sasaran Asal | Sasaran Dipinda | Sasaran Baharu

Bidang Keutamaan A: Memperkukuh Pertumbuhan Sektoral dan Mereformasi Struktur

Aktiviti industri semasa, terutamanya dalam kalangan firma tempatan, tertumpu kepada perkhidmatan dan produk nilai ditambah yang rendah. Di samping itu, sumbangan PKS kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) secara relatifnya adalah rendah, walaupun bilangan PKS adalah tinggi. Sebilangan besar PKS mempunyai keupayaan yang terhad untuk mencapai ekonomi bidangan dan meningkatkan keamatan modal. Oleh itu, tumpuan akan diberi untuk mengukuhkan pertumbuhan sektoral dan mereformasi struktur, termasuk PKS, melalui empat strategi utama seperti berikut:

Strategi A1: Mempertingkat Pertumbuhan Sektoral melalui Peningkatan Produktiviti

Dalam tempoh akhir Rancangan, inisiatif akan dilaksana untuk memacu pertumbuhan sektoral. Inisiatif ini termasuk mempercepat transformasi sektor perkhidmatan, merancakkan semula sektor pembuatan serta membangunkan sektor pertanian yang moden dan produktif. Pertumbuhan sektoral akan diperkukuh melalui peningkatan produktiviti, penerimagunaan teknologi dan pendigitalan serta penambahbaikan ekosistem perniagaan.

Mempercepat transformasi sektor perkhidmatan

Sektor perkhidmatan akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi, berpandukan pelbagai pelan pembangunan subsektor perkhidmatan, termasuk Blueprint Sektor Perkhidmatan. Sehubungan itu, inisiatif akan memberi tumpuan kepada meningkatkan daya saing dan keupayaan produktif sektor perkhidmatan serta mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi. Oleh itu, usaha akan terus dipergiat dengan memberi tumpuan kepada perkhidmatan yang berintensif pengetahuan dan meningkatkan produktiviti.

Faktor kritikal yang menentukan prestasi sektor perkhidmatan adalah kapasiti sumber manusia. Oleh itu, usaha bagi menggalakkan perkhidmatan yang berintensif pengetahuan akan diperkukuh melalui pembangunan modal insan berkemahiran. Langkah yang akan dilaksana termasuk meningkatkan kesediaan siswazah baharu dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri dan menggalakkan PKS untuk menyediakan latihan kepada pekerja. Langkah ini dapat mengurangkan ketidakpadanan pasaran buruh. Usaha ini akan membolehkan sektor perkhidmatan memaksimumkan sumbangan kepada pertumbuhan produktiviti dan mewujudkan lebih banyak pekerjaan bergaji tinggi.

Tumpuan akan diberi untuk industri beralih daripada berorientasikan penawaran kepada berorientasikan permintaan dan daripada menjadi pengguna kepada menjadi pengeluar. Peralihan ini juga adalah daripada industri yang kurang berintensifkan pengetahuan dan mempunyai aktiviti nilai ditambah yang rendah kepada yang berintensifkan pengetahuan dan nilai ditambah yang tinggi. Peralihan ini akan membolehkan sektor perkhidmatan meningkatkan rantaian nilai dan menjadi penghubung yang kukuh antara sektor. Inisiatif yang akan dilaksana mengikut subsektor adalah seperti berikut:

Perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)

- Menerima guna teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI), analitis data raya (BDA), teknologi kewangan (fintech) dan internet benda (IoT)
- Memperkukuh keupayaan kendiri dalam keselamatan siber dan membangunkan produk dan perkhidmatan tempatan serta membimbing syarikat dalam peringkat permulaan menjadi syarikat yang berdaya saing
- Menambah baik penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) dalam ICT dengan memperkukuh kerjasama antara institut penyelidikan awam, institusi pendidikan tinggi dan industri bagi menghasilkan penyelesaian komersial

Industri kreatif

- Merangka pelan komprehensif untuk memanfaat budaya, seni dan kraf bagi memastikan kemampanan industri
- Menggalakkan animasi, permainan elektronik dan industri muzik serta melahirkan usahawan yang inovatif
- Mengkaji semula insentif dan mekanisme pembiayaan sedia ada untuk meningkatkan ketelusan dan menggalakkan pengembangan industri

Perkhidmatan kewangan

- Menggalakkan lebih banyak penggunaan teknologi digital dan menyediakan sokongan kawal selia ke arah mewujudkan masyarakat tanpa tunai, mengurangkan kos transaksi dan memperluas capaian kepada pelanggan yang kurang mendapat liputan perkhidmatan
- Meningkatkan pembangunan kewangan Islam melalui penerimagunaan pengantaraan berasaskan nilai[1]
- Menjadikan Malaysia sebagai pusat bagi pelaburan mampan dan bertanggungjawab (SRI) serantau dan mempromosi pembiayaan hijau sebagai kelas aset yang baharu
- Memudah cara penyaluran pelaburan swasta ke dalam syarikat yang mempunyai potensi pertumbuhan melalui langkah untuk memacu industri modal teroka dan ekuiti swasta serta pelaburan alternatif

Nota: [1] Pengantaraan berasaskan nilai bertujuan untuk memenuhi matlamat syariah melalui amalan perbankan, tata kelola dan perkhidmatan yang menjana impak positif dan mampan kepada ekonomi, masyarakat dan alam sekitar.

Perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta	• Menarik pelancong kesihatan dengan memberi tumpuan kepada perkhidmatan dalam bidang kardiologi dan kesuburan • Menggalakkan pelaburan tambahan dalam fasiliti penjagaan kesihatan swasta untuk menjadi pelengkap kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan awam • Menambah baik perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari
Industri perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas (OGSE)	• Membangun keupayaan dan mengembangkan operasi perniagaan ke luar negara termasuk meningkatkan pertumbuhan syarikat OGSE dengan menggalakkan penggabungan dan pengambilalihan • Mempertingkat kepakaran teknikal dan mempergiat promosi untuk menembusi pasaran antarabangsa
Industri pelancongan	• Menjenama semula Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama dan memanfaatkan produk ekopelancongan • Memanfaatkan platform digital untuk mempromosi produk dan perkhidmatan pelancongan • Meningkatkan akses pelancong ke Malaysia dan ke destinasi pelancongan dalam negeri serta meningkatkan kualiti perkhidmatan • Menambah baik infrastruktur dan kemudahan serta menyemai budaya penyelenggaraan
Perdagangan runcit	• Memanfaatkan teknologi dan e-dagang supaya lebih mudah, meningkatkan produktiviti dan mengurangkan harga runcit • Menggalakkan pemodenan, terutama dalam kalangan peruncit tradisional untuk meningkatkan daya saing
Industri halal	• Membangunkan ekosistem yang dinamik dengan mewujudkan ruang pasaran yang lebih besar serta menghasilkan lebih ramai pakar dalam bidang halal dan juara halal tempatan • Memperkukuh kesahihan pengesahan dan pengesanan halal melalui kaedah saintifik • Menghasilkan lebih banyak produk dan perkhidmatan premium halal

Dalam meningkatkan produktiviti, lima nexus produktiviti bagi sektor perkhidmatan di bawah Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB) telah ditubuhkan, iaitu dalam bidang ICT, penjagaan kesihatan swasta, perkhidmatan profesional, peruncitan dan pelancongan. Nexus ini menyediakan platform bagi sektor awam dan swasta merancang, melaksana dan memantau inisiatif dan program pada peringkat sektor dan perusahaan untuk meningkatkan produktiviti. Juara industri akan mengetuai nexus ini dengan melaksana pelbagai inisiatif dan memperluas terima pakai amalan terbaik industri untuk mempercepat peningkatan produktiviti.

Memperkasa sektor pembuatan

Peralihan sektor pembuatan akan diteruskan ke arah mengeluarkan lebih banyak produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta produk yang pelbagai dan kompleks. Subsektor pemangkin, iaitu elektrikal dan elektronik (E&E), jentera dan peralatan (M&E) serta kimia dan produk kimia akan kekal sebagai subsektor yang menjadi keutamaan. Subsektor yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi, iaitu aeroangkasa dan peranti perubatan juga akan terus diutamakan. Perusahaan akan digalakkan untuk meningkatkan produktiviti dengan mempercepat automasi dan inovasi, menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D), melaksana amalan pengeluaran mampan dan memanfaatkan persatuan industri dalam perkongsian amalan terbaik.

Penubuhan tiga nexus produktiviti untuk sektor pembuatan di bawah MPB, iaitu bagi subsektor E&E, M&E serta kimia dan produk kimia bertujuan meningkatkan produktiviti dengan lebih ketara. Nexus produktiviti tersebut menyediakan platform untuk sektor awam dan swasta bekerjasama bagi merancang, melaksana dan memantau inisiatif dan program pada peringkat sektor dan perusahaan dalam meningkatkan produktiviti. Sehubungan itu, insentif seperti geran dan pinjaman mudah untuk menggalakkan automasi, penerimagunaan teknologi dan eksport akan disedia berdasarkan garis masa dan outcome khusus untuk memastikan agihan sumber yang berkesan dan optimum.

Pemakaian konsep taman ekoperindustrian (EIP), yang menyokong amalan penggunaan dan pengeluaran mampan (SCP), akan digalakkan bagi memastikan taman perindustrian sedia ada dan baharu adalah lebih mampan dan berdaya saing. EIP akan digalakkan untuk mempromosi kerjasama yang lebih bersepadu antara entiti perniagaan dan industri melalui pertukaran bahan, tenaga, air atau produk sampingan. EIP juga membolehkan penciptaan nilai baharu, yang seterusnya memanfaatkan semua pihak secara kolektif. Oleh itu, EIP bertujuan untuk mengurangkan sisa industri dengan ketara dan menggalakkan penggunaan sumber secara optimum di samping memaksimumkan pulangan ekonomi.

Membangunkan sektor pertanian yang moden dan produktif

Usaha pemodenan sektor pertanian akan diteruskan melalui reformasi subsektor agromakanan dan meningkatkan sumbangan subsektor tersebut kepada nilai ditambah pertanian. Dengan usaha ini, sumbangan agromakanan disasarkan mencapai 42.8% pada tahun 2020 berbanding 37.4% pada tahun 2015. Pada masa yang sama, subsektor komoditi industri akan memberi tumpuan kepada peluasan aktiviti hiliran sepanjang rantaian nilai untuk memanfaatkan pasaran yang sedang berkembang bagi produk nilai ditambah yang lebih tinggi. Kajian akan dilaksana untuk mereformasi kementerian dan agensi yang berkaitan dengan pertanian bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan ke arah memodenkan sektor pertanian. Kajian ini termasuk merasionalisasi peranan dan fungsi agensi di bawah subsektor agromakanan bagi meningkatkan kecekapan dan mengoptimumkan sumber.

Beberapa inisiatif akan dilaksana bagi subsektor agromakanan, antaranya, mengurus permintaan dan penawaran makanan serta membangunkan input alternatif dan sumber kekayaan baharu bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan. Usaha akan dipergiat bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani, nelayan dan penternak serta menambah baik imbangan dagangan makanan. Sehubungan itu, pengeluaran secara berskala besar bagi buah-buahan bergred premium, termasuk durian, nanas dan nangka; variasi kelapa berhasil tinggi; dan jagung bijirin untuk makanan ternakan, akan digalakkan sebagai sumber kekayaan baharu. Bagi tujuan tersebut, program akan dirangka untuk meningkatkan produktiviti dan kemampanan sektor pertanian melalui penyediaan insentif dan sokongan yang diperlukan, termasuk infrastruktur, teknologi pertanian, maklumat pasaran dan akses kepada pembiayaan untuk petani dan pekebun kecil.

Inisiatif strategik akan dilaksana bagi menangani jaminan bekalan makanan negara di samping memastikan produktiviti dan pendapatan petani yang lebih tinggi. Inisiatif ini termasuk memastikan bekalan yang mencukupi, mengkaji semula sasaran tahap sara diri pengeluaran produk agromakanan, serta memperkukuh saluran pengedaran dan pemasaran untuk menambah baik akses dan harga keluaran pertanian untuk mampu dibayar serta memperkenalkan aktiviti pertanian nilai ditambah yang tinggi termasuk industi berasaskan pertanian. Sementara itu, perubahan corak permintaan makanan ke arah gaya hidup yang lebih sihat menyebabkan wujudnya jangkaan yang lebih besar terhadap keselamatan dan kualiti makanan. Sehubungan itu, usaha akan dilaksana bagi memperkukuh kawalan biosekuriti dan mempergiat program jaminan kualiti keluaran pertanian. Program pensijilan seperti Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP), Organik Malaysia (myOrganic), Amalan Pengilangan yang Baik (GMP), Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) serta pensijilan halal akan terus digalakkan.

Kerjasama yang lebih erat dalam kalangan agensi berkaitan akan digalakkan bagi mengoptimumkan kemudahan dan aset logistik sedia ada, khususnya pusat pengumpulan dan pengedaran, kemudahan rantaian sejuk serta mesin dan jentera pengangkutan. Usaha ini akan menyediakan akses pasaran yang lebih besar dan pengedaran yang lebih luas serta mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah dan kerugian hasil lepas tuai. Usaha untuk mengoptimum penggunaan aset dan kemudahan akan menambah baik kecekapan dan akhirnya menyumbang kepada pertumbuhan sektor pertanian.

Penubuhan nexus produktiviti agromakanan di bawah MPB dijangka dapat mempercepat aktiviti nilai ditambah yang tinggi di sepanjang rantaian nilai. Nexus ini akan menyediakan platform kepada agensi kerajaan, persatuan peladang dan koperasi untuk merancang, melaksana dan memantau inisiatif dan program dalam meningkatkan produktiviti. Kapasiti dan keupayaan pertubuhan peladang kawasan dan koperasi akan dipertingkat dalam pengurusan, kewangan, pelaburan dan pemasaran. Sementara itu, penyertaan belia dalam aktiviti pertanian moden akan digalakkan, terutama melalui koperasi untuk membolehkan penggemblengan sumber yang lebih baik dan meningkatkan kuasa tawar-menawar serta mencapai ekonomi bidangan. Di samping itu, kajian akan dilaksana bagi merangka dasar baharu dalam memacu pemodenan subsektor agromakanan. Kajian ini, antara lain, akan mengenal pasti strategi untuk mempercepat proses pemodenan, menyelaras semula pelaburan untuk infrastruktur, modal insan dan R&D&C&I, serta memperkukuh struktur institusi agensi berkaitan pertanian.

Inisiatif strategik akan diperkenal bagi memperkukuh subsektor komoditi industri. Inisiatif ini akan memberi tumpuan kepada program tanaman industri yang berpotensi untuk melonjakkan Malaysia sebagai pesaing pada peringkat global melalui peluasan aktiviti hiliran yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Beberapa subsektor komoditi industri akan diperkukuh lagi merangkumi aktiviti nilai ditambah yang tinggi dalam kedua-dua segmen huluan dan hiliran. Usaha ini adalah untuk memastikan pendapatan pekebun kecil yang lebih mampan selain meningkatkan daya saing komoditi. Di samping itu, sumber kekayaan baharu yang berpotensi akan digalakkan untuk mempelbagai penggunaan tanaman industri. Sumber kekayaan baharu ini termasuk penggunaan batang kelapa sawit sebagai alternatif kepada kayu balak, serat kenaf sebagai material kusyen tempat duduk dalam industri automotif serta biji koko premium sebagai produk berkualiti tinggi untuk pasaran terpilih. Kajian akan dilaksana untuk mengenal pasti mekanisme pembiayaan yang bersesuaian dalam menyokong aktiviti huluan, terutama bagi penanaman semula dan penanaman baharu tanaman industri. Mekanisme pembiayaan ini adalah bagi memastikan kemampanan aktiviti huluan serta mengurangkan kebergantungan ke atas bantuan kewangan Kerajaan.

Melahirkan PKS yang lebih dinamik

Pembangunan PKS adalah penting untuk mencapai pertumbuhan inklusif dan seimbang. Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha untuk mewujudkan PKS yang berdaya tahan dan mampan akan terus dilaksana bagi melonjakkan pertumbuhan PKS merentas semua sektor. Pelbagai program dan inisiatif untuk menyokong pembangunan PKS adalah seperti yang diperincikan dalam *Kotak 15-1*.

Kotak 15-1

Program Pembangunan PKS

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merupakan bahagian penting dalam ekonomi dari segi pengeluaran, penjanaan pekerjaan dan memudah cara pengagihan pendapatan yang saksama. Di Malaysia, PKS merangkumi 907,065 atau 98.5% daripada jumlah pertubuhan[1] dengan sebahagian besar perniagaan adalah dalam sektor perkhidmatan yang menyumbang 89.2% kepada jumlah pertubuhan PKS, diikuti dengan sektor pembuatan sebanyak 5.3%, pembinaan sebanyak 4.3%, pertanian sebanyak 1.1% serta perlombongan dan kuari sebanyak 0.1%. Dari segi saiz, kebanyakan PKS adalah perusahaan mikro yang merangkumi 76.5% daripada jumlah pertubuhan PKS, diikuti dengan perusahaan kecil sebanyak 21.3% dan perusahaan sederhana sebanyak 2.3%. PKS merupakan sumber utama penyedia peluang pekerjaan yang menyumbang 66% kepada jumlah pekerjaan pada tahun 2017.

Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada pembangunan PKS dengan matlamat untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK daripada 37.1% pada tahun 2017 kepada 41% pada tahun 2020. Selain itu, sumbangan kepada eksport akan ditingkatkan daripada 17.3% pada tahun 2017 kepada 23% pada tahun 2020. Sehubungan itu, pelaksanaan 32 inisiatif termasuk enam Program Berimpak Tinggi di bawah Pelan Induk PKS, 2012-2020 akan dipergiat untuk membangunkan PKS yang berdaya tahan dan mampan. Usaha akan diperkukuh untuk meningkatkan produktiviti, memperkasa modal insan, memperbanyak penerimagunaan teknologi dan inovasi, dan mempermudah urusan menjalankan perniagaan serta menambah baik akses kepada pembiayaan.

Program lain seperti Skim Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS akan terus membantu PKS untuk membina kapasiti dan keupayaan melalui pelaburan modal dan penerimagunaan teknologi yang lebih baik. Pada masa yang sama, Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) dan Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) akan meningkatkan lagi kemahiran keusahawanan dalam kalangan Bumiputera. Di samping itu, Program Pembangunan Usahawan Mikro akan menggalakkan pertumbuhan dan produktiviti perusahaan mikro dengan menyediakan sokongan yang diperlukan dalam menubuhkan perniagaan. Selain itu, PKS akan digalakkan untuk memanfaatkan teknologi dan inovasi baharu terutama melalui e-dagang untuk berkembang dengan lebih pantas dan memperluas jangkauan pasaran. Sehubungan itu, Pelan Hala Tuju Strategik eDagang Kebangsaan akan membantu peniaga e-dagang untuk meningkatkan sumbangan kepada KDNK, mencecah RM211 bilion pada tahun 2020.

Mekanisme pembiayaan oleh Kerajaan seperti geran dan pinjaman mudah disediakan untuk menyokong semua kategori PKS. Pelbagai kementerian dan agensi terlibat dalam ekosistem pembangunan PKS untuk membentuk kerjasama dan menyokong aspirasi bagi melahirkan usahawan yang berjaya. Sehubungan itu, program di bawah TEKUN Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia akan terus memberi bantuan kewangan kepada perusahaan mikro, terutama untuk membantu kumpulan sasaran seperti wanita serta isi rumah miskin dan berpendapatan rendah.

Kemudahan pembiayaan juga disediakan untuk PKS dalam kategori kecil dan sederhana, seperti Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan, Program Pembiayaan untuk PKS dan Skim Pembiayaan Vendor. Di samping itu, Bank Negara Malaysia akan terus menyediakan dana kepada PKS melalui sistem kewangan untuk memenuhi keperluan perusahaan mikro, perusahaan pada peringkat permulaan dan firma yang menceburi bidang pertumbuhan baharu. Dalam melangkah ke hadapan, akses kepada pembiayaan untuk PKS akan dibentuk semula dengan beralih ke arah pembangunan lebih banyak saluran dan platform pembiayaan bukan tradisional. Saluran dan platform ini termasuk dana masyarakat, pembiayaan rakan setara, Pasaran *Leading Entrepreneur Accelerator Platform*[2] (LEAP), Platform Akaun Pelaburan (IAP), modal teroka dan pelabur budiman.

Nota: [1] Berdasarkan Banci Ekonomi 2016 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.
[2] Pasaran LEAP adalah pasaran tersenarai yang baharu di Bursa Malaysia untuk memberikan akses yang lebih luas kepada PKS dalam pasaran modal dan memperluas pilihan pembiayaan kepada PKS yang tidak memenuhi keperluan penyenaraian di Pasaran Utama atau Pasaran *Access, Certainty, Efficiency* (ACE).

Pelan jangka panjang yang baharu akan dirangka dalam tempoh akhir Rancangan untuk melakar pembangunan PKS melangkaui tahun 2020, berdasarkan pencapaian Pelan Induk PKS sedia ada. Pelan induk baharu yang dicadangkan akan mengandungi hala tuju dasar, strategi, pelan tindakan dan program untuk mempertingkat PKS tempatan supaya setanding dengan PKS di negara maju. Pelan induk ini akan mengenal pasti peluang dan cabaran baharu yang perlu ditangani dengan mengambil kira perubahan landskap demografi, ekonomi dan perniagaan. Di samping itu, pelan induk ini bertujuan untuk melengkapkan PKS dengan teknologi dan pengetahuan yang diperlukan sejajar dengan kemunculan trend mega, terutama Revolusi Perindustrian Keempat. Pelan induk ini juga akan meneroka model perniagaan baharu yang terhasil daripada teknologi kewangan baru muncul, perniagaan inklusif, ekonomi perkongsian dan *circular economy*.

Kejayaan pelaksanaan inisiatif tersebut serta cadangan pelan induk baharu akan mempercepat pertumbuhan PKS. Usaha ini adalah selaras dengan matlamat untuk mewujudkan PKS yang lebih dinamik serta mencapai aspirasi untuk menjadi negara maju dan inklusif.

Strategi A2: Meningkatkan Keupayaan Eksport

Usaha akan ditumpukan kepada peningkatan bilangan pengeksport dan meneroka pasaran baharu untuk memperkukuh kapasiti industri. Dalam hal ini, langkah untuk meningkatkan pengantarabangsaan firma Malaysia, terutama PKS akan dilaksana melalui pelbagai inisiatif. Dalam tempoh akhir Rancangan, program akan dijalankan untuk meningkatkan ketersediaan eksport PKS dan menambah baik pematuhan kepada pasaran antarabangsa.

Mempertingkat ketersediaan eksport PKS

Penekanan akan diberi untuk meningkatkan keupayaan eksport PKS tempatan, meneroka pasaran serantau baharu dan memulakan strategi penggalakan eksport baharu. Sehubungan itu, PKS akan digalakkan untuk memanfaatkan perjanjian perdagangan bebas dan *mutual recognition arrangements* serta pelbagai inisiatif di bawah kerjasama serantau. PKS akan diberi insentif untuk mendapatkan pensijilan dan akreditasi yang bersesuaian bagi membolehkan produk buatan tempatan menembusi pasaran antarabangsa. Sementara itu, skop Dana Eksport Perkhidmatan akan diperluas untuk merangkumi industri halal serta menyediakan lebih banyak insentif kepada pengeksport melalui Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan. Selain itu, Program Promosi Eksport yang telah diperluas untuk merangkumi aktiviti penyertaan pasaran akan terus membantu PKS menembusi pasaran eksport baharu.

Pembentukan konsortium dalam menyediakan perkhidmatan dalam pelbagai bidang akan terus digalakkan melalui kerjasama dalam kalangan persatuan untuk membida projek di luar negara. Di samping itu, bagi memudah cara penembusan pasaran antarabangsa, risikan pasaran akan disediakan kepada penyedia perkhidmatan untuk lebih memahami peraturan dalam negeri bagi pasaran eksport yang disasarkan. Selain itu, platform digital dan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) akan menyediakan akses yang lebih besar kepada pemain industri tempatan dalam menembusi pasaran global menerusi aktiviti e-dagang. Program eksport di bawah pelbagai kementerian dan agensi juga akan diselaras dan dipantau untuk memastikan keberkesanan program tersebut.

Meningkatkan kepatuhan pasaran antarabangsa

Malaysia akan terus membangunkan standard halal yang menyeluruh berdasarkan prinsip syariah dan keperluan industri seperti kebersihan, sanitasi dan keselamatan di sepanjang rantaian bekalan. Sehubungan itu, Program Pematuhan Piawaian Kebangsaan akan memudah cara pemain industri halal untuk mematuhi GMP dan HACCP serta piawaian antarabangsa yang lain melalui penyediaan kepakaran teknikal dan pembangunan kapasiti. Program ini akan mengukuhkan lagi pensijilan halal Malaysia untuk meraih pengiktirafan global serta menyediakan akses pasaran yang lebih baik untuk produk dan perkhidmatan halal.

Perubahan permintaan global dan kehendak pasaran bagi keluaran pertanian yang mesra alam dan mampan memerlukan Malaysia melaksana usaha bersepadu untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Usaha akan dipertingkat ke arah mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (GHG) dengan

menggalakkan pengurusan ladang dan hutan yang mampan, termasuk akuakultur, amalan penangkapan ikan dan penanaman komoditi industri. Sementara itu, penggunaan pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) akan diwajibkan dalam kalangan pemain industri bagi membendung kempen buruk terhadap minyak sawit tempatan. Di samping itu, kapasiti dan keupayaan agensi berkaitan yang bertanggungjawab ke atas keselamatan makanan dan biosekuriti akan diperkukuh bagi menyokong perniagaan dalam mematuhi keperluan pasaran eksport untuk keluaran pertanian.

Strategi A3: Menambah Baik Kecekapan Pasaran

Pasaran yang tidak cekap dan persaingan yang tidak sihat merupakan halangan kepada pertumbuhan dan pembangunan mampan. Dalam hal ini, herotan pasaran dan amalan tidak adil akan ditangani untuk menggalakkan pasaran yang cekap dan persaingan yang sihat dalam ekonomi. Dalam tempoh akhir Rancangan, tumpuan akan diberi untuk mengkaji semula dan memperkemas peranan syarikat milik kerajaan (SOE) dan entiti monopoli bagi memenuhi objektif meningkatkan kecekapan pasaran dan persaingan yang adil.

Memperkemas peranan syarikat milik kerajaan dan entiti monopoli

SOE ditubuhkan untuk memainkan peranan strategik tertentu dalam agenda pembangunan negara dan menangani isu sosioekonomi. Sehubungan itu, terdapat keperluan mendesak untuk mengkaji semula peranan SOE berikutan terdapat pertindihan fungsi serta perubahan dalam agenda pembangunan dan amalan terbaik semasa pada peringkat antarabangsa mengenai tadbir urus SOE. Langkah akan diambil untuk menyelaras peranan SOE dan entiti monopoli lain untuk menggalakkan kecekapan pasaran dan melindungi kepentingan pengguna. Satu jawatankuasa khas peringkat menteri akan mengkaji semula dasar dan pemberian konsesi yang bersifat monopoli kepada entiti tertentu bagi memastikan peningkatan kecekapan pasaran. Di samping itu, dasar dan rangka kerja tadbir urus negara akan digubal untuk menjajar SOE dan entiti monopoli yang lain dengan agenda utama pembangunan negara. Entiti ini akan digalakkan untuk mempergiat inovasi dan penerimagunaan teknologi sejajar dengan 4IR bagi meningkatkan produktiviti serta mewujudkan peluang pasaran yang lebih luas kepada industri dalam negeri melalui strategi yang didorong oleh eksport dan pertumbuhan dunia.

Strategi A4: Memudah Cara Urusan Menjalankan Perniagaan

Pendekatan yang lebih menyeluruh, tersusun dan strategik untuk mereformasi tadbir urus akan terus mengurangkan kos kawal selia dan mempertingkat daya saing perniagaan. Sementara itu, pelaksanaan kawal selia dan amalan perdagangan yang sesuai akan memudah cara urusan menjalankan perniagaan dan mengurangkan kos perniagaan yang akhirnya akan memberi manfaat kepada rakyat. Sehubungan itu, Amalan Baik Peraturan (GRP) akan terus dipergiat untuk menambah baik proses dan prosedur bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing. Di samping itu, amalan perdagangan termasuk peraturan bukan tarif (NTM) akan diperkemas untuk memudah cara perdagangan.

Menambah baik peraturan dan amalan perdagangan

Usaha untuk melaksana amalan GRP akan dipergiat bagi menangani rangka kerja kawal selia yang kompleks, memodenkan peraturan perniagaan dan mewujudkan iklim perniagaan yang lebih baik. Usaha ini juga akan menyemak kandungan, kualiti, pentadbiran dan penguatkuasaan peraturan untuk meminimumkan beban kawal selia dan memudah cara urusan menjalankan perniagaan. GRP memerlukan kementerian dan agensi menjalankan analisis impak kawal selia dan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan untuk memperoleh maklum balas mengenai peraturan baharu dan perubahan yang akan dilaksana. Pelaksanaan ini akan meningkatkan ketelusan dan kredibiliti serta memastikan kemampanan perubahan kawal selia. Di samping itu, pelaksanaan Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan, yang menjadi garis panduan dalam penyediaan parameter dan prinsip amalan GRP, akan diperluas kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Usaha sedia ada seperti memodenkan pelesenan perniagaan, menghapuskan beban kawal selia perniagaan yang tidak perlu dan mengurangkan proses birokrasi akan terus dijalankan bagi menurunkan kos pematuhan. Dalam melangkah ke hadapan, portal libat urus awam bersepadu akan dilancarkan sebagai platform untuk orang ramai memberi maklum balas mengenai cadangan ke atas sebarang perubahan peraturan. Di samping itu, NTM di pintu masuk kastam akan diperkemas untuk memansuhkan amalan perdagangan yang tidak perlu dan memperbaiki aliran import dan eksport serta mengurangkan kos menjalankan perniagaan bagi pengimport, pengeksport dan pemain logistik.

Bidang Keutamaan B: Mempercepat Inovasi dan Penerimagunaan Teknologi

Firma tempatan terutama PKS terus berhadapan dengan pelbagai isu, antara lain, berkaitan dengan inovasi dan penerimagunaan teknologi, penyelarasan antara agensi serta pelaburan dalam R&D bernilai tinggi dan bakat dalam bidang teknologi baharu. Inisiatif akan dilaksana bagi menggalakkan firma tempatan khususnya PKS untuk meningkatkan aktiviti dalam rantaian nilai dan daya saing pada peringkat global, terutama dalam mendepani kemunculan 4IR. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan inovasi dan menggalakkan penerimagunaan teknologi terkini bagi mempercepat pertumbuhan ekonomi. Sehubungan itu, empat strategi utama akan dilaksana seperti berikut:

Strategi B1: Memanfaatkan Revolusi Perindustrian Keempat

Kemunculan 4IR melalui teknologi baru muncul seperti robotik termaju, AI dan *blockchain* memacu perubahan yang tidak pernah berlaku sebelum ini pada kadar yang pesat di seluruh dunia. Perubahan landskap ini akan mewujudkan peluang dan kekayaan baharu, manakala persaingan antara pusat pengeluaran dan perkhidmatan global yang berbeza menjadi lebih sengit. Usaha akan dilaksana untuk menggalakkan firma tempatan menerima pakai 4IR serta mempergiat penerimagunaan Industri 4.0 dalam sektor pembuatan.

Menerima pakai Revolusi Perindustrian Keempat

Malaysia perlu mengembangkan budaya inovasi dengan memperluas keupayaan dan kebolehan sedia ada untuk mendapat manfaat daripada 4IR. Rangka kerja dasar nasional 4IR akan dibentuk bagi menggalakkan inovasi, kreativiti dan daya saing dalam menerima pakai revolusi digital yang semakin berkembang pesat. Dasar dan program sedia ada akan dikaji semula untuk mengenal pasti jurang dan merangka intervensi yang sesuai. Penerangan ringkas mengenai 4IR adalah seperti ditunjukkan dalam *Kotak 15-2*.

Kotak 15-2

Revolusi Perindustrian Keempat

Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) merujuk kepada perkembangan pesat revolusi digital yang merentas ruang siber, fizikal dan biologi merangkumi spektrum sektor ekonomi yang luas dan semua lapisan masyarakat[1]. Antara teknologi trend mega yang menyokong 4IR termasuk pengkomputeran tahap tinggi serta peningkatan robotik termaju, kecerdasan buatan, internet benda (IoT), *blockchain* dan pencetakan 3D. Konsep 4IR berasal daripada *Industrie 4.0* di Jerman. *Industrie 4.0* merujuk kepada sistem pengeluaran pintar dalam sektor pembuatan. Dalam konteks Malaysia, istilah Industri 4.0 merujuk kepada maksud yang sama dan merupakan sebahagian daripada rangka kerja 4IR yang lebih besar. Antara beberapa aplikasi teknologi 4IR yang boleh digunakan dalam pelbagai sektor dan subsektor adalah seperti yang ditunjukkan dalam rajah.

Kemajuan pesat dalam ekonomi digital dan penumpuan teknologi termasuk teknologi disruptif telah memberi kesan kepada kerajaan, perniagaan dan individu dalam pelbagai aspek merangkumi daya saing ekonomi sehingga kepada gaya hidup seharian. Penerimagunaan teknologi 4IR secara kreatif, ketersambungan masa nyata dan penggunaan aset yang lebih baik dalam konteks ekonomi perkongsian telah mengubah model perniagaan serta kaedah penawaran dan perdagangan bagi produk dan perkhidmatan. Kemunculan teknologi disruptif, termasuk perkhidmatan e-panggilan seperti Uber dan Grab, telah mengubah mobiliti manusia dalam bentuk baharu yang tidak pernah dijangka, mewujudkan kesamaran pembezaan antara pengangkutan awam dengan kenderaan persendirian dan memberi cabaran kepada rangka kerja kawal selia.

Sumber: Diadaptasi daripada Forum Ekonomi Dunia

Kerajaan telah memperkenal inisiatif kawal selia *sandbox* nasional dengan mengambil kira kepantasan perubahan teknologi dan keperluan rangka kerja perundangan untuk memudah cara inovasi bagi membolehkan para inovator menguji idea dalam persekitaran

Nota: [1] Revolusi Perindustrian Keempat berdasarkan definisi Forum Ekonomi Dunia.

sebenar. Bidang yang telah dikenal pasti di bawah inisiatif *sandbox*, antara lain, termasuk pertanian, bioteknologi, pendidikan, tenaga, kewangan, penjagaan kesihatan, telekomunikasi, pengangkutan, pelancongan, bandar pintar, teknologi hijau dan pengurusan sisa.

Impak 4IR perlu dinilai secara menyeluruh dengan mengambil kira kepesatan kemajuan serta kesan mendalam dan meluas 4IR terhadap masyarakat. Antara kelebihan dan cabaran 4IR adalah seperti berikut:

Kelebihan

- Menambah ketersambungan dengan menghubungkaitkan peranti dan IoT
- Meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos melalui rantaian nilai global pada masa sebenar
- Mempercepat inovasi dan tempahan mengikut penyesuaian secara massa melalui kaedah pembuatan pintar
- Mewujudkan perkhidmatan baharu dengan menggunakan analitis data raya

Cabaran

- Peralihan pelaburan langsung asing ke negara berteknologi tinggi
- Peningkatan ancaman keselamatan siber dan hakisan kerahsiaan data peribadi
- Peralihan dalam pasaran buruh dengan pewujudan pekerjaan baharu manakala sebahagian pekerjaan sedia ada menjadi jumud
- Pengurangan komunikasi secara langsung akibat kebergantungan berlebihan kepada peranti

Pembangunan teknologi yang pesat memerlukan Malaysia membuat anjakan paradigma daripada hanya sebagai pengguna teknologi kepada menjadi rakan pencipta teknologi. Dalam memacu anjakan ini, cabaran keperluan bakat perlu ditangani secara komprehensif. Keperluan ini termasuk peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula tenaga kerja semasa serta membangunkan bakat yang diperlukan untuk masa hadapan. Bagi mencapai matlamat ini, kerjasama yang lebih erat antara akademia dengan institut penyelidikan serta institusi latihan teknikal dengan industri akan dipergiat.

Memangkin Industri 4.0

Kemunculan teknologi baharu seperti IoT, analitis data raya dan robotik termaju, boleh mengganggu model perniagaan dan proses pengeluaran. Oleh itu, firma terutama PKS perlu meningkatkan penerimagunaan teknologi untuk melonjak peningkatan produktiviti dan berdaya saing pada peringkat global. Sehubungan itu, penerimagunaan teknologi berkaitan Industri 4.0 akan dipergiat dengan pelancaran Dasar Negara Mengenai Industri 4.0, 2018-2025. Dasar tersebut menggariskan pelan tindakan dalam memangkin penerimagunaan teknologi berkaitan Industri 4.0 untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pembuatan. Dalam hal ini, penilaian pematuhan tahap kesediaan firma terpilih akan dilaksana untuk menentukan jenis intervensi dan tahap bantuan teknikal yang diperlukan. Rangka Kerja Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Kotak 15-3*.

Kotak 15-3

Rangka Kerja Dasar Negara Mengenai Industri 4.0, 2018-2025

Rangka Kerja Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 berperanan sebagai panduan strategik bagi membolehkan peralihan sektor pembuatan dan mempercepat penerimagunaan teknologi berkaitan Industri 4.0 sebagai tindak balas kepada Revolusi Perindustrian Keempat.



Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Rangka Kerja tersebut menggariskan beberapa strategi umum dan pelan tindakan meliputi pembiayaan, infrastruktur, peraturan, kemahiran dan teknologi yang akan dilaksana oleh kementerian dan agensi dengan kerjasama industri. Strategi dan pelan tindakan tersebut akan menyumbang kepada peningkatan penerimagunaan teknologi Industri 4.0 terutamanya dalam kalangan PKS. Rangka kerja dasar ini juga menggunakan pendekatan ekosistem yang lebih luas dengan mengambil manfaat kluster teknologi dan rakan kongsi dalam sektor swasta. Ekosistem ini akan menyokong syarikat tempatan untuk berubah menjadi penyedia teknologi dan penyedia penyelesaian serta meningkatkan daya saing pengeluar dalam pasaran global.

Strategi B2: Meningkatkan Penerimagunaan Teknologi

Sumbangan PKS kepada KDNK kekal rendah, iaitu sebanyak 37.1% pada tahun 2017 walaupun PKS menjadi sumber terbesar dalam menyediakan pekerjaan. Kebanyakan PKS masih bergantung kepada teknologi yang rendah dan terlibat dalam aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang rendah. Sehubungan itu, inisiatif akan terus dilaksana bagi mewujudkan PKS yang dinamik, iaitu yang berdaya saing pada peringkat global serta dapat menghasilkan barangan dan perkhidmatan nilai ditambah yang tinggi. Dalam tempoh akhir Rancangan, inisiatif yang akan dilaksana termasuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS, menggalakkan pendigitalan dalam kalangan PKS serta mempercepat penerimagunaan teknologi dalam sektor pembinaan dan pertanian.

Meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS

Pemain industri digalak untuk mengeluarkan produk dan perkhidmatan nilai ditambah yang tinggi untuk beralih ke rantaian nilai global. Sehubungan itu, PKS akan disokong dalam bidang strategik melalui penyediaan dana dan pelaksanaan inisiatif kerjasama untuk memanfaatkan teknologi terutama elemen Industri 4.0. Penyediaan pembiayaan termasuk program Keterangkuman Inovasi untuk membantu PKS membudayakan inovasi. Platform Pengkomersialan Teknologi pula akan membolehkan PKS mengkomersialkan produk inovatif. Pada masa yang sama, inisiatif pembangunan sektor di bawah *Catalyst Programme* akan terus membina keupayaan PKS untuk menyertai rantaian bekalan global. Di samping itu, Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan akan menyediakan pembiayaan bagi mengautomasi aliran pengeluaran. Sementara itu, proses kelulusan bagi dana dan geran untuk PKS akan dikaji semula bagi meningkatkan ketelusan, menambah baik sasaran dan menghubungkan pembiayaan dengan outcome berasaskan produktiviti seperti yang digariskan dalam MPB.

Kriteria bagi Dana Berimpak Tinggi akan dikaji semula bagi menggalakkan syarikat multinasional bekerjasama dengan PKS dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan bernilai tinggi. Kajian semula ini akan membolehkan PKS meningkatkan produktiviti dan kekal berdaya saing pada peringkat global. Penyedia perkhidmatan profesional akan digalak untuk membina keupayaan dan meningkatkan skala perkhidmatan dalam bidang khusus melalui perkongsian dengan syarikat yang lebih besar atau membentuk konsortium pelbagai bidang apabila membida projek dalam negara atau pada peringkat antarabangsa. Sehubungan itu, Kerajaan akan mengkaji semula dasar perolehan bagi memudah cara pembangunan kapasiti dengan memberi keutamaan kepada konsortium. Langkah ini akan membolehkan pembekal perkhidmatan profesional memanfaatkan kepercayaan, rangkaian, sinergi dan perkongsian pengetahuan teknikal yang telah diwujudkan apabila meneroka pasaran luar.

Menggalakkan pendigitalan dalam kalangan PKS

Pendigitalan berpotensi besar untuk meningkatkan jangkauan PKS ke pasaran global, mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan mewujudkan lebih banyak pekerjaan mahir. Dalam hal ini, usaha akan dipergiat dalam menggalak penerimagunaan teknologi digital dengan lebih meluas termasuk IoT, AI, realiti maya dan robotik. Program latihan juga akan ditambah baik bagi menggalakkan penggunaan ICT, khususnya dalam bidang logistik, kewangan dan insurans. Di samping itu, platform pemasaran digital akan dimanfaat untuk memberi faedah kepada produk ekopelancongan, keunikan budaya dan tapak bersejarah untuk pelancongan. Tumpuan juga akan diberi kepada perkhidmatan panduan dan pandangan dalam talian sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi meningkatkan ketibaan pelancong.

Mempercepat penerimagunaan teknologi dalam sektor pembinaan

Usaha akan terus dipergiat untuk mempercepat penerimagunaan teknologi dalam sektor pembinaan bagi meningkatkan produktiviti dan sumbangan sektor kepada pertumbuhan ekonomi. Sehubungan itu, pelaksanaan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) akan diperluas untuk meningkatkan daya saing industri. CITP bertujuan untuk menambah baik kualiti, keselamatan dan profesionalisme; menjamin kemampanan alam sekitar; meningkatkan produktiviti; dan meningkatkan pengantarabangsaan.

Sementara itu, tumpuan yang lebih akan diberi untuk menggalakkan penggunaan teknologi dalam Sistem Binaan Berindustri (IBS) dan Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM) bagi membuat simulasi reka bentuk, pembinaan dan penyenggaraan bangunan. Penggunaan teknologi BIM akan meningkatkan kecekapan, produktiviti dan kualiti dalam proses pembinaan. Di samping itu, Perpustakaan MyBIM yang baru ditubuhkan akan berperanan sebagai repositori berpusat bagi objek BIM dan komponen IBS untuk mempermudah pembinaan reka bentuk model BIM pada kos yang nominal kepada pengguna.

Mempertingkat penerimagunaan teknologi dalam sektor pertanian

Pelaksanaan inisiatif dalam mempertingkat penerimagunaan teknologi akan dipergiat bagi memodenkan sektor pertanian. Antara inisiatif tersebut termasuk penerimagunaan teknologi pertanian tepat, penggunaan aplikasi telefon mudah alih untuk proses pengeluaran dan peluasan penggunaan mekanisasi dan automasi. Faktor pemboleh termasuk pembiayaan, latihan, sokongan dan khidmat pengembangan serta insentif seperti geran sepadan akan disediakan. Penerimagunaan teknologi moden yang lebih meluas dijangka dapat menarik penyertaan lebih ramai golongan belia dalam sektor pertanian.

Strategi B3: Menjajarkan Penyelidikan dan Inovasi

Usaha diperlukan untuk menangani kekurangan penyelarasan dalam aktiviti R&D&C&I dan kekurangan pengkomersialan output R&D. Sehubungan itu, beberapa inisiatif akan dilaksana untuk menambah baik penjajaran R&D&C&I kepada sektor keutamaan bagi pelaksanaan yang berkesan dan cekap, justeru mengoptimum penggunaan sumber dan memaksimum pulangan pelaburan. Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan ditumpu untuk mengutamakan bidang sains, teknologi dan inovasi (STI), mengukuh pengurusan penyelidikan oleh institusi penyelidikan awam dan mempertingkat kerjasama melalui perantara. Di samping itu, penyelidikan berasaskan permintaan akan ditingkatkan dan pemindahan output R&D dari makmal ke pasaran ditambah baik.

Mengutamakan sains, teknologi dan inovasi

Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN), 2013-2020 akan dikaji semula untuk menyedia hala tuju strategik yang baharu untuk pembangunan STI selaras dengan kemajuan 4IR. Sehubungan itu, pelan tindakan akan dirangka sebagai panduan bagi pelaksanaan strategi yang digariskan dalam DSTIN yang dikaji semula. Tumpuan akan diberi kepada bidang yang diutamakan seperti bioteknologi, nanoteknologi, teknologi digital, teknologi hijau dan teknologi neuro yang akan dimanfaat bagi melonjak kemajuan STI.

Mengukuhkan pengurusan penyelidikan oleh institusi penyelidikan awam

Kerajaan akan melaksana kajian semula secara berkala dan mengukuhkan bidang keutamaan R&D&C&I antara dan dalam semua sektor dengan mengambil kira sumber negara, kelebihan daya saing dan kepakaran. Kajian semula ini akan mewujudkan hubung kait yang lebih bersinergi antara dan dalam semua sektor, seterusnya menggalakkan penyelidikan berasaskan permintaan. Di samping itu, terdapat keperluan yang mendesak untuk menyusun semula institusi penyelidikan awam bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan institusi tersebut. Sehubungan itu, tadbir urus aktiviti R&D&C&I akan ditambah baik melalui penubuhan sebuah agensi pengurusan penyelidikan berpusat. Agensi ini akan bertindak sebagai badan pengurusan peringkat nasional untuk menyelaras pelaksanaan serta perkongsian dan penggunaan sumber R&D&C&I awam secara berpusat. Selain itu, jawatankuasa pembuat keputusan secara bersama antara kementerian akan diinstitusikan untuk menggalak tanggungjawab dan akauntabiliti bersama. Penglibatan pakar bidang khusus daripada akademia, industri dan masyarakat sivil juga akan dimanfaatkan untuk membantu penjajaran pasaran dan penilaian saintifik yang rapi.

Mempertingkat kerjasama melalui perantara

Inisiatif akan dilaksana untuk mempercepat aktiviti inovatif, seterusnya memberi dorongan kepada pertumbuhan yang dipacu inovasi melalui R&D&C&I. Dalam hal ini, perantara seperti Jaringan Penyelidikan Awam Swasta, Yayasan Steinbeis Malaysia dan program SIRIM-Fraunhofer akan terus menggalakkan syarikat untuk berinovasi serta meningkatkan daya saing dan produktiviti. Model

quadruple helix Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST), melibatkan kerjasama kerajaan, industri, akademia dan masyarakat sivil yang memberi tumpuan kepada subsektor E&E telah menunjukkan kejayaan. Sehubungan itu, model kerjasama ini boleh dijadikan contoh oleh sektor lain bagi memastikan penyasaran R&D yang lebih baik.

Meningkatkan penyelidikan berasaskan permintaan

Aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) akan ditumpu ke arah menyokong pertumbuhan PKS tempatan. Sehubungan itu, dana untuk penyelidikan inovasi bagi perniagaan kecil akan diteroka untuk menggalakkan penyelidikan dalam kalangan PKS. Dana yang dicadang ini akan ditawar kepada PKS melalui proses pemilihan yang kompetitif untuk membiayai aktiviti R&D&C yang sebahagian besar dijalankan di Malaysia. Dana tersebut boleh dipohon oleh PKS tempatan yang menggunakan khidmat penyelidik tempatan atau bakat asing yang menjalankan penyelidikan bersama penyelidik tempatan, untuk memastikan aktiviti R&D&C memberi manfaat kepada negara. Di samping itu, kerjasama antara kementerian, institusi penyelidikan dan institusi pendidikan tinggi akan dipergiat untuk menyelaras aktiviti penyelidikan berasaskan keperluan dan keutamaan industri.

Menambah baik pemindahan output penyelidikan dan pembangunan dari makmal ke pasaran

Usaha untuk menambah baik pemindahan output R&D dari makmal ke pasaran akan dipergiat melalui kerjasama, perkongsian dan pemindahan teknologi dalam kalangan industri dan penyelidik. Di samping itu, program Tahun Pengkomersialan Malaysia akan diteruskan bagi memanfaatkan kerjasama dan perkongsian sumber oleh pelbagai kementerian dan agensi yang menjalankan aktiviti R&D serta meningkatkan lagi pengkomersialan hasil R&D tempatan. Program ini bertujuan untuk mewujudkan ekosistem pengkomersialan produk R&D yang cekap dan berdaya tahan bagi meningkatkan sumbangan R&D kepada pembangunan ekonomi negara. Selain itu, penyediaan insentif dalam bentuk geran dan pinjaman mudah seperti Dana Mudah Cara, Dana Pengkomersialan R&D dan Dana Pengkomersialan Bioteknologi akan terus memudahkan pengkomersialan output R&D dari makmal ke pasaran.

Strategi B4: Meningkatkan Pembangunan Kapasiti

Kekurangan modal insan yang berkualiti dan berkemahiran dalam bidang khusus telah menghalang peralihan ke arah aktiviti ekonomi berintensifkan pengetahuan yang tinggi dan termaju. Dalam menangani isu ini, usaha pembangunan kapasiti akan dipergiat untuk mewujudkan tenaga kerja yang lebih cekap dan berkemahiran bagi memenuhi permintaan industri. Dalam tempoh akhir Rancangan, inisiatif untuk meningkatkan pembangunan kapasiti termasuklah memperkukuh program latihan kemahiran serta meningkatkan kerjasama antara institusi latihan dengan industri.

Memperkukuh program latihan kemahiran

Usaha akan ditumpu untuk meningkatkan pembangunan kapasiti bagi meningkatkan kualiti serta bilangan tenaga kerja mahir untuk menyokong inovasi, pemodenan dan penerimagunaan teknologi baharu berkaitan 4IR. Kerjasama yang lebih erat dalam kalangan pihak berkepentingan melalui pelbagai inisiatif seperti program latihan industri dan latihan kemahiran untuk pekerja akan diteruskan bagi memenuhi keperluan bakat khusus industri. Industri akan digalak untuk melabur dalam pembangunan modal insan menerusi program latihan semula dan latihan peningkatan kemahiran dalam bidang perkhidmatan ICT, penyumberan luar perisian, logistik, kewangan dan insurans serta pelancongan untuk menerima guna teknologi terkini. Inisiatif bagi menarik pelaburan langsung asing dalam industri berintensifkan pengetahuan dan menerima guna amalan terbaik akan diteruskan, sejajar dengan perkembangan 4IR.

Mempergiat kerjasama antara institusi latihan dengan industri

Kerjasama antara institusi latihan dengan industri akan dipergiat dalam tempoh akhir Rancangan untuk menghasilkan tenaga kerja mahir dalam memenuhi permintaan industri. Jawatankuasa Kemahiran Industri, iaitu platform bersama antara sektor awam dan swasta akan membangunkan sukatan pelajaran baharu yang khusus kepada keperluan industri yang baru muncul melalui pengenalpastian bidang dan pemprofilan modal insan. Bagi

menangani ketidakpadanan kemahiran, inisiatif Senarai Pekerjaan Kritikal (COL) akan diguna untuk mengenal pasti dan membuat unjuran pekerjaan dalam jangka masa panjang. Bagi subsektor E&E, program akan dilaksana melalui perkongsian bersama dengan sektor swasta untuk melatih semula lebih ramai jurutera dalam bidang reka bentuk litar bersepadu dan sistem terbenam ke arah aktiviti nilai ditambah yang tinggi.

Dalam sektor pertanian, inisiatif akan dilaksana bagi memperkukuh usaha kerjasama dalam mereka bentuk dan membuat penyesuaian program latihan untuk meningkatkan kebolehpasaran siswazah dalam subsektor agromakanan. Program latihan akan disesuai dan diperluas meliputi bidang agronomi, sains tanah, penyakit dan serangga, biokejuruteraan, teknologi makanan dan nutraseutikal. Lepasan sekolah akan digalakkan menyertai program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berasaskan pertanian bagi meningkatkan penawaran tenaga kerja mahir dalam sektor pertanian. Ketersediaan pekerja mahir akan membolehkan penerapan amalan pertanian moden dan meningkatkan produktiviti sektor pertanian.

Bidang Keutamaan C: Menyediakan Infrastruktur Berkualiti

Penyediaan infrastruktur berkualiti masih menjadi isu dalam aspek integrasi, liputan dan ketersambungan serta kemampuan dan kemampanan. Sehubungan itu, penekanan yang lebih besar akan diberi untuk pengintegrasian pengangkutan bagi membolehkan pergerakan barangan dan penumpang yang lancar. Inisiatif logistik dan fasilitasi perdagangan akan menumpukan kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan di sepanjang rantaian nilai untuk mengukuhkan daya saing. Sementara itu, infrastruktur digital akan ditambah baik untuk meningkatkan liputan dan kapasiti jalur lebar bagi memenuhi permintaan ekonomi digital. Di samping itu, usaha untuk meningkatkan kecekapan dan daya harap perkhidmatan air dan bekalan tenaga akan dilaksana. Dalam tempoh akhir Rancangan, lima strategi utama dalam menyediakan infrastruktur berkualiti untuk pertumbuhan ekonomi adalah seperti berikut:

Strategi C1: Membangunkan Sistem Pengangkutan Bersepadu

Sistem pengangkutan bersepadu yang memudah cara perniagaan dan melancarkan perjalanan adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi. Dalam hubungan ini, inisiatif sedia ada bagi menambah baik perkhidmatan pengangkutan, menangani kesesakan jalan raya dan memperluas jaringan jalan raya, terutama di kawasan yang kurang liputan akan terus dipergiat. Langkah akan diambil bagi meningkatkan kecekapan operasi pelabuhan serta menambah baik kemudahan di lapangan terbang tertentu. Pelaburan yang berkualiti akan diberi keutamaan dalam membangunkan projek berkaitan pengangkutan dengan mengambil kira permintaan sebenar dan kebolehlaksanaan bagi memastikan infrastruktur tersebut digunakan secara optimum. Dalam tempoh akhir Rancangan, usaha akan tertumpu kepada menyelaras inisiatif melalui dasar pengangkutan negara, meningkatkan ketersambungan merentas wilayah, mengintegrasi pelbagai mod pengangkutan, menaik taraf infrastruktur lapangan terbang, menambah baik akses dan kapasiti pelabuhan serta mengoptimum penggunaan infrastruktur pengangkutan.

Menyelaras inisiatif melalui dasar pengangkutan negara

Dasar pengangkutan negara yang menetapkan prinsip kemampanan pengangkutan dan menyediakan rangka kerja bagi kementerian dan agensi akan dilancarkan. Dasar ini bertujuan untuk menyediakan ekosistem yang kondusif bagi industri pengangkutan untuk meningkatkan produktiviti serta daya saing pada peringkat nasional, serantau dan global. Di samping itu, dasar ini bertujuan untuk melancarkan pergerakan barangan bagi melonjakkan aktiviti perdagangan. Dasar ini juga akan menyediakan mobiliti dalam memenuhi keperluan rakyat dan menggalakkan inklusiviti serta menyediakan sistem pengangkutan yang pintar, selamat dan terjamin. Strategi dan butiran tindakan telah disediakan sebagai panduan kepada kementerian dan agensi yang berkaitan termasuk pihak berkuasa tempatan untuk membangun dan menyelaras inisiatif pengangkutan ke arah matlamat yang sama. Strategi dan butiran tindakan tersebut akan menghasilkan penggunaan sumber yang cekap dan berkesan, meminimumkan pencemaran alam sekitar serta meningkatkan kesejahteraan rakyat sejajar dengan status negara maju.

Menambah baik ketersambungan merentas wilayah

Ketersambungan merentas wilayah terutama di kawasan yang kurang liputan akan diberi keutamaan. Beberapa fasa projek *Central Spine Road* yang telah siap akan memperkukuh ketersambungan antara negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia manakala Lebuhraya Pan Borneo akan menambah baik akses di Sabah dan Sarawak. Lebuh raya ini dijangka akan membuka kawasan baharu serta merangsang aktiviti ekonomi. Di samping itu, bagi mencapai pembangunan wilayah yang lebih seimbang, pembinaan lebuh raya di luar kawasan Lembah Klang akan terus diberi keutamaan. Dari segi menambah baik perkhidmatan rel, projek landasan berkembar dari Gemas ke Johor Bahru yang akan siap pada tahun 2021 dijangka dapat mengurangkan masa perjalanan antara wilayah utara dan selatan tanah air serta meningkatkan kualiti perkhidmatan dan keselesaan pengguna. Sementara itu, perkhidmatan penerbangan udara luar bandar yang memberi manfaat kepada penduduk tempatan di kawasan terpencil Sabah dan Sarawak akan dirasionalisasi bagi memastikan kemampanan operasi.

Mengintegrasi pelbagai mod pengangkutan

Usaha akan dilaksana bagi memudahkan pertukaran mod pengangkutan kargo daripada jalan raya kepada pengangkutan rel, terutama yang melibatkan barangan berbahaya dan marabahaya. Sehubungan itu, peraturan yang lebih ketat akan dikenakan manakala ketersambungan yang lebih luas antara kedua-dua mod pengangkutan tersebut akan terus ditambah baik. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan penggunaan jalan raya yang tinggi untuk mengangkut barangan, iaitu pada kadar 98.4%, yang mengakibatkan kesesakan trafik serta bilangan kemalangan yang tinggi. Pada masa yang sama, penaiktarafan landasan berkembar di Lembah Klang akan membantu mempercepat pergerakan tren penumpang antara bandar, tren Komuter dan tren kargo. Di samping itu, langkah mengintegrasi pelbagai mod pengangkutan, khususnya di pintu masuk negara seperti pelabuhan dan lapangan terbang akan diperkukuh bagi melancarkan pergerakan barangan.

Menaik taraf sistem dan infrastruktur lapangan terbang

Pembesaran terminal, pemanjangan landasan dan penambahbaikan kemudahan lapangan terbang akan dilaksana di lapangan terbang terpilih seperti Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang untuk meningkatkan kapasiti dan kecekapan. Kerja menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi yang dijangka siap pada penghujung tahun 2018 akan dapat mengurangkan kesesakan dan meningkatkan keselesaan penumpang. Sementara itu, keselamatan penerbangan akan terus diperkukuh dengan menaik taraf sistem pengurusan trafik udara yang merangkumi sistem komunikasi, navigasi dan pemantauan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan navigasi udara. Sehubungan itu, dengan siapnya Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur pada tahun 2020, bilangan pergerakan pesawat akan dapat ditingkatkan daripada 68 pergerakan setiap jam kepada 108 pergerakan bagi mengukuhkan kedudukan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur sebagai pintu masuk utama negara.

Meningkatkan akses dan kapasiti pelabuhan

Peningkatan kapasiti dan kecekapan operasi pelabuhan adalah penting bagi menyokong aktiviti perdagangan. Sehubungan itu, pengendali pelabuhan adalah digalakkan untuk menambah baik perkhidmatan dalam usaha mempertingkat daya saing. Antara lain, inisiatif akan dilaksana untuk menambah baik kedudukan hab utama, iaitu Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), dalam kedudukan 20 teratas pelabuhan kontena di dunia. Peranan pelabuhan sedia ada lain akan diselaras untuk melengkapi dan menyokong hab utama, sejajar dengan kajian Strategi Pelabuhan Negara pada tahun 2016. Berdasarkan kapasiti pelabuhan sedia ada yang tidak digunakan sepenuhnya, cadangan pembinaan pelabuhan baharu tidak akan dipertimbang. Selain itu, strategi akan turut dilaksana bagi menambah baik ketersambungan darat melalui jaringan jalan raya dan rel serta meningkatkan kapasiti pelabuhan melalui pembinaan tempat berlabuh dan dermaga tambahan. Sementara itu, pengendali pelabuhan akan digalak untuk mempergiat pendigitalan dan pengautomasian operasi pelabuhan.

Mengoptimum infrastruktur pengangkutan

Usaha akan dipergiat bagi menangani kemalangan jalan raya dan gangguan perkhidmatan tren Komuter dan kargo dengan menambah baik penggunaan aset dan infrastruktur sedia ada. Sehubungan itu, penyenggaraan pencegahan ke atas infrastruktur pengangkutan sedia ada akan dilaksana bagi memastikan kesemua aset dan kemudahan dapat beroperasi pada tahap yang optimum. Sementara itu, sebelum projek infrastruktur baharu dilaksana, analisis secara menyeluruh dan kajian kebolehlaksanaan akan dijalankan bagi menentukan keperluan serta tahap daya maju projek tersebut. Analisis ini bertujuan untuk memastikan hanya projek yang benar-benar memberi manfaat ekonomi dan sosial dilaksana.

Strategi C2:
Memperkukuh Logistik dan Fasilitasi Perdagangan

Industri logistik di Malaysia masih tidak bersepadu dan kurang berdaya saing disebabkan oleh faktor seperti ketersambungan yang tidak mencukupi, penerimagunaan teknologi dan inovasi yang rendah serta peraturan yang membebankan. Keadaan ini telah mengekang perdagangan. Inisiatif untuk memperkukuh logistik dan fasilitasi perdagangan akan diteruskan untuk mempertingkat kecekapan industri dan menggalakkan aktiviti perdagangan. Dalam tempoh akhir Rancangan, inisiatif untuk mendorong lagi pertumbuhan logistik dan fasilitasi perdagangan akan memberi tumpuan untuk mempertingkat kecekapan di sepanjang rantaian nilai dan pendigitalan perkhidmatan logistik.

Mempertingkat kecekapan dalam perkhidmatan logistik

Usaha akan ditumpu untuk mempertingkat kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan logistik di sepanjang rantaian nilai bagi menambah baik daya saing dan mewujudkan impak pembangunan ekonomi secara meluas. Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF) yang diketuai oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) akan terus meneraju dan menyelaras pelaksanaan dasar dan strategi serta memacu perubahan dalam industri logistik. NLTF secara

aktif akan melibatkan pemain industri dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk terus menjajar strategi dan inisiatif bagi meningkatkan daya saing industri.

Penyediaan perkhidmatan pergudangan yang cekap dan berkualiti adalah penting untuk memastikan pergerakan barangan yang lancar dalam rantaian bekalan logistik. Penyediaan perkhidmatan ini memerlukan usaha membangunkan standard dan spesifikasi, mengenal pasti lokasi yang sesuai, menambah baik proses kelulusan, mewujudkan pangkalan data nasional yang menyeluruh mengenai gudang serta pelaksanaan mekanisme pemantauan yang berkesan. Langkah ini akan membuka peluang kepada Malaysia untuk menjadi pusat pengedaran bagi rantau ASEAN, terutama bagi barangan yang dibeli dalam talian dan perkhidmatan kurier. Dalam hal ini, MOT akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif ini.

Kerjasama antara agensi pengeluar permit dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia adalah penting untuk mempercepat masa memproses pelepasan kargo dan mengurang kos menjalankan perniagaan. Sehubungan itu, bagi meningkatkan kerjasama tersebut, kawasan pemeriksaan berpusat bagi barangan di pintu masuk utama seperti yang dilaksana di Pelabuhan Klang akan dibina di pintu masuk lain. Selain itu, inisiatif *uCustoms*, iaitu gerbang tunggal yang menyediakan penyelesaian lengkap bagi proses pelepasan kargo akan dilaksana sepenuhnya pada awal tahun 2019. Pelaksanaan *uCustoms* akan meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta melonjak daya saing pemain industri logistik Malaysia.

Pertumbuhan ekonomi melalui perdagangan dan eksport memerlukan infrastruktur pelabuhan yang cekap dan mempunyai kapasiti yang lebih besar. Pelabuhan yang akan mencapai had kapasiti adalah digalakkan untuk mendapat pembiayaan alternatif bagi menaik taraf infrastruktur pelabuhan. Infrastruktur pelabuhan yang dinaik taraf ini akan membolehkan pengendalian kapal yang lebih besar dan penyediaan kemudahan kendalian kargo yang cekap melalui penerimagunaan teknologi yang lebih meluas. Di samping itu, kerjasama yang lebih erat dalam kalangan kementerian berkaitan diperlukan bagi merangka rancangan untuk menaik taraf ketersambungan kepada pintu masuk bagi membolehkan pertumbuhan ekonomi tersebar merentas wilayah.

Mendigitalkan perkhidmatan logistik

ICT akan dimanfaat untuk menyediakan pergerakan barangan dan perkhidmatan yang lancar serta menggalakkan aktiviti e-dagang. Sektor swasta akan meneraju usaha dalam mewujudkan dan mempromosi platform jualan maya serta membangunkan *fulfilment centres* dan logistik bandar. Aktiviti ini akan mengubah rantaian bekalan tradisional ke arah ekosistem rantaian bekalan pintar. Dalam hal ini, Kerajaan akan menyediakan persekitaran yang menggalakkan melalui peraturan yang dipermudah untuk mempercepat penerimagunaan ICT dalam industri logistik. Sementara itu, usaha akan dipergiat untuk menggalakkan kerjasama lebih erat antara pelbagai pihak berkepentingan bagi memanfaatkan inisiatif DFTZ serta mewujudkan ekosistem yang kondusif untuk mengembangkan lagi aktiviti e-dagang.

Strategi C3: Menambah Baik Infrastruktur Digital

Pembangunan infrastruktur digital dikekang oleh kos yang tinggi dan pulangan pelaburan yang rendah terutama di kawasan luar bandar, menyebabkan liputan jalur lebar yang terhad. Beberapa isu lain termasuk pemberian hak laluan dan permit untuk infrastruktur komunikasi terus menyukarkan pembangunan infrastruktur digital. Sehubungan itu, kapasiti dan liputan infrastruktur digital akan terus dipertingkat untuk menyokong pembangunan ekonomi digital serta meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Dalam tempoh akhir Rancangan, langkah untuk menambah baik jalur lebar akan dilaksana bagi meningkatkan ketersambungan, kemampuan langganan dan kualiti. Usaha juga akan dilaksana untuk melengkapkan peralihan kepada televisyen terestrial digital (DTT).

Meningkatkan ketersambungan jalur lebar

Usaha akan dipergiat bagi menambah baik liputan dan kapasiti jalur lebar melalui *National Fiberisation and Connectivity Plan* untuk seiring dengan pembangunan ekonomi digital. Rancangan ini akan melibatkan peluasan rangkaian gentian optik dan pembangunan komersial infrastruktur komunikasi bagi mencapai sasaran 95% liputan jalur lebar di kawasan berpenduduk. Di samping itu, penguatkuasaan pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam akan diperkukuh bagi memastikan pemasangan infrastruktur komunikasi bagi semua pembangunan komersial dan kediaman baharu. Sementara itu, undang-undang yang berkaitan akan diperkemas untuk memastikan infrastruktur komunikasi disediakan sebagai salah satu utiliti awam. Isu yang berterusan seperti hak laluan dan prosedur yang rumit berkaitan dengan pembangunan infrastruktur digital akan diselesaikan melalui kerjasama lebih rapat dan bersepadu antara Kerajaan Persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Meningkatkan kemampuan langganan dan kualiti jalur lebar

Pelaksanaan standard mandatori mengenai harga capaian dan kualiti perkhidmatan akan dipantau secara berterusan bagi menyediakan perlindungan pengguna yang lebih baik dan menjamin kemampuan langganan jalur lebar talian tetap. Usaha akan dipergiat untuk mengurangkan harga dan menggandakan kelajuan jalur lebar talian tetap. Di samping itu, penglibatan aktif dengan pihak berkepentingan yang berkaitan akan dipergiat lagi untuk menambah baik Kod Pengguna Am yang menyediakan model prosedur untuk penyedia perkhidmatan dalam usaha memenuhi keperluan pengguna. Usaha ini akan memastikan industri adalah lebih berorientasikan pelanggan dan hak pengguna dilindungi. Di samping itu, peruntukan persaingan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 juga akan dikaji semula untuk memastikan pasaran lebih berdaya saing dan seterusnya menawarkan harga yang lebih baik kepada pengguna dan perniagaan.

Migrasi kepada televisyen terestrial digital

Dalam aspek migrasi kepada DTT, liputan perkhidmatan ini disasarkan mencapai 98% selepas penamatan penyiaran analog dilengkapkan pada suku pertama tahun 2019. Selepas migrasi, DTT akan menawarkan perkhidmatan nilai ditambah dan interaktif yang baharu bagi meningkatkan pengalaman pengguna melalui siaran televisyen. Perkhidmatan nilai ditambah baharu ini termasuk aplikasi e-Pembelajaran, e-Beli-belah, permainan interaktif dan dalam talian serta TV sesawang.

Strategi C4: Menambah Baik Perkhidmatan Air

Perkhidmatan air yang cekap dan berkualiti adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi dan peningkatan kesejahteraan rakyat. Sehubungan itu, liputan perkhidmatan air akan diperluas bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Dalam tempoh akhir Rancangan, inisiatif akan memberi tumpuan kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti perkhidmatan bekalan air dan pembetungan, peluasan rangkaian dan peningkatan kapasiti loji rawatan serta pengoptimuman penggunaan air.

Meningkatkan kecekapan dan produktiviti perkhidmatan bekalan air dan pembetungan

Usaha akan diteruskan dengan memberi tumpuan kepada peningkatan liputan, kualiti dan kecekapan perkhidmatan air kepada pengguna domestik dan bukan domestik. Inisiatif yang akan dilaksana untuk perkhidmatan bekalan air termasuk pelaksanaan Mekanisme Penetapan Tarif dan penstrukturan semula industri perkhidmatan air. Selain itu, inisiatif bagi perkhidmatan pembetungan termasuk merasionalisasi loji rawatan kumbahan (STP) yang kecil dan tidak cekap untuk beralih kepada STP serantau atau berpusat. Inisiatif ini akan menyumbang kepada peningkatan hasil dan mengurangkan kos operasi penyedia perkhidmatan yang akhirnya meningkatkan kecekapan dan produktiviti perkhidmatan bekalan air dan pembetungan.

Pelaksanaan Program Pengurangan Air Tidak Berhasil (NRW) secara menyeluruh bagi mengurangkan kehilangan air terawat akan dipergiat. Kerajaan akan terus memberi tumpuan untuk membangunkan zon pemeteran daerah yang komprehensif bagi memantau kebocoran, memasang meter, paip dan tangki air baharu dan menggantikan yang lama serta melaksana langkah untuk menambah baik kawalan tekanan air. Selain itu, Kerajaan akan memberi insentif kepada operator perkhidmatan bekalan air yang mencapai sasaran pengurangan NRW melalui pembayaran balik sebahagian daripada pelaburan modal.

Memperluas jaringan dan meningkatkan kapasiti loji rawatan

Kapasiti loji rawatan juga akan dipertingkat dengan menaik taraf loji sedia ada atau membina loji rawatan air dan STP baharu terutama untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat di kawasan berkepadatan tinggi. Sehubungan itu, keutamaan akan diberi untuk menaik taraf kemudahan loji rawatan air sedia ada dan membina kemudahan perkhidmatan air di negeri seperti Kedah dan Selangor yang mempunyai margin rizab yang rendah manakala STP serantau dan berpusat akan dibina di bandar utama seperti Alor Setar, Kuantan dan Taiping. Sementara itu, isu kemampanan bekalan air mentah untuk operasi loji akan ditangani menggunakan alternatif yang efektif dari segi kos seperti takungan air di luar sungai untuk mengambil dan menyimpan lebihan air dari sungai.

Mengoptimum penggunaan air

Dalam tempoh akhir Rancangan, penggunaan sumber air secara optimum merentas pelbagai sektor akan terus diberi penekanan. Sehubungan itu, pelan induk pengurusan permintaan air yang menyeluruh akan dirangka untuk membantu peralihan secara berstruktur daripada pengurusan berasaskan bekalan kepada yang berasaskan permintaan bagi menggalakkan penggunaan air yang cekap dan berhemat. Selain itu, pelan induk pembetungan nasional akan dirangka untuk menyediakan hala tuju dasar jangka panjang yang bersepadu dan menyeluruh bagi memperkukuh industri perkhidmatan pembetungan dan meminimumkan impak kepada alam sekitar.

Pengurusan air dan infrastruktur berkaitan yang cekap bagi sektor pertanian juga penting memandangkan sektor ini merupakan pengguna sumber air terbesar dalam negara. Pengurusan yang cekap ini adalah penting bagi menjamin kemampanan sektor pertanian. Program untuk memupuk sikap bertanggungjawab terhadap penggunaan air dalam kalangan petani akan diperluas manakala infrastruktur pengairan dan saliran akan dinaik taraf dan disenggara. Di samping itu, pelaksanaan Amalan Pertanian Baik seperti *myGAP*, *myOrganic* dan MSPO serta amalan pertanian tepat akan menggalakkan lagi penggunaan air yang cekap dalam sektor pertanian.

Strategi C5: Memampankan Bekalan Tenaga

Penyediaan bekalan tenaga yang berdaya harap dan mampan adalah penting untuk mengukuhkan jaminan tenaga dan meningkatkan kecekapan. Sehubungan itu, penyediaan dan kecekapan bekalan tenaga akan dipertingkat untuk memenuhi permintaan yang semakin bertambah. Dalam tempoh akhir Rancangan, inisiatif akan tertumpu kepada mengukuhkan jaminan bekalan minyak dan gas, memastikan jaminan tenaga melalui pengurusan sumber yang lebih baik serta meningkatkan kecekapan sektor tenaga.

Memperkukuh jaminan bekalan minyak dan gas

Usaha bersepadu untuk meningkatkan jaminan serta daya harap bekalan minyak dan gas akan diteruskan melalui pembinaan saluran paip tambahan dan infrastruktur lain yang baharu. Pembinaan ini termasuk fasiliti terapung gas asli cecair 2 milik PETRONAS dengan kapasiti 1.5 juta tan metrik setahun di luar pesisir pantai Sabah yang dijangka beroperasi pada Julai 2020 dan rangkaian paip gas dari Ayer Tawar ke Lembah Kinta, Perak. Sementara itu, permulaan operasi *Refinery and Petrochemical Integrated Development* (RAPID) akan meningkatkan jumlah terkumpul kapasiti penapisan minyak domestik melebihi 900,000 tong sehari pada tahun 2019. Di samping itu, kapasiti simpanan minyak mentah dan produk petroleum di *Pengerang Integrated Petroleum Complex* akan ditambah daripada 1.3 juta meter padu kepada 3.2 juta pada tahun 2020. Usaha ini akan membolehkan negara meningkatkan pengeluaran produk petroleum yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi untuk memanfaatkan pasaran tempatan dan eksport. Selain itu, penggunaan teknologi perolehan minyak tertingkat di lapangan minyak yang telah matang untuk mendapatkan minyak yang tidak dapat dikeluarkan akan meningkatkan lagi pengeluaran minyak mentah daripada lapangan tersebut.

Memastikan jaminan tenaga melalui pengurusan sumber yang lebih baik

Penjanaan elektrik yang sangat bergantung kepada arang batu dan gas yang diimport mendedahkan negara kepada risiko yang tinggi berkaitan jaminan bekalan dan turun naik harga. Dalam hal ini, tahap campuran bahan api Malaysia adalah seimbang seperti ditunjukkan oleh Indeks Herfindahl-Hirschman (HHI)[1] yang berada pada tahap 0.44 pada tahun 2016. Kerajaan berhasrat untuk terus mengekalkan campuran bahan api yang seimbang dengan meningkatkan penggunaan tenaga boleh baharu. Oleh itu, HHI akan dikekalkan di bawah 0.5 untuk memastikan kepelbagaian campuran bahan api.

Usaha untuk meningkatkan peratusan elektrik yang dijana daripada tenaga boleh baharu serta meneroka penggunaan sumber baharu akan dipergiat. Usaha ini bertujuan untuk terus mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil bagi penjanaan elektrik, khususnya penggunaan arang batu yang mempunyai impak terhadap alam sekitar. Sementara itu, penggunaan sumber boleh baharu seperti solar, hidro mikro dan biogas akan dipertingkat untuk memastikan liputan yang lebih meluas di kawasan terpencil dan mencapai liputan bekalan elektrik sebanyak 99% di seluruh negara.

Meningkatkan kecekapan sektor tenaga

Usaha untuk meningkatkan kecekapan dan daya harap bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia sedang diambil menerusi pelaksanaan fasa kedua Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) dari tahun 2018 hingga tahun 2020. Mekanisme IBR menentukan tarif elektrik dengan mengambil kira kos berkaitan bahan api, penjanaan, penghantaran dan pembahagian untuk meningkatkan ketelusan dalam memacu kecekapan dan menambah baik tahap perkhidmatan. Pelaksanaan IBR akan diperluas ke Sabah dalam tempoh akhir Rancangan. Sementara itu, usaha bagi memastikan jaminan bekalan elektrik akan diteruskan dengan membina loji janakuasa baharu melalui bidaan kompetitif supaya lebih telus dan wujud persaingan yang sihat dalam kalangan pemain industri. Di samping itu, pelanjutan tempoh loji jana kuasa sedia ada akan dikaji semula. Langkah ini akan menghasilkan tarif yang lebih kompetitif dan memberi manfaat kepada pengguna.

[1] HHI mengukur tahap kebergantungan kepada jenis bahan api yang digunakan dalam campuran bahan api bagi penjanaan elektrik. Nilai HHI mencerminkan tahap kepelbagaian dalam sistem grid dengan nilai melebihi 0.5 menunjukkan kebergantungan yang tinggi terhadap sesuatu bahan api.

Kesimpulan

Dalam tempoh akhir Rancangan, pertumbuhan sektoral yang kukuh dan reformasi struktur serta penghasilan inovasi dan penerimagunaan teknologi yang pantas, khususnya dalam kalangan PKS dijangka terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, tenaga kerja yang berintensif pengetahuan dan berkemahiran adalah perlu bagi menyokong sektor ekonomi beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi. Usaha memanfaatkan 4IR juga penting untuk memastikan Malaysia mendapat faedah daripada perkembangan teknologi yang pesat bagi meningkatkan daya saing dan kecekapan pasaran. Sementara itu, penyediaan infrastruktur yang berkualiti dari segi penambahbaikan ketersambungan, kecekapan dan daya harap akan terus menyokong aktiviti ekonomi. Usaha bersepadu ini akan meningkatkan produktiviti dan memastikan Malaysia kekal di landasan untuk menjadi negara maju dan inklusif.

Lampiran

Jadual dan Carta

Keluaran dalam Negeri Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan, 2010-2020 (pada harga malar 2010)

Keluaran dalam Negeri Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan, 2010-2020 (pada harga semasa)

Keluaran dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2010-2020 (pada harga malar 2010)

Keluaran dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan, 2010-2020 (pada harga semasa)

Keluaran dalam Negeri Kasar mengikut Negeri dan Jenis Aktiviti Ekonomi, 2010-2020 (pada harga malar 2010)

Barangan Dagangan, 2010-2020

Imbangan Pembayaran, 2010-2020

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2010-2020

Produktiviti Buruh mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2010-2020 (pada harga malar 2010)

Guna Tenaga mengikut Kemahiran dan Negeri, 2011-2017

Pendapatan Kasar Bulanan Penengah Isi Rumah mengikut Negeri, 2009-2016 (RM)

Penduduk mengikut Umur, Etnik dan Strata, 2010-2020

Guna Tenaga mengikut Sektor, 2010-2020

Guna Tenaga mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama, 2010-2020

Guna Tenaga mengikut Kategori Kemahiran, 2010-2020

Insiden Kemiskinan Mutlak mengikut Strata dan Etnik, 2014 dan 2016

Insiden Kemiskinan Mutlak mengikut Negeri, 2014 dan 2016

Glosari

Indeks

Carta Organisasi Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Jadual 1

Keluaran dalam Negeri Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan, 2010-2020 (pada harga malar 2010)

Perkara	RM juta					Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %				
	Sebenar				Sasaran Dipinda	RMKe-10	RMKe-11			
						Sebenar	Sasaran Asal	Prestasi	Sasaran Dipinda	
	2010	2015	2016	2017	2020	2011-2015	2016-2020	2016-2017	2018-2020	2016-2020
Perbelanjaan Swasta	**496,536**	**735,772**	**776,688**	**835,256**	**1,014,014**	***8.2***	***7.2***	***6.5***	***6.7***	***6.6***
Penggunaan	395,245	556,632	589,774	630,988	772,983	*7.1*	*6.4*	*6.5*	*7.0*	*6.8*
Pelaburan	101,291	179,140	186,914	204,268	241,031	*12.1*	*9.4*	*6.8*	*5.7*	*6.1*
Perbelanjaan Awam	**186,347**	**238,226**	**239,031**	**246,972**	**246,183**	***5.0***	***3.3***	***1.8***	***-0.1***	***0.7***
Penggunaan	103,346	143,577	144,877	152,769	154,180	*6.8*	*3.7*	*3.2*	*0.3*	*1.4*
Pelaburan	83,001	94,649	94,154	94,203	92,003	*2.7*	*2.7*	*-0.2*	*-0.8*	*-0.6*
Eksport Bersih	**130,738**	**91,212**	**92,757**	**90,958**	**95,684**	***-6.9***	***0.4***	***-0.1***	***1.7***	***1.0***
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	714,075	771,739	781,939	855,196	913,285	*1.6*	*2.1*	*5.3*	*2.2*	*3.4*
Import Barangan dan Perkhidmatan	583,337	680,527	689,182	764,238	817,601	*3.1*	*2.3*	*6.0*	*2.3*	*3.7*
